Penyata-Penyata Kewangan 2016

Dinyatakan dalam Ringgit Malaysia
Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Mac 2016

132 Laporan Para Pengarah

143 Pernyataan oleh Para Pengarah

143 Perakuan Berkanun

144 Laporan Juruaudit Bebas

146 Penyata-Penyata Kedudukan Kewangan

147 Penyata-Penyata Pendapatan

148 Penyata-Penyata Pendapatan Komprehensif

149 Penyata-Penyata Perubahan Dalam Ekuiti

152 Penyata-Penyata Aliran Tunai

154 Nota-Nota Kepada Penyata-Penyata Kewangan

Laporan Para Pengarah

Para pengarah dengan sukacitanya membentangkan laporan mereka bersama dengan penyata kewangan diaudit bagi AMMB HOLDINGS BERHAD ("Syarikat") dan subsidiari-subsidiari ("Kumpulan") bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2016.

AKTIVITI UTAMA

Aktiviti utama Syarikat adalah pemegangan pelaburan.

Subsidiari-subsidiari, sebagaimana disenaraikan dalam Nota 15 penyata kewangan, menyediakan rangkaian luas perbankan runcit, perbankan borong, perbankan pelaburan, perbankan islam dan perkhidmatan kewangan berkaitan yang juga termasuk taja jamin insurans am, pembrokeran stok dan saham, pembrokeran niaga hadapan, khidmat nasihat dan pelaburan aset, amanah pelaburan harta tanah dan pengurusan amanah saham.

Tidak ada perubahan ketara dalam aktiviti Kumpulan dan Syarikat sepanjang tahun kewangan.

KEPUTUSAN KEWANGAN

	Kumpulan RM'000	Syarikat RM'000
Keuntungan bagi tahun kewangan	**1,399,479**	**587,610**
Boleh diagihkan kepada:		
Pemegang-pemegang ekuiti Syarikat	1,302,206	587,610
Kepentingan bukan mengawal	97,273	-
Keuntungan bagi tahun kewangan	**1,399,479**	**587,610**

PROSPEK BAGI TAHUN KEWANGAN BERIKUTNYA

Bagi tahun 2016, Kumpulan meramalkan pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar ("KDNK") tahunan sekitar 4.2% dipimpin oleh permintaan dalam negeri terutamanya daripada perbelanjaan swasta dan diimbangi oleh eksport yang berkurangan berikutan harga komoditi yang lebih rendah.

Inflasi dijangka meningkat kepada 2.8% pada tahun 2016 daripada 2.1% pada tahun 2015 didorong oleh pelarasan menaik dalam beberapa harga ditadbir dan kadar pertukaran ringgit yang lemah. Walau bagaimanapun, tekanan inflasi akan diimbangi oleh harga komoditi yang lebih rendah, permintaan yang lebih perlahan dan kesan asas yang tinggi pada separuh kedua Tahun Kewangan 2016. Berlatarkan persekitaran global yang mencabar dan tidak menentu dengan risiko menurun yang ada, dasar monetari akan terus menyokong aktiviti ekonomi.

Sektor perbankan berpotensi untuk menghadapi pertumbuhan yang lebih perlahan apabila ekonomi berkembang pada kadar yang lebih sederhana, bersama dengan sentimen perniagaan yang lemah. Walaupun terdapat potensi halangan dalam ekonomi, masih terdapat beberapa peluang yang cerah seperti sektor Perusahaan Kecil dan Sederhana ("SME") yang telah mengatasi pertumbuhan KDNK secara konsisten sejak 2005, dan masih mempunyai ruang untuk pertumbuhan. Bajet 2016 yang dikalibrasi semula juga telah memberi dorongan kepada penggunaan domestik, serta penekanan kepada projek rumah mampu milik dan pelaksanaan projek-projek infrastruktur.

PELAN DAN STRATEGI PERNIAGAAN

Tahun Kewangan 2016 ("TK2016") merupakan tahun yang mencabar bagi Kumpulan kerana ia merupakan penghujung tempoh nyahrisiko portfolionya. Bermula TK2017, pelan pertumbuhan strategik baru Kumpulan adalah untuk menjadi peneraju di kalangan kumpulan perbankan utama menjelang tahun 2020 dengan memulakan trajektori pertumbuhan baru dan mengukuhkan nilai francaisnya.

Kumpulan merancang untuk merebut peluang di pasaran tempatan dengan membina perniagaan yang memberikan pulangan dan pertumbuhan berterusan, seterusnya mewujudkan penciptaan nilai yang signifikan untuk pemegang kepentingan kami. Matlamat strategik Kumpulan adalah untuk menerajui pasaran dalam segmen pertumbuhan sasaran, iaitu runcit, SME dan borong. Tumpuan disasarkan untuk memimpin segmen yang pantas berkembang dan mengetuai pasaran dalam produk utama. Bagi menyokong keutamaan strategik kami, agenda warga kerja yang lebih komprehensif telah dibangunkan untuk memastikan kami adalah antara majikan tempatan terbaik.

Dengan pelbagai strategi pertumbuhan, Kumpulan merancang untuk memperluaskan pasarannya dalam segmen sasaran sementara berkembang selaras dengan segmen lain. Strategi segera adalah untuk membuka kunci nilai terpendam di seluruh organisasi yang memanfaatkan asas pelanggan kami dan peluang kerjasama dalaman. Dengan menggunakan teknologi digital dan data, strategi Kumpulan adalah untuk bersaing dengan cara yang khusus dalam segmen yang kurang ditembusi atau "ruang putih" yang masih belum menerima perkhidmatan yang baik.

PELAN DAN STRATEGI PERNIAGAAN (SAMB.)

Kumpulan akan melaksanakan pelan pertumbuhan strategik di bawah dua aliran dan dengan sasaran yang jelas dan peristiwa penting untuk mengukur kemajuannya. Penekanan diberikan ke atas peningkatan momentum perniagaan dan menunjukkan hasil progresif awal. Fasa strategik "Kumpulan/Bank Berjalan Lancar" mensasarkan penciptaan nilai dalam perniagaan, berfokuskan kejayaan yang cepat, menjana pendapatan daripada peluang kerjasama, meningkatkan kos pembiayaan, menarik modal insan untuk membina keupayaan rakyat dan meningkatkan kecekapan dengan memperkemas operasi dan meningkatkan produktiviti pengedaran.

Aliran kedua, Strategi "Mentransformasi Kumpulan/Bank" akan tertumpu kepada penyampaian cadangan nilai "segmen tunggal" yang unik kepada segmen pelanggan yang diutamakan. Kumpulan akan memberi tumpuan kepada penggunaan kuasa transformasi digital dan memanfaatkan analisis untuk menguasai sumber baru yang mempunyai kelebihan kompetitif, mengkaji model operasi pejabat di bahagian depan dan belakang dan kecekapan struktur modal, meningkatkan keupayaan pemasaran manakala terus memberi penekanan kepada pembangunan dan budaya rakyat.

PERKARA-PERKARA YANG MATERIAL DAN BERSIFAT LUAR BIASA

Pada pendapat para pengarah, keputusan operasi Kumpulan dan Syarikat bagi tahun kewangan tidak banyak terjejas oleh mana-mana item, urus niaga atau peristiwa yang material dan bersifat luar biasa.

Tidak timbul dalam selang masa di antara akhir tahun kewangan dan tarikh laporan ini apa-apa item, urus niaga atau peristiwa yang bersifat ketara dan yang luarbiasa, yang pada pendapat para pengarah, besar kemungkinan akan mempengaruhi keputusan operasi Kumpulan dan Syarikat bagi tahun kewangan semasa selain daripada yang dinyatakan dalam Nota 33 penyata kewangan.

DIVIDEN

Dalam tahun kewangan, Syarikat membayar dividen tahap satu akhir sebanyak 15.3% untuk tahun kewangan berakhir 31 Mac 2015 berjumlah RM461,170,284. umlah ini telah dinyatakan dalam laporan pengarah untuk tahun kewangan tersebut dan dibayar pada 11 September 2015 kepada pemegang-pemegang saham yang nama mereka tersenarai di dalam Rekod Pendeposit pada 28 Ogos 2015.

Dividen interim satu tahap sebanyak 5.0% bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2016 berjumlah RM150,709,242 telah dibayar pada 18 Disember 2015 kepada pemegang-pemegang saham yang nama mereka tersenarai di dalam Rekod Pendeposit pada4 Disember 2015.

Para pengarah mencadangkan bayaran dividen tahap satu akhir sebanyak 10.5% bagi tahun kewangan semasa berakhir 31 Mac 2016, yang akan dibayar kepada pemegang saham yang tersenarai dalam Rekod Pendeposit pada tarikh yang akan ditentukan oleh para pengarah. Penyata kewangan bagi tahun kewangan semasa tidak mengambil kira dividen yang dicadangkan. Dividen tersebut, jika diluluskan oleh para pemegang saham, akan diambilkira di dalam ekuiti sebagai peruntukan daripada perolehan tertahan dalam tahun kewangan yang berakhir 31 Mac 2017.

RIZAB, PERUNTUKAN DAN ELAUN

Tidak ada pindahan material kepada atau daripada rizab, peruntukan dan elaun dalam tahun kewangan selain daripada yang dinyatakan dalam penyata-penyata kewangan.

HUTANG DAN PEMBIAYAAN LAPUK DAN RAGU

Sebelum penyata-penyata pendapatan, penyata-penyata pendapatan komprehensif dan penyata-penyata kedudukan kewangan Kumpulan dan Syarikat disediakan, para pengarah telah mengambil langkah-langkah munasabah untuk memastikan tindakan telah diambil berhubung dengan penghapusan kira hutang dan pembiayaan lapuk dan peruntukan telah dibuat untuk hutang dan pembiayaan ragu, dan mereka telah berpuas hati bahawa semua hutang dan pembiayaan lapuk yang diketahui telah dihapus kira dan peruntukan mencukupi telah dibuat untuk hutang dan pembiayaan ragu.

Pada tarikh laporan ini, para pengarah tidak mengetahui mengenai sebarang keadaan yang mungkin menjadikan jumlah dihapus kira bagi hutang dan pembiayaan lapuk atau jumlah peruntukan bagi hutang dan pembiayaan ragu dalam penyata-penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat adalah tidak mencukupi sehingga mana-mana tahap yang ketara.

ASET SEMASA

Sebelum penyata-penyata pendapatan dan penyata-penyata kedudukan kewangan Kumpulan dan Syarikat disediakan, para pengarah telah mengambil langkah-langkah munasabah untuk memastikan bahawa aset semasa, yang tidak berkemungkinan akan direalisasikan dalam urusan biasa perniagaan, nilai aset semasa ini sebagaimana ditunjukkan dalam rekod-rekod perakaunan Kumpulan dan Syarikat, telah dikurangkan kepada anggaran nilai yang boleh direalisasikan.

Pada tarikh laporan ini, para pengarah tidak mengetahui mengenai sebarang keadaan yang mungkin mengakibatkan nilai yang dikaitkan kepada aset semasa dalam penyata-penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat mengelirukan.

KAEDAH-KAEDAH PENILAIAN

Pada tarikh laporan ini, para pengarah tidak mengetahui mengenai sebarang keadaan yang timbul, yang mungkin menyebabkan pematuhan kepada kaedah-kaedah penilaian sedia ada untuk aset atau liabiliti Kumpulan dan Syarikat mengelirukan atau tidak wajar.

LUAR JANGKAAN DAN LIABILITI-LIABILITI LAIN

Pada tarikh laporan ini, tidak wujud:

(a) Sebarang gadaian ke atas aset Kumpulan dan Syarikat yang timbul sejak akhir tahun kewangan, yang menjamin liabiliti mana-mana pihak; atau

(b) Sebarang liabiliti luar jangka berhubung dengan Kumpulan dan Syarikat yang timbul sejak akhir tahun kewangan, selain daripada yang ditanggung dalam urusan biasa perniagaan Kumpulan dan Syarikat.

Tiada liabiliti luar jangka atau liabiliti lain Kumpulan dan Syarikat yang telah menjadi boleh dikuatkuasakan atau berkemungkinan untuk menjadi boleh dikuatkuasakan dalam tempoh dua belas bulan selepas akhir tahun kewangan yang mana, pada pendapat para pengarah, akan atau berkemungkinan besar boleh menjejaskan keupayaan Kumpulan dan Syarikat untuk memenuhi obligasi-obligasi mereka apabila tiba masanya.

PERUBAHAN KEADAAN

Pada tarikh laporan ini, para pengarah tidak mengetahui mengenai sebarang keadaan, yang tidak sebaliknya dimasukkan dalam laporan ini atau penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat, yang mungkin menjadikan mana-mana jumlah dinyatakan dalam penyata kewangan mengelirukan.

TERBITAN SAHAM DAN DEBENTUR

Berikut adalah perubahan dalam sekuriti hutang dan ekuiti yang telah diterbitkan oleh Kumpulan dalam tahun kewangan:

(i) Pada 21 Disember 2015, AmBank Islamic Berhad ("AmBank Islamic") telah mengeluarkan Transye 3 Sukuk Bersubordinat berjumlah RM250.0 juta di bawah program Sukuk Murabahah Subordinat sebanyak RM3.0 bilion. Kadar keuntungan tranche ini adalah pada 5.35% setahun, dibayar dua kali setahun dan mempunyai tempoh sepuluh (10) tahun.

(ii) Pada tarikh panggilan pertama 27 Januari 2016, AMBB Capital (L) Ltd telah menebus Sekuriti Hibrid sebanyak USD200.0 juta yang terdiri daripada 2,000 saham-saham keutamaan bernilai USD100,000 setiap satu.

Melainkan seperti yang dinyatakan di atas, dan pada Nota 24 dan Nota 26 penyata kewangan, tiada saham yang dibatalkan, saham dipegang sebagai saham perbendaharaan, penjualan semua saham perbendaharaan, serta penerbitan dan pembayaran semula sekuriti hutang dan ekuiti lain oleh Kumpulan dan Syarikat sepanjang tahun kewangan.

OPSYEN SAHAM

Tiada opsyen diberikan dalam tahun kewangan oleh Syarikat untuk mengambil saham-saham Syarikat yang tidak diterbitkan, selain daripada opsyen yang diberikan di bawah Skim Saham Eksekutif, seperti yang dinyatakan di bawah dan dalam Nota 28 penyata-penyata kewangan.

Tiada saham telah diterbitkan dalam tahun kewangan oleh sebab pelaksanaan sebarang opsyen untuk mengambil saham-saham Syarikat yang tidak diterbitkan. Pada penghujung akhir tahun kewangan, tidak ada saham Syarikat tidak diterbitkan di bawah opsyen, selain daripada opsyen yang diberikan di bawah Skim Saham Eksekutif.

SKIM SAHAM EKSEKUTIF

Pada Mesyuarat Agung Luar Biasa Kedua Puluh Dua yang diadakan pada 26 September 2008, pemegang-pemegang saham telah meluluskan cadangan Syarikat untuk menubuhkan skim saham eksekutif ("ESS") sebanyak sehingga lima belas peratus (15%) (yang kemudian telah dikurangkan kepada sepuluh peratus (10%) seperti yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah menurut Undang-undang Kecil ESS) daripada modal saham biasa berbayar Syarikat pada mana-mana masa tertentu untuk tempoh ESS bagi eksekutif yang layak (termasuk pengurusan kanan) dan pengarah eksekutif Kumpulan (tidak termasuk subsidiari-subsidiari yang dorman atau subsidiari-subsidiari lain sedemikian yang mungkin dikecualikan di bawah terma-terma Undang-undang Kecil) yang memenuhi kriteria kelayakan yang ditetapkan dalam Undang-undang Kecil yang mentadbir ESS ("Eksekutif Yang Layak"). ESS dilaksanakan dan ditadbir oleh jawatankuasa skim saham eksekutif ("Jawatankuasa ESS"), selaras dengan Undang-undang Kecil. Fungsi Jawatankuasa ESS telah disatukan dengan Jawatankuasa Penamaan dan Ganjaran Kumpulan ("GNRC") sejak 29 Oktober 2013. ESS telah ditubuhkan pada 12 Januari 2009 dan akan berkuat kuasa untuk selama sepuluh (10) tahun.

Pemberian kepada Eksekutif Yang Layak boleh terdiri daripada saham-saham dan/atau opsyen-opsyen untuk melanggan saham-saham ("opsyen"). Saham-saham yang akan disediakan dibawah ESS ("Saham-saham Skim") akan hanya terletak hak atau Opsyen hanya boleh dilaksanakan oleh Eksekutif Yang Layak yang telah menerima tawaran pemberian di bawah ESS ("Peserta-peserta Skim") tertakluk kepada pemenuhan syarat-syarat yang dinyatakan. Syarat-syarat sedemikian dinyatakan dan ditentukan oleh GNRC.

Untuk memudahkan pelaksanaan ESS, Syarikat memasuki satu perjanjian Amanah dengan menandatangani Surat Ikatan Amanah pada 24 Februari 2009 dengan AmTrustee Berhad ("Pemegang Amanah"). Pemegang Amanah hendaklah, pada masa tertentu sebagaimana yang Jawatankuasa ESS akan arahkan, melanggan atau mengambil alih bilangan saham biasa yang baru atau sedia ada untuk memudahkan mana-mana pemindahan pada masa hadapan bagi Saham Skim kepada Peserta Skim. Untuk tujuan yang tersebut di atas dan untuk membolehkan Pemegang Amanah menjelaskan perbelanjaan berhubung dengan pentadbiran Amanah, Pemegang Amanah akan menjadi layak dari masa ke semasa untuk menerima pendanaan dan/atau bantuan kewangan atau sebaliknya daripada Syarikat and/or subsidiari-subsidiarinya.

Ciri-ciri penting ESS adalah dinyatakan dalam Nota 28 penyata-penyata kewangan.

Dalam tahun kewangan, Pemegang Amanah telah membeli 472,400 saham biasa syarikat daripada pasaran terbuka pada harga purata RM6.36 sesaham. Jumlah pertimbangan yang dibayar untuk pembelian termasuk kos urusniaga berjumlah RM3,003,806.

Pada 31 Mac 2016, 4,768,600 saham telah terletak hak dan dipindahkan daripada Pemegang Amanah kepada Kakitangan subsidiari-subsidiari yang layak menurut terma-terma di bawah ESS. Pada 31 Mac 2016, Pemegang Amanah memegang sebanyak 8,558,150 saham biasa yang mewakili 0.28% daripada modal syarikat yang diterbitkan dan berbayar. Saham-saham ini dipegang pada amaun pemegangan sebanyak RM55,842,233.

PARA PENGARAH

Para pengarah yang menganggotai Lembaga sejak tarikh laporan terakhir adalah:

Tan Sri Azman Hashim
Tun Mohammed Hanif bin Omar
Dato' Rohana binti Mahmood
Dato' Seri Ahmad Johan bin Mohammad Raslan
Soo Kim Wai
Suzette Margaret Corr
Voon Seng Chuan (Dilantik pada 18 Jun 2015)
Wasim Akhtar Saifi (Dilantik pada 23 Februari 2016)
Dato' Azlan Hashim (Bersara pada 20 Ogos 2015)
Tan Sri Datuk Clifford Francis Herbert (Bersara pada 20 Ogos 2015)
Tan Sri Datuk Dr Aris Osman @ Othman (Bersara pada 20 Ogos 2015)
Alistair Marshall Bulloch (Berhenti sebagai Pengarah Gantian kepada Shayne Cary Elliott, Mark David Whelan dan Suzette Margaret Corr pada 4 September 2015)
Shayne Cary Elliott (Meletak jawatan pada 15 Oktober 2015)
Chin Yuen Yin (Meletak jawatan pada 30 Oktober 2015)
Mark David Whelan (Meletak jawatan pada 1 Mac 2016)

KEPENTINGAN PARA PENGARAH

Di bawah Tataurusan Pertubuhan Syarikat, para pengarah tidak diperlukan untuk memegang saham dalam Syarikat.

Kepentingan dalam saham dan opsyen dalam Syarikat, bagi mereka yang merupakan pengarah pada akhir tahun kewangan seperti yang direkodkan dalam Daftar Pemegangan Saham Para Pengarah yang disimpan oleh Syarikat di bawah Seksyen 134 Akta Syarikat 1965, adalah seperti berikut:

KEPENTINGAN TIDAK LANGSUNG

Dalam Syarikat

		Bil. Saham Biasa bernilai RM1.00 sesaham			
Saham	**Nama Syarikat**	**Baki pada 1.4.2015**	**Dibeli**	**Dijual**	**Baki pada 31.3.2016**
Tan Sri Azman Hashim	Amcorp Group Berhad	391,069,003	-	-	**391,069,003**

Sepanjang dan pada akhir tahun kewangan, Syarikat tidak terlibat dalam sebarang urusan yang bertujuan untuk membolehkan para pengarah Syarikat mendapat manfaat melalui perolehan saham atau debentur Syarikat atau sebarang badan korporat lain.

MANFAAT PARA PENGARAH

Sejak daripada akhir tahun kewangan yang lepas, tiada pengarah Syarikat yang telah menerima atau layak untuk menerima sebarang manfaat (selain daripada manfaat yang dimasukkan dalam amaun agregat emolumen diterima atau kena dibayar dan belum terima oleh para pengarah atau gaji tetap pekerja sepenuh masa sebagaimana ditunjukkan dalam Nota 34 penyata kewangan) atas alasan kontrak yang ditandatangani oleh Syarikat atau perbadanan yang berkaitan dengan pengarah tersebut atau dengan firma di mana pengarah adalah seorang ahli, atau dengan Syarikat di mana pengarah mempunyai kepentingan kewangan yang besar, kecuali bagi urus niaga pihak berkaitan seperti dinyatakan dalam Nota 42 kepada penyata-penyata kewangan.

Tidak dalam tahun mahupun pada akhir tahun kewangan, Syarikat merupakan pihak kepada sebarang pengaturan yang bertujuan untuk membolehkan para pengarah memperoleh manfaat melalui cara pengambilalihan saham-saham, atau debentur-debentur, Syarikat atau mana-mana badan korporat lain.

TADBIR URUS KORPORAT

(i) TANGGUNGJAWAB DAN PENGAWASAN LEMBAGA

Lembaga Pengarah ("Lembaga") kekal komited sepenuhnya dalam memastikan bahawa prinsip-prinsip dan amalan-amalan terbaik dalam tadbir urus korporat digunakan secara konsisten dalam Kumpulan. Memandangkan Syarikat adalah sebuah syarikat induk, aktiviti perniagaan utamanya dijalankan melalui pelbagai subsidiari-subsidiarinya. Lembaga mematuhi cadangan tadbir urus korporat sebagaimana dinyatakan dalam Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia 2012.

Lembaga menyelia pengurusan perniagaan, dasar-dasar dan hal ehwal Kumpulan dengan matlamat untuk meningkatkan nilai pemegang-pemegang saham. Lembaga bermesyuarat 16 kali sepanjang tahun untuk menjalankan tugas dan tanggungjawabnya, dengan mesyuarat Lembaga tambahan diadakan, jika perlu.

Lembaga menangani perkara-perkara utama melibatkan strategi, kewangan, struktur organisasi, perkembangan perniagaan, sumber manusia (tertakluk kepada perkara-perkara yang dikhususkan untuk mesyuarat pemegang-pemegang saham mengikut perundangan), dan merumuskan garis panduan bagi keseluruhan perniagaan, dasar risiko dan kawalan, pengagihan modal dan meluluskan semua perkembangan perniagaan utama.

Pada masa ini Lembaga dianggotai oleh lapan (8) orang pengarah dengan kemahiran dan pengalaman luas, yang mana tiga (3) adalah Pengarah Bukan Eksekutif Bebas. Para Pengarah terlibat sepenuhnya dalam membuat keputusan ke atas isu-isu utama berkenaan dengan Syarikat dan subsidiari-subsidiarinya. Para Pengarah Bukan Eksekutif Bebas memastikan strategi-strategi yang dicadangkan oleh pihak Pengurusan dibincangkan dan diteliti sepenuhnya, serta juga mengambil kira kepentingan jangka panjang pelbagai pihak berkepentingan.

Terdapat pembahagian yang jelas di antara peranan Pengerusi dan Pengarah Urusan Kumpulan.

Pasukan Pengurusan Kanan subsidiari-subsidiari dipelawa untuk menghadiri mesyuarat Lembaga untuk membuat pembentangan dan penjelasan terperinci mengenai perkara-perkara yang telah dibentangkan. Setiausaha Syarikat Kumpulan telah diberi kuasa oleh Lembaga untuk membantu Lembaga dalam perkara-perkara tadbir urus dan mematuhi tugas-tugas berkanun.

(ii) JAWATANKUASA LEMBAGA

Lembaga menugaskan tanggungjawab tertentu kepada Jawatankuasa Lembaga. Jawatankuasa-jawatankuasa ini, yang telah ditubuhkan untuk membantu Lembaga dalam beberapa bidang pertimbangan adalah:

1 Jawatankuasa Penamaan dan Ganjaran Kumpulan
2 Jawatankuasa Audit dan Pemeriksaan
3 Jawatankuasa Pengurusan Risiko Kumpulan
4 Jawatankuasa Teknologi Maklumat Kumpulan
5 Jawatankuasa Tadbir Urus

Peranan dan tanggungjawab setiap jawatankuasa ditetapkan di bawah terma rujukan masing-masing, yang telah diluluskan oleh Lembaga. Minit-minit mesyuarat Jawatankuasa Lembaga dibentangkan pada mesyuarat Lembaga yang berikutnya untuk ulasan dan perhatian.

TADBIR URUS KORPORAT (SAMB.)

(ii) JAWATANKUASA LEMBAGA (SAMB.)

Kehadiran ahli-ahli Lembaga pada mesyuarat Lembaga dan pelbagai Jawatankuasa Lembaga dinyatakan dibawah:

Bilangan Mesyuarat yang dihadiri dalam Tahun Kewangan 2016

	Lembaga Pengarah	Jawatankuasa Audit dan Pemeriksaan	Jawatankuasa Pengurusan Risiko Kumpulan	Jawatankuasa Teknologi Maklumat Kumpulan	Jawatankuasa Penamaan dan Ganjaran Kumpulan	Jawatankuasa Tadbir Urus
Tan Sri Azman Hashim	16/16 (Pengerusi)	N/A	N/A	N/A	N/A	N/A
Tun Mohammed Hanif bin Omar	13/16	N/A	N/A	N/A	10/13	N/A
Dato' Rohana binti Mahmood	16/16	2/3[h]	5/5 (Pengerusi)[i]	3/3[j]	13/13 (Pengerusi)[k]	17/17 (Pengerusi)
Dato' Seri Ahmad Johan bin Mohammad Raslan	16/16	N/A	N/A	7/7	N/A	17/17
Soo Kim Wai	16/16	3/3[h]	N/A	N/A	13/13	15/15[p]
Suzette Margaret Corr	15/16	N/A	N/A	N/A	13/13	N/A
Voon Seng Chuan	14/14[e]	3/3 (Pengerusi)[q]	5/5[h]	6/6 (Pengerusi)[r]	8/8[s]	N/A
Wasim Akhtar Saifi	3/3[f]	N/A	N/A	N/A	1/1[f]	1/1[f]
Dato' Azlan Hashim	1/5[a]	0/3[a]	N/A	1/2[a]	N/A	N/A
Tan Sri Datuk Clifford Francis Herbert	4/5[a]	3/3[a]	3/3[a]	N/A	6/6[a]	N/A
Tan Sri Datuk Dr Aris Osman @ Othman	4/5[a]	3/3[g]	3/3[a]	N/A	4/6[a]	N/A
Shayne Cary Elliott	5/9[b]	3/3[b]	N/A	N/A	N/A	N/A
Chin Yuen Yin	8/10[d]	3/4[l]	1/2[m]	2/2[n]	3/4[o]	N/A
Mark David Whelan	12/14[c]	N/A	5/7[c]	N/A	N/A	11/16[c]
Bilangan mesyuarat diadakan dalam TK 2016	**16**	**6**	**8**	**7**	**13**	**17**

Notas:
1) Semua kehadiran menunjukkan bilangan mesyuarat yang dihadiri sepanjang tempoh perkhidmatan para Pengarah.
2) T/B mewakili bukan ahli jawatankuasa.

a Bersara pada 20 Ogos 2015.
b Berhenti pada 15 Oktober 2015.
c Berhenti pada 1 Mac 2016.
d Berhenti pada 30 Oktober 2015.
e Dilantik pada 18 Jun 2015.
f Dilantik pada 23 Februari 2016.
g Berhenti sebagai Pengerusi berikutan persaraan sebagai Pengarah.
h Dilantik sebagai Ahli Lembaga pada 20 Ogos 2015.
i Dilantik sebagai Pengerusi/Ahli Lembaga pada 3 September 2015.
j Berhenti sebagai Pengerusi pada 20 Ogos 2015 dan kekal sebagai Ahli Lembaga sehingga pemberhentian pada 3 September 2015.
k Dilantik sebagai Pengerusi pada 20 Ogos 2015 (merupakan Ahli Lembaga sebelum perlantikan).
l Mengambil alih sebagai Pengerusi pada 20 Ogos 2015 dan berhenti sebagai Pengerusi berikutan persaraan sebagai Pengarah.
m Dilantik sebagai Ahli Lembaga pada 20 Ogos 2015 and dan berhenti sebagai Ahli Lembaga berikutan persaraan sebagai Pengarah.
n Dilantik sebagai Ahli Lembaga pada 3 September 2015 dan berhenti sebagai Ahli Lembaga berikutan persaraan sebagai Pengarah.
o Dilantik sebagai Ahli Lembaga pada 14 Julai 2015 dan berhenti sebagai Ahli Lembaga berikutan persaraan sebagai Pengarah.
p Dilantik sebagai Ahli Lembaga pada 29 April 2015.
q Dilantik sebagai Ahli Lembaga pada 20 Ogos 2015 dan mengambil alih sebagai Pengerusi pada 30 Oktober 2015.
r Dilantik sebagai Ahli Lembaga pada 18 Jun 2015 dan mengambil alih sebagai Pengerusi pada 20 Ogos 2015.
s Dilantik sebagai Ahli Lembaga pada 14 Julai 2015.

TADBIR URUS KORPORAT (SAMB.)

(ii) JAWATANKUASA LEMBAGA (SAMB.)

Jawatankuasa Penamaan dan Ganjaran Kumpulan

Jawatankuasa ini terdiri daripada enam (6) anggota yang semuanya adalah Pengarah Bukan Eksekutif dan dipengerusikan oleh seorang Pengarah Bukan Eksekutif Bebas. Jawatankuasa ini bertanggungjawab untuk:

- Membuat penilaian secara berterusan mengenai struktur, saiz dan komposisi lembaga, dan juga membuat cadangan kepada Lembaga Pengarah Syarikat berkenaan dengan perubahan yang dianggap perlu.
- Mencadangakan pelantikan Pengarah untuk Lembaga dan jawatankuasa-jawatankuasa Lembaga serta menyemak secara tahunan gabungan kemahiran, pengalaman dan kecekapan yang perlu dibawa oleh Pengarah Bukan Eksekutif dan Eksekutif ke dalam Lembaga Pengarah.
- Setiap tahun, menilai keberkesanan Lembaga dan jawatankuasa-jawatankuasa secara keseluruhan dan juga sumbangan Pengerusi dan setiap Pengarah kepada keberkesanan Lembaga.
- Mencadangkan kepada Lembaga kerangka kerja/metodologi untuk ganjaran para pengarah, Ketua Pegawai Eksekutif dan kakitangan Pengurusan Kanan yang lain dengan pengalaman dan kepakaran berkaitan yang diperlukan bagi membantu menguruskan Kumpulan secara berkesan. Perkhidmatan perunding cara digunakan bagi menilai metodologi ganjaran untuk Pengarah-Pengarah Eksekutif dan kakitangan pengurusan berdasarkan Penunjuk Prestasi Utama yang perlu dicapai.
- Mencadangkan pelantikan ahli Jawatankuasa Syariah serta menyemak prestasi tahunan ahli Jawatankuasa Syariah dan mencadangkan ganjaran untuk ahli-ahli Jawatankuasa Syariah.
- Melaksanakan Skim Saham Eksekutif (Skim) mengikut Undang-Undang Kecil Skim yang dililuskan oleh pemegang saham Syarikat.

Jawatankuasa ini bermesyuarat sebanyak tiga belas (13) kali dalam tahun kewangan berakhir 31 Mac 2016.

Jawatankuasa Audit dan Pemeriksaan

Jawatankuasa terdiri daripada tiga (3) orang ahli, 2/3 daripada mereka merupakan Pengarah Bukan Eksekutif Bebas.

Lembaga telah melantik Jawatankuasa Audit dan Pemeriksaan ("AEC") untuk membantu menjalankan tugas-tugasnya dalam mengekalkan sistem kawalan dalaman yang memuaskan untuk melindungi aset Kumpulan dan pelaburan pemegang-pemegang saham.

AEC bermesyuarat enam (6) kali dalam tahun kewangan berakhir 31 Mac 2016 untuk menyemak skop kerja kedua-dua fungsi audit dalaman dan juruaudit berkanun, keputusan yang timbul selepas itu serta juga penilaian mereka ke atas sistem kawalan dalaman. AEC juga membuat susulan ke atas resolusi mengenai isu-isu utama yang ditimbulkan oleh juruaudit dalaman, juruaudit berkanun serta juga pihak-pihak berkuasa kawal selia dalam laporan pemeriksaan. Penyata kewangan disatukan Kumpulan dan subsidiari-subsidiarinya telah disemak oleh AEC sebelum dibentangkan kepada Lembaga Syarikat untuk diterima pakai.

Di samping itu, AEC telah menyemak prosedur-prosedur yang diwujudkan oleh Kumpulan untuk mengenal pasti dan melapor, dan di mana perlu, mendapatkan kelulusan bagi urus niaga pihak berkaitan dan, dengan bantuan juruaudit dalaman, menyemak urus niaga pihak berkaitan.

Fungsi Audit Dalaman

Ketua Kumpulan Audit Dalaman melapor kepada AEC. Audit Dalaman Kumpulan membantu AEC mengkaji serta melapor risiko perniagaan dan kawalan dalaman, yang beroperasi dalam rangka kerja yang didefinisikan dalam Piagam Audit.

AEC meluluskan pelan audit tahunan Audit Dalaman Kumpulan, yang merangkumi audit bagi unit dan operasi utama dalam Bank. Keputusan setiap audit diserahkan kepada AEC dan perkara-perkara penting akan dibincang dalam mesyuarat AEC. Minit mesyuarat AEC secara rasmi dibentangkan kepada Lembaga Pengarah untuk makluman dan tindakan, di mana perlu. Ketua Audit Dalaman Kumpulan juga menghadiri mesyuarat AEC melalui jemputan. AEC akan mengadakan mesyuarat berasingan dengan Ketua Juruaudit Kumpulan apabila perlu.

Skop audit dalaman meliputi penilaian proses pengurusan risiko, kawalan operasi, kawalan kewangan, pematuhan undang-undang dan peraturan-peraturan, dan sistem teknologi maklumat dan keselamatan.

Audit Dalaman Kumpulan mengutamakan usaha kepada perlaksanaan audit berdasarkan pelan audit, berdasarkan penilaian risiko menyeluruh bagi semua bidang aktiviti perbankan (untuk Syarikat - aktiviti perniagaan). Pelan audit berasaskan risiko dikaji sekurang-kurangnya dua kali setahun dengan mengambil kira persekitaran perniagaan dan risiko yang berubah-ubah.

Audit Dalaman Kumpulan juga menjalankan penyiasatan dan semakan khas, dan mengambil bahagian secara aktif dalam aktiviti pembangunan sistem yang penting dan projek-projek untuk memberi nasihat mengenai pengurusan risiko dan langkah-langkah kawalan dalaman.

TADBIR URUS KORPORAT (SAMB.)

(ii) JAWATANKUASA LEMBAGA (SAMB.)

Jawatankuasa Pengurusan Risiko Kumpulan

Pengurusan risiko adalah aspek paling penting dalam proses membuat keputusan strategik Kumpulan bagi memastikan agar objektif-objektif korporat adalah konsisten dengan kewajaran tukar-ganti risiko-pulangan. Lembaga meluluskan strategi pengurusan risiko dan menetapkan tahap toleransi risiko luas; dan meluluskan aktiviti selepas menimbangkan keupayaan dan kesediaan menanggung risiko.

Jawatankuasa Pengurusan Risiko juga telah diwujudkan di AmInvestment Bank Berhad ("AmInvestment Bank"), AmBank dan AmBank Islamic untuk memantau pengurusan keseluruhan risiko kredit, pasaran, mudah tunai, operasi, perundangan dan modal yang memberi kesan kepada Kumpulan. Mereka dibantu oleh Jabatan Pengurusan Risiko Kumpulan.

Lapan (8) mesyuarat diadakan dalam tahun kewangan berakhir 31 Mac 2016.

Fungsi Pengurusan Risiko
Jabatan Pengurusan Risiko Kumpulan adalah bebas daripada pelbagai unit perniagaan dan bertindak sebagai pemangkin bagi pembangunan dan pengekalan dasar, strategi dan prosedur pengurusan risiko yang menyeluruh dan memuaskan dalam Kumpulan. Bahagian Pengurusan Risiko Kumpulan merangkumi Risiko Kredit Borong, Risiko Kredit Runcit, Perbankan Pelaburan dan Pasaran Risiko, Risiko Operasi, Pentadbiran dan Peruntukan (yang bertanggungjawab bagi pembangunan model kredit), Risiko Undang-undang, Projek Risiko Kumpulan dan Integriti Operasi.

Bahagian Pengurusan Risiko Kumpulan berfungsi berdasarkan Rangka Kerja Tahap Risiko yang diluluskan oleh Lembaga yang membentuk asas kepada Kumpulan untuk menetapkan profil risiko/ganjarannya. Rangka kerja ini diluluskan setiap tahun dengan mengambil kira penarafan luar Kumpulan dan sasaran keuntungan/pulangan ke atas ekuiti ("ROE") dan disemak secara berkala sepanjang tahun kewangan untuk mengambil kira perubahan yang dijangka berlaku dalam persekitaran operasi.

Jawatankuasa Teknologi Maklumat Kumpulan

Jawatankuasa Teknologi Maklumat Kumpulan ("GITC") terdiri daripada dua (2) orang ahli, dan dipengerusikan oleh Pengarah Bukan Eksekutif Bebas. Jawatankuasa bertanggungjawab untuk menyediakan tadbir urus bagi Teknologi Maklumat dan memastikan hala tuju strategik keseluruhan IT disejajarkan dengan objektif dan strategi perniagaan Kumpulan. Tanggungjawab utama GITC termasuk menyediakan hala tuju strategik bagi pembangunan IT dalam Kumpulan dan memastikan agar pelan strategik IT disejajarkan dengan objektif dan strategi perniagaan Kumpulan, untuk memastikan pewujudan dasar IT di seluruh Kumpulan, prosedur dan kerangka kerja termasuk keselamatan IT dan pengurusan risiko IT di seluruh Kumpulan, untuk menyediakan pengawasan ke atas pelan dan bajet jangka panjang IT Kumpulan, untuk melaksanakan dan mengawasi keseluruhan pelaksanaan, kecekapan dan keberkesanan perkhidmatan IT termasuk metriks prestasi dan untuk mengkaji kecukupan dan penggunaan sumber-sumber IT Kumpulan termasuk perkakasan komputer, perisian komputer, kakitangan, dan pelaburan berkaitan IT yang lain.

Tujuh (7) mesyuarat telah diadakan pada tahun kewangan berakhir 31 Mac 2016.

Jawatankuasa Tadbir Urus

Jawatankuasa Tadbir Urus ditubuhkan sebagai sebuah jawatankuasa Lembaga untuk membantu Kumpulan dalam melaksanakan tanggungjawab berkenaan dengan yang berikut:

- Untuk mengawasi inisiatif pemulihan Penarafan Risiko Komposit Kumpulan ini; dan
- Untuk memacu pelaksanaan inisiatif tadbir urus, termasuk tugas-tugas tertentu seperti yang dimandatkan oleh Lembaga.

Untuk tujuan jawatankuasa ini, Kumpulan terdiri daripada entiti berikut:

- AMMB Holdings Berhad;
- AmBank;
- AmInvestment Bank; dan
- AmBank Islamic.

Jawatankuasa ini terdiri daripada empat (4) orang ahli, majoriti daripada mereka adalah Pengarah Bukan Eksekutif. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Pengarah Bukan Eksekutif Bebas.

Tujuh belas (17) mesyuarat telah diadakan pada tahun kewangan berakhir 31 Mac 2016.

TADBIR URUS KORPORAT (SAMB.)

(iii) MAKLUMAT PENGURUSAN

Semua Pengarah menyemak kertas dan laporan Lembaga sebelum mesyuarat Lembaga. Maklumat dan bahan berkaitan dengan kendalian Syarikat dan subsidiari-subsidiarinya yang penting untuk pemahaman para Pengarah mengenai perkara-perkara dalam agenda dan topik berkaitan, diedarkan terlebih dahulu sebelum mesyuarat. Lembaga melaporkan; termasuk antara lainnya, minit-minit mesyuarat semua Jawatankuasa Lembaga, prestasi bulanan Kumpulan, pengurusan risiko kredit, liabiliti aset dan pengurusan risiko pasaran dan ukur rujuk industri serta juga perkembangan kawal seliaan dan persekitaran ekonomi dan perniagaan semasa.

Laporan-laporan tersebut dikeluarkan dengan memberi masa yang secukupnya sebelum mesyuarat bagi membolehkan para Pengarah untuk bersedia dan mendapatkan penjelasan selanjutnya, di mana perlu, dan menyediakan input mengenai dasar-dasar Kumpulan.

PENARAFAN OLEH AGENSI LUAR

AMMB Holdings Berhad dan subsidiari perbankan terus diberikan dengan kredit yang kukuh dan penilaian kewangan daripada agensi penarafan tempatan dan asing.

Standard & Poor's telah menaik taraf unjurannya mengenai AmBank (M) Berhad kepada Stabil dari Negatif pada bulan November 2015 dan pada masa yang sama, mengesahkan semua penilaian kredit.

RAM Ratings mengesahkan penilaian terhadap AMMB Holdings Berhad dan subsidiari perbankan pada Disember 2015.

Moody's telah menyemak semula unjuran penarafan kedaulatan Malaysia kepada Stabil dari Positif pada Januari 2016. Akibatnya, unjurannya mengenai AmBank (M) Berhad telah disemak semula kepada stabil manakala semua penarafan kredit telah disahkan.

Butir-butir mengenai penarafan AMMB Holdings Berhad dan subsidiari perbankannya adalah seperti berikut:

Agensi penarafan	Tarikh diberikan	Pengelasan penarafan	Penarafan
AmBank (M) Berhad			
Standard & Poor's Ratings Services	November 2015	Penarafan kredit penerbit asing jangka panjang Penarafan kredit penerbit asing jangka pendek Prospek	BBB+ A-2 Stabil
RAM Rating Services	Disember 2015	Penarafan institusi kewangan jangka panjang Penarafan institusi kewangan jangka pendek Prospek	AA2 P1 Stabil
Moody's Investors Service	Januari 2016	Penarafan deposit matawang asing jangka panjang Penarafan deposit matawang asing jangka pendek Prospek	Baa1 P-2 Stabil
AmInvestment Bank Berhad			
RAM Rating Services	Disember 2015	Penarafan institusi kewangan jangka panjang Penarafan institusi kewangan jangka pendek Prospek	AA2 P1 Stabil
AmBank Islamic Berhad			
RAM Rating Services	Disember 2015	Penarafan institusi kewangan jangka panjang Penarafan institusi kewangan jangka pendek Prospek	AA2 P1 Stabil
AMMB Holdings Berhad			
RAM Rating Services	Disember 2015	Penarafan kredit korporat jangka panjang Penarafan kredit korporat jangka pendek Prospek	AA3 P1 Stabil

JAWATANKUASA SYARIAH

Jawatankuasa Syariah melaporkan fungsinya kepada Lembaga Pengarah AmBank Islamic dan ini memberikan kebebasan kepada Jawatankuasa Syariah untuk melaksanakan tugas-tugasnya.

Jawatankuasa Syariah terdiri daripada lima (5) ahli dan bertanggungjawab dan dipertanggungjawabkan mengenai perkara-perkara berkaitan dengan Syariah. Ini termasuk:

(i) Menasihati Lembaga Pengarah dan Pengurusan AmBank Islamic dan entiti lain dalam Kumpulan AmBank mengenai perkara-perkara Syariah;
(ii) Menyokong dan mengesahkan produk dan perkhidmatan, dan operasi berhubung dengan Perbankan Islam; dan
(iii) Menyediakan khidmat nasihat dan panduan ke atas pengurusan zakat dan dana kebajikan.

Jawatankuasa Syariah juga menganggotai Jawatankuasa Pemantauan Syariah, satu jawatankuasa kecil kepada Jawatankuasa Syariah yang melaksanakan tugas pengawasan untuk menilai kerja yang dijalankan oleh semakan Syariah, audit Syariah, kawal selia Syariah dan pengurusan risiko Syariah. Jawatankuasa pengawasan Syariah juga bertanggungjawab untuk memberi bimbingan dan nasihat mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan kejadian melibatkan ketidakpatuhan Syariah (jika wujud).

JURUAUDIT

Juruaudit Ernst & Young telah menyatakan kesediaan untuk terus memegang jawatan.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga selaras dengan resolusi para Pengarah.



TAN SRI AZMAN HASHIM

VOON SENG CHUAN

Kuala Lumpur, Malaysia
Tarikh: 27 Mei 2016

Pernyataan Oleh Para Pengarah

Menurut Seksyen 169(15) Akta Syarikat 1965

Kami, **TAN SRI AZMAN HASHIM** dan **VOON SENG CHUAN** merupakan dua daripada para pengarah **AMMB HOLDINGS BERHAD**, dengan ini menyatakan bahawa pada pendapat para Pengarah, penyata-penyata kewangan yang disertakan pada muka surat 146 hingga 305 telah disediakan menurut Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia, Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa dan keperluan Akta Syarikat 1965 di Malaysia untuk memberi gambaran benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kumpulan dan Syarikat pada 31 Mac 2016, serta prestasi kewangan dan aliran tunai Kumpulan dan Syarikat bagi tahun kewangan yang telah berakhir tersebut.

Maklumat tambahan yang dinyatakan dalam Nota 59 pada muka surat 306 telah disediakan menurut Garis Panduan Perkara Khas No 1, Penentuan Keuntungan atau Kerugian Direalisasi dan Tidak Direalisasi dalam Konteks Pendedahan Menurut Syarat-syarat Penyenaraian Bursa Malaysia Securities Berhad, seperti yang dikeluarkan oleh Institut Akauntan Malaysia ("Garis Panduan MIA") dan arahan Bursa Malaysia Securities Berhad.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga selaras dengan resolusi para Pengarah.

TAN SRI AZMAN HASHIM

VOON SENG CHUAN

Kuala Lumpur, Malaysia
Tarikh: 27 Mei 2016

Perakuan Berkanun

Menurut Seksyen 169(16) Akta Syarikat 1965

Saya, **MANDY JEAN SIMPSON**, merupakan Pegawai utama yang bertanggungjawab bagi pengurusan kewangan **AMMB HOLDINGS BERHAD**, dengan sesungguhnya dan seikhlasnya mengaku bahawa penyata-penyata kewangan yang disertakan pada muka surat 146 hingga 306 pada pendapat saya adalah betul, dan saya membuat perakuan ini dengan penuh kepercayaan bahawa ia adalah benar dan menurut peruntukan Akta Perakuan Berkanun 1960.

Ditandatangani dan diakui dengan sesungguhnya oleh penama di atas **MANDY JEAN SIMPSON** di Kuala Lumpur dalam Wilayah Persekutuan pada 27 Mei 2016

MANDY JEAN SIMPSON

Di hadapan saya,

PESURUHJAYA SUMPAH
No. W 530
TAN SEOK KETT
MALAYSIA

PESURUHJAYA SUMPAH

Lot 350, 3rd Floor, Wisma MPL
Jalan Raja Chulan,
50200 Kuala Lumpur.

Laporan Juruaudit Bebas

Kepada Ahli-Ahli AMMB Holdings Berhad (Diperbadankan Di Malaysia)

LAPORAN MENGENAI PENYATA-PENYATA KEWANGAN

Kami telah mengaudit penyata-penyata kewangan AMMB Holdings Berhad, yang terdiri daripada penyata-penyata kedudukan kewangan pada 31 Mac 2016 bagi Kumpulan dan Syarikat, dan penyata-penyata pendapatan, penyata-penyata pendapatan komprehensif, penyata-penyata perubahan dalam ekuiti dan penyata-penyata aliran tunai Kumpulan dan Syarikat bagi tahun kewangan berakhir tersebut, dan ringkasan dasar perakaunan penting dan nota-nota penjelasan lain, sebagaimana dikemukakan pada muka surat 146 hingga 305.

Tanggungjawab pengarah bagi penyata kewangan
Para pengarah Syarikat bertanggungjawab bagi penyediaan penyata-penyata kewangan yang memberi gambaran benar dan saksama menurut Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia, Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa dan keperluan Akta Syarikat 1965 di Malaysia. Para pengarah juga bertanggungjawab ke atas kawalan dalaman yang bersesuaian yang pada pandangan para pengarah adalah perlu untuk membolehkan penyediaan penyata-penyata kewangan yang bebas daripada salah nyata material, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan.

Tanggungjawab juruaudit
Tanggungjawab kami adalah untuk menyatakan pendapat mengenai penyata-penyata kewangan ini berdasarkan pengauditan kami. Kami melaksanakan audit selaras dengan piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia. Piawaian tersebut memerlukan kami mematuhi syarat-syarat etika serta merancang dan melaksanakan audit tersebut untuk mendapatkan jaminan munasabah sama ada penyata kewangan adalah bebas daripada salah nyata material.

Sesuatu audit melibatkan pelaksanaan prosedur-prosedur untuk mendapatkan bukti audit mengenai jumlah dan pendedahan dalam penyata-penyata kewangan. Prosedur-prosedur yang dipilih bergantung pada pertimbangan kami, termasuk penilaian risiko salah nyata yang ketara pada penyata-penyata kewangan, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan. Dalam menjalankan penilaian risiko tersebut, kami mempertimbangkan kawalan dalaman yang relevan kepada penyediaan penyata kewangan entiti yang memberi gambaran sebenar dan saksama untuk merangka prosedur-prosedur audit yang bersesuaian, tetapi bukan untuk tujuan menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman entiti. Sesuatu audit juga termasuk menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan yang dibuat oleh Pengarah, serta juga menilai pembentangan keseluruhan penyata-penyata kewangan.

Kami percaya bahawa bukti audit yang telah kami perolehi adalah mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas yang munasabah bagi pendapat audit kami.

Pendapat
Pada pendapat kami, penyata-penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kumpulan dan Syarikat pada 31 Mac 2016 serta prestasi kewangan mereka dan aliran tunai bagi tahun kewangan berakhir tersebut, menurut Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia, Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa dan keperluan Akta Syarikat 1965 di Malaysia.

LAPORAN MENGENAI KEPERLUAN PERUNDANGAN DAN BADAN KAWAL SELIA LAIN

Selaras dengan keperluan Akta Syarikat 1965 ("Akta") di Malaysia, kami juga melaporkan yang berikut:

(a) Pada pendapat kami, rekod perakaunan dan rekod-rekod lain dan daftar yang menurut Akta mesti disimpan oleh Syarikat dan subsidiari-subsidiari yang mana kami telah bertindak sebagai juruaudit telah disimpan dengan baik selaras dengan peruntukan Akta.

(b) Kami telah mempertimbangkan penyata-penyata kewangan dan laporan juruaudit semua subsidiari-subsidiari yang mana kami tidak bertindak sebagai juruaudit, kecuali bagi subsidiari-subsidiari yang diletakkan dalam penggulungan sukarela seperti dinyatakan dalam Nota 15 penyata-penyata kewangan, yang mana penyata-penyata kewangan dan laporan juruaudit tidak disediakan. Penyata-penyata kewangan berkenaan tidak dimasukkan ke dalam penyata-penyata kewangan yang disatukan.

(c) Kami berpuas hati bahawa penyata-penyata kewangan subsidiari-subsidiari yang telah disatukan dengan penyata-penyata kewangan Syarikat adalah dalam bentuk dan kandungan yang wajar dan teratur untuk tujuan penyediaan penyata-penyata kewangan disatukan dan kami telah menerima maklumat dan penjelasan memuaskan yang kami perlukan untuk tujuan-tujuan tersebut.

(d) Laporan Juruaudit mengenai penyata-penyata kewangan subsidiari-subsidiari yang telah diaudit tidak tertakluk kepada sebarang kelayakan dan bagi subsidiari-subsidiari yang diperbadankan di Malaysia tidak mengandungi sebarang ulasan yang perlu dibuat di bawah Seksyen 174(3) Akta tersebut.

TANGGUNGJAWAB PELAPORAN YANG LAIN

Maklumat tambahan yang dinyatakan dalam Nota 59 pada muka surat 306 didedahkan untuk memenuhi keperluan Bursa Malaysia Securities Berhad dan bukan sebahagian daripada penyata-penyata kewangan. Para pengarah bertanggungjawab ke atas penyediaan maklumat tambahan selaras dengan Garis Panduan Perkara Khas No 1, Penentuan Keuntungan atau Kerugian Direalisasi dan Tidak Direalisasi, dalam konteks Pendedahan Menurut Syarat-syarat Penyenaraian Bursa Malaysia Securities Berhad, seperti yang dikeluarkan oleh Institut Akauntan Malaysia (Garis Panduan MIA) dan arahan Bursa Malaysia Securities Berhad. Pada pendapat kami, maklumat tambahan tersebut telah disediakan, dalam semua aspek penting, menurut Garis Panduan MIA dan arahan Bursa Malaysia Securities Berhad.

PERKARA-PERKARA LAIN

Laporan ini dibuat semata-mata kepada ahli-ahli Syarikat, sebagai sebuah badan, selaras dengan Seksyen 174 Akta Syarikat 1965 di Malaysia dan bukan untuk sebarang tujuan lain. Kami tidak bertanggungjawab terhadap mana-mana pihak lain bagi kandungan laporan ini.



ERNST & YOUNG
AF: 0039
Akauntan Bertauliah

CHAN HOOI LAM
No. 2844/02/18(J)
Akauntan Bertauliah

Kuala Lumpur, Malaysia
Tarikh: 27 Mei 2016

Penyata-Penyata Kedudukan Kewangan

Pada 31 Mac 2016

	Nota	Kumpulan		Syarikat	
		31 Mac 2016 RM'000	31 Mac 2015 RM'000	31 Mac 2016 RM'000	31 Mac 2015 RM'000
ASET					
Tunai dan dana jangka pendek	5	11,988,321	10,758,600	21,033	12,464
Deposit dan simpanan dengan bank dan institusi-institusi kewangan lain	6	1,333,630	4,068,819	5,354	25,131
Aset kewangan derivatif	7	1,884,001	1,437,537	-	-
Aset kewangan dipegang untuk urusniaga	8	4,920,618	4,674,223	-	-
Pelaburan kewangan sedia untuk dijual	9	11,680,520	10,387,275	121,860	110,704
Pelaburan kewangan dipegang hingga matang	10	4,167,494	3,864,508	-	-
Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan	11	86,513,254	86,173,795	-	-
Belum terima: pelaburan-pelaburan tidak disebut harga dalam pasaran aktif	12	565,322	551,163	-	-
Deposit berkanun dengan Bank Negara Malaysia	13	2,590,145	3,214,591	-	-
Aset cukai tertunda	14	66,044	83,434	-	-
Pelaburan dalam subsidiari-subsidiari dan pelaburan lain	15	-	-	9,507,225	9,507,225
Pelaburan dalam syarikat-syarikat bersekutu dan usaha sama	16	674,463	662,273	-	-
Aset-aset lain	17	3,179,108	3,667,045	3,716	20,381
Aset-aset insurans dan takaful semula dan lain-lain penghutang insurans belum terima	54(I)	513,555	433,929	-	-
Pelaburan Hartanah	54(IX)	-	7,713	-	-
Hartanah dan peralatan	18	292,787	266,562	377	536
Aset tidak ketara	19	3,369,998	3,348,121	-	-
Aset dipegang untuk dijual	56	24,740	204,236	-	-
JUMLAH ASET		**133,764,000**	**133,803,824**	**9,659,565**	**9,676,441**
LIABILITI DAN EKUITI					
Deposit dan simpanan daripada bank dan institusi-institusi kewangan lain	20	1,743,769	2,301,664	-	-
Kewajipan rekursa atas pinjaman dan pembiayaan dijual kepada Cagamas Berhad	21	3,935,775	2,769,585	-	-
Liabiliti kewangan derivatif	7	2,022,807	1,385,478	-	-
Deposit daripada pelanggan	22	90,358,576	92,130,049	-	-
Akaun pelaburan pelanggan	57(XV)	18,411	-	-	-
Pendanaan berjangka	23	8,607,614	8,302,354	1,206,000	1,206,000
Modal hutang	24	4,094,077	4,580,573	-	-
Saham keutamaan kumulatif boleh tebus boleh tukar	54(VIII)	204,760	198,821	-	-
Liabiliti cukai tertunda	14	83,050	116,557	-	-
Liabiliti-liabiliti lain	25	3,809,943	3,917,675	37,259	40,873
Lain-lain kontrak insurans dan takaful dan lain-lain penghutang insurans belum bayar	54(I)	2,761,460	2,544,649	-	-
Liabiliti berkaitan langsung dengan aset dipegang untuk dijual	56	4,370	48,995	-	-
Jumlah Liabiliti		**117,644,612**	**118,296,400**	**1,243,259**	**1,246,873**
Modal Saham	26	3,014,185	3,014,185	3,014,185	3,014,185
Rizab	27	12,154,293	11,440,960	5,402,121	5,415,383
Ekuiti milik pemegang-pemegang ekuiti Syarikat		15,168,478	14,455,145	8,416,306	8,429,568
Kepentingan bukan mengawal	29	950,910	1,052,279	-	-
Jumlah Ekuiti		**16,119,388**	**15,507,424**	**8,416,306**	**8,429,568**
JUMLAH LIABILITI DAN EKUITI		**133,764,000**	**133,803,824**	**9,659,565**	**9,676,441**
KOMITMEN DAN LUAR JANGKAAN	47	**125,037,110**	**116,765,056**	**-**	**-**
ASET BERSIH SESAHAM (RM)	52	**5.03**	**4.80**	**2.79**	**2.80**

Nota-nota yang dilampirkan adalah bahagian penting dalam penyata-penyata kewangan.

Penyata-Penyata Pendapatan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Mac 2016

	Nota	Kumpulan		Syarikat	
		31 Mac 2016 RM'000	31 Mac 2015 RM'000	31 Mac 2016 RM'000	31 Mac 2015 RM'000
Hasil operasi	53	8,416,039	9,142,521	664,258	1,390,013
Pendapatan faedah	30	4,097,215	4,327,234	1,240	4,655
Perbelanjaan faedah	31	(2,459,459)	(2,346,099)	(56,277)	(67,116)
Pendapatan/(perbelanjaan) faedah bersih		1,637,756	1,981,135	(55,037)	(62,461)
Pendapatan bersih daripada perniagaan perbankan Islam	57(XXVI)	805,837	864,687	-	-
Pendapatan daripada perniagaan insurans	54(III)	1,447,839	1,495,615	-	-
Tuntutan insurans dan komisen	54(III)	(1,068,519)	(1,077,566)	-	-
Pendapatan bersih daripada perniagaan insurans	54(III)	379,320	418,049	-	-
Pendapatan operasi lain	32	870,393	1,457,585	663,018	1,385,358
Bahagian keuntungan bersih syarikat-syarikat bersekutu dan usaha sama		2,502	3,188	-	-
Pendapatan bersih		3,695,808	4,724,644	607,981	1,322,897
Perbelanjaan operasi lain	33	(2,176,863)	(2,089,442)	(20,062)	(11,224)
Perolehan/(perolehan) kecekapan perniagaan	35	2,558	(68,436)	-	-
Keuntungan operasi		1,521,503	2,566,766	587,919	1,311,673
Masuk kira semula untuk rosot nilai pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan	36	164,092	30,534	-	-
Masuk kira semula/(kerugian) bersih rosot nilai atas:					
Pelaburan kewangan	37	11,924	(2,541)	-	-
Lain-lain belum terima ragu bersih		(4,046)	36,867	-	-
Harta-harta dirampas	17(e)(iii)	(277)	(5,770)	-	-
Hartanah dan peralatan	18	(700)	(4,116)	-	-
Aset tidak ketara	19	(919)	(1,336)	-	-
Masuk kira semula peruntukan untuk komitmen dan luar jangkaan	25(i)	40,841	19,255	-	-
Pindahan ke rizab penyamaan keuntungan	25(ii)	(1,406)	(35,379)	-	-
Keuntungan sebelum pencukaian dan zakat		1,731,012	2,604,280	587,919	1,311,673
Pencukaian dan zakat	38	(331,533)	(559,727)	(309)	(1,197)
Keuntungan bagi tahun kewangan		**1,399,479**	**2,044,553**	**587,610**	**1,310,476**
Milik:					
Pemegang-pemegang ekuiti Syarikat		1,302,206	1,918,630	587,610	1,310,476
Kepentingan bukan mengawal		97,273	125,923	-	-
Keuntungan bagi tahun kewangan		**1,399,479**	**2,044,553**	**587,610**	**1,310,476**
PENDAPATAN SESAHAM (SEN)	40				
Asas		**43.33**	**63.83**		
Dicairkan		**43.33**	**63.82**		

Nota-nota yang dilampirkan adalah bahagian penting dalam penyata-penyata kewangan.

Penyata-Penyata Pendapatan Komprehensif

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Mac 2016

	Nota	Kumpulan		Syarikat	
		31 Mac 2016 RM'000	31 Mac 2015 RM'000	31 Mac 2016 RM'000	31 Mac 2015 RM'000
Keuntungan untuk tahun kewangan		1,399,479	2,044,553	587,610	1,310,476
Pendapatan/(kerugian) komprehensif lain:					
Butiran yang tidak akan diklasifikasikan semula kepada penyata pendapatan					
Pengukuran semula pelan manfaat ditentukan		781	1,016	-	-
Kesan cukai pendapatan	39	(154)	(224)	-	-
		627	792	-	-
Butiran yang mungkin akan diklasifikasikan semula kepada penyata pendapatan					
Terjemahan operasi luar negeri		21,993	60,237	-	-
Perubahan bersih atas perlindungan nilai aliran tunai		5,173	(4,672)	-	-
Pelaburan kewangan sedia untuk dijual					
- keuntungan/(kerugian) tidak direalisasi bersih ke atas perubahan saksama		28,306	120,046	-	-
- keuntungan bersih diklasifikasikan ke penyata kewangan		(38,529)	(56,980)	-	-
- bahagian pergerakan rizab dalam perniagaan usaha sama ekuiti		2,863	3,303	-	-
Kesan cukai pendapatan	39	(5,887)	(13,138)	-	-
		13,919	108,796	-	-
Pendapatan/(kerugian) komprehensif lain bagi tahun kewangan, ditolak cukai	39	14,546	109,588	-	-
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun kewangan		**1,414,025**	**2,154,141**	**587,610**	**1,310,476**
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun kewangan milik:					
Pemegang-pemegang ekuiti Syarikat		1,315,459	2,039,275	587,610	1,310,476
Kepentingan bukan mengawal		98,566	114,866	-	-
		1,414,025	**2,154,141**	**587,610**	**1,310,476**

Nota-nota yang dilampirkan adalah bahagian penting dalam penyata kewangan.

Penyata-Penyata Perubahan Dalam Ekuiti

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Mac 2016

		Milik pemegang ekuiti Syarikat														
		Tidak boleh diagihkan										Boleh diagihkan				
												Perolehan tertahan				
Kumpulan	Nota	Modal saham RM'000	Premium saham RM'000	Rizab berkanun RM'000	Rizab kawal selia RM'000	Rizab penyamaan keuntungan RM'000	Rizab/ (Defisit) AFS RM'000	Rizab/ (Defisit) perlin-dungan nilai aliran tunai RM'000	Rizab terjemahan matawang asing RM'000	Rizab Skim Saham Eksekutif RM'000	Saham Dipegang Amanah bagi ESS RM'000	Dana tanpa penyertaan RM'000	RM'000	Jumlah RM'000	Kepentin-gan bukan mengawal RM'000	Jumlah ekuiti RM'000
Pada 1 April 2014		3,014,185	2,537,372	1,938,849	-	1,260	(41,687)	3,030	8,213	79,456	(58,434)	132,993	5,527,704	13,142,941	951,448	14,094,389
Keuntungan bagi tahun kewangan		-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	1,918,630	1,918,630	125,923	2,044,553
Pendapatan/(kerugian) komprehensif lain, bersih		-	-	-	-	-	63,509	(3,511)	60,243	-	-	-	404	120,645	(11,057)	109,588
Keuntungan/(kerugian) Bersih atas pelaburan kewangan sedia untuk dijual	39	-	-	-	-	-	63,509	-	-	-	-	-	-	63,509	(11,439)	52,070
Kerugian bersih atas perlindungan nilai aliran tunai	39	-	-	-	-	-	-	(3,511)	-	-	-	-	-	(3,511)	-	(3,511)
Terjemahan operasi asing	39	-	-	-	-	-	-	-	60,243	-	-	-	-	60,243	(6)	60,237
Pengukuran semula liabiliti manfaat tertentu	39	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	404	404	388	792
Jumlah pendapatan/(kerugian) komprehensif bagi tahun kewangan		-	-	-	-	-	63,509	(3,511)	60,243	-	-	-	1,919,034	2,039,275	114,866	2,154,141
Pembelian saham menurut Skim Saham Eksekutif ("ESS")^		-	-	-	-	-	-	-	-	-	(81,655)	-	-	(81,655)	-	(81,655)
Pembayaran saham menurut ESS, bersih		-	-	-	-	-	-	-	-	32,455	-	-	-	32,455	-	32,455
Saham ESS diletak hak kepada pekerja subsidiari-subsidiari		-	-	-	-	-	-	-	-	(41,918)	53,979	-	-	12,061	-	12,061
Pindahan saham ESS dicaj semula - perbezaan harga belian saham-saham diletak hak		-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	(4,252)	(4,252)	(100)	(4,352)
Pindahan ke rizab kawal selia		-	-	-	2,800	-	-	-	-	-	-	-	(2,800)	-	-	-
Penggunaan bersih rizab penyamaan keuntungan		-	-	-	-	2,644	-	-	-	-	-	-	(2,644)	-	-	-
Pemindahan lebihan tidak diagihkan		-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	63,800	(54,175)	9,625	-	9,625
Penebusan saham dalam subsidiari-subsidiari		-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	(2,543)	(2,543)
Hasil dari pelupusan kepentingan ekuiti dalam subsidiari		-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	(142,618)	318,412	175,794	-	175,794
Dividen dibayar	41	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	(871,099)	(871,099)	(11,392)	(882,491)
Transaksi dengan pemilik dan perubahan ekuiti lain		-	-	-	2,800	2,644	-	-	-	(9,463)	(27,676)	(78,818)	(616,558)	(727,071)	(14,035)	(741,106)
Pada 31 Mac 2015		**3,014,185**	**2,537,372**	**1,938,849**	**2,800**	**3,904**	**21,822**	**(481)**	**68,456**	**69,993**	**(86,110)**	**54,175**	**6,830,180**	**14,455,145**	**1,052,279**	**15,507,424**

Nota-nota yang dilampirkan adalah bahagian penting dalam penyata kewangan.

Penyata-Penyata Perubahan Dalam Ekuiti (SAMB.)

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Mac 2016

		Milik pemegang ekuiti Syarikat														
			Tidak boleh diagihkan										Boleh diagihkan			
												Perolehan tertahan				
Kumpulan	Nota	Modal saham RM'000	Premium saham RM'000	Rizab berkanun RM'000	Rizab kawal selia RM'000	Rizab penyamaan keuntungan RM'000	Rizab/ (Defisit) AFS RM'000	Rizab/ (Defisit) perlin-dungan nilai aliran tunai RM'000	Rizab terjemahan matawang asing RM'000	Rizab Skim Saham Eksekutif RM'000	Saham Dipegang Amanah bagi ESS RM'000	Dana tanpa penyertaan RM'000	RM'000	Jumlah RM'000	Kepentin-gan bukan mengawal RM'000	Jumlah ekuiti RM'000
Pada 1 April 2015		3,014,185	2,537,372	1,938,849	2,800	3,904	21,822	(481)	68,456	69,993	(86,110)	54,175	6,830,180	14,455,145	1,052,279	15,507,424
Keuntungan bagi tahun kewangan		-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	1,302,206	1,302,206	97,273	1,399,479
Pendapatan/(kerugian) komprehensif lain, bersih		-	-	-	-	-	(13,187)	4,117	22,003	-	-	-	320	13,253	1,293	14,546
Keuntungan/(kerugian) Bersih atas pelaburan kewangan sedia untuk dijual	39	-	-	-	-	-	(13,187)	-	-	-	-	-	-	(13,187)	996	(12,191)
Kerugian bersih atas perlindungan nilai aliran tunai	39	-	-	-	-	-	-	4,117	-	-	-	-	-	4,117	-	4,117
Terjemahan operasi asing	39	-	-	-	-	-	-	-	22,003	-	-	-	-	22,003	(10)	21,993
Pengukuran semula liabiliti manfaat tertentu	39	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	320	320	307	627
Jumlah pendapatan/(kerugian) komprehensif bagi tahun kewangan		-	-	-	-	-	(13,187)	4,117	22,003	-	-	-	1,302,526	1,315,459	98,566	1,414,025
Pembelian saham menurut Skim Saham Eksekutif ("ESS")^^		-	-	-	-	-	-	-	-	-	(3,004)	-	-	(3,004)	-	(3,004)
Bayaran berasaskan saham di bawah ESS, bersih		-	-	-	-	-	-	-	-	10,722	-	-	-	10,722	-	10,722
ESS diletak hak kepada pekerja subsidiari-subsidiari		-	-	-	-	-	-	-	-	(30,977)	33,271	-	-	2,294	-	2,294
Pindahan saham ESS dicaj semula - perbezaan harga belian saham-saham diletak hak		-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	(258)	(258)	(33)	(291)
Pindahan ke rizab kawal selia		-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Penggunaan bersih rizab penyamaan keuntungan		-	-	-	-	(3,904)	-	-	-	-	-	-	3,904	-	-	-
Pindahan lebihan tidak diagihkan		-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	(8,460)	8,460	-	-	-
Penebusan saham dalam subsidiari		-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	(3,677)	(3,677)
Hasil dari pelupusan kepentingan ekuiti dalam subsidiari		-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Pengklasifikasian semula rizab pertukaran mata wang asing		-	-	-	-	-	-	-	(6,160)	-	-	-	6,160	-	-	-
Dividen dibayar	41	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	(611,880)	(611,880)	(196,225)	(808,105)
Transaksi dengan pemilik dan perubahan ekuiti lain		-	-	-	-	(3,904)	-	-	-	(20,255)	30,267	(8,460)	(593,614)	(602,126)	(199,935)	(802,061)
Pada 31 Mac 2016		**3,014,185**	**2,537,372**	**1,938,849**	**2,800**	**-**	**8,635**	**3,636**	**84,299**	**49,738**	**(55,843)**	**45,715**	**7,539,092**	**15,168,478**	**950,910**	**16,119,388**

Penyata-Penyata Perubahan Dalam Ekuiti (SAMB.)

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Mac 2016

		Milik pemegang ekuiti Syarikat					
			Tidak boleh diagihkan			Boleh diagihkan	
Syarikat	Nota	Modal saham RM'000	Premium saham RM'000	Rizab skim saham eksekutif RM'000	Saham dipegang amanah untuk ESS RM'000	Perolehan tertahan RM'000	Jumlah ekuiti RM'000
Pada 1 April 2014		3,014,185	2,536,065	79,456	(58,434)	2,454,052	8,025,324
Keuntungan bagi tahun kewangan		-	-	-	-	1,310,476	1,310,476
Pendapatan komprehensif lain, bersih		-	-	-	-	-	-
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun kewangan		-	-	-	-	1,310,476	1,310,476
Pembelian saham menurut Skim Saham Eksekutif ("ESS")^		-	-	-	(81,655)	-	(81,655)
Pembayaran saham menurut ESS, bersih		-	-	32,455	-	-	32,455
Saham ESS diletak hak kepada pekerja subsidiari-subsidiari		-	-	(41,918)	53,979	2,006	14,067
Dividen dibayar	41	-	-	-	-	(871,099)	(871,099)
Transaksi dengan pemilik dan perubahan ekuiti lain		-	-	(9,463)	(27,676)	(869,093)	(906,232)
Pada 31 Mac 2015		**3,014,185**	**2,536,065**	**69,993**	**(86,110)**	**2,895,435**	**8,429,568**
Pada 1 April 2015		3,014,185	2,536,065	69,993	(86,110)	2,895,435	8,429,568
Keuntungan bagi tahun kewangan		-	-	-	-	587,610	587,610
Pendapatan komprehensif lain, bersih		-	-	-	-	-	-
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun kewangan		-	-	-	-	587,610	587,610
Pembelian saham menurut Skim Saham Eksekutif ("ESS")^^		-	-	-	(3,004)	-	(3,004)
Pembayaran saham menurut ESS, bersih		-	-	10,722	-	-	10,722
Saham ESS diletak hak kepada pekerja subsidiari-subsidiari		-	-	(30,977)	33,271	996	3,290
Dividen dibayar	41	-	-	-	-	(611,880)	(611,880)
Transaksi dengan pemilik dan perubahan ekuiti lain		-	-	(20,255)	30,267	(610,884)	(600,872)
Pada 31 Mac 2016		**3,014,185**	**2,536,065**	**49,738**	**(55,843)**	**2,872,161**	**8,416,306**

^ Mewakili pembelian saham-saham biasa Syarikat yang diterbitkan sebanyak 12,221,600 daripada pasaran terbuka oleh pemegang amanah yang dilantik oleh jawatankuasa ESS pada harga purata RM6.68 sesaham.

^^ Mewakili pembelian saham-saham biasa Syarikat yang diterbitkan sebanyak 472,400 daripada pasaran terbuka oleh pemegang amanah yang dilantik oleh jawatankuasa ESS pada harga purata RM6.36 sesaham.

Nota-nota yang dilampirkan adalah bahagian penting dalam penyata kewangan.

Penyata-Penyata Aliran Tunai

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Mac 2016

	Nota	Kumpulan 31 Mac 2016 RM'000	Kumpulan 31 Mac 2015 (dinyatakan semula) (Nota 58) RM'000	Syarikat 31 Mac 2016 RM'000	Syarikat 31 Mac 2015 RM'000
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI KENDALIAN					
Keuntungan sebelum pencukaian dan zakat		1,731,012	2,604,280	587,919	1,311,673
Pelarasan untuk:					
Pelunasan keuntungan nilai saksama lindung nilai ditamatkan		(27,313)	(26,664)		
Pelunasan aset tidak ketara	33,35	97,936	85,173	-	-
Pelunasan kos pengeluaran modal hutang		292	223	-	-
Pertambahan diskaun tolak pelunasan premium untuk sekuriti		(135,673)	(150,243)	-	-
Susut nilai hartanah dan peralatan	33,35	57,193	62,458	159	169
Kerugian/(keuntungan) atas jualan hartanah dan peralatan	32	520	(30)	-	-
Pendapatan dividen kasar daripada pelaburan	32	(46,961)	(40,753)	(662,867)	(1,384,876)
Kerugian rosotnilai/(masuk kira semula) ke atas penghutang ragu, bersih		4,046	(36,867)	-	-
Kerugian rosotnilai/(masuk kira semula) ke atas pelaburan kewangan	37	(11,924)	2,541	-	-
Kerugian rosotnilai ke atas harta-harta dirampas	17(b)(iii)	277	5,770	-	-
Kerugian rosotnilai ke atas hartanah dan peralatan	18	700	4,116	-	-
Kerugian rosotnilai ke atas aset tidak ketara	19	919	1,336	-	-
Hartanah dan peralatan dihapus kira	33	22	180	-	-
Penyerahan balik lesen hak perdagangan	33	154	-	-	-
Pelbagai belum terima runcit dihapus kira		-	176	-	-
Peruntukan bagi kerugian pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan, bersih	36	403,050	595,623	-	-
Kerugian/(keuntungan) bersih atas penilaian semula derivatif		191,879	(103,915)	-	-
Keuntungan bersih atas penilaian semula aset kewangan dipegang untuk urus niaga		(1,865)	(27,349)	-	-
(Keuntungan)/kerugian bersih daripada jualan aset kewangan dipegang untuk urus niaga		(12,812)	24,903	-	-
Keuntungan bersih dari jualan pelaburan kewangan sedia untuk dijual		(60,244)	(56,850)	-	-
Keuntungan bersih atas pelupusan subsidiari	32	(11,965)	(475,873)	-	-
Masuk kira semula peruntukan untuk komitmen dan luar jangkaan		(40,841)	(19,255)	-	-
Skim saham dan opsyen yang diberikan di bawah Skim Saham Eksekutif ("ESS")	33	11,036	31,386	-	-
Bahagian keuntungan bersih syarikat-syarikat bersekutu dan usaha sama		(2,502)	(3,188)	-	-
Pindahkan ke rizab penyamaan keuntungan		1,406	35,379	-	-
Kerugian tidak direalisasi daripada pembiayaan jangka dan modal hutang		195,797	294,100	-	-
Keuntungan ke atas pembayaran balik modal oleh subsidiari		(21,706)	-	-	-
Keuntungan/(kerugian) kendalian sebelum perubahan modal kerja		2,322,433	2,806,657	(74,789)	(73,034)
Pengurangan/(pertambahan) dalam aset kendalian:					
Sekuriti dibeli di bawah perjanjian jual balik		-	(50,336)	-	-
Deposit dan simpanan dengan bank dan institusi-institusi kewangan lain		538,814	(1,423,879)	-	-
Aset kewangan dipegang untuk urusniaga		(215,933)	(732,730)	-	-
Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan		(739,915)	474,078	-	-
Aset-aset insurans dan takaful semula dan lain-lain penghutang insurans belum diterima		(79,626)	35,604	-	-
Aset-aset lain		721,221	(648,562)	(7,738)	(5,628)
Deposit berkanun dengan Bank Negara Malaysia		624,446	(91,630)	-	-
Pertambahan/(pengurangan) dalam liabiliti operasi					
Deposit daripada pelanggan		(1,771,473)	2,431,171	-	-
Akaun pelaburan daripada pelanggan		18,411	-	-	-
Deposit dan simpanan dengan bank dan institusi-institusi kewangan lain		(557,895)	(1,819,259)	-	-
Pendanaan berjangka		226,077	1,451,174	-	(700,000)
Kewajipan rekursa atas pinjaman dan pembiayaan dijual kepada Cagamas Berhad		1,167,838	(546,941)	-	-
Insurans, kontrak liabiliti takaful dan lain-lain penghutang insurans belum dibayar		216,811	23,977	-	-
Liabiliti-liabiliti lain		17,630	427,985	(3,891)	(11,752)
Tunai dijana daripada/(digunakan dalam) kendalian		2,488,839	2,337,309	(86,418)	(790,414)
Cukai dan zakat (dibayar)/dikembalikan, bersih		(568,536)	(549,615)	4,117	(1,519)
Tunai bersih dijana daripada/(diguna dalam) aktiviti kendalian		1,920,303	1,787,694	(82,301)	(791,933)

Nota-nota yang dilampirkan adalah bahagian penting dalam penyata kewangan.

Penyata-Penyata Aliran Tunai (SAMB.)

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Mac 2016

	Nota	Kumpulan 31 Mac 2016 RM'000	Kumpulan 31 Mac 2015 (dinyatakan semula) (Nota 58) RM'000	Syarikat 31 Mac 2016 RM'000	Syarikat 31 Mac 2015 RM'000
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN					
(Pembelian)/Jualan daripada pelaburan kewangan, bersih		(1,410,066)	1,379,430	(8,166)	79,740
Dividen bersih diterima daripada lain-lain pelaburan		46,961	30,565	-	-
Perolehan daripada jualan hartanah dan peralatan		8,032	429	-	-
Perolehan daripada pelupusan aset dipegang untuk jualan	56 (b)	83,775	-	-	-
Langganan saham dalam usaha sama		(15,000)	-	-	-
Pembelian hartanah dan peralatan	18	(114,240)	(75,876)	-	-
Pembelian aset tidak ketara	19	(130,354)	(86,020)	-	-
Dividen bersih diterima daripada subsidiari-subsidiari		-	-	659,877	1,381,267
Belian bersih belum terima: pelaburan tidak disebut harga dalam		(10,000)	(378,193)	-	-
pasaran aktif		(3,004)	(81,655)	(3,004)	(81,655)
Pembelian saham-saham bagi ESS oleh pemegang amanah		33,271	53,979	33,271	53,978
Aliran tunai (digunakan dalam)/dijana daripada aktiviti pelaburan		(1,510,625)	842,659	681,978	1,433,330
Pemindahan saham ESS dicaj semula - perbezaan harga pembelian untuk saham terletak hak		(258)	(4,252)	995	2,006
Dividen bersih diterima daripada syarikat bersekutu		8,202	12,459	-	-
Tunai (keluar)/masuk dari pelupusan subsidiari-subsidiari		(40,221)	653,038	-	-
Tunai bersih dijana daripada/(diguna dalam) aktiviti pelaburan		(1,542,902)	1,503,904	682,973	1,435,336
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN					
Perolehan daripada terbitan saham oleh subsidiari kepada kepentingan bukan mengawal		(3,677)	(2,543)	-	-
Perolehan dari sukuk bersubordinat		250,000	-	-	-
Bayaran balik saham keutamaan bukan kumulatif dan tanpa jaminan undi		(827,737)	-	-	-
Bayaran balik nota-nota berjangka sederhana		-	(247,800)	-	-
Dividen dibayar oleh Syarikat kepada pemegang-pemegang saham		(611,880)	(871,099)	(611,880)	(871,099)
Dividen dibayar oleh subsidiari kepada kepentingan bukan mengawal		(196,225)	(11,392)	-	-
Tunai bersih digunakan dalam aktiviti kewangan		(1,389,519)	(1,132,834)	(611,880)	(871,099)
Pertambahan/(pengurangan) bersih tunai dan kesamaan tunai		(1,012,118)	2,158,764	(11,208)	(227,696)
Tunai dan kesamaan tunai pada awal tahun kewangan		13,629,676	11,471,077	37,595	265,291
Kesan perubahan kadar pertukaran matawang		7,663	(165)	-	-
Tunai dan kesamaan tunai pada akhir tahun kewangan (Nota 1)		**12,625,221**	**13,629,676**	**26,387**	**37,595**

Nota 1: Tunai dan kesamaan tunai

Tunai dan kesamaan tunai yang dimasukkan dalam penyata-penyata aliran tunai terdiri daripada jumlah berikut:

	Kumpulan 31 Mac 2016 RM'000	Kumpulan 31 Mac 2015 (dinyatakan semula) (Nota 58) RM'000	Syarikat 31 Mac 2016 RM'000	Syarikat 31 Mac 2015 RM'000
Tunai dan dana jangka pendek	11,988,321	10,758,600	21,033	12,464
Deposit dan simpanan dengan bank dan institusi kewangan lain	1,333,630	4,068,819	5,354	25,131
Diklasifikasikan semula kepada aset dipegang untuk jualan (Nota 56(a))	3,369	41,169	-	-
Tolak: Deposit dengan tempoh matang asal lebih daripada 3 bulan	(700,099)	(1,238,912)	-	-
Tunai dan kesamaan tunai	**12,625,221**	**13,629,676**	**26,387**	**37,595**

Nota-nota yang dilampirkan adalah bahagian penting dalam penyata kewangan.

Nota-Nota Kepada Penyata-Penyata Kewangan

Pada 31 Mac 2016

1. MAKLUMAT KORPORAT

AMMB Holdings Berhad ("AMMB" atau "Syarikat") merupakan sebuah syarikat awam liabiliti terhad yang ditubuhkan dan bermastautin di Malaysia, dan disenaraikan di Bursa Malaysia Securities Berhad ("Bursa Malaysia"). Pejabat berdaftar Syarikat terletak di Tingkat 22, Bangunan AmBank Group, No. 55, Jalan Raja Chulan, 50200 Kuala Lumpur.

Aktiviti utama Syarikat adalah pemegangan pelaburan.

Subsidiari-subsidiari, seperti yang disenaraikan dalam Nota 15, menyediakan rangkaian meluas perbankan borong, perbankan runcit, perbankan pelaburan, dan perkhidmatan kewangan berkaitan yang juga termasuk perniagaan perbankan Islam, penaja jaminan insurans am dan hayat, takaful keluarga, pembrokeran stok dan saham, pembrokeran niaga hadapan, khidmat nasihat pelaburan dan aset, dan perkhidmatan pengurusan amanah pelaburan hartanah dan unit amanah. Dalam tahun kewangan, Kumpulan telah menyempurnakan pelupusan PT AmCapital Indonesia ("AMCI") dan subsidiarinya.

Tidak ada perubahan ketara dalam aktiviti Kumpulan dan Syarikat dalam tahun kewangan, selain daripada yang dinyatakan di atas.

Penyata kewangan yang disatukan Syarikat dan subsidiari-subsidiarinya ("Kumpulan AMMB" atau "Kumpulan") dan penyata kewangan berasingan Syarikat telah diluluskan dan dibenarkan untuk diterbitkan oleh Lembaga Pengarah pada 5 May 2016.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN

2.1 Asas penyediaan

Penyata kewangan disediakan berdasarkan asas kos sejarah kecuali dinyatakan sebaliknya dalam penyata kewangan.

2.2 Pernyataan Pematuhan

Penyata kewangan Kumpulan yang disatukan dan penyata kewangan Syarikat yang berasingan telah disediakan mengikut Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia ("MFRS"), Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa ("IFRS"), dan keperluan Akta Syarikat 1965 di Malaysia.

2.3 Pembentangan penyata kewangan

Penyata kewangan dibentangkan dalam Ringgit Malaysia ("RM") dan semua nilai dibundarkan kepada ribu yang terdekat ("RM'000") kecuali dinyatakan sebaliknya.

Penyata kedudukan kewangan dibentangkan dalam turutan kecairan. Analisis berkenaan pemerolehan semula atau penyelesaian dalam tempoh 12 bulan selepas tarikh pelaporan (iaitu "semasa") dan lebih daripada 12 bulan selepas tarikh pelaporan (iaitu "bukan semasa") dibentangkan dalam Nota 48.

2.4 Asas penyatuan

Penyata kewangan yang disatukan terdiri daripada penyata kewangan Kumpulan dan subsidiari-subsidiarinya pada tahun berakhir 31 Mac 2015.

Subsidiari-subsidiari adalah entiti-entiti (termasuk entiti berstruktur) yang mana Kumpulan mempunyai kawalan.

Kumpulan mempunyai kuasa ke atas penerima pelaburan jika:
- Kuasa terhadap penerima pelaburan (iaitu hak-hak sedia ada yang memberinya keupayaan semasa untuk mengarah aktiviti-aktiviti penerima pelaburan);
- Pendedahan, atau hak-hak, ke atas pulangan boleh ubah daripada pembabitannya dengan penerima pelaburan; dan
- Keupayaan menggunakan kuasanya ke atas penerima pelaburan untuk mempengaruhi pulangannya.

Apabila Kumpulan mempunyai kurang daripada majoriti dalam undian atau hak yang sama ke atas penerima pelaburan, Kumpulan mempertimbangkan semua fakta dan keadaan-keadaan berkaitan dalam menilai sama ada ia mempunyai kuasa ke atas penerima pelaburan, termasuk:
- Persetujuan kontrak dengan pemilik undi lain dalam penerima pelaburan tersebut
- Hak yang wujud daripada persetujuan kontrak yang lain; dan
- Hak mengundi dan potensi hak untuk mengundi Kumpulan

Kumpulan menilai semula sama ada atau tidak ia mengawal penerima pelaburan jika fakta dan keadaan menunjukkan terdapat perubahan kepada satu atau lebih daripata tiga elemen kawalan berkenaan. Penyatuan subsidiari bermula apabila Kumpulan memperoleh kawalan ke atas subsidiari dan berakhir apabila Kumpulan kehilangan kawalan terhadap subsidiari tersebut. Aset, liabiliti, pendapatan dan perbelanjaan subsidiari yang diambil alih atau dilupus semasa tahun kewangan dimasukkan dalam penyata pendapatan komprehensif dari tarikh Kumpulan mempunyai kawalan sehingga tarikh Kumpulan berhenti mengawal subsidiari tersebut.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (SAMB.)

2.4 Asas penyatuan (Samb.)

Penyata pendapatan dan setiap komponen pendapatan komprehensif lain ("OCI") adalah milik pemegang ekuiti entiti induk Kumpulan dan kepentingan bukan mengawal, walaupun ini akan menyebabkan kepentingan bukan mengawal mempunyai baki defisit. Apabila perlu, pelarasan-pelarasan dibuat pada penyata kewangan subsidiari-subsidiari untuk melaraskan polisi-polisi perakaunan mereka agar sejajar dengan polisi-polisi perakaunan Kumpulan. Semua aset dan liabiliti, ekuiti, pendapatan, perbelanjaan dan aliran tunai intra-Kumpulan,yang berkaitan dengan urus niaga antara entiti-entiti dalam Kumpulan dihapuskan sepenuhnya dalam penyatuan.

Perubahan dalam pemilikan kepentingan sesebuah subsidiari, tanpa kehilangan kawalan, dikira sebagai urus niaga ekuiti. Jika Kumpulan kehilangan kawalan terhadap sesebuah subsidiari, ia:

- Menyahiktiraf aset (termasuk muhibah) dan liabiliti subsidiari tersebut
- Menyahiktiraf jumlah dibawa mana-mana kepentingan bukan mengawal
- Menyahiktiraf perbezaan tukaran asing terkumpul yang direkodkan dalam ekuiti
- Mengiktiraf nilai saksama perolehan yang diterima
- Mengiktiraf nilai saksama mana-mana pelaburan yang masih dipegang
- Mengiktiraf mana-mana lebihan atau defisit dalam penyata pendapatan; dan
- Mengklasifikasi semula bahagian komponen syarikat induk yang diiktiraf sebelum ini dalam pendapatan komprehensif (OCI) kepada penyata pendapatan atau perolehan tertahan, jika sesuai, seperti diperlukan jika Kumpulan telah secara langsung melupuskan aset atau liabiliti berkaitan

2.5 Ringkasan dasar-dasar perakaunan utama

(a) Kombinasi perniagaan dan muhibah

Kombinasi perniagaan diambil kira dengan menggunakan kaedah pengambilalihan. Kos sesuatu pengambilalihan diukur sebagai agregat perolehan yang dipindahkan, diukur pada nilai saksama pada tarikh pengambilalihan dan jumlah mana-mana kepentingan bukan mengawal dalam pihak yang diambil alih. Bagi setiap kombinasi perniagaan, Kumpulan memilih sama ada ia mengukur kepentingan bukan mengawal dalam pihak yang diambil alih sama ada pada nilai saksama atau pada bahagian tertentu aset bersih pihak diambil alih yang boleh dikenal pasti.

Kos berkaitan pengambilalihan dikira sebagai perbelanjaan apabila ia berlaku.

Apabila Kumpulan mengambil alih sesebuah perniagaan, ia menilai aset dan liabiliti kewangan yang diambil alih bagi pengelasan dan penetapan menurut terma kontrak, keadaan ekonomi dan syarat penting pada tarikh pengambilalihan. Ini termasuk pemisahan derivatif terbenam dalam kontrak utama oleh pihak yang diambil alih.

Jika kombinasi perniagaan dicapai secara berperingkat, sebarang kepentingan ekuiti yang dipegang sebelumnya diukur semula pada nilai saksama pada tarikh pengambilalihan dan sebarang keuntungan atau kerugian diiktiraf dalam penyata pendapatan. Ia kemudian diambil kira dalam menentukan muhibah.

Sebarang pertimbangan luar jangka yang perlu dipindahkan oleh pengambil alih diiktiraf pada nilai saksama pada tarikh pengambilalihan. Pertimbangan luar jangka yang diklasifikasi sebagai aset atau liabiliti yang adalah instrumen kewangan dan dalam skop MFRS 139, adalah dinilai pada nilai saksama dengan perubahan pada nilai saksama diiktiraf sama ada dalam penyata pendapatan atau sebagai perubahan dalam OCI. Jika pertimbangan luar jangka di luar skop MFRS 139, ia dinilai mengikut MFRS yang bersesuaian. Pertimbangan luar jangka yang diklasifikasikan sebagai ekuiti tidak diukur semula dan penyelesaian selanjutnya dikira sebagai sebahagian ekuiti.

Muhibah pada mulanya diukur pada kos iaitu lebihan agregat perolehan dipindahkan dan jumlah yang diiktiraf bagi kepentingan bukan mengawal, dan sebarang kepentingan yang dipegang sebelumnya, ke atas aset bersih yang boleh dikenal pasti yang diperoleh dan liabiliti yang diambil. Jika nilai saksama aset bersih yang diambil alih adalah lebihan agregat perolehan dipindahkan, Kumpulan menilai semula sama ada ia telah mengenal pasti semua aset yang diambil alih dan semua liabiliti yang ditanggung dengan betul dan menyemak prosedur-prosedur yang digunakan untuk menilai jumlah yang diiktiraf pada tarikh pengambilalihan. Jika penilaian semula masih menunjukkan keputusan lebihan nilai saksama aset bersih yang diambil alih berbanding lebihan agregat perolehan yang dipindahkan, keuntungan itu akan diiktiraf dalam penyata pendapatan.

Selepas pengiktirafan awal, muhibah diukur pada kos, tolak mana-mana kerugian rosot nilai terkumpul. Bagi tujuan ujian rosotnilai, muhibah yang diambil alih dalam kombinasi perniagaan, dari tarikh pengambilalihan, diperuntukkan bagi setiap unit penjana tunai Kumpulan("CGU") yang dijangka meraih manfaat daripada penyatuan tersebut, tanpa mengira sama ada aset atau liabiliti lain syarikat yang diambil alih diserahkan kepada unit tersebut.

Apabila muhibah diperuntukkan kepada CGU dan sebahagian daripada kendalian dalam unit itu dilupuskan, muhibah berkaitan dengan kendalian yang dilupuskan dimasukkan dalam jumlah dibawa kendalian tersebut apabila menentukan keuntungan atau kerugian atas pelupusan. Muhibah yang dijual dalam situasi ini diukur berasaskan nilai relatif kendalian yang dilupuskan dan bahagian CGU yang dikekalkan.

(b) Pelaburan dalam subsidiari-subsidiari

Dalam penyata kewangan berasingan Syarikat, pelaburan dalam subsidiari dikira pada kos tolak kerugian rosotnilai terkumpul. Ketika pelupusan pelaburan tersebut, perbezaan antara hasil pelupusan bersih dan amaun dibawanya dimasukkan dalam penyata pendapatan.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (SAMB.)

2.5 Ringkasan dasar-dasar perakaunan utama (Samb.)

(c) Pelaburan dalam syarikat bersekutu dan usaha sama

Sesebuah syarikat bersekutu ialah sebuah entiti yang mana Kumpulan mempunyai pengaruh signifikan. Pengaruh signifikan adalah kuasa untuk mengambil bahagian dalam membuat keputusan mengenai dasar kewangan dan kendalian penerima pelaburan tetapi tidak mengawal atau kawalan bersama terhadap dasar-dasar berkenaan.

Sesebuah usaha sama ialah sejenis pengaturan bersama di mana pihak-pihak yang mempunyai kawalan bersama terhadap pengaturan tersebut mempunyai hak ke atas aset bersih usaha sama tersebut. Kawalan bersama ialah persetujuan berkontrak mengenai perkongsian kawalan ke atas sesuatu pengaturan, yang hanya wujud apabila keputusan mengenai aktiviti-aktiviti berkaitan memerlukan persetujuan sebulat suara pihak-pihak yang berkongsi kawalan.

Pertimbangan yang dibuat dalam menentukan pengaruh ketara atau kawalan bersama adalah sama seperti apa yang diperlukan dalam menentukan kawalan ke atas subsidiari-subsidiari.

Pelaburan Kumpulan dalam syarikat bersekutu dan usaha sama dikira menggunakan kaedah perakaunan ekuiti.

Mengikut kaedah ekuiti, pelaburan dalam syarikat bersekutu atau usaha sama pada awalnya diiktiraf pada kos. Amaun dibawa pelaburan berkenaan dilaraskan bagi mengiktiraf perubahan dalam bahagian aset bersih Kumpulan dalam syarikat bersekutu atau usaha sama sejak tarikh perolehan. Muhibah berkaitan syarikat bersekutu atau usaha sama dimasukkan dalam amaun dibawa pelaburan tersebut dan ia tidak dilunaskan atau diuji secara individu untuk rosotnilai.

Penyata pendapatan menggambarkan bahagian Kumpulan ke atas hasil kendalian syarikat bersekutu atau usaha sama. Sebarang perubahan dalam OCI penerima pelaburan dibentangkan sebagai sebahagian daripada OCI Kumpulan. Selain itu, jika terdapat sebarang perubahan yang diiktiraf secara langsung dalam ekuiti syarikat bersekutu atau usaha sama, Kumpulan mengiktiraf bahagiannya dalam sebarang perubahan, jika berkenaan, dalam penyata perubahan ekuiti. Keuntungan dan kerugian tidak direalisasikan yang berpunca daripada urus niaga antara Kumpulan dan syarikat bersekutu atau usaha sama dikeluarkan ke peringkat kepentingan dalam syarikat bersekutu atau usaha sama tersebut.

Agregat bahagian Kumpulan terhadap keuntungan atau kerugian syarikat bersekutu dan usaha sama ditunjukan pada penyata pendapatan dan mewakili keuntungan atau kerugian selepas cukai dan kepentingan bukan mengawal dalam syarikat bersekutu atau usaha sama.

Penyata kewangan syarikat bersekutu atau usaha sama disediakan untuk tempoh pelaporan yang sama dengan Kumpulan. Jika perlu, pelarasan-pelarasan dibuat untuk melaraskan dasar-dasar perakaunan dengan dasar-dasar Kumpulan.

Selepas penggunaan kaedah ekuiti, Kumpulan menentukan sama ada perlu untuk mengiktiraf kerugian rosotnilai pelaburannya dalam syarikat bersekutu atau usaha sama. Pada setiap tarikh pelaporan, Kumpulan menentukan sama ada terdapat bukti objektif bahawa pelaburan dalam syarikat bersekutu atau usaha sama terjejas. Jika ada bukti sedemikan, Kumpulan mengira jumlah rosotnilai sebagai perbezaan antara jumlah boleh diperolehi semula dari syarikat bersekutu atau usaha sama dan nilai bawaannya, kemudian mengiktiraf kerugian berkenaan sebagai "kerugian rosotnilai syarikat bersekutu atau usaha sama" dalam penyata pendapatan.

Selepas kehilangan pengaruh signifikan ke atas syarikat bersekutu atau usaha sama, Kumpulan mengukur dan mengiktiraf mana-mana pelaburan yang dikekalkan pada nilai saksamanya. Sebarang perbezaan antara amaun dibawa syarikat bersekutu atau usaha sama pada ketika kehilangan pengaruh signifikan atau kawalan bersama dan nilai saksama pelaburan tertahan dan perolehan daripada pelupusan diiktiraf dalam penyata pendapatan.

Dalam penyata kewangan Syarikat berasingan, pelaburan dalam syarikat bersekutu dan usaha sama dinyatakan pada kos kurang kerugian rosotnilai terkumpul. Ketika pelupusan pelaburan berkenaan, perbezaan antara perolehan bersih daripada pelupusan dan amaun dibawa dimasukkan dalam penyata pendapatan.

(d) Urus niaga dengan kepentingan bukan mengawal

Kepentingan bukan mengawal mewakili bahagian ekuiti dalam subsidiari-subsidiari yang tidak dimiliki secara langsung atau tidak langsung oleh Kumpulan.

Kepentingan bukan mengawal dibentangkan secara berasingan dalam penyata pendapatan disatukan dan ekuiti dalam penyata kedudukan kewangan disatukan, secara berasingan daripada ekuiti pemegang saham Kumpulan. Sebarang kerugian yang berkaitan dengan kepentingan bukan mengawal yang melebihi kepentingan bukan mengawal diagihkan terhadap kepentingan bukan mengawal walaupun ia menyebabkan kepentingan bukan mengawal mencatatkan baki defisit.

Urus niaga dengan kepentingan bukan mengawal yang tidak menyebabkan hilang kawalan dikira sebagai urus niaga ekuiti iaitu sebagai urus niaga dengan pemilik-pemilik dengan kapasiti mereka sebagai pemilik-pemilik. Dalam keadaan demikian, amaun dibawa kepentingan bukan mengawal akan diselaras untuk menggambarkan perubahan dalam kepentingan relatif dalam subsidiari-subsidiari. Sebarang perbezaan antara jumlah kepentingan bukan mengawal yang diselaras dan nilai saksama bagi pertimbangan dibayar atau diterima akan diiktiraf secara terus dalam ekuiti dan adalah milik pemilik-pemilik Kumpulan.

(e) Mata wang asing

(i) Mata wang fungsian dan pembentangan

Penyata kewangan yang disatukan Kumpulan dinyatakan dalam Ringgit Malaysia ("RM"), yang juga merupakan mata wang fungsian Syarikat. Penyata kewangan individu setiap entiti dalam Kumpulan diukur dengan menggunakan mata wang persekitaran ekonomi utama di mana entiti tersebut beroperasi ("mata wang fungsian").

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (SAMB.)

2.5 Ringkasan dasar-dasar perakaunan utama (Samb.)

(e) Mata wang asing (Samb.)

(ii) Urus niaga dan baki

Urus niaga dalam mata wang asing pada awalnya direkodkan oleh entiti Kumpulan pada kadar semerta mata wang fungsian masing-masing pada tarikh urus niaga mula layak bagi pengiktirafan.

Aset dan liabiliti monetari berdenominasi mata wang asing diterjemah semula pada kadar semerta mata wang fungsian pada tarikh pelaporan.

Semua perbezaan yang wujud daripada penyelesaian atau pertukaran item monetari diiktiraf dalam penyata pendapatan kecuali bagi item monetari yang dikenal pasti sebagai sebahagian daripada lindung nilai pelaburan bersih Kumpulan dalam kendalian asing. Ini diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain sehingga pelaburan bersih tersebut dilupuskan, pada masa di mana, jumlah terkumpul diklasifikasi semula kepada penyata pendapatan. Caj cukai dan kredit berkaitan dengan perbezaan pertukaran ke atas item monetari tersebut juga direkodkan dalam pendapatan komprehensif (OCI).

Item bukan monetari yang diukur dari segi kos sejarah dalam mata wang asing diterjemahkan dengan menggunakan kadar pertukaran pada tarikh urus niaga asal. Item bukan monetari diukur pada nilai saksama dalam mata wang asing diterjemahkan dengan menggunakan kadar pertukaran pada tarikh apabila nilai saksama ditentukan. Keuntungan atau kerugian yang wujud daripada terjemahan semula item bukan monetari diambil kira sejajar dengan pengiktirafan keuntungan atau kerugian atas perubahan dalam nilai saksama item (iaitu, perbezaan terjemahan ke atas item yang nilai sama keuntungan atau kerugian diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain atau keuntungan atau kerugian juga diiktiraf masing-masing dalam pendapatan komprehensif lain atau keuntungan atau kerugian).

(iii) Entiti-entiti Kumpulan

Dengan penyatuan, aset dan liabiliti kendalian asing diterjemah kepada RM pada kadar pertukaran yang terdapat pada tarikh pelaporan dan penyata pendapatan mereka diterjemahkan pada kadar pertukaran purata bagi tahun kewangan. Perbezaan pertukaran yang wujud daripada terjemahan untuk penyatuan diiktiraf dalam OCI. Apabila berlakunya pelupusan subsidiari atau kendalian asing, komponen OCI berkaitan dengan subsidiari atau kendalian asing tertentu diiktiraf dalam penyata pendapatan.

(f) Hartanah, loji dan peralatan

Hartanah, loji dan peralatan dinyatakan sebagai kos, selepas ditolak susut nilai terkumpul dan kerugian rosot nilai terkumpul. Kos tersebut termasuk kos gantian sebahagian daripada hartanah, loji dan peralatan dan kos pinjaman bagi projek pembinaan jangka panjang sekiranya memenuhi kriteria pengiktirafan. Apabila sebahagian penting hartanah, loji dan peralatan perlu ditukarkan pada selang tempoh, Kumpulan mengiktiraf bahagian berkenaan sebagai aset individu dengan hayat berguna tertentu dan menyusutkan nilainya. Begitu juga, apabila sesuatu pemeriksaan utama dilakukan, kosnya diiktiraf dalam amaun dibawa loji dan peralatan sebagai penggantian sekiranya memenuhi kriteria pengiktirafan. Semua kos membaiki dan menyelenggara yang lain diiktiraf dalam penyata pendapatan apabila berlaku. Nilai semasa kos yang dijangka bagi penyahpakaian sesuatu aset selepas kegunaannya dimasukkan dalam kos aset berkenaan sekiranya memenuhi kriteria pengiktirafan bagi peruntukan.

Pembelian perisian komputer yang penting kepada kefungsian peralatan berkaitan dipermodalkan sebagai sebahagian daripada peralatan tersebut.

Tanah pegangan bebas mempunyai tempoh hayat yang tidak terhad dan oleh itu, tidak disusutnilaikan. Susut nilai hartanah dan peralatan lain dikira mengikut asas garis lurus untuk menghapus kira kos setiap aset kepada nilai bakinya ke atas anggaran hayat berguna aset tersebut.

Kadar susut nilai tahunan bagi pelbagai kelas hartanah, loji dan peralatan adalah seperti berikut:

Tanah pegangan pajak	2% atau baki tempoh pajakan, yang mana lebih pendek
Bangunan	2% atau sepanjang tempoh pajakan jangka pendek, yang mana lebih pendek
Penambahbaikan pegangan pajak	15% hingga 20%
Kenderaan bermotor	20%
Perkakasan komputer	20%
Peralatan pejabat dan kediaman, perabot dan lengkapan	15% - 50%

Sebarang hartanah, loji dan peralatan dan bahagian penting yang pada awalnya diiktiraf, dinyahiktiraf selepas dilupuskan atau apabila tiada manfaat ekonomi di masa hadapan dijangkakan daripada penggunaan atau pelupusannya. Sebarang keuntungan atau kerugian yang timbul daripada penyahiktirafan aset tersebut (dikira sebagai perbezaan antara hasil pelupusan bersih dan amaun dibawa aset tersebut) dimasukkan ke dalam penyata pendapatan apabila aset tersebut dinyahiktiraf.

Nilai baki aset, hayat berguna dan kaedah susut nilai disemak semula pada setiap akhir tahun kewangan dan dilaraskan secara prospektif.

(g) Hartanah pelaburan

Hartanah pelaburan adalah hartanah yang dipegang sama ada untuk meraih pendapatan sewa atau peningkatan modal atau kedua-duanya.

Hartanah pelaburan pada awalnya diukur berdasarkan kos, termasuk kos urus niaga. Susulan kepada pengiktirafan awal, hartanah pelaburan dinyatakan sebagai kos tolak susut nilai terkumpul dan kerugian rosot nilai terkumpul.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (SAMB.)

2.5 Ringkasan dasar-dasar perakaunan utama (Samb.)

(g) Hartanah pelaburan (Samb.)

Susut nilai hartanah pelaburan dikira menggunakan asas garis lurus mengikut anggaran hayat berguna aset tersebut. Hartanah pelaburan berkaitan tanah pegangan bebas tidak disusutkan nilai.

Hartanah pelaburan dinyahiktiraf sama ada apabila dilupuskan atau apabila hartanah pelaburan tersebut tidak digunakan langsung dan di masa hadapan tiada manfaat ekonomi yang dijangkakan daripada pelupusannya. Perbezaan antara hasil bersih pelupusan dan amaun dibawa aset diiktiraf dalam penyata pendapatan dalam tempoh penyahiktirafan.

Pindahan dibuat kepada atau daripada hartanah pelaburan hanya apabila terdapat perubahan dalam penggunaan. Bagi pindahan daripada hartanah pelaburan kepada hartanah didiami pemilik, kos bagi perakaunan seterusnya adalah nilai saksama pada tarikh perubahan penggunaan. Sekiranya hartanah didiami pemilik menjadi hartanah pelaburan, Kumpulan akan merekodkan hartanah tersebut selaras dengan dasar hartanah, loji dan peralatan sehingga tarikh perubahan penggunaan.

(h) Pajakan

Penentuan sama ada sesuatu pengaturan adalah, atau mengandungi, satu pajakan adalah berdasarkan ciri-ciri pengaturan pada tarikh awal, sama ada pelaksanaan pengaturan tersebut bergantung kepada penggunaan aset atau aset-aset tertentu atau pengaturan tersebut menggambarkan hak untuk menggunakan aset tersebut, walaupun hak tersebut tidak dinyatakan dengan jelas dalam sesuatu pengaturan.

(i) Kumpulan sebagai penerima pajakan

Pajakan kewangan yang memindahkan sebahagian besar risiko dan manfaat berkaitan dengan pemilikan item yang dipajak kepada Kumpulan, dipermodalkan pada awal pajakan pada nilai saksama hartanah yang dipajak tersebut atau, sekiranya lebih rendah, pada nilai semasa bayaran pajakan minimum. Sebarang kos langsung awal juga ditambah kepada jumlah yang dipermodalkan. Bayaran pajakan diagihkan di antara caj kewangan dan pengurangan liabiliti pajakan untuk mencapai kadar faedah yang tetap ke atas baki liabiliti. Caj kewangan diiktiraf dalam "perbelanjaan faedah" dalam penyata pendapatan.

PAset yang dipajak disusut nilai berasaskan hayat gunaan aset. Walau bagaimanapun, sekiranya tiada kepastian munasabah bahawa Kumpulan akan memperoleh pemilikan pada akhir tempoh pajakan, aset disusut nilai atas tempoh lebih pendek daripada jangkaan hayat berguna aset dan tempoh pajakan.

PPembayaran pajakan kendalian diiktiraf sebagai perbelanjaan kendalian dalam penyata pendapatan menggunakan asas garis lurus atas tempoh pajakan. Faedah agregat insentif yang disediakan oleh pemberi pajakan diiktiraf sebagai pengurangan perbelanjaan sewaan terhadap tempoh pajakan mengikut asas garis-lurus.

(ii) Kumpulan sebagai pemberi pajakan

Pajakan yang mana Kumpulan tidak memindahkan kesemua risiko dan manfaat pemilikan aset tersebut, diklasifikasikan sebagai pajakan kendalian. Kos langsung awal dalam rundingan pajakan kendalian ditambah kepada amaun dibawa aset yang dipajak dan diiktiraf pada tempoh pajakan mengikut asas yang sama seperti pendapatan sewaan. Sewaan luar jangka diiktiraf sebagai hasil dalam tempoh ia diperolehi.

(i) Aset tak ketara, selain daripada muhibah yang wujud daripada kombinasi perniagaan

Aset tak ketara yang diperolehi secara berasingan diukur pada pengiktirafan awal pada kos. Kos aset tak ketara yang diperolehi daripada kombinasi perniagaan adalah nilai saksamanya pada tarikh pengambilalihan. Berikutan pengiktirafan asal, aset tak ketara dinyatakan pada kos tolak pelunasan terkumpul dan kerugian rosotnilai terkumpul. Aset tak ketara yang dijana dari dalam, tidak termasuk kos pembangunan dipermodalkan, tidak dipermodalkan dan perbelanjaan berkaitan diambil kira dalam penyata pendapatan pada tahun di mana perbelanjaan tersebut berlaku.

Hayat berguna aset tak ketara dinilai sama ada sebagai terbatas atau tidak terbatas.

Aset tak ketara dengan jangka hayat terbatas dilunaskan sepanjang hayat ekonomi berguna dan ditaksir kemerosotan nilainya apabila terdapat petunjuk bahawa aset tak ketara tersebut mungkin telah terjejas. Tempoh dan kaedah pelunasan bagi aset tak ketara dengan hayat berguna terbatas disemak sekurang-kurangnya pada akhir setiap tempoh pelaporan. Perubahan dalam jangkaan hayat berguna atau corak penggunaan daripada manfaat ekonomi pada masa hadapan yang terkandung dalam aset diambil kira untuk mengubah tempoh atau kaedah pelunasan, yang mana sesuai, dan dianggap sebagai perubahan dalam anggaran perakaunan. Perbelanjaan pelunasan ke atas aset tak ketara dengan hayat terbatas diiktiraf dalam penyata pendapatan dalam kategori perbelanjaan yang konsisten dengan fungsi aset tak ketara.

Aset tidak ketara dengan hayat berguna tidak terhad tidak dilunaskan tetapi diuji untuk kemerosotan nilai setiap tahun, sama ada secara individu atau pada tahap unit penjanaan tunai. Penilaian kehidupan tidak terbatas dikaji semula setiap tahun untuk menentukan sama ada kehidupan tidak terbatas masih boleh disokong. Jika tidak, perubahan dalam kehidupan yang berguna daripada tidak terbatas kepada terbatas dibuat secara prospektif.

Keuntungan atau kerugian daripada penyahiktirafan aset tak ketara diukur sebagai perbezaan antara perolehan pelupusan bersih dan amaun dibawa aset tersebut dan diiktiraf dalam penyata pendapatan apabila aset dinyahiktiraf.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (SAMB.)

2.5 Ringkasan dasar-dasar perakaunan utama (Samb.)

(i) Aset tak ketara, selain daripada muhibah yang wujud daripada kombinasi perniagaan (Samb.)

(i) Kos penyelidikan dan pembangunan

Kos penyelidikan diambil kira sebagai perbelanjaan apabila berlaku. Perbelanjaan pembangunan untuk projek perisian secara individu diiktiraf sebagai aset tak ketara apabila Kumpulan boleh membuktikan:

- Kebolehlaksanaan teknikal untuk menyiapkan aset tak ketara agar ia akan sedia untuk digunakan atau dijual;
- Hasratnya untuk menyiapkan dan keupayaannya untuk menggunakan atau menjual aset;
- Cara aset akan menghasilkan manfaat ekonomi pada masa hadapan;
- Ketersediaan sumber untuk menyiapkan aset;
- Keupayaan untuk mengukur dengan pasti perbelanjaan semasa pembangunan;
- Keupayaan untuk menggunakan aset tak ketara yang dihasilkan.

Berikutan pengiktirafan awal perbelanjaan pembangunan perisian komputer sebagai aset, aset tersebut dinyatakan pada kos tolak pelunasan terkumpul dan kerugian rosotnilai terkumpul. Pelunasan aset bermula apabila pembangunan selesai dan aset tersedia untuk digunakan. Ia dilunaskan mengikut asas garis lurus sepanjang tempoh jangkaan manfaat antara 3 hingga 7 tahun, kecuali untuk projek infrastruktur teras utama tertentu yang mana hayat berguna telah ditetapkan selama 10 tahun. Dalam tempoh pembangunan, aset diuji setiap tahun untuk rosotnilai.

(j) Instrumen kewangan – pengiktirafan awal dan pengukuran berikutnya

(i) Tarikh pengiktirafan

Semua aset dan liabiliti kewangan pada awalnya diiktiraf pada tarikh urus niaga, iaitu tarikh Kumpulan menjadi pihak kepada terma kontrak instrumen. Ini termasuk urus niaga secara tetap; pembelian atau jualan aset kewangan yang memerlukan penyerahan aset dalam tempoh masa yang diwujudkan melalui peraturan atau konvensyen dalam pasaran.

(ii) Pengukuran awal instrumen kewangan

Pengelasan instrumen kewangan pada pengiktirafan awal bergantung kepada tujuan dan ciri-ciri, dan hasrat pengurusan dalam memperolehnya.

Semua instrumen kewangan diukur awalnya pada nilai saksamanya dicampur, dalam kes aset kewangan yang tidak direkod pada nilai saksama, sama ada menerusi keuntungan atau kerugian, kos urus niaga yang berpunca daripada pengambilalihan aset kewangan berkenaan.

Semua liabiliti-liabiliti kewangan diiktiraf pada awalnya pada nilai saksama, dan dalam kes membabitkan pinjaman dan pembayaran, tolak kos urus niaga berkaitan.

(iii) Pengukuran berikutnya

Pengukuran berikutnya instrumen kewangan bergantung kepada klasifikasi yang dinyatakan seperti berikut:

(a) Aset kewangan dan liabiliti kewangan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian: dipegang untuk urus niaga

Aset kewangan atau liabiliti kewangan dipegang untuk urus niaga direkodkan dalam penyata kedudukan kewangan pada nilai saksama. Perubahan dalam nilai saksama diiktiraf dalam "pendapatan pelaburan dan urus niaga". Pendapatan faedah dan dividen atau perbelanjaan direkodkan dalam "pendapatan pelaburan dan urus niaga", "pendapatan faedah" atau "perbelanjaan faedah" yang bersesuaian dan mengikut terma kontrak atau apabila hak pembayaran telah ditentukan.

Termasuk di dalam klasifikasi ini adalah sekuriti hutang dan ekuiti.

(b) Aset kewangan dan liabiliti kewangan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian: ditetapkan sebagai nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian

Aset kewangan dan liabiliti kewangan yang diklasifikasikan dalam kategori ini adalah aset kewangan dan liabiliti kewangan yang telah ditetapkan oleh pengurusan pada pengiktirafan awal. Pengurusan hanya boleh menetapkan instrumen pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian selepas pengiktirafan awal apabila kriteria berikut dipenuhi, dan penetapan dilakukan secara instrumen demi instrumen:

- Penetapan menyingkir atau secara ketara mengurangkan pendekatan tidak seragam yang akan sebaliknya timbul daripada pengukuran aset atau liabiliti atau mengiktiraf keuntungan atau kerugian ke atasnya mengikut asas yang berbeza.
- Aset dan liabiliti adalah sebahagian daripada kumpulan aset kewangan, liabiliti kewangan atau kedua-dua yang diuruskan dan prestasinya dinilai mengikut asas nilai saksama, selaras dengan pengurusan risiko atau strategi pelaburan yang didokumenkan.
- Instrumen kewangan mengandungi satu atau lebih derivatif terbenam yang secara ketara mengubah suai aliran tunai yang sebaliknya akan diperlukan oleh kontrak.

Aset kewangan dan liabiliti kewangan yang ditetapkan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian, direkodkan dalam penyata kedudukan kewangan pada nilai saksama. Perubahan dalam nilai saksama diiktiraf dalam "pendapatan pelaburan dan dagangan". Faedah diperoleh atau diakru sama ada dalam "pendapatan faedah" atau "perbelanjaan faedah", menggunakan kadar faedah berkuat kuasa ("EIR"), manakala pendapatan dividen direkod dalam "pendapatan pelaburan dan dagangan" selepas hak kepada pembayaran sudah ditetapkan.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (SAMB.)

2.5 Ringkasan dasar-dasar perakaunan utama (Samb.)

(j) Instrumen kewangan – pengiktirafan awal dan pengukuran berikutnya (Samb.)

(iii) Pengukuran berikutnya (Samb.)

(c) Aset kewangan dan liabiliti kewangan pada nilai saksama menerusi keuntungan atau kerugian: derivatif

Kumpulan menggunakan derivatif seperti swap kadar faedah dan niaga hadapan, swap mungkir kredit, swap silang mata wang, kontrak tukaran mata wang asing hadapan dan opsyen kadar faedah, mata wang asing dan ekuiti. Derivatif direkodkan pada nilai saksama dan dibawa sebagai aset apabila nilai saksamanya adalah positif dan liabiliti apabila nilai saksamanya adalah negatif. Perubahan dalam nilai saksama derivatif dimasukan dalam "pendapatan pelaburan dan dagangan".

Derivatif terbenam dalam instrumen kewangan lain dianggap sebagai derivatif berasingan dan direkod pada nilai saksama jika ciri-ciri ekonomi dan risiko tidak berkait rapat dengan kontrak utama, dan kontrak utama tidak dipegang untuk dagangan atau ditetapkan nilai saksama menerusi keuntungan atau kerugian. Derivatif terbenam yang terasing daripada hos dibawa pada nilai saksama dalam urus niaga porfolio dengan perubahan pada nilai saksama diiktiraf dalam penyata pendapatan.

(d) Pelaburan kewangan sedia dijual ("AFS")

Pelaburan kewangan AFS termasuk pelaburan ekuiti dan hutang sekuriti. Pelaburan ekuiti yang diklasifikasikan sebagai AFS adalah pelaburan yang tidak diklasifikasikan sebagai sedia untuk dagangan atau ditetapkan pada nilai saksama menerusi keuntungan atau kerugian. Sekuriti hutang dalam kategori ini adalah sekuriti yang dirancang untuk dipegang untuk tempoh tidak terbatas dan boleh dijual sebagai tindak balas kepada keperluan kecairan atau sebagai tindak balas kepada perubahan dalam persekitaran pasaran.

Kumpulan belum menetapkan sebarang pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan sebagai AFS.

Selepas pengukuran awal, pelaburan kewangan AFS selanjutnya diukur pada nilai saksama dengan keuntungan atau kerugian tidak direalisasikan diiktiraf dalam OCI sebagai "rizab AFS" sehingga pelaburan itu dinyahiktiraf, iaitu pada masa keuntungan dan kerugian kumulatif akan diiktiraf dalam "pendapatan kendalian lain", atau pelaburan itu ditetapkan sebagai terjejas apabila kerugian kumulatif diklasifikasikan semula daripada "rizab AFS" kepada penyata pendapatan dalam "kerugian rosotnilai atas pelaburan kewangan". Faedah yang diperoleh ketika memegang pelaburan kewangan AFS dilaporkan sebagai pendapatan faedah menggunakan kaedah EIR. Dividen yang diperoleh ketika memegang pelaburan kewangan AFS diiktiraf dalam penyata pendapatan sebagai "pendapatan kendalian lain" ketika hak kepada pembayaran telah ditentukan.

Kumpulan menilai sama ada keupayaan dan hasrat untuk menjual pelaburan kewangan AFSnya dalam tempoh terdekat masih bersesuaian. Apabila, dalam keadaan yang jarang berlaku, Kumpulan tidak dapat meniagakan pelaburan kewangan ini disebabkan pasaran yang tidak aktif dan tujuan pengurusan untuk berbuat demikian berubah secara ketara pada masa hadapan yang dapat dijangka, Kumpulan boleh memilih untuk mengklasifikasikan semula pelaburan kewangan. Klasifikasi semula kepada pinjaman dan belum terima dibenarkan apabila pelaburan kewangan memenuhi definisi pinjaman dan belum terima dan Kumpulan mempunyai niat dan keupayaan untuk memegang semua aset ini untuk tempoh terdekat atau sehingga matang. Klasifikasi semula kepada kategori dipegang hingga matang dibenarkan hanya selepas entiti mempunyai keupayaan atau niat untuk memegang pelaburan kewangan.

Untuk klasifikasi semula pelaburan kewangan daripada kategori AFS, jumlah nilai saksama amaun dibawa pada tarikh klasifikasi semula menjadi kos terlunas yang baru dan sebarang keuntungan atau kerugian lalu daripada pelaburan telah diiktiraf dalam ekuiti dilunaskan dalam penyata pendapatan untuk baki tempoh hayat pelaburan berkenaan dengan menggunakan EIR. Sebarang perubahan antara kos terlunas yang baru dan jumlah matang juga dilunaskan untuk baki hayat aset itu menggunakan EIR. Jika aset itu selanjutnya ditetapkan sebagai telah merosot nilai, maka jumlah yang direkodkan dalam ekuiti diklasifikasikan semula dalam penyata pendapatan.

Saham yang tidak disebut harga dalam organisasi-organisasi yang diwujudkan untuk tujuan sosioekonomi tertentu dan instrumen ekuiti yang diterima hasil daripada penstrukturan hutang atau pengubahan hutang yang tidak mempunyai sebut harga pasaran dalam pasaran yang aktif yang dbawa pada kos sebagai nilai saksama tidak boleh diukur secara pasti, juga diklasifikasikan sebagai pelaburan kewangan AFS.

(e) Pelaburan kewangan dipegang hingga matang

Instrumen kewangan bukan derivatif dengan bayaran tetap atau boleh ditetapkan serta tempoh matang ditetapkan diklasifikasikan sebagai pelaburan kewangan dipegang hingga matang apabila Kumpulan mempunyai niat dan keupayaan positif untuk memegangnya sehingga matang. Selepas pengukuran awal, pelaburan kewangan dipegang hingga matang diukur pada kos terlunas menggunakan kaedah EIR, tolak rosotnilai. Kos terlunas dikira dengan mengambil kira sebarang diskaun atau premium ketika perolehan dan fi atau kos yang menjadi bahagian penting dalam EIR. Pelunasan EIR dimasukkan dalam "pendapatan faedah" dalam penyata pendapatan. Kerugian yang berpunca daripada kemerosotan nilai diiktiraf dalam penyata pendapatan dalam "kerugian rosotnilai pelaburan kewangan".

Jika Kumpulan menjual atau mengklasifikasi semula lebih daripada jumlah ketara daripada pelaburan kewangan dipegang hingga matang sebelum tempoh matang (selain daripada dalam keadaan spesifik tertentu), keseluruhan kategori akan tercemar dan perlu diklasifikasikan semula sebagai pelaburan kewangan AFS. Selain itu, Kumpulan akan dilarang daripada mengklasifikasikan sebarang pelaburan kewangan sebagai dipegang hingga matang untuk dua tahun seterusnya.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (SAMB.)

2.5 Ringkasan dasar-dasar perakaunan utama (Samb.)

(j) Instrumen kewangan – pengiktirafan awal dan pengukuran berikutnya (Samb.)

(iii) Pengukuran berikutnya (Samb.)

(f) Aset kewangan pada kos terlunas – pinjaman dan belum terima

Pinjaman dan belum terima adalah aset kewangan bukan derivatif dengan bayaran tetap atau boleh ditetapkan yang tidak disebut harga dalam pasaran aktif.

Selepas pengukuran awal, aset kewangan sedemikian akan selanjutnya diukur pada kos terlunas menggunakan kaedah EIR, ditolak peruntukan untuk rosotnilai. Kos terlunas dikira dengan mengambil kira sebarang diskaun atau premium ketika perolehan dan fi atau kos yang menjadi bahagian penting dalam EIR. Pelunasan EIR dimasukkan dalam "pendapatan faedah" dalam penyata pendapatan. Kerugian yang disebabkan kemerosotan nilai diiktiraf dalam penyata pendapatan sebagai "kerugian rosotnilai ke atas pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan" untuk pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan atau "pelbagai belum terima lain ragu" untuk kerugian selain pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan.

(g) Liabiliti kewangan pada kos terlunas

Liabiliti kewangan yang dikeluarkan oleh Kumpulan, yang tidak ditetapkan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian diklasifikasikan sebagai liabiliti kewangan pada kos terlunas, di mana kandungan pengaturan kontrak menyebabkan Kumpulan mempunyai obligasi sama ada untuk mengeluarkan tunai atau aset kewangan yang lain kepada pemegang, atau untuk memenuhi obligasi selain daripada melalui pertukaran jumlah tunai tetap atau aset kewangan yang lain bagi bilangan tetap saham ekuiti sendiri.

Selepas pengukuran awal, pendanaan berjangka, modal hutang dan pinjaman lain kemudiannya diukur pada kos terlunas dengan menggunakan kaedah EIR. Kos terlunas dikira dengan mengambil kira mana-mana diskaun atau premium atas terbitan dan kos yang merupakan bahagian penting EIR.

Instrumen kewangan kompaun yang mengandungi kedua-dua komponen liabiliti dan aset diasingkan pada tarikh terbitan. Sebahagian daripada terimaan bersih instrumen tersebut diperuntukkan kepada komponen hutang pada tarikh terbitan berasaskan nilai saksamanya (yang secara amnya ditentukan berasaskan harga pasaran disebut harga bagi instrumen hutang yang sama). Komponen ekuiti ditentukan amaun sisa selepas ditolak daripada nilai saksama instrumen sebagai jumlah keseluruhan yang ditetapkan secara berasingan bagi komponen hutang. Nilai mana-mana ciri-ciri derivatif (seperti opsyen beli) yang dimasukkan ke dalam instrumen kewangan kompaun selain daripada komponen ekuiti dimasukkan ke dalam komponen hutang.

(iv) Keuntungan atau kerugian "Hari 1"

Apabila harga urus niaga berbeza daripada nilai saksama urus niaga pasaran semasa boleh dilihat yang lain untuk instrumen yang sama atau berdasarkan teknik penilaian yang mana variasi termasuk data dari pasaran yang boleh dilihat sahaja, Kumpulan serta-merta mengiktiraf perbezaan antara harga urus niaga dan nilai saksama (keuntungan atau kerugian "Hari 1") dalam "pendapatan pelaburan dan dagangan". Dalam kes-kes yang mana nilai saksama ditentukan menggunakan data yang tidak dapat diperhatikan, perbezaan antara harga urus niaga dan nilai model hanya diiktiraf dalam penyata pendapatan apabila input menjadi boleh diperhatikan atau instrumen dinyahiktiraf.

(v) Klasifikasi semula aset kewangan

Kumpulan boleh mengklasifikasi semula aset urus niaga bukan derivatif keluar daripada kategori "dipegang untuk urus niaga" dan kategori "sedia dijual" di bawah keadaan yang jarang berlaku, kepada kategori "pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan" jika ia memenuhi definisi pinjaman dan belum terima dan Kumpulan mempunyai niat dan keupayaan untuk memegang aset kewangan untuk tempoh terdekat atau sehingga matang. Klasifikasi semula direkod pada nilai saksama pada tarikh klasifikasi semula dan menjadi kos terlunas baru. Jika aset kewangan diklasifikasikan semula, dan jika Kumpulan selanjutnya meningkatkan unjuran penerimaan tunai masa hadapan disebabkan peningkatan perolehan semula penerimaan tunai, kesan daripada peningkatan itu akan diiktiraf sebagai pelarasan kepada EIR dari tarikh perubahan dalam anggaran.

Bagi aset kewangan yang diklasifikasi semula daripada kategori "sedia dijual", mana-mana keuntungan atau kerugian sebelum ini bagi aset itu yang telah diiktiraf dalam ekuiti dilunaskan dalam penyata pendapatan sepanjang baki hayat pelaburan tersebut menggunakan EIR. Sebarang perbezaan antara kos-kos terlunas baru dan aliran tunai yang dijangka juga dilunaskan sepanjang hayat aset dengan menggunakan EIR. Sekiranya aset kemudiannya didapati terjejas, maka jumlah yang direkodkan dalam ekuiti diiktiraf dalam penyata pendapatan.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (SAMB.)

2.5 Ringkasan dasar-dasar perakaunan utama (Samb.)

(j) Instrumen kewangan – pengiktirafan awal dan pengukuran berikutnya (Samb.)

(vi) Penyahiktirafan aset kewangan dan liabiliti kewangan

(a) Aset kewangan

Aset kewangan (atau yang mana berkenaan, sebahagian daripada aset kewangan atau bahagian daripada kumpulan aset kewangan yang sama) dinyahiktiraf apabila:

- Hak untuk menerima aliran tunai daripada aset telah luput.
- Kumpulan telah memindahkan haknya untuk menerima aliran tunai daripada aset atau telah memperoleh obligasi untuk membayar aliran tunai yang diterima dengan penuh tanpa kelewatan kepada pihak ketiga bawah pengaturan "terus-lalu" (pass-through), dan sama ada:
- Kumpulan telah memindahkan kesemua risiko dan ganjaran aset, atau
- Kumpulan tidak memindahkan atau mengekalkan kesemua risiko dan ganjaran aset, tetapi telah memindahkan kawalan aset tersebut

Apabila Kumpulan telah memindahkan haknya untuk menerima aliran tunai daripada sesuatu aset atau telah memasuki suatu pengaturan serah semua, dan tidak memindahkan atau mengekalkan semua risiko dan ganjaran aset dan juga tidak memindahkan kawalan aset, aset tersebut diiktiraf hingga ke tahap pembabitan berterusan Kumpulan dalam aset tersebut. Dalam hal tersebut, Kumpulan juga mengiktiraf liabiliti yang berkaitan. Aset yang dipindahkan dan liabiliti yang berkaitan diukur atas dasar yang menunjukkan hak dan obligasi yang dikekalkan oleh Kumpulan.

(b) Liabiliti kewangan

Liabiliti kewangan dinyahiktiraf apabila obligasi di bawah liabiliti telah dibebaskan, dibatalkan atau luput. Apabila liabiliti kewangan sedia ada digantikan dengan liabiliti daripada peminjam yang sama dengan terma yang sangat berbeza, atau terma sedia ada diubah secara ketara, pertukaran atau perubahan berkenaan diuruskan sebagai penyahiktirafan liabiliti asal dan pengiktirafan liabiliti baru. Perbezaan dalam amaun dibawa masing-masing diiktiraf dalam penyata pendapatan.

(k) Perjanjian belian semula dan belian semula berbalik

Sekuriti yang dijual di bawah perjanjian belian semula pada tarikh tertentu pada masa hadapan tidak dinyahiktiraf daripada penyata kedudukan kewangan kerana Kumpulan mengekalkan dengan ketara semua risiko dan ganjaran pemilikan.Tunai berkaitan yang diterima diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan sebagai aset dengan obligasi berkaitan untuk memulangkannya, termasuk faedah terakru, sebagai satu liabiliti dalam "Sekuriti dijual di bawah perjanjian belian semula", yang menunjukkan unsur ekonomi urus niaga sebagai pinjaman kepada Kumpulan. Perbezaan antara harga jualan dan pembelian semula dikira sebagai perbelanjaan faedah dan diakru sepanjang tempoh perjanjian dengan menggunakan EIR. Apabila pihak berlawanan mempunyai hak untuk menjual atau mencagar semula sekuriti, Kumpulan mengklasifikasi semula sekuriti tersebut dalam penyata kedudukan kewangannya kepada "Aset kewangan dipegang untuk dagangan disandarkan sebagai cagaran" atau kepada "Pelaburan kewangan sedia dijual disandarkan sebagai cagaran", yang mana sesuai.

Sebaliknya, sekuriti yang dibeli di bawah perjanjian untuk dijual semula pada tarikh tertentu pada masa hadapan tidak diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan. Perolehan yang dibayar, termasuk faedah terakru, direkodkan dalam penyata kedudukan kewangan, dalam "sekuriti yang dibeli di bawah perjanjian belian semula berbalik", menunjukkan unsur ekonomi urus niaga tersebut sebagai pinjaman yang dibuat oleh Kumpulan. Perbezaan antara harga belian dan jualan semula direkodkan dalam "pendapatan faedah bersih" dan diakru ke atas tempoh perjanjian dengan menggunakan EIR.

Sekiranya sekuriti yang dibeli di bawah perjanjian untuk dijual semula akhirnya dijual kepada pihak ketiga, obligasi untuk memulangkan sekuriti direkodkan sebagai jualan singkat dalam "liabiliti kewangan yang dipegang untuk dagangan" dan diukur pada nilai saksama dengan sebarang keuntungan atau kerugian dimasukkan dalam "pendapatan pelaburan dan dagangan".

(l) Peminjaman dan pinjaman sekuriti

Urus niaga peminjaman dan pinjaman sekuriti biasanya dicagarkan dengan sekuriti atau tunai. Pindahan sekuriti kepada pihak rakan niaga hanya ditunjukkan dalam penyata kedudukan kewangan jika risiko dan ganjaran pemilikan juga dipindahkan. Tunai yang didahulukan atau diterima sebagai cagaran direkodkan sebagai aset atau liabiliti.

Sekuriti yang dipinjam tidak diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan, kecuali ia kemudiannya dijual kepada pihak ketiga, di mana obligasi untuk memulangkan sekuriti tersebut direkodkan sebagai liabiliti perdagangan dan diukur pada nilai saksama dengan mana-mana keuntungan atau kerugian dimasukkan dalam "pendapatan dagangan bersih".

(m) Perjanjian jual dan beli balik untuk sekuriti Islam

Ini adalah obligasi Kumpulan untuk melaksanakan komitmennya untuk membeli balik sekuriti Islam tertentu apabila ia matang. Keuntungan dan kerugian diiktiraf ketika jualan dan ditunjukkan sebagai keuntungan atau kerugian dagangan daripada aset kewangan yang dipegang untuk urus niaga.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (SAMB.)

2.5 Ringkasan dasar-dasar perakaunan utama (Samb.)

(n) Pengukuran nilai saksama

Kumpulan dan syarikat mengukur instrumen kewangan seperti aset kewangan pada nilai saksama ketika untung atau rugi, instrumen kewangan sedia dijual dan derivatif pada nilai saksama pada setiap tarikh penyata kedudukan kewangan.

Nilai saksama ialah harga yang akan diterima bagi penjualan sesuatu aset atau dibayar untuk memindahkan sesuatu liabiliti dalam satu urusniaga teratur di antara peserta pasaran pada tarikh pengukuran. Pengukuran nilai saksama adalah berdasarkan andaian bahawa urusniaga untuk menjual aset atau memindahkan liabiliti berlaku sama ada:

- Dalam pasaran utama bagi aset atau liabiliti tersebut; atau
- Jika tiada pasaran utama, dalam pasaran yang paling bermanfaat untuk aset atau liabiliti tersebut.

Pasaran utama atau yang paling bermanfaat tersebut haruslah boleh dimasuki oleh Kumpulan dan Syarikat.

Nilai saksama sesuatu aset atau liabiliti diukur menggunakan andaian yang akan digunakan oleh peserta pasaran ketika menetapkan harga aset atau liabiliti, dan diandaikan peserta pasaran akan bertindak mengikut manfaat ekonomi yang terbaik bagi mereka.

Pengukuran nilai saksama aset bukan kewangan mengambil kira keupayaan peserta pasaran untuk menjana manfaat ekonomi melalui penggunaan terbaik aset tersebut atau melalui penjualan aset itu kepada peserta pasaran yang lain yang akan menggunakannya dengan cara yang terbaik.

Kumpulan dan syarikat menggunakan teknik penilaian yang ada dalam persekitaran di mana data yang mencukupi tersedia untuk mengukur nilai saksama, memaksimumkan penggunaan input relevan yang dapat diperhatikan dan meminimumkan input yang tidak dapat diperhatikan.

Semua aset atau liabiliti yang nilai saksamanya diukur atau didedahkan dalam penyata kewangan dikategorikan menurut hierarki nilai saksama, seperti yang diterangkan di bawah, berdasarkan input tahap terendah yang signifikan kepada pengukuran nilai saksama secara keseluruhan:

Tahap 1	Harga pasaran disebut (tidak dilaraskan) dalam pasaran aktif untuk aset dan liabiliti yang sama
Tahap 2	Teknik penilaian yang mana input tahap terendah yang penting kepada pengukuran nilai saksama dapat diperhatikan secara langsung atau tidak langsung
Tahap 3	Teknik penilaian yang mana input tahap terendah yang penting kepada pengukuran nilai saksama tidak dapat diperhatikan

Bagi aset atau liabiliti yang diiktiraf dalam penyata kewangan secara berulang, Kumpulan dan Syarikat menentukan sama ada telah berlaku pemindahan di antara tahap dalam hierarki dengan mentaksir semula pengkategorian (berasaskan input tahap terendah yang signifikan kepada pengukuran nilai saksama secara keseluruhan) pada penghujung setiap tempoh pelaporan.

Hierarki nilai saksama instrumen kewangan yang diukur pada nilai saksama dinyatakan dalam Nota 51.

Hierarki nilai saksama aset kewangan, liabiliti kewangan dan aset bukan kewangan yang tidak diukur pada nilai saksama, tetapi nilai saksama untuknya didedahkan, dinyatakan dalam Nota 51.

(o) Rosotnilai aset kewangan

Kumpulan mentaksir pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat bukti objektif bahawa sesuatu aset kewangan atau sekumpulan aset kewangan terjejas. Kemerosotan nilai wujud apabila satu atau lebih kejadian yang berlaku sejak pengiktirafan awal aset ("peristiwa kerugian" yang berlaku), mempunyai impak terhadap anggaran aliran tunai masa hadapan aset kewangan itu atau sekumpulan aset kewangan yang boleh dianggarkan secara betul. Bukti kemerosotan nilai termasuk petunjuk bahawa peminjam atau sekumpulan peminjam mengalami kesukaran kewangan yang signifikan, mungkir atau culas dalam pembayaran faedah atau prinsipal, kebarangkalian mereka akan menjadi bankrap atau penstrukturan semula kewangan lain dan data yang boleh diperhatikan yang menunjukkan bahawa terdapat penurunan yang boleh diukur dalam anggaran aliran tunai masa hadapan, seperti perubahan dalam tunggakan atau keadaan ekonomi yang berkait rapat dengan kemungkiran. Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan diklasifikasikan sebagai terjejas menurut kriteria yang didedahkan dalam Nota 50.2 Pengurusan Risiko Kredit – Rosotnilai – Takrif pinjaman terjejas dan lampau tempoh.

(i) Aset kewangan yang dibawa pada kos terlunas – pinjaman dan belum terima

Bagi aset kewangan yang dibawa pada kos terlunas, Kumpulan memulakan penilaian untuk menentukan sama ada wujudnya rosotnilai individu untuk aset kewangan yang signifikan secara individu atau secara kolektif bagi aset kewangan yang tidak signifikan secara individu. Jika Kumpulan menetapkan bahawa tidak wujud bukti objektif kemerosotan nilai untuk aset kewangan yang dinilai secara individu, sama ada penting atau tidak, ia memasukkan aset tersebut ke dalam kumpulan aset kewangan dengan ciri-ciri risiko kredit yang sama, dan menilai kemerosotan nilai mereka secara kolektif. Aset yang ditaksir secara individu untuk kemerosotan nilai dan yang mana kerugian rosotnilai diiktiraf secara berterusan, tidak dimasukkan dalam penilaian kolektif rosotnilai.

Jumlah kerugian rosotnilai yang dikenal pasti diukur sebagai perbezaan antara amaun dibawa aset dan nilai semasa anggaran aliran tunai masa hadapan (tidak termasuk jangkaan kerugian kredit masa hadapan yang belum berlaku). Nilai semasa anggaran aliran tunai masa hadapan telah didiskaunkan pada EIR asal aset kewangan. Sekiranya pinjaman mempunyai kadar faedah boleh ubah, kadar diskaun untuk mengukur sebarang kerugian rosotnilai ialah EIR semasa. Sekiranya Kumpulan telah mengklasifikasi semula aset dagangan kepada pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan, kadar diskaun untuk mengukur sebarang kerugian rosotnilai ialah EIR baru yang ditentukan pada tarikh klasifikasi semula. Pengiraan nilai semasa anggaran aliran tunai masa hadapan sesuatu aset kewangan yang dicagarkan menunjukkan aliran tunai yang terhasil daripada perampasan ditolak kos memperoleh dan menjual cagaran, sama ada perampasan berkebarangkalian berlaku atau tidak.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (SAMB.)

2.5 Ringkasan dasar-dasar perakaunan utama (Samb.)

(o) Rosotnilai aset kewangan (Samb.)

(i) Aset kewangan yang dibawa pada kos terlunas – pinjaman dan belum terima (Samb.)

Amaun dibawa aset dikurangkan menerusi penggunaan akaun peruntukan dan kerugian diiktiraf dalam penyata pendapatan. Pendapatan faedah terus diakrukan sebagai "pendapatan faedah untuk pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan terjejas" dalam penyata pendapatan dengan amaun dibawa dikurangkan dan diakrukan menggunakan kadar faedah yang digunakan untuk mendiskaun aliran tunai masa hadapan bagi tujuan mengukur kerugian rosotnilai. Pinjaman bersama peruntukan berkaitan dihapus kira apabila tiada prospek pemulihan semula yang realistik pada masa hadapan dan semua cagaran telah direalisasikan atau dipindahkan kepada Kumpulan. Jika dalam tahun berikutnya, jumlah anggaran kerugian rosotnilai meningkat atau menurun disebabkan kejadian yang berlaku selepas rosotnilai diiktiraf, kerugian rosotnilai yang diiktiraf sebelum ini ditingkatkan atau dikurangkan dengan mengubah akaun peruntukan. Jika sesuatu hapus kira berjaya diperoleh semula kemudian, pemulihan itu akan dikredit kepada "kerugian rosotnilai pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan" dalam penyata pendapatan.

Aset kewangan yang secara individu tidak signifikan dan dinilai secara individu tetapi tiada kerugian rosotnilai dikumpulkan bersama untuk penilaian rosotnilai secara kolektif. Aset kewangan ini dikumpulkan berasaskan sistem penggredan kredit dalaman Kumpulan, yang mengambil kira ciri-ciri risiko kredit seperti jenis aset, industri, lokasi geografi, jenis cagaran, status lampau tempoh dan faktor berkaitan yang lain.

Aliran tunai masa hadapan bagi sekumpulan aset kewangan yang kemerosotan nilainya dinilai secara kolektif dianggarkan atas dasar pengalaman kerugian lampau dengan ciri-ciri risiko kredit yang sama dengan aset dalam Kumpulan. Pengalaman kerugian lampau dilaraskan berdasarkan data semasa yang boleh diperhatikan untuk menggambarkan kesan keadaan semasa yang tidak memberi kesan ke atas tempoh di mana pengalaman kerugian lampau didasarkan dan untuk menghilangkan kesan keadaan dalam tempoh sejarah yang tidak wujud ketika ini. Anggaran perubahan dalam aliran tunai masa hadapan untuk sekumpulan aset harus menggambarkan, dan hala tujunya konsisten dengan, perubahan dalam data berkaitan yang boleh diperhatikan dari tahun ke tahun. Metodologi dan anggapan yang digunakan untuk menganggar aliran tunai masa hadapan disemak secara tetap untuk mengurangkan mana-mana perbezaan antara anggaran kerugian dan pengalaman kerugian sebenar.

(ii) Pelaburan kewangan AFS

Untuk pelaburan kewangan AFS, Kumpulan menilai pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat bukti objektif bahawa pelaburan atau sekumpulan pelaburan adalah terjejas.

Dalam kes instrumen hutang yang diklasifikasikan sebagai AFS, kemerosotan nilai dinilai menggunakan kriteria sama seperti aset kewangan dibawa pada kos terlunas. Bagaimanapun, jumlah yang direkodkan untuk kemerosotan nilai adalah kerugian kumulatif diukur sebagai perbezaan antara kos terlunas dan nilai saksama semasa, tolak sebarang kerugian rosotnilai terhadap pelaburan yang telah diiktiraf sebelumnya dalam penyata pendapatan.

Pendapatan faedah masa hadapan terus diakru berdasarkan amaun dibawa aset telah dikurangkan, menggunakan kadar faedah yang digunakan untuk mendiskaun aliran tunai masa hadapan untuk tujuan mengukur kerugian rosotnilai. Pendapatan faedah direkodkan sebagai sebahagian daripada "pendapatan faedah". Jika dalam tahun seterusnya, nilai saksama sesuatu instrumen hutang meningkat dan peningkatan itu boleh dikaitkan secara objektif kepada sesuatu kejadian selepas kerugian rosotnilai diiktiraf dalam penyata pendapatan, kerugian rosotnilai dibalikkan menerusi penyata pendapatan.

Dalam kes pelaburan ekuiti diklasifikasikan sebagai AFS, bukti objektif termasuk penurunan signifikan atau berpanjangan dalam nilai saksama pelaburan lebih rendah daripada kosnya. "Signifikan" dinilai daripada kos asal pelaburan dan "berpanjangan" daripada tempoh nilai saksama lebih rendah daripada kos asal. Bila wujud bukti kemorosotan nilai, kerugian kumulatif– diukur sebagai perbezaan antara kos perolehan dan nilai saksama semasa, tolak sebarang kerugian rosotnilai terhadap pelaburan yang telah diiktiraf sebelum ini dalam penyata pendapatan – dikeluarkan daripada OCI dan diiktiraf dalam penyata pendapatan. Kerugian rosotnilai atas pelaburan ekuiti tidak dibalikkan menerusi penyata pendapatan; peningkatan dalam nilai saksamanya selepas kemerosotan nilai diiktiraf dalam OCI.

(iii) Pinjaman yang dijadual dan distrukturkan semula

Apabila boleh, Kumpulan memohon untuk menjadual dan menstruktur semula pinjaman daripada mengambil alih pegangan cagaran. Ini mungkin membabitkan pelanjutan aturan pembayaran dan persetujuan syarat-syarat pinjaman baru. Apabila terma-terma telah dirunding semula, mana-mana kemerosotan nilai diukur menggunakan EIR asal seperti yang dikira sebelum pengubahsuaian terma-terma dan pinjaman tidak lagi mempertimbangkan hutang lampau. Pengurusan secara berterusan menyemak pinjaman yang dirunding semula bagi memastikan kesemua kriteria dipenuhi dan pembayaran dilakukan di masa hadapan sebelum diklasifikasikan semula kepada status aktif.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (SAMB.)

2.5 Ringkasan dasar-dasar perakaunan utama (Samb.)

(o) Rosotnilai aset kewangan (Samb.)

(iv) Penilaian cagaran

Kumpulan menggunakan cagaran, jika boleh, untuk mengurangkan risiko ke atas aset kewangan. Cagaran terdapat dalam pelbagai bentuk seperti tunai, sekuriti, surat kredit/jaminan, hartanah, belum terima, inventori, aset bukan kewangan lain dan peningkatan kredit seperti pengaturan penyelesaian. Nilai saksama cagaran pada amnya dinilai, pada minimum, pada permulaan dan berasaskan jadual pelaporan suku tahunan Kumpulan. Walaubagaimanapun, sesetengah cagaran, sebagai contoh, tunai atau sekuriti berkaitan dengan keperluan margin, dinilai secara harian.

Pada tahap yang dibolehkan, Kumpulan menggunakan data pasaran aktif bagi menilai aset kewangan yang dipegang sebagai cagaran. Aset kewangan lain yang tidak mempunyai nilai pasaran yang sedia untuk ditentukan, dinilai menggunakan model. Cagaran bukan kewangan, seperti hartanah, dinilai berasaskan data yang disediakan oleh pihak ketiga seperti broker gadai janji, indeks harga rumah, penyata kewangan diaudit, dan sumber bebas lain. (Lihat Nota 50.2 untuk analisis lanjut cagaran).

(v) Cagaran yang dirampas

Polisi Kumpulan adalah untuk menentukan sama ada aset yang dirampas paling sesuai digunakan untuk kendalian dalamannya atau dijual. Aset-aset yang ditentukan bermanfaat untuk kendalian dalaman dipindahkan kepada kategori aset yang berkaitan dengannya pada nilai dirampas yang lebih rendah atau amaun dibawa asal aset yang diambil. Aset yang diputuskan lebih baik untuk dijual akan terus dipindahkan kepada aset dipegang untuk jualan pada nilai saksamanya pada tarikh ia dirampas sejajar dengan dasar Kumpulan.

(p) Perakaunan lindung nilai

Kumpulan menggunakan instrumen derivatif untuk menguruskan pendedahan kepada risiko kadar faedah, mata wang asing dan kredit, termasuk pendedahan yang timbul daripada urus niaga yang diramal dan komitmen tetap. Bagi mengurus risiko tertentu, Kumpulan mengguna pakai perakaunan lindungan nilai bagi urus niaga yang memenuhi kriteria tertentu.

Pada awal perhubungan lindung nilai, Kumpulan secara rasmi mendokumenkan perhubungan antara item yang dilindung nilai dan instrumen lindung nilai, termasuk jenis risiko, objektif dan strategi risiko pengurusan bagi pengambilan lindung nilai dan kaedah yang akan digunakan untuk menilai keberkesanan hubungan lindung nilai tersebut semasa permulaan dan secara berterusan.

Pada setiap tarikh penilaian keberkesanan lindung nilai, sesuatu hubungan lindung nilai dijangkakan akan sangat berkesan berasaskan prospektif dan menunjukkan ia berkesan (keberkesanan retrospektif) untuk tempoh ditetapkan bagi membolehkan ia diterima untuk perakaunan lindung nilai. Penilaian formal dilakukan dengan membandingkan keberkesanan instrumen lindung nilai dalam mengofset perubahan dalam nilai saksama atau aliran tunai yang disebabkan oleh risiko lindung nilai dalam item yang dilindung nilai, kedua-duanya dilakukan pada permulaan dan pada setiap akhir suku secara berterusan. Lindung nilai dijangkakan sebagai sangat berkesan jika perubahan dalam nilai saksama atau aliran tunai disebabkan risiko dari dilindung nilai untuk jangka masa yang mana lindung nilai ditetapkan telah diofset oleh instrumen lindung nilai antara 80% sehingga 125%, dan dijangka mencatatkan ofset yang sedemikian di masa hadapan. Ketidakberkesanan lindung nilai diiktiraf dalam penyata pendapatan. Dalam situasi yang mana item lindung nilai adalah urus niaga ramalan, Kumpulan juga menilai sama ada urus niaga itu berkebarangkalian tinggi dan membentangkan pendedahan kepada variasi dalam aliran tunai yang selanjutnya akan memberi kesan kepada penyata pendapatan.

(i) Lindung nilai untuk nilai saksama

Perubahan dalam nilai saksama derivatif lindung nilai diiktiraf dalam "pendapatan pelaburan dan dagangan" dalam penyata pendapatan. Perubahan nilai saksama item yang dilindung nilai disebabkan oleh risiko yang dilindung nilai direkodkan sebagai sebahagian daripada nilai bawaan item yang dilindung nilai dan juga diiktiraf dalam "pendapatan pelaburan dan dagangan" dalam penyata pendapatan.

Untuk lindung nilai nilai saksama berkaitan item yang direkodkan pada kos terlunas, sebarang pelarasan ke atas nilai bawaan dilunaskan melalui penyata pendapatan sepanjang baki tempoh lindung nilai menggunakan kaedah EIR. Pelunasan EIR boleh bermula sebaik sahaja pelarasan wujud dan tidak lewat daripada bila item dilindung nilai tidak lagi dilaraskan untuk perubahan dalam nilai saksamanya disebabkan oleh risiko yang dilindung nilai.

Jika item yang dilindung nilai dinyahiktiraf, nilai saksama yang tidak dilunaskan diiktiraf dengan serta-merta dalam penyata pendapatan.

(ii) Lindung nilai aliran tunai

Bahagian keuntungan atau kerugian instrumen lindung nilai yang berkesan diiktiraf sebagai OCI dalam "rizab lindung nilai aliran tunai", manakala bahagian yang tidak berkesan serta-merta diiktiraf dalam "pendapatan pelaburan dan urus niaga" dalam penyata pendapatan.

Jumlah yang diiktiraf sebagai OCI dipindahkan ke penyata pendapatan apabila urus niaga lindung nilai memberi kesan kepada penyata pendapatan, seperti apabila pendapatan atau perbelanjaan kewangan lindung nilai diiktiraf atau ramalan jualan berlaku. Apabila item lindung nilai menjadi kos kepada aset atau liabiliti bukan kewangan, jumlah yang diiktiraf sebagai OCI dipindahkan ke amaun dibawa awal aset atau liabiliti bukan kewangan.

Jika instrumen tamat tempoh atau dijual, dihentikan atau dilaksanakan tanpa pengganti atau dipusing-ganti (sebagai sebahagian daripada strategi lindung nilai), atau kedudukan sebagai lindung nilai telah dibatalkan, atau apabila lindung nilai tidak lagi memenuhi kriteria perakaunan lindung nilai, sebarang keuntungan atau kerugian kumulatif yang sebelum ini diiktiraf dalam OCI kekal secara berasingan dalam ekuiti sehingga urus niaga ramalan tersebut berlaku atau komitmen mata wang asing dipenuhi.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (SAMB.)

2.5 Ringkasan dasar-dasar perakaunan utama (Samb.)

(p) Perakaunan lindung nilai (Samb.)

(iii) Lindung nilai pelaburan bersih

Lindung nilai pelaburan bersih dalam kendalian asing, termasuk lindung nilai item monetari yang diambil kira sebagai sebahagian daripada pelaburan bersih, dikira dengan cara yang sama kepada lindung nilai aliran tunai. Keuntungan atau kerugian instrumen lindung nilai berkaitan dengan bahagian berkesan lindung nilai tersebut diiktiraf dalam OCI manakala keuntungan atau kerugian berkaitan dengan bahagian yang tidak berkesan diiktiraf dalam penyata pendapatan. Ketika pelupusan kendalian asing, nilai terkumpul sebarang keuntungan atau kerugian yang diiktiraf dalam lain-lain pendapatan komprehensif dipindahkan kepada penyata pendapatan.

(q) Mengofset instrumen kewangan

Aset kewangan dan liabiliti kewangan diofset dan jumlah bersihnya dilaporkan dalam penyata kedudukan kewangan sekiranya terdapat hak perundangan yang boleh dikuatkuasa pada masa ini untuk mengofset amaun yang diiktiraf dan terdapat hasrat untuk menyelesaikannya pada dasar bersih, untuk merealisasi aset dan menyelesaikan liabiliti secara serentak.

(r) Rosotnilai aset bukan kewangan

Kumpulan menilai pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat penunjuk bahawa sesuatu aset mungkin terjejas. Sekiranya penunjuk tersebut wujud, atau apabila ujian rosotnilai tahunan bagi sesuatu aset diperlukan, Kumpulan menganggarkan amaun boleh pulih aset tersebut. Amaun boleh pulih aset adalah amaun yang lebih tinggi bagi nilai saksama sesuatu aset atau CGU ditolak kos pelupusan dan nilai gunaannya. Amaun boleh pulih ditentukan untuk aset individu, kecuali aset itu tidak menjana aliran masuk tunai yang bebas dari aset lain atau kumpulan aset-aset. Apabila amaun dibawa sesuatu aset atau CGU melebihi amaun boleh pulihnya, aset tersebut dianggap terjejas dan diturunkan nilainya kepada amaun boleh pulihnya.

Dalam menaksir nilai gunaan, anggaran aliran tunai masa hadapan didiskaunkan pada nilai semasa menggunakan kadar diskaun pracukai yang menggambarkan taksiran pasaran semasa nilai masa wang dan risiko khusus kepada aset tersebut. Dalam menentukan nilai saksama ditolak kos untuk pelupusan, urus niaga pasaran terkini digunakan. Jika tiada urus niaga sedemikian dapat dikenal pasti, model penilaian bersesuaian digunakan. Pengiraan ini disahkan dengan penggandaan penilaian, sebutan harga saham untuk entiti yang didagangkan secara awam atau penunjuk nilai saksama lain yang ada.

Bagi aset tidak termasuk muhibah, suatu penaksiran dibuat pada setiap tarikh pelaporan untuk menentukan sama ada terdapat sebarang penunjuk bahawa kerugian rosotnilai yang diiktiraf sebelum ini mungkin tidak lagi wujud atau telah berkurangan. Sekiranya penunjuk itu wujud, Kumpulan akan menganggarkan amaun boleh pulih aset atau CGU. Kerugian rosotnilai yang diiktiraf sebelum ini dibalikkan semula hanya sekiranya terdapat perubahan dalam anggapan yang digunakan untuk menentukan amaun boleh pulih aset sejak kerugian rosotnilai yang lalu diiktiraf. Pembalikan semula tersebut terhad supaya amaun dibawa oleh aset tidak melebihi amaun boleh pulih, atau melebihi amaun dibawa yang telah ditentukan, bersih daripada susut nilai, tidak mempunyai kerugian rosotnilai diiktiraf bagi aset pada tahun-tahun sebelumnya. Pembalikan semula tersebut diiktiraf dalam penyata pendapatan.

Aset berikut mempunyai ciri-ciri tertentu bagi ujian rosotnilai:

(i) Muhibah

Muhibah diuji untuk rosotnilai setiap tahun dan apabila situasi menunjukkan bahawa nilai bawaan mungkin terjejas.

Rosotnilai ditentukan bagi muhibah dengan menaksir jumlah boleh pulih bagi setiap CGU (atau kumpulan CGU) yang berkaitan dengan muhibah tersebut. Apabila jumlah boleh pulih CGU kurang daripada amaun dibawanya, kerugian rosotnilai diiktiraf. Kerugian rosot nilai yang berkaitan dengan muhibah tidak boleh dibalikkan semula di masa hadapan.

(ii) Aset tak ketara

Aset tak ketara dengan hayat gunaan terhad diuji bagi rosotnilai setiap tahun sama ada secara individu atau pada tahap CGU, yang mana sesuai, dan apabila situasi menunjukkan bahawa nilai bawaan mungkin terjejas.

(s) Harta-harta yang dirampas

Harta-harta yang dirampas merupakan hartanah yang diperoleh sepenuhnya atau separuh penyelesaian hutang dan dinyatakan pada kos ditolak kerugian rosotnilai. Dasar bagi pengukuran harta-harta yang dirampas adalah berasaskan Nota 2.5(o)(v) mengenai cagaran yang dirampas.

(t) Tunai dan kesamaan tunai

Tunai dan deposit jangka pendek dalam penyata kedudukan kewangan merangkumi tunai dan baki bank dengan bank dan institusi kewangan lain, dan deposit jangka pendek yang matang dalam tempoh satu bulan.

Bagi tujuan penyata aliran tunai, tunai dan kesamaan tunai terdiri daripada tunai dan dana jangka pendek seperti yang ditakrifkan di atas, tidak termasuk deposit dan wang yang dipegang dalam amanah dan ditolak overdraf bank tertunggak.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (SAMB.)

2.5 Ringkasan dasar-dasar perakaunan utama (Samb.)

(u) Aset dipegang untuk jualan

Kumpulan mengklasifikasi aset sebagai dipegang untuk jualan jika amaun dibawa akan dipulih secara prinsipal menerusi penjualan berbanding penggunaan berterusan. Keadaan ini dianggap dipenuhi hanya jika jualan berkemungkinan berlaku dan aset tersedia untuk jualan serta-merta dalam keadaan semasanya, pengurusan komited terhadap jualan tersebut dan jualan dijangka diselesaikan dalam tempoh setahun dari tarikh klasifikasi. Aset yang diklasifikasikan sebagai dipegang untuk jualan diukur pada paras lebih rendah daripada amaun dibawa dan nilai saksama tolak kos untuk menjual.

Hartanah, loji dan peralatan dan aset tak ketara tidak disusut nilai atau atau dilunaskan sebaik saja diklasifikasikan sebagai dipegang untuk jualan.

Aset dan liabiliti yang diklasifikasikan sebagai dipegang untuk jualan dibentangkan secara berasingan sebagai item semasa dalam penyata kedudukan kewangan.

Kumpulan pelupusan layak dianggap sebagai kendalian dihentikan jika ia:
- mewakili barisan utama perniagaan yang berasingan atau kawasan geografi operasi;
- adalah sebahagian daripada rancangan diselaraskan tunggal untuk melupuskan barisan utama perniagaan yang berasingan atau kawasan geografi operasi; atau
- adalah subsidiari yang diperolehi secara eksklusif dengan tujuan untuk dijual semula.

Kendalian dihentikan dikecualikan daripada keputusan kendalian berterusan dan dibentangkan sebagai satu amaun tunggal sebagai keuntungan atau kerugian selepas cukai daripada kendalian dihentikan dalam penyata pendapatan.

Pendedahan tambahan disediakan dalam Nota 56. Semua nota lain dalam penyata kewangan termasuk jumlah untuk kendalian berterusan kecuali jika dinyatakan sebaliknya.

(v) Peruntukan

Peruntukan diiktiraf apabila Kumpulan mempunyai obligasi semasa (perundangan atau konstruktif) hasil daripada peristiwa lalu, terdapat kemungkinan bahawa aliran keluar sumber yang mengandungi manfaat ekonomi perlu dilakukan untuk menyelesaikan obligasi dan jumlah obligasi boleh dianggarkan dengan pasti. Apabila Kumpulan menjangkakan beberapa atau semua peruntukan akan dibayar balik, contohnya di bawah kontrak insurans, pembayaran balik tersebut diiktiraf sebagai aset berasingan, tetapi hanya apabila ia dapat dipastikan. Perbelanjaan berkaitan peruntukan dibentangkan dalam penyata pendapatan bersih daripada sebarang pembayaran balik.

(w) Liabiliti luar jangka dan aset luar jangka

Liabiliti luar jangka adalah obligasi semasa yang tidak diiktiraf kerana tiada kebarangkalian aliran keluar sumber akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi atau dalam kes yang sangat jarang berlaku di mana liabiliti tidak dapat diiktiraf kerana ia tidak boleh diukur secara pasti. Liabiliti luar jangka tidak diiktiraf tetapi dinyatakan dalam penyata kewangan. Obligasi yang muncul dari peristiwa yang lepas, yang kewujudannya hanya dapat disahkan melalui berlakunya atau tidak berlakunya satu atau lebih peristiwa akan datang yang belum pasti, tidak di bawah kawalan Kumpulan keseluruhan juga didedahkan sebagai liabiliti luar jangka melainkan kebarangkalian aliran keluar sumber ekonomi adalah kecil.

Aset luar jangka adalah aset yang berkemungkinan wujud daripada peristiwa lalu yang kewujudannya akan hanya disahkan apabila berlaku atau tidak berlakunya satu atau lebih peristiwa yang tidak pasti pada masa hadapan yang bukan dalam kawalan penuh Kumpulan. Kumpulan tidak mengiktiraf aset luar jangka dalam penyata kewangan tetapi mendedahkan kewujudannya di mana aliran masuk manfaat ekonomi adalah berkemungkinan, tetapi tidak pasti.

(x) Kontrak jaminan kewangan

Kontrak jaminan kewangan yang dikeluarkan oleh Kumpulan adalah kontrak-kontrak yang memerlukan pembayaran dibuat untuk membayar balik kepada pemegang bagi kerugian yang ditanggung kerana penghutang tertentu gagal membuat bayaran pada masa yang ditentukan mengikut terma instrumen hutang. Kontrak jaminan kewangan diiktiraf pada peringkat awal sebagai liabiliti pada nilai saksama, dilaras untuk kos urus niaga yang disebabkan oleh pengeluaran jaminan tersebut. Seterusnya, liabiliti dikira dengan memilih andaian terbaik perbelanjaan yang diperlukan bagi melangsaikan obligasi semasa pada tarikh pelaporan dan amaun diiktiraf ditolak pelunasan kumulatif, yang mana lebih tinggi.

(y) Rizab penyamaan keuntungan ("PER")

PER adalah amaun yang diagihkan keluar daripada keseluruhan pendapatan kasar perbankan Islam untuk mengekalkan paras pulangan kepada Pemilik Akaun Pelaburan ("IAH") seperti ditetapkan dalam garis panduan Rizab Penyamaan Keuntungan Bank Negara Malaysia. Amaun yang diagihkan keluar ini dikongsi oleh IAH dan Kumpulan. PER mewujudkan satu obligasi bagi menguruskan pengagihan IAH daripada perspektif Syariah. PER dalam IAH diklasifikasikan sebagai liabiliti dan diiktiraf pada kos. Pembahagian keuntungan seterusnya kepada IAH diiktiraf dalam penyata pendapatan. Pengagihan akhir PER sebagai keuntungan boleh agih kepada IAH akan ditentukan sebagai aliran keluar dana disebabkan penyelesaian obligasi kepada IAH. PER Kumpulan diperuntukkan daripada keuntungan terkumpul dan diklasifikasikan sebagai rizab berasingan dalam ekuiti dan tidak boleh diagihkan. Pembahagian daripada dan pengagihan kepada keuntungan terkumpul seterusnya diperakui sebagai pemindahan antara rizab. Dalam tahun kewangan semasa, Kumpulan menamatkan penggunaan PER seperti yang dinyatakan dalam Nota 3.2(a).

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (SAMB.)

2.5 Ringkasan dasar-dasar perakaunan utama (Samb.)

(z) Pengiktirafan pendapatan dan perbelanjaan

Hasil diiktiraf setakat ada kemungkinan manfaat ekonomi akan mengalir kepada Kumpulan dan hasilnya boleh diukur dengan pasti. Kriteria pengiktirafan spesifik berikut mesti dipenuhi sebelum hasil diiktiraf.

Hasil kendalian Kumpulan termasuk semua jenis hasil yang diperolehi daripada perbankan komersial dan perkhidmatan bukan kewangan yang disediakan oleh subsidiari-subsidiari.

Hasil kendalian Syarikat termasuk pendapatan faedah kasar, pendapatan dividen kasar, fi dan komisen yang diperolehi dan pendapatan lain.

Kriteria pengiktirafan khusus berikut mesti dipenuhi sebelum hasil diiktiraf.

(i) Pendapatan faedah/pembiayaan dan pendapatan dan perbelanjaan yang sama

Untuk semua aset kewangan dan liabiliti kewangan yang diukur pada kos terlunas, pelaburan kewangan yang menghasilkan faedah diklasifikasikan sebagai AFS dan aset kewangan dan liabiliti kewangan yang ditentukan pada nilai saksama menerusi keuntungan atau kerugian, faedah/pendapatan pembiayaan atau perbelanjaan direkodkan menggunakan EIR. EIR adalah kadar yang mendiskaunkan dengan tepat anggaran pembayaran atau penerimaan tunai masa hadapan melalui jangkaan hayat instrumen kewangan atau tempoh yang lebih singkat, mengikut kesesuaian, kepada amaun dibawa bersih aset kewangan atau liabiliti kewangan. Pengiraannya mengambil kira semua terma kontrak instrumen kewangan termasuk sebarang fi atau kos tambahan yang secara langsung berkaitan dengan instrumen dan merupakan bahagian penting EIR, tetapi bukan kerugian kredit masa hadapan.

Amaun dibawa aset kewangan atau liabiliti kewangan dilaraskan sekiranya Kumpulan menyemak semula anggaran pembayaran atau penerimaan. Amaun dibawa terlaras dikira berasaskan EIR asal dan perubahan amaun dibawa direkodkan dalam penyata pendapatan. Bagaimanapun, bagi aset kewangan yang diklasifikasi semula yang mana Kumpulan seterusnya meningkatkan anggarannya ke atas penerimaan tunai masa hadapan hasil daripada peningkatan keupayaan memperoleh semula penerimaan tunai tersebut, kesan peningkatan itu diiktiraf sebagai pelarasan kepada EIR dari tarikh perubahan dalam anggaran.

Apabila nilai aset kewangan atau sekumpulan aset kewangan yang sama, yang direkodkan telah dikurangkan disebabkan kemerosotan nilai, pendapatan faedah terus diiktiraf menggunakan kadar faedah yang digunakan untuk mendiskaun aliran tunai masa hadapan bagi tujuan pengukuran kerugian rosotnilai.

(ii) Pendapatan fi dan komisen

Kumpulan memperoleh pendapatan fi dan komisen daripada pelbagai perkhidmatan yang disediakan kepada pelanggannya. Pendapatan fi dibahagikan kepada dua kategori berikut:

(a) Pendapatan fi yang diperolehi daripada perkhidmatan yang diberikan sepanjang tempoh tertentu

Fi yang diperolehi bagi pemberian perkhidmatan sepanjang tempoh masa, diakru pada tempoh tersebut. Fi ini termasuk pengaturan pinjaman, pendapatan komisen, pengurusan aset, penjagaan dan lain-lain fi pengurusan dan nasihat.

Fi komitmen pinjaman bagi pinjaman yang cenderung untuk dikeluarkan dan fi berkaitan kredit yang lain ditangguhkan (bersama sebarang peningkatan kos) dan diiktiraf sebagai pelarasan kepada EIR atas pinjaman berkenaan. Apabila besar kemungkinan pinjaman tidak dikeluarkan, fi komitmen pinjaman diiktiraf sepanjang tempoh komitmen pada asas garis lurus.

(b) Pendapatan fi daripada pemberian perkhidmatan transaksi

Fi yang berpunca daripada perundingan atau pembabitan dalam perundingan sesuatu urus niaga bagi pihak ketiga, seperti pengaturan perolehan saham atau lain-lain sekuriti atau pembelian atau penjualan perniagaan, diiktiraf ketika selesainya urus niaga dasar. Fi atau komponen fi yang dihubungkan dengan prestasi tertentu diiktiraf selepas memenuhi kriteria sepadan.

(iii) Pendapatan dividen

Hasil diiktiraf apabila hak Kumpulan untuk menerima pembayaran telah diwujudkan yang mana secara amnya apabila pemegang-pemegang saham meluluskan dividen berkenaan.

(iv) Pendapatan pelaburan dan urus niaga

Hasil yang berpunca daripada aktiviti urus niaga termasuk semua keuntungan dan kerugian disebabkan perubahan dalam nilai saksama dan dividen untuk pelaburan kewangan dipegang untuk urus niaga. Ini termasuk sebarang ketidakberkesanan yang direkodkan untuk urus niaga lindung nilai.

(v) Pendapatan sewa

Pendapatan sewa berpunca daripada kendalian pajakan hartanah pelaburan dikira pada asas garis lurus sepanjang tempoh pajakan.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (SAMB.)

2.5 Ringkasan dasar-dasar perakaunan utama (Samb.)

(z) Pengiktirafan pendapatan dan perbelanjaan (Samb.)

(vi) Jualan unit amanah

Hasil daripada jualan unit amanah diiktiraf selepas perumpukan unit-unit, bersih selepas ditolak kos unit-unit yang dijual.

(vii) Program kesetiaan pelanggan

Kredit anugerah di bawah program kesetiaan pelanggan diambil kira sebagai komponen transaksi berasingan yang boleh dikenal pasti yang mana ia diberikan. Nilai saksama perolehan yang diterima atas jualan awal diperuntukkan antara kredit anugerah dan komponen lain jualan. Pendapatan yang dihasilkan daripada program kesetiaan pelanggan diiktiraf dalam penyata pendapatan.

(aa) Manfaat kakitangan

(i) Manfaat jangka pendek

Upah, gaji, bonus dan caruman keselamatan sosial diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tahun kewangan yang mana perkhidmatan berkaitan diberikan oleh kakitangan Kumpulan. Pampasan ketidakhadiran terkumpul jangka pendek seperti cuti tahunan berbayar diiktiraf apabila perkhidmatan diberikan kakitangan yang meningkatkan kelayakan mereka kepada pampasan ketidakhadiran masa hadapan, dan pampasan ketidakhadiran jangka pendek tidak terkumpul seperti cuti sakit diiktiraf apabila ketidakhadiran berlaku.

(ii) Pelan caruman persaraan yang ditentukan

Kumpulan melakukan caruman kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ("KWSP") di Malaysia. Caruman seperti itu diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam penyata pendapatan apabila berlaku. Sebaik caruman itu dibayar, Kumpulan tidak mempunyai obligasi bayaran.

(iii) Pelan manfaat ditentukan

Perkiraan liabiliti manfaat yang ditentukan berdasarkan nilai terkini rancangan manfaat tertentu pada akhir laporan kurang nilai saksama aset pelan, dilakukan secara tahunan oleh aktuari berkelayakan menggunakan kaedah unjuran unit kredit.

Nilai semasa tanggungan manfaat ditentukan dengan mendiskaun aliran tunai masa depan yang dianggarkan daripada aliran menggunakan kadar faedah bon korporat berkualiti tinggi yang didenominasikan dalam mata wang di mana manfaat tersebut akan dibayar dan mempunyai tempoh matang bersamaan dengan rancangan manfaat yang berkaitan.

Kumpulan mengiktiraf perubahan berikut dalam obligasi manfaat ditentukan bersih dalam penyata pendapatan:

- kos perkhidmatan yang terdiri daripada kos semasa perkhidmatan, kos perkhidmatan lepas, keuntungan dan kerugian pada pembatasan dan penempatan bukan rutin; dan
- faedah perbelanjaan atau pendapatan bersih.

Kos perkhidmatan lampau diiktiraf dalam penyata pendapatan lebih awal dari:

- Tarikh pindaan atau pengurangan pelan; atau
- Tarikh Syarikat mengiktiraf kos berkaitan penstrukturan semula.

Pengukuran semula liabiliti manfaat ditentukan bersih, yang terdiri daripada keuntungan dan kerugian aktuari, pulangan ke atas aset pelan (tidak termasuk faedah bersih) dan kesan siling aset (jika ada, tidak termasuk faedah bersih), diiktiraf serta-merta dalam OCI dalam tempoh di mana ia berlaku dan direkodkan dalam rizab manfaat tertentu. Pengukuran semula tidak dikelaskan semula kepada penyata pendapatan dalam tempoh berikutnya.

(iv) Manfaat penamatan

Manfaat penamatan dibayar apabila pekerjaan seseorang kakitangan ditamatkan sebelum tarikh pesaraan normal atau apabila seseorang kakitangan menerima pemberhentian sukarela sebagai tukaran kepada manfaat-manfaat ini. Kumpulan mengiktiraf manfaat penamatan apabila ia dilakukan sama ada untuk menamatkan perkhidmatan kakitangan sedia ada mengikut pelan formal terperinci tanpa kemungkinan penarikan atau untuk memberikan manfaat penamatan sebagai balasan kepada tawaran yang dibuat untuk menggalakkan pemberhentian sukarela. Manfaat yang sudah genap masa lebih daripada 12 bulan selepas tarikh pelaporan didiskaun ke nilai semasa.

(v) Urus niaga pembayaran berdasarkan saham

Syarikat menjalankan skim pampasan berasaskan saham diselesaikan secara ekuiti di mana saham atau opsyen untuk melanggan saham Syarikat diberikan kepada pengarah dan kakitangan Kumpulan yang layak berdasarkan kriteria kewangan dan prestasi tertentu dan syarat-syarat yang dianggap sesuai.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (SAMB.)

2.5 Ringkasan dasar-dasar perakaunan utama (Samb.)

(aa) Manfaat kakitangan (Samb.)

(v) Urus niaga pembayaran berdasarkan saham (Samb.)

Kos urus niaga diselesaikan secara ekuiti diiktiraf, bersama peningkatan sepadan dalam ekuiti, sepanjang tempoh yang mana pencapaian dan/atau syarat-syarat perkhidmatan dipenuhi, berakhir pada tarikh yang mana kakitangan berkaitan layak sepenuhnya ("tarikh peletakan hak"). Perbelanjaan terkumpul yang diiktiraf bagi urus niaga diselesaikan secara ekuiti pada setiap tarikh pelaporan sehingga tarikh peletakan hak menunjukkan tahap di mana tempoh peletakan hak telah luput dan anggaran terbaik Kumpulan terhadap bilangan instrumen ekuiti yang akan akhirnya diletakkan hak. Perbelanjaan atau kredit penyata pendapatan bagi sesuatu tempoh direkodkan dalam "kos kakitangan" dan mewakili pergerakan dalam perbelanjaan terkumpul yang diiktiraf pada awal dan akhir tempoh berkenaan.

Apabila terma sesuatu pemberian diselesaikan secara ekuiti diubah, perbelanjaan minimum yang diiktiraf dalam "kos kakitangan" adalah perbelanjaan seolah-olah terma-terma tidak diubah suai. Perbelanjaan tambahan diiktiraf bagi sebarang pengubahsuaian yang meningkatkan jumlah nilai saksama pengaturan pembayaran berasaskan saham, atau sebaliknya memberi manfaat kepada kakitangan seperti yang diukur pada tarikh pengubahsuaian.

Apabila pemberian diselesaikan secara ekuiti dibatalkan, ia dikira telah meletak hak pada tarikh pembatalan dan sebarang perbelanjaan yang belum diiktiraf untuk pemberian tersebut akan diiktiraf serta merta. Ini termasuk mana-mana pemberian di mana syarat bukan peletakan hak dalam kawalan sama ada entiti tersebut atau pihak berlawanan tidak dipenuhi. Bagaimanapun, sekiranya pemberian baru menggantikan pemberian yang dibatalkan, dan ditetapkan sebagai pemberian gantian pada tarikh ia diberikan, pemberian yang dibatalkan dan pemberian baru dikira seperti ia adalah pengubahsuaian kepada pemberian asal, seperti yang diterangkan dalam perenggan sebelumnya.

Kesan pencairan opsyen tertunggak ditunjukkan sebagai pencairan saham tambahan dalam pengiraan perolehan sesaham dicairkan (Nota 40).

(ab) Dividen saham biasa

Dividen atas saham biasa diiktiraf sebagai liabiliti dan ditolak daripada ekuiti apabila ia diluluskan pemegang saham Kumpulan dan Syarikat. Dividen interim ditolak daripada ekuiti apabila ia diumumkan dan bukan lagi atas budi bicara Kumpulan dan Syarikat.

Dividen untuk tahun berkenaan yang diluluskan selepas tarikh pelaporan dinyatakan sebagai kejadian selepas tarikh pelaporan.

(ac) Cukai

(i) Cukai semasa

Cukai aset dan liabiliti semasa untuk tahun kewangan semasa dan sebelumnya diukur pada jumlah yang dijangka dapat diperolehi daripada atau dibayar kepada pihak berkuasa cukai. Kadar cukai dan undang-undang cukai digunakan bagi mengira jumlah adalah yang dikuatkuasakan atau dikuatkuasakan dengan ketara menjelang tarikh pelaporan.

Cukai semasa diiktiraf dalam penyata pendapatan kecuali setakat cukai mempunyai hubungan kepada item-item yang diiktiraf di luar penyata pendapatan, sama ada dalam OCI atau secara terus dalam ekuiti.

(ii) Cukai tertunda

Cukai tertunda diperuntukkan dengan menggunakan kaedah liabiliti ke atas perbezaan sementara antara asas cukai aset dan liabiliti dan amaun dibawa mereka untuk tujuan pelaporan kewangan pada tarikh pelaporan.

Liabiliti cukai tertunda diiktiraf bagi semua perbezaan sementara yang dikenakan cukai kecuali:

- Apabila liabiliti cukai tertunda yang timbul daripada pengiktirafan awal muhibah atau aset atau liabiliti dalam sesuatu urus niaga yang bukan kombinasi perniagaan dan, pada masa urus niaga, tiada memberi kesan ke atas keuntungan perakaunan mahu pun keuntungan atau kerugian boleh cukai; dan
- Berkenaan dengan perbezaan sementara boleh cukai yang dikaitkan dengan pelaburan dalam subsidiari dan sekutu, yang mana masa pembalikan semula perbezaan sementara boleh dikawal dan kebarangkalian perbezaan sementara tidak akan dibalikkan dalam masa terdekat.

Aset cukai tertunda diiktiraf bagi semua perbezaan sementara boleh kurang, kredit cukai tidak diguna dibawa ke hadapan dan sebarang kerugian cukai yang tidak diguna. Aset cukai tertunda diiktiraf setakat kebarangkalian keuntungan boleh cukai akan ada yang mana perbezaan sementara boleh ditolak daripadanya, dan kredit cukai yang tidak digunakan dibawa ke hadapan dan kerugian cukai tidak digunakan, boleh digunakan kecuali:

- Apabila aset cukai tertunda berkaitan perbezaan sementara boleh kurang yang berpunca daripada pengiktirafan awal sesuatu aset atau liabiliti dalam sesuatu urus niaga yang bukan kombinasi perniagaan dan, pada masa urus niaga, tidak memberi kesan kepada keuntungan perakaunan atau keuntungan atau kerugian boleh cukai; dan
- Berkenaan perbezaan sementara boleh kurang berkaitan pelaburan dalam subsidiari dan syarikat bersekutu, aset cukai tertunda diiktiraf hanya setakat kebarangkalian perbezaan sementara akan dibalikkan dalam masa terdekat dan keuntungan boleh cukai akan tersedia yang mana perbezaan sementara boleh digunakan.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (SAMB.)

2.5 Ringkasan dasar-dasar perakaunan utama (Samb.)

(ac) Cukai (Samb.)

(ii) Cukai tertunda (Samb.)

Amaun dibawa aset cukai tertunda disemak pada setiap tarikh pelaporan dan dikurangkan sehingga ke tahap tiada lagi kebarangkalian keuntungan boleh cukai yang mencukupi akan ada bagi membenarkan semua atau sebahagian daripada aset cukai tertunda digunakan. Aset cukai tertunda yang tidak diiktiraf dinilai semula pada setiap tarikh pelaporan dan diiktiraf setakat wujud kemungkinan bahawa keuntungan boleh cukai masa hadapan akan membenarkan aset cukai tertunda dipulih semula.

Aset dan liabiliti cukai tertunda diukur pada kadar cukai yang dijangka digunakan dalam tahun aset direalisasikan atau liabiliti dilangsaikan, berdasarkan kadar cukai (dan undang-undang percukaian) yang dikuatkuasakan, atau sebahagian besarnya dikuatkuasakan pada tarikh pelaporan.

Cukai tertunda yang berkaitan item yang diiktiraf di luar penyata pendapatan akan diiktiraf di luar penyata pendapatan. Item cukai tertunda diiktiraf sejajar dengan dasar urus niaga sama ada dalam OCI atau langsung dalam ekuiti.

Aset cukai tertunda dan liabiliti cukai tertunda diofset sekiranya wujud hak menguatkuasakan mengikut undang-undang untuk mengimbangi aset cukai semasa dengan liabiliti cukai semasa dan cukai tertunda adalah berkaitan dengan entiti boleh cukai yang sama dan pihak berkuasa percukaian yang sama.

Manfaat cukai yang diperoleh sebagai sebahagian daripada kombinasi perniagaan, tetapi tidak memenuhi kriteria bagi pengiktirafan berasingan pada tarikh tersebut, akan diiktiraf selanjutnya sekiranya ada maklumat baru mengenai fakta dan perubahan dalam situasi. Pelarasan akan dikira sama ada sebagai pengurangan kepada muhibah (selagi ia tidak melebihi muhibah) jika ia berlaku ketika tempoh pengukuran atau diiktiraf dalam penyata pendapatan.

(ad) Zakat

Ini mewakili zakat perniagaan yang perlu dibayar oleh Kumpulan bagi mematuhi prinsip-prinsip Syariah sebagaimana yang diluluskan oleh Jawatankuasa Syariah Kumpulan. Peruntukan zakat dikira menggunakan kaedah keuntungan dan kerugian pada kadar zakat sebanyak 2.5% dan berdasarkan peratusan pemegang saham Islam dalam Syarikat.

Dalam tahun kewangan, Kumpulan telah memenuhi obligasi membayar zakat perniagaan kepada pihak berkuasa zakat negeri dan waris lain yang dikenalpasti (asnaf) yang terdiri daripada pelajar miskin dan memerlukan di bawah program anak angkat pelajar, mangsa banjir dan organisasi bukan kerajaan.

(ae) Pendapatan sesaham ("EPS")

Kumpulan membentang data EPS asas dan dicairkan untuk saham biasanya dalam Nota 40. EPS asas dikira dengan membahagikan keuntungan atau kerugian milik pemegang saham biasa Syarikat dengan jumlah purata wajaran saham biasa belum jelas yang dimiliki untuk tempoh berkenaan, ditolak saham perbendaharaan. EPS dicairkan ditentukan dengan menyelaraskan keuntungan atau kerugian milik pemegang saham biasa dan jumlah purata wajaran saham biasa belum jelas yang dimiliki bagi kesan terhadap semua pencairan saham biasa berpotensi.

(af) Pelaporan segmen

Pelaporan segmen dalam penyata kewangan dibentangkan mengikut dasar sama yang digunakan oleh pengurusan secara dalaman untuk menilai prestasi segmen kendalian dan untuk memutuskan bagaimana mengagihkan sumber kepada segmen kendalian. Segmen yang boleh dilaporkan adalah segmen kendalian atau pengagregatan segmen-segmen kendalian yang memenuhi kriteria tertentu. Segmen kendalian adalah komponen yang boleh dikenal pasti dalam Kumpulan yang mana maklumat kewangan secara berasingan boleh didapati dan dinilai secara kerap oleh ketua operasi pembuat keputusan dalam menentukan bagaimana mengagihkan sumber dan menilai prestasi.

(ag) Modal saham dan perbelanjaan penerbitan saham

Instrumen ekuiti ialah sebarang kontrak yang membuktikan faedah sisa dalam aset Syarikat selepas ditolak semua liabiliti. Saham biasa adalah instrumen ekuiti.

Saham biasa dicatatkan apabila hasil diterima, bersih selepas ditolak kos langsung urus niaga tambahan.

(ah) Saham dipegang dalam amanah untuk ESS dan kontrak saham sendiri

Instrumen ekuiti sendiri Syarikat yang diperolehinya untuk ESS ditolak daripada ekuiti dan dikira pada kos purata wajaran. Perolehan yang dibayar atau diterima daripada pembelian, jualan, terbitan atau pembatalan instrumen ekuiti sendiri Syarikat diiktiraf secara langsung dalam ekuiti. Tiada keuntungan atau kerugian diiktiraf dalam penyata pendapatan atas pembelian, jualan, terbitan atau pembatalan instrumen ekuiti Kumpulan.

Apabila Syarikat memegang instrumen ekuiti sendiri bagi pihak pelanggan mereka, pegangan ini tidak dimasukkan dalam penyata kedudukan kewangan Syarikat.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (SAMB.)

2.5 Ringkasan dasar-dasar perakaunan utama (Samb.)

(ai) Aset fidusiari

Kumpulan memberikan perkhidmatan amanah dan lain-lain perkhidmatan fidusiari yang menyebabkan pemegangan atau pelaburan aset bagi pihak pelanggan mereka. Aset yang dipegang dalam keupayaan fidusiari tidak diiktiraf sebagai aset Kumpulan.

(aj) Klasifikasi produk

Subsidiari insurans menerbitkan kontrak yang memindahkan risiko insurans atau risiko kewangan atau kedua-duanya.

Kontrak pelaburan adalah kontrak yang memindahkan risiko kewangan yang besar dan tiada risiko insurans yang ketara.

Risiko kewangan ialah risiko kemungkinan perubahan di masa hadapan dalam satu atau lebih kadar faedah tertentu, harga instrumen kewangan, harga komoditi, kadar pertukaran asing, indeks harga atau kadar, penarafan kredit atau indeks kredit atau pemboleh ubah lain, disediakan dalam kes pemboleh ubah bukan kewangan bahawa pemboleh ubah tidak dikhususkan kepada pihak kontrak itu. Risiko insurans adalah risiko selain daripada risiko kewangan.

Kontrak insurans adalah kontrak yang mana subsidiari insurans ("penginsurans" dan "pengendali takaful") telah menerima risiko insurans dan takaful yang signifikan daripada pihak lain ("pemegang polisi") dengan menyetujui untuk memberi pampasan kepada pemegang polisi dan peserta jika peristiwa di masa hadapan tertentu yang tidak pasti ("yang diinsuranskan") memberi kesan negatif kepada pemegang polisi. Sebagai garis panduan am, penginsurans menentukan sama ada mereka mempunyai risiko insurans signifikan, dengan membandingkan manfaat yang dibayar dengan manfaat belum bayar sekiranya yang diinsuranskan dan peristiwa yang dilindungi tidak berlaku.

Sebaik sesuatu kontrak diklasifikasikan sebagai kontrak insurans, ia kekal sebagai kontrak insurans bagi baki tempoh hayatnya, walaupun risiko insurans mengurang secara signifikan dalam tahun kewangan ini, kecuali semua hak dan obligasi dihapuskan atau luput. Kontrak pelaburan bagaimanapun boleh diklasifikasi semula sebagai kontrak insurans selepas permulaan kontrak jika risiko insurans menjadi signifikan.

(ak) Insurans semula

Penginsurans memindahkah risiko insurans dalam urusan biasa perniagaan bagi semua perniagaannya. Aset insurans semula semula mewakili baki yang perlu dibayar daripada syarikat insurans semula. Amaun boleh pulih daripada syarikat insurans semula dianggarkan secara konsisten dengan peruntukan tuntutan yang belum dijelaskan atau yang sudah diselesaikan berkaitan dengan dasar-dasar penanggung insurans semula, dan mengikut kontrak insurans semula yang berkaitan.

Pengaturan insurans yang disid tidak melepaskan penginsurans daripada obligasi-obligasi kepada pemegang polisi dan peserta. Premium, sumbangan dan tuntutan dibentangkan atas dasar kasar untuk insurans semula yang telah disid dan diambil alih.

Aset insurans semula disemak untuk rosotnilai pada setiap tarikh pelaporan atau lebih kerap apabila wujud petunjuk rosotnilai dalam tempoh pelaporan. Kemerosotan nilai berlaku apabila terdapat bukti objektif akibat daripada peristiwa yang berlaku selepas pengiktirafan awal aset insurans semula bahawa penginsurans mungkin tidak menerima semua amaun belum jelas di bawah terma-terma kontrak dan peristiwa tersebut mempunyai kesan boleh diukur yang boleh dipercayai ke atas amaun yang akan diterima oleh penginsurans daripada syarikat insurans semula. Kerugian rosotnilai direkodkan dalam penyata pendapatan.

Sekiranya ada keuntungan dan kerugian dari pembelian insurans semula, ia akan diiktiraf dalam penyata pendapatan pada permulaan perjanjian.

Penginsurans juga menanggung risiko insurans semula dalam urusan biasa perniagaan bagi kontrak insurans hayat dan am, bila mana berkenaan.

Premium, sumbangan dan tuntutan ke atas insurans semula yang diambil alih diiktiraf sebagai hasil atau perbelanjaan dengan cara yang sama jika insurans semula dianggap sebagai perniagaan langsung, dengan mengambil kira klasifikasi produk perniagaan insurans semula. Liabiliti insurans semula mewakili baki yang perlu dibayar kepada syarikat insurans semula. Anggaran amaun yang perlu dibayar dibuat secara konsisten dengan kontrak insurans semula yang berkaitan.

Aset atau liabiliti insurans semula dinyahiktiraf apabila hak kontrak ditamatkan atau tamat tempoh atau apabila kontrak dipindahkan kepada pihak lain.

Kontrak insurans semula yang tidak memindahkan risiko insurans yang signifikan dikira secara langsung dalam penyata kedudukan kewangan. Mereka adalah aset deposit atau liabiliti kewangan yang diiktiraf berdasarkan pertimbangan yang sudah dibayar atau diterima tolak sebarang premium, sumbangan atau fi tersurat yang dikenal pasti yang akan dikekalkan oleh penginsurans semula. Pendapatan pelaburan membabitkan kontrak-kontrak ini dikira menggunakan kaedah kadar hasil efektif apabila diakru.

(al) Insurans belum terima

Insurans belum terima adalah jumlah belum terima mengikut terma-terma kontrak insurans. Pada pengiktirafan awal, insurans belum terima diukur pada nilai saksama berdasarkan perolehan diterima atau belum terima. Lanjutan kepada pengiktirafan awal, insurans belum terima diukur pada kos terlunas menggunakan kaedah pendapatan efektif.

Insurans belum terima dinilai pada setiap tarikh pelaporan untuk sebarang bukti objektif kemerosotan nilai. Jika wujud bukti objektif bahawa insurans belum terima telah terjejas, penginsurans mengurangkan amaun dibawa insurans belum terima sewajarnya dan mengiktiraf kerugian rosotnilai dalam penyata pendapatan. Penginsurans mengumpulkan bukti objektif bahawa insurans belum terima telah terjejas menggunakan proses sama yang digunakan untuk aset kewangan dibawa pada kos terlunas. Kerugian rosotnilai dikira menggunakan kaedah sama yang digunakan untuk aset kewangan.

Insurans belum terima dinyahiktiraf apabila kriteria penyahiktirafan bagi aset kewangan, seperti yang dinyatakan dalam Nota 2.5j (vi), telah dipenuhi.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (SAMB.)

2.5 Ringkasan dasar-dasar perakaunan utama (Samb.)

(am) Keputusan taja jamin insurans am

Keputusan taja jamin insurans am ditentukan mengikut setiap kelas perniagaan selepas mengambil kira premium, pergerakan premium dan liabiliti dan komisyen tuntutan.

(i) Premium kasar

Premium kasar diiktiraf dalam tempoh kewangan bagi risiko yang ditanggung sepanjang tahun kewangan berkenaan.

(ii) Premium insurans semula

Premium insurans semula fakultatif aliran masuk diiktiraf dalam tahun kewangan berdasarkan risiko fakultatif yang ditanggung pada tahun kewangan berkenaan, dan bagi kes polisi langsung, ia mengikut tarikh permulaan risiko individu.

Premium insurans semula perjanjian aliran masuk merangkumi persetujuan berkadar dan tidak berkadar. Bagi premium insurans semula berkaitan persetujuan berkadar, ia diiktiraf berdasarkan makluman berkala yang diterima daripada pengesid memandangkan makluman berkala itu menggambarkan risiko pendasar individu yang diterima dan diinsurans semula pada pelbagai tarikh permulaan risiko tersebut dan dikira secara kontrak, kepada penginsurans semula mengikut terma persetujuan berkadar. Bagi premium insurans semula berkaitan persetujuan tidak berkadar yang melindungi kerugian yang berlaku dalam tempoh perjanjian khusus, premium insurans semula aliran masuk diiktiraf berdasarkan kontrak premium yang telah dipersetujui pada permulaan tempoh perjanjian di bawah kontrak perjanjian bukan berkadar.

(iii) Liabiliti premium

Liabiliti premium mewakili obligasi masa hadapan penginsurans terhadap kontrak-kontrak insurans seperti diwakili oleh premium yang diterima untuk risiko yang belum tamat tempoh. Dalam menentukan liabiliti premium pada tarikh pelaporan, kaedah yang paling tepat menggambarkan premium yang belum diperoleh digunakan, seperti dinyatakan dalam Nota 2.5 (an).

(iv) Liabiliti tuntutan

Liabiliti untuk tuntutan tertunggak diiktiraf dalam kedua-dua insurans langsung dan insurans semula aliran masuk.

Jumlah tuntutan liabiliti adalah jangkaan terbaik untuk perbelanjaan yang diperlukan bersama perbelanjaan berkaitan, ditolak pemulihan bagi menyelesaikan obligasi semasa pada tarikh pelaporan.

Peruntukan juga dibuat untuk kos tuntutan bersama perbelanjaan berkaitan yang ditanggung tetapi tidak dilaporkan pada tarikh pelaporan, menggunakan kaedah anggaran matematik.

(v) Kos perolehan

Kos kasar dalam memperoleh dan memperbaharui polisi insurans dan pendapatan yang diraih daripada mengesid premium insurans semula diiktiraf sebagai ditanggung dan diagihkan sewajarnya ke tempoh yang mana ia berkemungkinan akan meningkatkan pendapatan.

(an) Liabiliti kontrak insurans am

Liabiliti kontrak insurans am diiktiraf apabila kontrak dimeterai dan premium telah dikenakan. Penilaian liabiliti kontrak insurans am adalah mengikut kerangka kerja Modal Berasaskan Risiko ("RBC") untuk penginsurans yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia ("BNM").

Liabiliti ini terdiri daripada liabiliti tuntutan dan liabiliti premium.

(i) Liabiliti tuntutan

Liabiliti tuntutan diiktiraf untuk insurans langsung dan insurans semula aliran masuk. Liabiliti tuntutan merujuk kepada obligasi penginsurans, sama ada dimeterai dalam kontrak atau sebaliknya, untuk membuat bayaran pada masa hadapan terhadap semua tuntutan yang ditanggung pada tarikh penilaian. Ini termasuk peruntukan untuk tuntutan yang sudah dilaporkan, tuntutan ditanggung tetapi tidak dilaporkan ("IBNR"), tuntutan ditangggung tetapi rizab tidak mencukupi ("IBNER") bersama dengan kos mengurus tuntutan yang berkaitan. Liabiliti tuntutan merangkumi nilai anggaran terbaik tuntutan liabiliti tersebut dan Peruntukan Margin Risiko bagi Sisihan Buruk ("PRAD") yang dikira pada keseluruhan peringkat. Liabiliti tersebut didiskaunkan pada kadar risiko bebas. Tidak ada peruntukan bagi penyamaan atau rizab malapetaka yang diiktiraf. Liabiliti dinyahiktiraf apabila sesuatu tuntutan telah dibayar dan diselesaikan, dilepaskan atau dibatalkan.

(ii) Liabiliti premium

Liabiliti premium dicatat pada kadar lebih tinggi berikut:

- aggregat Rizab Premium Tanpa Perolehan ("UPR"); dan
- nilai anggaran terbaik Rizab Risiko Tidak Tamat Tempoh ("URR") penginsurans pada tarikh pernilaian dan perkiraan PRAD pada semua peringkat.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (SAMB.)

2.5 Ringkasan dasar-dasar perakaunan utama (Samb.)

(an) Liabiliti kontrak insurans am (Samb.)

(iii) UPR

UPR mewakili bahagian premium polisi insurans yang ditaja jamin, tolak kos perolehan boleh ditolak yang berkaitan dengan tempoh tidak tamat polisi pada akhir tahun kewangan.

Dalam menentukan UPR pada akhir tempoh pelaporan, kaedah paling tepat yang menggambarkan premium belum diperoleh yang digunakan adalah:

i. Kaedah 25% bagi perniagaan kargo marin, kargo penerbangan dan transit daripada peniagaan polisi am tahunan Malaysia;
ii. Kaedah pengagihan masa setiap hari untuk kelas-kelas lain; dan
iii. Kaedah 1/24 bagi perniagaan perjanjian aliran masuk.

(iv) URR

URR adalah anggaran prospektif jangkaan pembayaran masa hadapan yang timbul daripada peristiwa masa hadapan yang diinsuranskan di bawah polisi pada tarikh penilaian dan termasuk juga peruntukan untuk perbelanjaan penerbit termasuk overhed dan kos insurans semula yang dijangka timbul ketika menguruskan polisi-polisi dan menyelesaikan tuntutan berkaitan dan pemulangan premium masa hadapan yang dijangkakan. URR didiskaun pada kadar bebas risiko.

(v) Ujian kecukupan liabiliti

Pada setiap tarikh pelaporan, penginsurans akan menyemak risiko tidak tamat dan ujian kecukupan liabiliti ("LAT") dilakukan untuk menentukan sama ada terdapat lebihan keseluruhan tuntutan dijangka dan kos perolehan tertunda bagi premium tidak diperoleh. Perkiraan ini dilakukan menggunakan anggaran semasa bagi kontrak aliran tunai masa hadapan (sambil mengambil kira nisbah kerugian semasa) selepas mengambil kira pulangan pelaburan yang dijangka daripada aset yang berkaitan dengan peruntukan relevan teknikal insurans am. Jika anggaran ini menunjukkan amaun dibawa premium tidak diperoleh tolak kos perolehan tertunda tidak mencukupi, kekurangan itu diiktiraf dalam penyata pendapatan dengan menyediakan peruntukan untuk kecukupan liabiliti.

3. PERUBAHAN DALAM DASAR-DASAR PERAKAUNAN

3.1 Piawaian dan interpretasi baru dan dipinda yang diterima pakai

Dasar-dasar perakaunan yang diterima pakai adalah konsisten dengan tahun kewangan terdahulu kecuali penerimaan pakai piawaian dan interpretasi baru dan dipinda berikut yang berkuatkuasa bagi Kumpulan dan Syarikat pada 1 April 2015.

- Pindaan kepada MFRS 119 Pelan Manfaat Ditentukan: Caruman Pekerja
- Penambahbaikan tahunan kepada Kitaran MFRS 2010-2012
- Penambahbaikan tahunan kepada Kitaran MFRS 2011-2013

Penerimaan pakai piawaian yang baru dan dipinda tidak mempunyai sebarang kesan material ke atas penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat.

Sifat piawaian dan interpretasi baru dan dipinda adalah seperti berikut:

(a) Pindaan kepada MFRS 119 Pelan Manfaat Ditentukan: Sumbangan Pekerja

Pindaan kepada MFRS 119 menjelaskan bagaimana sesuatu entiti harus mengambil kira caruman yang dibuat oleh pekerja atau pihak ketiga kepada pelan manfaat ditentukan, berdasarkan sama ada caruman adalah bergantung kepada bilangan tahun perkhidmatan yang diberikan oleh pekerja. Untuk caruman yang bebas daripada bilangan tahun perkhidmatan, sesuatu entiti itu dibenarkan untuk mengiktiraf caruman seperti pengurangan kos perkhidmatan dalam tempoh di mana perkhidmatan yang diberikan, bukannya memperuntukkan sumbangan kepada tempoh perkhidmatan. Untuk caruman yang bergantung kepada bilangan tahun perkhidmatan, entiti yang dikehendaki untuk mengaitkan mereka dengan tempoh pekerja perkhidmatan.

3. PERUBAHAN DALAM DASAR-DASAR PERAKAUNAN (SAMB.)

3.1 Piawaian dan interpretasi baru dan dipinda yang diterima pakai (Samb.)

(b) Penambahbaikan Tahunan kepada Kitaran MFRS 2010-2012

Penambahbaikan Tahunan kepada Kitaran MFRS 2010-2012 termasuk beberapa pindaan kepada pelbagai MFRS, yang diringkaskan dibawah:

(i) MFRS 2: Pembayaran Berasaskan Saham

Penambahbaikan ini menjelaskan pelbagai isu yang berkaitan dengan takrif prestasi dan perkhidmatan yang syarat-syarat yang syarat letak hak, termasuk:
- Keadaan prestasi mesti mengandungi syarat perkhidmatan;
- Sasaran prestasi perlu dicapai ketika pihak berkenaan memberikan perkhidmatan;
- Sasaran prestasi mungkin berkaitan dengan operasi atau aktiviti-aktiviti entiti, atau entiti lain dalam Kumpulan sama;
- Keadaan prestasi mungkin berdasarkan pasaran atau bukan pasaran; dan
- Jika pihak berkenaan, tanpa mengira sebab, tidak lagi menyediakan perkhidmatan sepanjang tempoh letak hak, keadaan perkhidmatan tidak dapat ditunaikan.

Penambahbaikan ini adalah berkesan untuk transaksi pembayaran berasaskan saham yang mana tarikh pemberian adalah pada atau selepas 1 Julai 2014.

(ii) MFRS 3: Gabungan Perniagaan

Pindaan kepada MFRS 3 menjelaskan bahawa pertimbangan luar jangka dikelaskan sebagai liabiliti (atau aset) harus diukur pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian pada setiap tarikh laporan, tidak kira sama ada pertimbangan luar jangka adalah instrumen kewangan dalam skop MFRS 139. Pindaan berkuat kuasa bagi gabungan perniagaan di mana tarikh pengambilalihan adalah pada atau selepas 1 Julai 2014.

(iii) MFRS 8: Segmen Kendalian

Pindaan ini dipakai secara retrospektif dan menjelaskan bahawa:

- entiti hendaklah memaklumkan keputusan yang dibuat oleh pihak pengurusan dalam menggunakan kriteria pengagregatan dalam MFRS 8, termasuk penerangan ringkas segmen operasi yang telah dijumlahkan dan ciri-ciri ekonomi yang digunakan untuk menilai sama ada segmen adalah sama; dan
- penyesuaian bagi aset segmen kepada jumlah aset hanya diperlukan untuk didedahkan jika penyesuaian itu dilaporkan kepada ketua pembuat keputusan operasi.

(iv) MFRS 116: Hartanah, Loji dan Peralatan, serta MFRS 138 Aset Tidak Ketara

Pindaan menghapuskan percanggahan dalam perakaunan bagi susut nilai terkumpul atau pelunasan apabila sesuatu hartanah, loji dan peralatan atau aset tidak ketara dinilai semula. Pindaan ini menjelaskan bahawa jumlah bawaan kasar diselaraskan mengikut cara yang selaras dengan penilaian semula nilai dibawa bagi aset dan susutnilai terkumpul/Pelunasan adalah perbezaan di antara nilai dibawa kasar dan nilai dibawa selepas mengambil kira kerugian penurunan nilai terkumpul.

(v) MFRS 124: Pendedahan Pihak Berkaitan

Pindaan ini menjelaskan bahawa entiti pengurusan menyediakan perkhidmatan kakitangan pengurusan utama kepada entiti pelaporan merupakan pihak berkaitan entiti pelaporan. Entiti laporan harus mendedahkan urus niaga pihak yang berkaitan jumlah yang dikenakan bagi perkhidmatan yang telah dibayar atau perlu dibayar kepada entiti pengurusan bagi perkhidmatan pengurusan kakitangan utama.

(c) Penambahbaikan Tahunan kepada Kitaran MFRS 2011-2013

Penambahbaikan Tahunan kepada Kitaran MFRS 2011-2013 termasuk beberapa pindaan kepada MFR, yang diringkaskan di bawah:

(i) MFRS 3: Gabungan Perniagaan

Pindaan kepada MFRS 3 menjelaskan bahawa standard yang tidak digunakan untuk perakaunan bagi pembentukan semua jenis pengaturan bersama di dalam penyata kewangan dalam perjanjian bersama itu sendiri. Pindaan ini hendaklah digunakan secara prospektif.

(ii) MFRS 13: Pengukuran Nilai Saksama

Pindaan kepada MFRS 13 menjelaskan bahawa pengecualian portfolio dalam MFRS 13 boleh digunakan bukan sahaja untuk aset kewangan dan liabiliti kewangan, tetapi juga untuk kontrak-kontrak lain dalam skop MFRS 139.

(iii) MFRS 140: Hartanah Pelaburan

Pindaan kepada MFRS 140 menjelaskan bahawa entiti memperoleh harta pelaburan mesti menentukan sama ada:

- Harta memenuhi definisi hartanah pelaburan dari segi MFRS 140; dan
- Transaksi memenuhi definisi gabungan perniagaan di bawah MFRS 3, untuk menentukan sama ada urus niaga tersebut merupakan pembelian aset atau merupakan kombinasi perniagaan.

3. PERUBAHAN DALAM DASAR-DASAR PERAKAUNAN (SAMB.)

3.2 Perubahan signifikan dalam keperluan kawal selia: Garis Panduan Bank Negara Malaysia ("BNM")

(a) Dokumen Polisi BNM mengenai Akaun Pelaburan dan Dasar Peralihan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 ("IFSA")

Pada 14 Mac 2014, BNM mengeluarkan dokumen polisi mengenai Akaun Pelaburan ("dokumen polisi") bertujuan untuk menggariskan keperluan peraturan tentang pengendalian akaun pelaburan yang konsisten dengan IFSA dan yang mematuhi piawaian Syariah yang diterbitkan oleh BNM. dokumen polisi ini mula berkuat kuasa pada 14 Mac 2014.

Pada 14 Februari 2014, BNM telah mengeluarkan Dasar Peralihan di bawah IFSA ("dasar peralihan")membenarkan institusi kewangan Islam tempoh peralihan sehingga 30hb Jun 2015 untuk mematuhi IFSA dan piawaian BNM mengenai Syariah dan dokumen polisi ke atas Akaun Pelaburan. Selaras dengan penggunaan dokumen polisi mengenai Akaun Pelaburan dan dasar peralihan, Kumpulan:

(i) mengasingkan produk deposit pelaburan pelanggan dari akaun deposit dan membentangkannya secara berasingan sebagai akaun pelaburan di dalam penyata kewangan;

(ii) menghentikan penggunaan rizab penyamaan keuntungan ("PER"). Jumlah yang terdapat di PER telah diagihkan kepada pemegang akaun dalam bentuk hibah;;

Dokumen polisi dan dasar peralihan telah diguna pakai secara prospektif menurut MFRS 108 Dasar Perakaunan, Perubahan dalam Anggaran Perakaunan dan Kesilapan kerana akaun-akaun pelaburan ini adalah produk baru yang ditawarkan oleh Kumpulan.

Dasar perakaunan yang diterima pakai bagi Akaun Pelaburan adalah seperti berikut:

Akaun Pelaburan Tanpa Had ("URIA")

URIA Kumpulan adalah berdasarkan kepada konsep Syariah Wakalah bil Istithmar. Ia merujuk kepada pengaturan di mana Pemegang Akaun Pelaburan ("IAH") (sebagai prinsipal atau "muwakkil") melantik Kumpulan sebagai ejen ("wakil") untuk tujuan pelaburan. Kumpulan sebagai wakil tidak bertanggungjawab untuk membayar ganti rugi kerugian kecuali kerugian disebabkan oleh salah laku sendiri, kecuaian atau pelanggaran syarat-syarat yang dinyatakan. Jumlah dilaburkan oleh IAH adalah bertujuan untuk memberikan IAH aliran pendapatan yang stabil dengan melabur dalam pelaburan berisiko rendah yang difikirkan sesuai oleh Kumpulan. Namun, Kumpulan boleh mengubah strategi pelaburan jika Kumpulan memutuskan bahawa ia adalah kepentingan terbaik bagi IAH untuk berbuat demikian untuk mencapai objektif pelaburan. Pada masa ini, Kumpulan tidak mengenakan yuran Wakalah khusus kepada IAH.

Akaun Pelaburan Terhad ("RIA")

RIA Kumpulan adalah berdasarkan kepada konsep Mudarabah di mana IAH bersetuju untuk mengambil bahagian dalam aktiviti-aktiviti kewangan/pelaburan khusus yang dijalankan oleh Kumpulan dan berkongsi keuntungan yang dijana daripada aktiviti pelaburan berdasarkan nisbah perkongsian dan/atau keuntungan yang dipersetujui pembiayaan. IAH akan menanggung kerugian yang timbul daripada aset yang dibiayai di bawah konsep Mudarabah kecuali dalam kes-kes salah laku, kecuaian atau pelanggaran syarat kontrak oleh Kumpulan. Oleh itu, mana-mana peruntukan untuk kemerosotan dan modal yang dikenakan akan dipindahkan ke IAH untuk mencerminkan potensi kerugian terhadap IAH. Pada masa ini, perkiraan RIA yang sedia ada adalah antara AmBank Islamic Berhad dan AmBank (M) Berhad

Pengagihan keuntungan antara IAH tanpa had dan Kumpulan

IAH tanpa had menempatakan dana dengan Kumpulan sebagai pertukaran untuk kadar pulangan dijangka ("ERR") untuk tempoh pelaburan yang dipersetujui. Kumpulan menggerakkan dana akaun pelaburan mengikut strategi pelaburan untuk menjana pulangan. Sekiranya kadar sebenar pulangan ("ARR") adalah lebih tinggi daripada ERR itu, IAH bersetuju bahawa perbezaan ini hendaklah disimpan oleh Kumpulan sebagai insentif prestasi. Sebaliknya, jika ARR adalah lebih rendah daripada ERR itu, Kumpulan bertanggungjawab untuk mengedarkan ARR kepada IAH.

Kumpulan menerima pakai kaedah standard dalam mengira kadar pulangan dan pengagihan keuntungan kepada IAH konsisten dengan Kadar Rangka Kerja Pulangan yang dikeluarkan oleh BNM. Kumpulan tidak menerima pakai amalan melicinkan keuntungan atau menggunakan teknik risiko komersial teralih dalam pengiraan ARR kepada IAH.

(b) Dokumen Polisi BNM mengenai Klasifikasi dan Peruntukan Kemerosotan untuk Pinjaman/Pembiayaan

Pada 6 April 2015, BNM mengeluarkan dokumen polisi yang dikemaskini bagi Klasifikasi dan Peruntukan Kemerosotan untuk Pinjaman/ Pembiayaan. Keperluan dalam dokumen polisi yang disemak semula ini berkuatkuasa bagi tahun kewangan bermula pada atau selepas 1 Januari 2015, kecuali yang berikut:

(i) keperluan untuk mengklasifikasikan pinjaman/pembiayaan seperti yang dijadual dan disusun semula dalam Sistem Maklumat Rujukan Kredit Pusat ("CCRIS") berkuatkuasa pada atau selepas 1 April 2015; dan

(ii) keperluan bagi institusi perbankan untuk mengekalkan, dalam agregat, peruntukan rosot nilai kolektif dan rizab kawal selia tidak kurang daripada 1.2% daripada jumlah pinjaman/pembiayaan, bersih daripada peruntukan rosot nilai individu yang akan berkuatkuasa mulai 31 Disember 2015.

Polisi yang dikemaskini tidak menyebabkan caj rosot nilai ketara kepada Kumpulan bagi tahun kewangan semasa.

Kumpulan telah menerima pakai keperluan di item (ii) dengan lebih awal dalam tahun kewangan berakhir 31 Mac 2015.

3. PERUBAHAN DALAM DASAR-DASAR PERAKAUNAN (SAMB.)

3.3 Piawaian diterbitkan tetapi belum berkuatkuasa

Berikut adalah piawaian yang dikeluarkan tetapi belum berkuatkuasa sehingga tarikh pengeluaran penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat. Kumpulan dan Syarikat bercadang untuk menerima pakai piawaian berkaitan apabila ia dikuatkuasakan.

Deskripsi	Berkuatkuasa bagi tahun kewangan berakhir
Penambahbaikan Tahunan kepada Kitaran MFRS 2012-2014	31 Mac 2017
Pindaan kepada MFRS 116 dan MFRS 138 Penjelasan Kaedah Boleh Diterima Susut Nilai dan Pelunasan	31 Mac 2017
Pindaan kepada MFRS 116 dan MFRS 141 Pertanian: Tanaman Pembawa	31 Mac 2017
Pindaan kepada MFRS 10, MFRS 12 dan MFRS 128 Entiti Pelaburan:	
Menerima Pakai Pengecualian Penyatuan	31 Mac 2017
Pindaan kepada MFRS 11 Perakaunan untuk Pengambilalihan Kepentingan dalam Operasi Bersama	31 Mac 2017
Pindaan kepada MFRS 127 Kaedah Ekuiti dalam Penyata Kewangan Berasingan	31 Mac 2017
Pindaan kepada MFRS 101 Inisiatif Pendedahan	31 Mac 2017
MFRS 14 Peraturan Penangguhan Akaun	31 Mac 2017
Pindaan kepada MFRS 107 Inisiatif Pendedahan	31 Mac 2018
Pindaan kepada MFRS 112 Pengiktirafan Aset Cukai Tertunda Bagi Kerugian Belum Terealisasi	31 Mac 2018
MFRS 9 Instrumen Kewangan	31 Mac 2019
MFRS 15 Hasil daripada Kontrak dengan Pelanggan	31 Mac 2019
MFRS 16 Pajakan	31 Mac 2020

Sifat piawaian yang diterbitkan dan relevan kepada Kumpulan tetapi belum berkuatkuasa diterangkan di bawah. Kumpulan dan Syarikat sedang menilai kesan kewangan ke atas penyerapannya.

(a) Piawaian diterbitkan bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2017

Penambahbaikan Tahunan kepada Kitaran MFRS 2012-2014

Penambahbaikan Tahunan kepada Kitaran MFRS 2012-2014 termasuk beberapa pindaan kepada pelbagai MFRS, yang diringkaskan di bawah:

(i) MFRS 5 Aset Bukan Semasa Dipegang untuk Jualan dan Operasi Dihentikan

Pindaan kepada MFRS 5 menjelaskan bahawa perubahan dari salah satu daripada kaedah pelupusan kepada yang lain tidak boleh dianggap sebagai satu pelan pelupusan yang baru, sebaliknya ia merupakan penyambungan daripada rancangan asal. Oleh itu, tidak ada gangguan penerimaan pakai keperluan dalam MFRS 5.

Pindaan ini juga menjelaskan bahawa perubahan kaedah pelupusan tidak akan mengubah tarikh klasifikasi. Pindaan ini hendaklah diguna pakai secara prospektif kepada perubahan dalam kaedah pelupusan yang berlaku dalam tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2016, dengan penerimaan pakai awal dibenarkan.

(ii) MFRS 7 Instrumen Kewangan: Pendedahan

Pindaan ini menjelaskan bahawa kontrak perkhidmatan yang mengenakan fi boleh membentuk penglibatan berterusan dalam aset kewangan. Entiti mesti menilai sifat fi tersebut dan pengaturan terhadap garis panduan bagi penglibatan berterusan dalam MFRS 7 untuk menilai sama ada pendedahan perlu dilakukan.

Di samping itu, pindaan juga menjelaskan bahawa pendedahan berkenaan dengan pengofsetan aset kewangan dan liabiliti kewangan tidak diperlukan di dalam laporan kewangan interim yang ringkas.

(iii) MFRS 119 Manfaat Pekerja

Pindaan kepada MFRS 119 menjelaskan bahawa kedalaman pasaran bon korporat berkualiti tinggi dinilai berdasarkan mata wang yang mana kewajipan didenominasikan, dan bukan dari negara yang mana obligasi tersebut terletak. Apabila tidak ada pasaran yang mendalam untuk bon korporat berkualiti tinggi dalam mata wang itu, kadar bon kerajaan mesti digunakan.

(iv) MFRS 134 Pelaporan Kewangan Interim

MFRS 134 memerlukan entiti untuk mendedahkan maklumat dalam nota-nota kepada penyata kewangan interim "jika tidak didedahkan di bahagian lain laporan kewangan interim".

Pindaan menyatakan bahawa pendedahan interim yang diperlukan mesti dilakukan sama ada dalam penyata kewangan interim atau disatukan secara rujukan silang antara penyata kewangan interim dan di mana sahaja ia dimasukkan dalam laporan kewangan interim yang lebih besar (contohnya, dalam ulasan pengurusan atau laporan risiko). Maklumat lain dalam laporan kewangan interim mestilah tersedia kepada pengguna atas terma yang sama dan pada masa yang sama dengan penyata kewangan interim.

Pindaan kepada MFRS 116 dan MFRS 138 Penjelasan Kaedah Boleh Diterima Susutnilai dan Pelunasan

Pindaan ini menjelaskan hasil mencerminkan satu corak manfaat ekonomi yang dijana daripada menjalankan perniagaan (yang mana aset adalah sebahagian daripadanya) daripada manfaat ekonomi yang digunakan melalui penggunaan aset. Akibatnya, kaedah berasaskan pendapatan tidak boleh digunakan untuk menyusut nilai hartanah, loji dan peralatan dan hanya boleh digunakan dalam keadaan yang amat terhad untuk melunaskan aset tidak ketara. Pindaan ini berkuat kuasa secara prospektif bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2016, dengan penerimaan pakai awal dibenarkan.

3. PERUBAHAN DALAM DASAR-DASAR PERAKAUNAN (SAMB.)

3.3 Piawaian diterbitkan tetapi belum berkuatkuasa (Samb.)

(a) Piawaian diterbitkan bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2017 (Samb.)

Pindaan kepada MFRS 10, MFRS 12 dan MFRS 128 Entiti Pelaburan: Penerimaan Pakai Pengecualian Penyatuan

Pindaan ini menjelaskan bahawa pengecualian daripada membentangkan penyata kewangan yang disatukan diguna pakai untuk entiti induk yang merupakan subsidiari sebuah entiti pelaburan, apabila entiti pelaburan mengukur semua subsidiarinya pada nilai saksama. Pindaan ini selanjutnya menjelaskan bahawa hanya subsidiari yang ia sendiri bukan sebuah entiti pelaburan dan menyediakan perkhidmatan sokongan kepada entiti pelaburan tersebut adalah disatukan. Di samping itu, pindaan juga memperuntukkan bahawa jika suatu entiti itu sendiri bukan sebuah entiti pelaburan, mempunyai kepentingan dalam syarikat bersekutu atau usaha sama yang merupakan entiti pelaburan, entiti itu boleh, apabila mengguna pakai kaedah ekuiti, mengekalkan ukuran nilai saksama yang diguna pakai oleh syarikat bersekutu atau usaha sama entiti pelaburan tersebut kepada kepentingan dalam subsidiari syarikat bersekutu atau usaha sama entiti pelaburan itu. Pindaan ini hendaklah diguna pakai secara retrospektif dan berkuat kuasa bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2016, dengan penerimaan pakai awal dibenarkan.

Pindaan kepada MFRS 11 Perakaunan untuk Pengambilalihan Kepentingan dalam Operasi Bersama

Pindaan kepada MFRS 11 memerlukan pengendali bersama yang mengambil alih kepentingan dalam operasi bersama yang membentuk perniagaan, mengguna pakai prinsip MFRS 3 Kombinasi Perniagaan yang berkaitan untuk perakaunan kombinasi perniagaan. Pindaan juga menjelaskan bahawa kepentingan yang dipegang sebelumnya dalam operasi bersama tidak diukur semula atas pengambilalihan kepentingan tambahan dalam operasi bersama yang sama manakala kawalan bersama dikekalkan. Selain itu, pengecualian skop telah ditambah kepada MFRS 11 untuk menentukan bahawa pindaan ini tidak diguna pakai apabila pihak yang berkongsi kawalan bersama, termasuk entiti pelaporan, adalah di bawah kawalan parti mengawal utama yang sama. Pindaan-pindaan ini hendaklah diguna pakai secara prospektif bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas Januari 2016, dengan penerimaan pakai awal dibenarkan.

Pindaan kepada MFRS 127 Kaedah Ekuiti dalam Penyata Kewangan Berasingan

Pindaan akan membolehkan entiti untuk menggunakan kaedah ekuiti untuk mengambil kira pelaburan dalam subsidiari, usaha sama dan syarikat bersekutu dalam penyata kewangan berasingan mereka. Entiti yang sudah mengguna pakai MFRS dan memilih untuk menukar kepada kaedah ekuiti dalam penyata kewangan berasingan perlu melaksanakan perubahan ini secara retrospektif. Untuk penerima pakai pertama kali MFRS yang memilih untuk menggunakan kaedah ekuiti dalam penyata kewangan berasingan, mereka dikehendaki mengguna pakai kaedah ini dari tarikh peralihan kepada MFRS. Pindaan ini adalah berkuat kuasa bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2016, dengan penerimaan pakai awal dibenarkan.

Pindaan kepada MFRS 101 Inisiatif Pendedahan

Pindaan kepada MFRS 101 termasuk penambahbaikan fokus sempit dalam lima bidang berikut:

- Materialiti
- Pengagregatan dan jumlah kecil
- Struktur Nota
- Pendedahan dasar perakaunan
- Pembentangan item pendapatan komprehensif lain yang timbul daripada pelaburan ekuiti yang diambil kira

(b) Piawaian berkuatkuasa bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2018

Pindaan kepada MFRS 107 Inisiatif Pendedahan

Pindaan kepada MFRS 107 memperkenalkan pendedahan tambahan kepada perubahan dalam liabiliti yang timbul daripada aktiviti pembiayaan. Keperluan pendedahan boleh dipenuhi dalam pelbagai cara, dan satu kaedah adalah dengan menyediakan perdamaian antara pembukaan dan penutupan baki dalam kunci kira-kira bagi liabiliti yang timbul daripada aktiviti pembiayaan.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2017 dengan penerimaan pakai awal dibenarkan.

Pindaan kepada MFRS 112 Pengiktirafan Aset Cukai Tertunda bagi Kerugian tidak direalisasi

Pindaan ini menjelaskan keperluan untuk mengiktiraf aset cukai tertunda ke atas kerugian tidak nyata yang timbul daripada perbezaan sementara boleh ditolak daripada aset yang dibawa pada nilai saksama.

Di samping itu, dalam menilai sama ada sesebuah entiti akan mempunyai keuntungan boleh cukai yang mencukupi dalam tempoh masa depan di mana penolakan perbezaan sementara boleh digunakan, pindaan memerlukan entiti untuk membandingkan perbezaan sementara yang boleh ditolak dengan keuntungan boleh cukai masa depan yang mengecualikan potongan cukai yang terhasil daripada pembalikan daripada perbezaan sementara.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2017 dengan penerimaan pakai awal dibenarkan. Pindaan hendaklah digunakan secara retrospektif.

3. PERUBAHAN DALAM DASAR-DASAR PERAKAUNAN (SAMB.)

3.3 Piawaian diterbitkan tetapi belum berkuatkuasa (Samb.)

(c) Piawaian berkuatkuasa bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Mac 2019

(i) MFRS 9 Instrumen Kewangan

Pada bulan November 2014, MASB telah menerbitkan versi akhir MFRS 9 Instrumen Kewangan yang mencerminkan semua fasa projek instrumen kewangan dan menggantikan MFRS 139 Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Pengukuran dan semua versi terdahulu MFRS 9. Piawaian ini memperkenalkan keperluan baru untuk klasifikasi dan pengukuran, susut nilai dan perakaunan lindung nilai. MFRS 9 berkuat kuasa bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2018, penerimaan pakai awal dibenarkan. Penerimaan pakai retrospektif diperlukan, tetapi maklumat perbandingan tidak wajib. Penerimaan pakai MFRS 9 akan mempunyai kesan ke atas klasifikasi dan pengukuran aset kewangan Kumpulan dan Syarikat, tetapi tidak memberi kesan ke atas klasifikasi dan pengukuran liabiliti kewangan Kumpulan dan Syarikat.

(ii) MFRS 15 Hasil daripada Kontrak dengan Pelanggan

MFRS 15 mewujudkan model lima langkah yang baru yang akan diguna pakai untuk pendapatan yang timbul daripada kontrak dengan pelanggan. MFRS 15 akan menggantikan panduan pengiktirafan hasil yang sedia ada termasuk MFRS 118 Hasil, MFRS 111 Kontrak Pembinaan dan tafsiran yang berkaitan apabila ia berkuatkuasa.

Prinsip teras MFRS 15 adalah sesebuah entiti harus mengiktiraf hasil yang menggambarkan pemindahan barang-barang atau perkhidmatan yang dijanjikan kepada pelanggan dalam amaun yang mencerminkan pertimbangan yang entiti tersebut dijangka layak bagi pertukaran untuk barang-barang atau perkhidmatan tersebut.

Di bawah MFRS 15, sesebuah entiti mengiktiraf hasil apabila (atau semasa) obligasi prestasi dipenuhi, iaitu apabila "kawalan" barang-barang atau perkhidmatan yang mendasari obligasi prestasi tertentu dipindahkan kepada pelanggan.

Penerimaan pakai retrospektif penuh atau diubahsuai diperlukan untuk tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2017 dengan penerimaan pakai awal dibenarkan.

(d) Piawaian berkuatkuasa bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Mac 2020

MFRS 16 Pajakan

Di bawah MFRS 16, pajakan adalah kontrak (atau sebahagian daripada kontrak) yang memberikan hak untuk mengawal penggunaan aset yang dikenal pasti untuk satu tempoh masa dalam pertukaran untuk pertimbangan.

MFRS 16 menghapuskan pengelasan pajakan oleh pemajak sama ada sebagai pajakan kewangan (atas kunci kira-kira) atau pajakan operasi (di luar kunci kira-kira). MFRS 16 memerlukan pemajak untuk mengiktiraf "hak penggunaan" aset sandaran dan liabiliti pajakan mencerminkan bayaran pajakan masa depan bagi kebanyakan pajakan.

Hak penggunaan aset disusutnilai mengikut prinsip dalam MFRS 116 'Hartanah, Loji dan Peralatan' dan liabiliti pajakan ditambah dari masa ke masa dengan perbelanjaan faedah diiktiraf dalam penyata pendapatan.

Bagi pemberi pajak, MFRS 16 mengekalkan sebahagian besar keperluan dalam MFRS 117. Pemberi Pajak terus mengklasifikasikan semua pajakan sama ada sebagai pajakan operasi atau pajakan kewangan dan akaun bagi mereka berbeza.

MFRS 16 berkuatkuasa bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2019, dengan penerimaan pakai awal dibenarkan dengan syarat MFRS 15 juga digunakan.

(e) Piawaian ditunda ke satu tarikh yang akan ditetapkan oleh MASB

Pindaan kepada MFRS 10 dan MFRS 128 Jualan atau Sumbangan Aset antara Pelabur dan Syarikat Bersekutu atau Usaha Sama

Pindaan ini menjelaskan bahawa:

- Perbezaan pertukaran yang terhasil daripada urus niaga yang melibatkan aset bukan perniagaan, antara pelabur dan syarikat bersekutu atau usaha sama diiktiraf dalam penyata kewangan entiti hanya setakat kepentingan pelabur yang tidak berkaitan dalam syarikat bersekutu atau usaha sama; dan

- Perbezaan pertukaran yang terhasil daripada urus niaga yang melibatkan penjualan atau caruman kepada sebuah syarikat bersekutu usaha sama aset yang membentuk perniagaan yang diiktiraf sepenuhnya.

4. PERTIMBANGAN, ANGGARAN DAN ANDAIAN PERAKAUNAN SIGNIFIKAN

Penyediaan penyata kewangan yang selaras dengan MFRS memerlukan pengurusan untuk membuat pertimbangan, anggaran dan andaian yang memberi kesan kepada penggunaan dasar-dasar perakaunan dan amaun hasil, perbelanjaan, aset dan liabiliti yang dilaporkan, pendedahan yang dilampirkan dan pendedahan liabiliti luar jangka. Pertimbangan, anggaran dan andaian dinilai secara berterusan dan berdasarkan pengalaman lalu, jangkaan munasabah terhadap peristiwa masa hadapan dan faktor-faktor lain. Ketidakpastian mengenai andaian dan anggaran boleh menyebabkan keputusan yang memerlukan pelarasan material kepada amaun dibawa aset atau liabiliti yang terlibat di masa akan datang.

Dalam proses menggunapakai dasar-dasar perakaunan Kumpulan, pengurusan telah membuat pertimbangan, anggaran dan andaian berikut yang mempunyai kesan paling signifikan terhadap amaun yang diiktiraf dalam penyata kewangan.

4.1 Peruntukan bagi rosotnilai pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan (Nota 11 dan Nota 36)

Kumpulan menyemak pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan signifikan individu pada setiap tarikh pelaporan untuk menilai sama ada kerugian rosotnilai perlu direkodkan dalam penyata pendapatan. Secara khusus, pertimbangan pengurusan diperlukan dalam menganggarkan amaun dan pemasaan aliran tunai masa hadapan apabila menentukan kerugian rosotnilai. Anggaran ini adalah berdasarkan andaian mengenai beberapa faktor dan keputusan sebenar mungkin berbeza, menyebabkan perubahan dalam peruntukan di masa hadapan.

Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan yang telah dinilai secara individu dan didapati tidak terjejas dan semua pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan individu yang tidak signifikan kemudiannya dinilai secara kolektif, dalam kumpulan aset dengan ciri-ciri risiko yang sama, bagi menentukan sama ada peruntukan perlu dibuat disebabkan kerugian yang terjadi, yang wujud bukti objektif tetapi kesannya belum terbukti. Penilaian kolektif mengambil kira data daripada portfolio pinjaman (seperti paras tunggakan, penggunaan kredit, nisbah pinjaman kepada cagaran, dll.), dan pertimbangan ke atas risiko model lindungan (cthnya. kesilapan dalam proses rekaan/pembangunan, kualiti data, pengumpulan dan transfomasi data) dan risiko makro (seperti merangkumi isu-isu ekonomi, portfolio dan prosedur).

4.2 Kerugian rosotnilai atas pelaburan kewangan AFS (Nota 37)

Kumpulan menilai sekuriti hutangnya yang diklasifikasikan sebagai pelaburan kewangan AFS pada setiap tarikh pelaporan untuk menilai sama ada ia terjejas. Ini memerlukan pertimbangan sama seperti yang diguna pakai dalam penilaian individu pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan.

Kumpulan juga mencatatkan kerugian rosotnilai pelaburan ekuiti AFS apabila wujud penurunan signifikan atau berpanjangan dalam nilai saksama bawah kos. Penentuan bagi apa yang dimaksudkan sebagai "signifikan" atau "berpanjangan" memerlukan pertimbangan. Dalam membuat pertimbangan ini, Kumpulan menilai, antara faktor-faktor lainnya, sejarah pergerakan harga saham dan tempoh dan tahap yang mana nilai saksama pelaburan adalah lebih rendah daripada kosnya.

4.3 Aset cukai tertunda (Nota 14) dan cukai pendapatan (Nota 38)

Aset cukai tertunda diiktiraf sebagai kerugian cukai sehingga ke tahap berkemungkinan bahawa keuntungan boleh dicukai masa hadapan akan tersedia yang mana kerugian cukai boleh digunakan terhadapnya. Pertimbangan pengurusan diperlukan untuk menentukan amaun aset cukai tertunda yang boleh diiktiraf, berdasarkan masa dan tahap keuntungan boleh cukai masa hadapan bersama strategi perancangan cukai masa hadapan.

Kumpulan tertakluk kepada cukai pendapatan dalam beberapa bidang kuasa dan pertimbangan signifikan diperlukan dalam menganggarkan peruntukan untuk cukai pendapatan. Terdapat banyak urus niaga dan interpretasi undang-undang cukai yang mana keputusan akhir tidak dapat dipastikan sehingga suatu masa kemudian. Liabiliti untuk percukaian diiktiraf berdasarkan anggaran sama ada cukai tambahan akan dibayar. Proses penganggaran ini mungkin melibatkan usaha mendapatkan nasihat pakar di mana bersesuaian. Apabila liabiliti akhir untuk percukaian yang ditaksir oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri berbeza daripada amaun yang direkodkan pada mulanya, perbezaan ini akan memberi kesan kepada perbelanjaan cukai pendapatan dan peruntukan cukai tertunda dalam tempoh yang mana anggaran berkenaan disemak atau selepas liabiliti cukai akhir sudah ditentukan.

4.4 Pengukuran nilai saksama instrumen kewangan (Nota 51)

Apabila nilai saksama aset kewangan dan liabiliti kewangan yang direkodkan dalam penyata kedudukan kewangan tidak boleh diperolehi daripada pasaran aktif, ia ditentukan dengan menggunakan pelbagai teknik penilaian termasuk penggunaan model kewangan. Input kepada model-model ini diperolehi daripada pemerhatian pasaran yang mana mungkin, tetapi jika ini tidak dapat dilakukan, pertimbangan diperlukan untuk menetapkan nilai saksama. Pertimbangan ini termasuk pertimbangan kecairan dan input model seperti turun naik bagi derivatif jangka panjang dan kadar diskaun, kadar pra-bayaran dan andaian kadar kemungkiran bagi sekuriti bersandarkan aset.

4.5 Kos pembangunan

Kos pembangunan dipermodalkan mengikut dasar perakaunan. Permodalan awal kos adalah berdasarkan pertimbangan pengurusan bahawa kebolehlaksanaan teknologi dan ekonomi disahkan, selalunya apabila projek pembangunan produk sudah mencapai peringkat penting mengikut model pengurusan projek yang telah disediakan. Dalam menentukan amaun untuk dipermodalkan, pengurusan membuat andaian mengenai jangkaan manfaat ekonomi di masa hadapan. Kos pembangunan yang dipermodalkan berkait dengan pembangunan dan pelaksanaan sistem Teknologi Maklumat baharu untuk Kumpulan.

4. PERTIMBANGAN, ANGGARAN DAN ANDAIAN PERAKAUNAN SIGNIFIKAN (SAMB.)

4.6 Perniagaan insurans am – penilaian liabiliti kontrak insurans am (Nota 54 (VI))

Bagi kontrak insurans am, anggaran perlu dibuat bagi jangkaan kos akhir tuntutan yang dilaporkan pada tarikh pelaporan dan jangkaan kos akhir untuk IBNR.

Ia boleh mengambil masa yang agak lama sebelum kos akhir tuntutan dapat ditentukan dengan pasti dan bagi beberapa jenis polisi, tuntutan IBNR daripada majoriti liabiliti pada tarikh pelaporan. Kos akhir tuntutan belum dijelas dianggarkan dengan menggunakan pelbagai teknik unjuran tuntutan aktuari yang biasa seperti kaedah Link Ratios, Chain Ladder dan Bornhuetter-Ferguson.

Andaian utama yang mendasari teknik-teknik ini adalah bahawa pengalaman pembangunan tuntutan penginsurans terdahulu boleh digunakan untuk menganggarkan perkembangan tuntutan pada masa hadapan, dan seterusnya kos tuntutan akhir. Sehubungan itu, kaedah-kaedah ini mengekstrapolasikan perkembangan kerugian yang dibayar dan ditanggung, purata kos bagi setiap tuntutan dan bilangan tuntutan berdasarkan perkembangan tahun-tahun sebelum ini dan anggaran nisbah kerugian. Perkembangan tuntutan masa lampau sebahagian besarnya dianalisis mengikut tahun-tahun kemalangan, tetapi boleh juga dianalisa selanjutnya mengikut kawasan geografi serta mengikut aliran perniagaan signifikan dan jenis tuntutan. Tuntutan besar biasanya ditangani secara berasingan, sama ada dengan dirizabkan pada nilai muka anggaran pelaras kerugian atau diunjurkan secara berasingan untuk menunjukkan perkembangan masa hadapannya. Kami menggunakan pendiskaunan dan dalam kebanyakan kes, andaian jelas dibuat mengenai kadar inflasi tuntuan atau nisbah kerugian di masa hadapan. Pertimbangan kualitatif tambahan digunakan untuk menilai setakat mana aliran terdahulu mungkin tidak boleh lagi diguna pakai pada masa hadapan, (contohnya bagi menggambarkan peristiwa yang hanya sekali berlaku, perubahan faktor luaran atau pasaran seperti sikap orang ramai terhadap tuntutan, keadaan ekonomi, paras tuntutan, inflasi, keputusan penghakiman dan perundangan serta faktor dalaman seperti campuran portfolio, ciri-ciri polisi dan prosedur pengurusan tuntutan) bagi mendapatkan anggaran kos akhir tuntutan yang memberikan hasil yang berkemungkinan daripada beberapa kemungkinan, dengan mengambil kira semua ketidakpastian yang terbabit.

4.7 Ketidaktentuan anggaran perakaunan bagi perniagaan insurans am (Nota 54)

Ketidaktentuan utama dalam perniagaan penginsurans am berpunca daripada peruntukan teknikal yang merangkumi liabiliti premium dan liabiliti tuntutan. Liabiliti premium merangkumi UPR, URR dan PRAD manakala liabiliti tuntutan terdiri daripada peruntukan untuk tuntutan tertunggak.

Secara umum, liabiliti premium dan tuntutan ditentukan berdasarkan pengalaman tuntutan lampau, pengetahuan mengenai peristiwa yang sedia ada, terma dan syarat polisi dan interpretasi keadaan yang berkaitan. Yang paling relevan adalah pengalaman lampau kes yang sama, arah aliran perkembangan tuntutan sejarah, perubahan perundangan, keputusan penghakiman dan keadaan ekonomi. Apa yang pasti adalah liabiliti premium dan liability tuntutan sebenar di pada masa hadapan tidak akan berkembang seperti dianggarkan dan mungkin berbeza daripada anggaran penginsurans.

Oleh itu, anggaran liabiliti premium dan tuntutan adalah sensitif kepada pelbagai faktor dan ketidakpastian. Penyediaan peruntukan teknikal adalah proses yang tidak menentu dan disebabkan oleh ketidakpastian ini, penyelesaian akhir liabiliti premium dan tuntutan mungkin berbeza daripada anggaran awal.

Mungkin juga boleh wujud jurang pelaporan signifikan antara peristiwa yang diinsuranskan dan masa sebenar ia dilaporkan kepada penginsurans. Susulan pengesahan dan pemberitahuan kerugian yang diinsuranskan, berkemungkinan masih wujud ketidakpastian mengenai magnitud tuntutan.

Terdapat banyak faktor yang menentukan paras ketidakpastian seperti inflasi, interpretasi penghakiman yang tidak konsisten, perubahan perundangan dan prosedur pengurusan tuntutan.

Pada setiap tarikh pelaporan, anggaran-anggaran ini dinilai semua untuk kecukupan dan sebarang perubahan akan ditunjukkan sebagai pelarasan kepada liabiliti.

4.8 Premium Dijangka Diterima

Subsidiari insurans telah mengiktiraf premium dijangka diterima kasar berjumlah kira-kira RM16.3 miilion (2015: RM16.3 juta) bagi tahun kewangan semasa. Anggaran yang dibuat oleh subsidiari adalah berdasarkan trend jangkaan penerimaan sebenar sepanjang 2 tahun yang lalu. Oleh kerana anggaran sememangnya tidak menentu, premium sebenar mungkin berbeza daripada premium yang dianggarkan.

4.9 Pelan manfaat tertakrif

Kos pelan dan nilai semasa obligasi ditentukan dengan menggunakan penilaian aktuari. Penilaian aktuari melibatkan pelbagai andaian yang mungkin berbeza daripada perkembangan sebenar pada masa hadapan. Ini termasuk penentuan kadar diskaun, kadar jangkaan pulangan pelaburan, kenaikan gaji masa depan, kadar kematian, kadar peletakan jawatan dan peningkatan masa depan. Oleh kerana kerumitan penilaian dan sifatnya yang berjangka panjang, obligasi manfaat adalah sangat sensitif kepada perubahan dalam andaian ini. Semua andaian dikaji semula pada setiap tarikh laporan.

Dalam menentukan kadar diskaun yang bersesuaian, pengurusan mempertimbangkan kadar faedah bon kerajaan yang berkualiti tinggi dalam mata wang masing-masing dan mengekstrapolasi kematangan sepadan dengan tempoh jangkaan tanggungan Kumpulan.

Kadar kematian adalah berdasarkan jadual mortaliti umum. Kenaikan gaji dan kenaikan pencen pada masa hadapan adalah berdasarkan kadar inflasi masa hadapan.

5. TUNAI DAN DANA JANGKA PENDEK

	Kumpulan		Syarikat	
	31 Mac 2016 RM'000	31 Mac 2015 RM'000	31 Mac 2016 RM'000	31 Mac 2015 RM'000
Tunai dan baki dengan bank dan institusi-institusi kewangan lain	2,385,754	1,568,263	21,033	12,464
Depost dan simpanan matang dalam tempoh sebulan:				
Bank berlesen	2,949,313	2,718,116	-	-
Bank Negara Malaysia	6,636,000	6,420,060	-	-
Institusi kewangan lain	17,254	52,161	-	-
	11,988,321	**10,758,600**	**21,033**	**12,464**

6. DEPOSIT DAN SIMPANAN DENGAN BANK DAN INSTITUSI-INSTITUSI KEWANGAN LAIN

	Kumpulan		Syarikat	
	31 Mac 2016 RM'000	31 Mac 2015 RM'000	31 Mac 2016 RM'000	31 Mac 2015 RM'000
Bank berlesen:				
Subsidiari	-	-	5,354	25,131
Lain-lain	833,630	3,918,719	-	-
Bank pelaburan berlesen	-	150,000	-	-
Bank Negara Malaysia	500,000	100	-	-
	1,333,630	**4,068,819**	**5,354**	**25,131**

7. ASET/LIABILITI KEWANGAN DERIVATIF

	31 Mac 2016			31 Mac 2015		
Kumpulan	Amaun Kontrak/ Nosional RM'000	Nilai Saksama Aset RM'000	Nilai Saksama Liabiliti RM'000	Amaun Kontrak/ Nosional RM'000	Nilai Saksama Aset RM'000	Nilai Saksama Liabiliti RM'000
Derivatif Dagangan						
Kontrak berkaitan kadar faedah:	41,047,541	276,216	288,903	38,722,385	164,303	179,699
- Satu tahun atau kurang	7,825,391	3,517	2,438	4,102,517	1,889	6,836
- Melebihi satu tahun hingga tiga tahun	14,806,859	45,475	45,109	16,054,025	45,803	37,764
- Melebihi tiga tahun	18,415,291	227,224	241,356	18,565,843	116,611	135,099
Kontrak berkaitan pertukaran asing:	45,631,935	1,544,842	1,674,274	38,377,491	1,216,197	1,172,071
- Satu tahun atau kurang	42,525,684	1,224,960	1,399,483	33,926,800	784,662	761,802
- Melebihi satu tahun hingga tiga tahun	459,391	9,692	10,746	2,356,883	202,122	217,705
- Melebihi tiga tahun	2,646,860	310,190	264,045	2,093,808	229,413	192,564
Kontrak berkaitan derivatif kredit:	673,394	19,978	9,679	654,404	40,705	8,931
- Satu tahun atau kurang	337,027	485	176	-	-	-
- Melebihi satu tahun hingga tiga tahun	-	-	-	327,515	7,572	-
- Melebihi tiga tahun	336,367	19,493	9,503	326,889	33,133	8,931
Kontrak berkaitan ekuiti dan komoditi:	233,194	3,014	2,959	676,506	3,262	3,835
- Satu tahun atau kurang	159,622	1,881	1,826	606,676	1,506	2,079
- Melebihi tiga tahun	73,572	1,133	1,133	69,830	1,756	1,756
	87,586,064	**1,844,050**	**1,975,815**	**78,430,786**	**1,424,467**	**1,364,536**
Derivatif lindung nilai						
Kontrak berkaitan kadar faedah – swap kadar faedah:						
Lindung nilai aliran tunai	5,955,000	39,951	35,705	4,790,000	13,070	13,842
- Satu tahun atau kurang	350,000	222	304	820,000	100	39
- Melebihi satu tahun hingga tiga tahun	2,435,000	6,129	3,762	1,380,000	1,165	2,642
- Melebihi tiga tahun	3,170,000	33,600	31,639	2,590,000	11,805	11,161
Lindung nilai untuk nilai saksama	350,000	-	11,287	350,000	-	7,100
- Melebihi tiga tahun	350,000	-	11,287	350,000	-	7,100
Jumlah	**93,891,064**	**1,884,001**	**2,022,807**	**83,570,786**	**1,437,537**	**1,385,478**

7. ASET/LIABILITI KEWANGAN DERIVATIF (SAMB.)

Tujuan berurusan dalam derivatif kewangan

Instrumen derivatif kewangan ialah kontrak dimana nilainya diperoleh daripada satu atau lebih instrumen kewangan atau indeks pendasar. Ia termasuk swap, perjanjian kadar hadapan, niaga hadapan, opsyen dan gabungan instrumen ini. Derivatif ialah kontrak yang memindahkan risiko, terutamanya risiko pasaran. Derivatif kewangan adalah satu instrumen kewangan yang digunakan oleh Kumpulan bagi penyelesaian pelanggan menjana pendapatan untuk masa hadapan serta untuk menguruskan pendedahan risiko pasaran Kumpulan sendiri.

Kontrak kadar tukaran asing utama yang digunakan ialah kontrak tukaran asing hadapan, swap mata wang bersilang dan opsyen tukaran asing. Kontrak tukaran asing hadapan ialah perjanjian untuk membeli atau menjual sejumlah mata wang asing khusus pada tarikh masa hadapan tertentu dan pada kadar yang dipersetujui. Swap mata wang bersilang pada amnya melibatkan pertukaran, atau pertukaran nosional, dengan amaun sama dua mata wang dan komitmen untuk menukar faedah secara berkala sehingga amaun prinsipal ditukar semula pada tarikh akan datang. Opsyen tukaran asing ialah derivatif kewangan yang menyediakan pembeli, opsyen dengan hak, tetapi bukan obligasi, untuk membeli/menjual amaun yang dinyatakan satu mata wang untuk mata wang yang lain pada kadar pelaksanaan yang dipilih dalam tempoh masa tertentu atau pada tarikh tertentu.

Opsyen kadar faedah ("IRO") ialah derivatif kewangan yang menyediakan pembeli opsyen dengan hak, tetapi bukan obligasi, untuk membeli/menjual aset berkaitan kadar faedah pendasar yang dikhususkan, sebagai contoh, indeks KLIBOR pada kadar pelaksanaan yang dinyatakan dalam tempoh masa tertentu atau pada tarikh khusus. IRO asas termasuk tahap tertinggi kadar faedah dan tahap minimum kadar faedah.

Kontrak kadar faedah utama yang digunakan ialah kadar faedah niaga hadapan, swap kadar faedah dan perjanjian kadar hadapan. Perjanjian kadar hadapan ialah kontrak bagi bayaran perbezaan antara kadar faedah dinyatakan dan kadar rujukan ke atas deposit nosional pada tarikh penyelesaian masa hadapan. Tiada pertukaran prinsipal. Kontrak niaga hadapan kadar faedah ialah kontrak yang didagangkan di bursa yang nilainya adalah berdasarkan perbezaan antara kadar faedah khusus dan kadar rujukan deposit nosional atau sekuriti pendapatan tetap pada tarikh penyelesaian masa hadapan. Urus niaga swap kadar faedah pada secara umumnya melibatkan pertukaran obligasi bayaran tetap dan terapung tanpa pertukaran jumlah prinsipal dasar.

Kontrak ekuiti utama yang digunakan ialah opsyen ekuiti, niaga hadapan ekuiti dan swap ekuiti. Opsyen ekuiti ialah derivatif kewangan yang mewakili kontrak dijual oleh satu pihak (penerbit opsyen) kepada pihak lain (pemegang opsyen). Kontrak menawarkan pembeli hak, tetapi bukan obligasi, untuk membeli (opsyen beli) atau menjual (opsyen jual) ekuiti pada harga yang dipersetujui (harga laksana) dalam tempoh masa tertentu atau pada tarikh tertentu (tarikh laksana). Kontrak niaga hadapan ekuiti ialah kontrak dagangan bursa untuk membeli kuantiti tertentu sesuatu ekuiti pada harga tertentu dengan penyerahan ditetapkan pada masa masa hadapan yang khusus. Swap ekuiti merupakan salah satu daripada produk derivatif ekuiti paling asas dan kebiasaannya didagangkan di kaunter (OTC) dengan institusi kewangan dan korporat. Ia adalah perjanjian kontrak antara pihak untuk menukar dua aliran bayaran, satu berdasarkan indeks yang ditentukan terlebih dahulu atau harga ekuiti, dan satu lagi berdasarkan kadar faedah rujukan (iaitu KLIBOR atau LIBOR). Rujukan pendasar bagi Swap Ekuiti adalah biasanya kepada indeks, sekumpulan saham atau satu saham pendasar.

Kumpulan mengekalkan kedudukan dagangan dalam instrumen tersebut dan terlibat dalam urus niaga dengan pelanggan untuk memenuhi keperluan mereka dalam mengurus pendedahan kadar faedah, kadar ekuiti dan kadar tukaran asing masing-masing. Urus niaga derivatif menghasilkan pendapatan bagi kumpulan daripada perbezaan harga beli-jual. Kumpulan juga mengambil pendedahan konservatif, dalam had boleh terima, untuk membawa inventori instrumen ini untuk menyediakan kecairan pasaran dan untuk memperoleh potensi keuntungan atas turun naik nilai instrumen ini.

Sebagai sebahagian daripada pengurusan pendedahan aset dan liabiliti, Kumpulan menggunakan derivatif untuk mengurus pendedahan risiko pasaran Kumpulan. Memandangkan nilai derivatif kewangan ini pada dasarnya dipacu oleh faktor-faktor kaedah faedah dan kadar tukaran asing, Kumpulan menggunakannya untuk mengurangkan pendedahan kadar faedah dan kadar tukaran asing keseluruhan Kumpulan. Ini dilaksanakan dengan memasuki pendedahan dalam derivatif yang menghasilkan pergerakan nilai berlawanan melalui pendedahan yang dihasilkan oleh aktiviti lain bukan derivatif Kumpulan. Kumpulan mengurus risiko ini berdasarkan portfolio. Dengan itu, pendedahan ke atas derivatif diagregatkan atau ditolak daripada pendedahan serupa yang timbul daripada instrumen kewangan lain yang digunakan oleh Kumpulan.

Risiko-risiko berkaitan dengan penggunaan instrumen kewangan derivatif, serta dasar pengurusan bagi mengawal risiko-risiko ini dinyatakan dalam Nota 50.

Instrumen Kewangan Derivatif dan Perakaunan Lindung Nilai

Instrumen kewangan derivatif diiktiraf pada nilai saksama selepas dimasukkan ke dalam penyata kedudukan kewangan, dan kemudiannya diukur semula pada nilai saksama. Nilai saksama derivatif dagangan bursa diperoleh daripada pasaran disebut harga. Nilai saksama derivatif atas kaunter diperoleh dengan menggunakan teknik penilaian, termasuk diskaun kaedah aliran dan model penetapan harga opsyen. Kewangan derivatif diklasifikasikan sebagai aset apabila nilai saksamanya positif dan sebagai liabiliti apabila nilai saksamanya negatif.

Kumpulan memasuki urus niaga derivatif untuk dagangan dan lindung nilai. Bagi derivatif dipegang untuk dagangan, perubahan nilai saksama diiktiraf dalam penyata pendapatan. Bagi urus niaga derivatif yang memenuhi kriteria tertentu bagi perakaunan lindung nilai, Kumpulan mengguna pakai sama ada nilai saksama, aliran tunai atau perakaunan lindung nilai pelaburan bersih.

Ketika instrumen kewangan ditetapkan sebagai lindung nilai, Kumpulan secara rasmi mendokumenkan hubungan antara instrumen lindung nilai dan butiran yang dilindung nilai, termasuk sifat risiko yang akan dilindung nilai, objektif pengurusan risiko dan strategi bagi melaksanakan lindung nilai dan kaedah yang digunakan untuk menilai keberkesanan lindung nilai. Lindung nilai dijangka menjadi amat berkesan dan dinilai secara berterusan untuk memastikan agar ia kekal berkesan di sepanjang tempoh lindung nilai. Bagi mencapai keberkesanan sebenar, perubahan dalam nilai saksama atau aliran tunai instrumen lindung nilai dan butiran yang dilindung nilai hendaklah mengimbangi antara satu sama lain dalam lingkungan antara 80% hingga 125%.

Kumpulan tidak meneruskan perakaunan lindung nilai sekiranya instrumen lindung nilai luput, dijual, ditamatkan atau dilaksanakan atau sekiranya lindung nilai tidak lagi memenuhi kriteria bagi perakaunan lindung nilai atau dibatalkan.

.

7. ASET/LIABILITI KEWANGAN DERIVATIF (SAMB.)

Instrumen Kewangan Derivatif dan Perakauanan Lindung Nilai

(i) Lindung nilai bagi nilai saksama

Lindung nilai saksama Kumpulan terutamanya terdiri daripada swap kadar faedah/keuntungan yang digunakan untuk melindungi daripada perubahan dalam nilai saksama kadar tetap instrumen kewangan jangka panjang disebabkan oleh pergerakan dalam kadar faedah pasaran. Instrumen kewangan sebelum ini dilindung nilai bagi risiko kadar faedah oleh anak syarikat milik penuhnya, AmBank terdiri daripada Sekuriti Hibrid dan pinjaman yang dijual kepada Cagamas Berhad ("instrumen dilindung nilai"). Dengan penamatan lindung nilai bagi nilai saksama instrumen dilindung nilai, nilai saksama belum dilunaskan telah dilunaskan dalam penyata pendapatan pada tempoh baki kematangan instrumen dilindung nilai menggunakan kaedah kadar faedah berkesan (seperti yang dinyatakan dalam Nota 21 dan 24 (a)) .

Satu lagi anak syarikat milik penuhnya, AmBank Islam juga telah melaksanakan lindung nilai saksama untuk melindung nilai risiko kadar keuntungan sekuriti tidak disebut harga seperti yang dinyatakan di Nota 12.

(ii) Lindung nilai aliran tunai

Lindung nilai aliran tunai Kumpulan pada dasarnya terdiri daripada swap kadar faedah yang digunakan untuk melindungi daripada pendedahan kepada kebolehubahan dalam aliran tunai faedah pada masa hadapan ke atas aset yang menanggung kadar faedah berubah dan menanggung liabiliti. Strategi lindung nilai ini diguna pakai terhadap penghutang pinjaman perumahan dan deposit tetap perbendaharaan dan deposit perbendaharaan jangka pendek. Jumlah dan tempoh aliran tunai pada masa hadapan, mewakili kedua-dua aliran prinsipal dan faedah, diunjurkan bagi setiap portfolio berasaskan terma-terma kontraknya dan faktor-faktor lain yang berkaitan, termasuk anggaran pembayaran balik awal dan pengeluaran deposit. Baki prinsipal agregat dan aliran tunai faedah sepanjang masa membentuk asas bagi mengenal pasti keuntungan dan kerugian ke atas bahagian berkesan derivatif yang ditetapkan sebagai lindung nilai aliran tunai urus niaga yang diramalkan. Keuntungan dan kerugian pada awalnya diiktiraf secara langsung dalam ekuiti, dalam rizab lindung nilai aliran tunai, dan dipindahkan kepada penyata pendapatan apabila aliran tunai ramalan menjejaskan penyata pendapatan.

Semua aliran tunai pendasar yang dilindung nilai akan diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian dalam tempoh ia berlaku yang dijangkakan akan berlaku dalam tempoh 9 tahun akan datang (2015: 10 tahun).

Semua keuntungan dan kerugian berkaitan dengan bahagian tidak berkesan derivatif lindung nilai diiktiraf serta merta dalam penyata pendapatan. Ketakberkesanan diiktiraf dalam penyata pendapatan berhubung dengan lindung nilai aliran tunai dengan kerugian sebanyak RM9,415,000 (2015: kerugian sebanyak RM2,397,000) bagi Kumpulan.

8. ASET KEWANGAN DIPEGANG UNTUK URUSNIAGA

	Kumpulan		Syarikat	
	31 Mac 2016 RM'000	31 Mac 2015 RM'000	31 Mac 2016 RM'000	31 Mac 2015 RM'000
Pada Nilai Saksama				
Instrumen Pasaran Kewangan:				
Bil Perbendaharaan Malaysia	-	9,830	-	-
Sekuriti Kerajaan Malaysia	287,528	797,037	-	-
Terbitan Pelaburan Kerajaan	382,004	491,950	-	-
Bon Cagamas	113,352	109,111	-	-
Nota Kewangan Bank Negara	-	14,767	-	-
	782,884	1,422,695	-	-
Sekuriti Disebut Harga:				
Di Malaysia:				
Saham	67,560	71,323	-	-
Unit amanah	131,961	14,519	-	-
Waran	80	-	-	-
Sekuriti hutang swasta	38,962	39,394	-	-
Di luar Malaysia:				
Saham	102,101	95,933	-	-
	340,664	221,169	-	-
Sekuriti Tidak Disebut Harga:				
Di Malaysia:				
Sekuriti hutang swasta	3,760,660	2,863,838	-	-
Di luar Malaysia:				
Sekuriti hutang swasta	36,410	166,521	-	-
	3,797,070	3,030,359	-	-
	4,920,618	**4,674,223**	**-**	**-**

9. PELABURAN KEWANGAN SEDIA UNTUK DIJUAL

	Kumpulan		Syarikat	
	31 Mac 2016 RM'000	31 Mac 2015 RM'000	31 Mac 2016 RM'000	31 Mac 2015 RM'000
Pada Nilai Saksama				
Instrumen Pasaran Kewangan				
Bil Perbendaharaan Malaysia	-	39,691	-	-
Sekuriti Kerajaan Malaysia	384,777	350,238	-	-
Terbitan Pelaburan Kerajaan	1,048,494	576,623	-	-
Nota Kewangan Bank Negara	-	634,483	-	-
Instrumen deposit boleh niaga	2,049,644	600,078	-	-
Instrumen deposit boleh niaga Islam	1,984,615	3,045,886	-	-
Bil Perbendaharaan Islam	28,723	-	-	-
	5,496,253	5,246,999	-	-
Quoted Securities:				
Di Malaysia:				
Saham	50,776	51,271	-	-
Unit amanah	1,041,844	681,686	121,860	110,704
Di luar Malaysia:				
Saham	5,148	41,636	-	-
	1,097,768	774,593	121,860	110,704
Unquoted Securities:				
Di Malaysia:				
Unit amanah	33,725	33,343	-	-
Sekuriti hutang swasta	4,620,364	3,910,263	-	-
Di luar Malaysia:				
Unit amanah	-	314	-	-
Sekuriti hutang swasta	312,739	301,957	-	-
	4,966,828	4,245,877	-	-
Pada Kos				
Sekuriti Tidak Disebut Harga:				
Di Malaysia:				
Saham	119,489	119,643	-	-
Di luar Malaysia:				
Saham	182	163	-	-
	119,671	119,806	-	-
	11,680,520	**10,387,275**	**121,860**	**110,704**

Pada tahun kewangan sebelumnya, Kumpulan mengklasifikasikan semula sekuriti yang berjumlah RM69,781,000 daripada kategori sedia untuk dijual kepada kategori pinjaman dan belum terima kerana Kumpulan berhasrat untuk memegang sekuriti ini sehingga matang.

Keuntungan nilai saksama yang mungkin telah diiktiraf dalam pendapatan komprehensif yang lain bagi tahun kewangan semasa jika sekuriti tidak diklasifikasikan semula berjumlah RM4,607,000 (2015: RM4,334,000).

10. PELABURAN KEWANGAN DIPEGANG HINGGA MATANG

	Kumpulan		Syarikat	
	31 Mac 2016 RM'000	31 Mac 2015 RM'000	31 Mac 2016 RM'000	31 Mac 2015 RM'000
Pada Kos Terlunas				
Instrumen Pasaran Kewangan:				
Bil Perbendaharaan Asing	780,153	518,486	-	-
Sekuriti Tidak Disebut Harga:				
Di Malaysia:				
Sekuriti hutang swasta	3,390,349	3,352,220	-	-
	4,170,502	3,870,706	-	-
Tolak: Kerugian Rosotnilai Terkumpul	(3,008)	(6,198)	-	-
	4,167,494	**3,864,508**	**-**	**-**

Penyesuaian peruntukan bagi kerugian rosotnilai adalah seperti berikut:

	Kumpulan	
	31 Mac 2016 RM'000	31 Mac 2015 RM'000
Baki pada awal tahun kewangan	6,198	3,644
Caj/(Masuk kira semula) bagi tahun kewangan (Nota 37)	(3,190)	2,554
Baki pada akhir tahun kewangan	**3,008**	**6,198**

11. PINJAMAN, PENDAHULUAN DAN PEMBIAYAAN

	Kumpulan	
	31 Mac 2016 RM'000	31 Mac 2015 RM'000
Pada Kos Terlunas		
Pinjaman, Pendahuluan dan Pembiayaan:		
Pinjaman berjangka	23,516,466	26,101,737
Kredit pusingan	12,705,796	10,990,796
Pinjaman/pembiayaan perumahan	17,834,206	15,529,057
Pinjaman kakitangan	117,824	126,200
Sewa beli belum terima	22,289,047	24,096,098
Kad kredit belum terima	1,565,150	1,712,916
Overdraf	3,362,823	3,225,224
Tuntutan terhadap pelanggan di bawah penerimaan kredit	4,068,149	3,756,802
Resit Amanah	1,266,807	1,330,515
Bil belum terima	948,127	796,914
Lain-lain	217,878	156,783
Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan kasar	87,892,273	87,823,042
Peruntukan untuk rosotnilai pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan:		
Peruntukan kolektif	(1,061,750)	(1,413,424)
Peruntukan individu	(317,269)	(235,823)
	(1,379,019)	(1,649,247)
Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan bersih	**86,513,254**	**86,173,795**

11. PINJAMAN, PENDAHULUAN DAN PEMBIAYAAN (SAMB.)

(a) Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan kasar yang dianalisis mengikut jenis pelanggan adalah seperti berikut:

	Kumpulan	
	31 Mac 2016 RM'000	31 Mac 2015 RM'000
Institusi perbankan domestik	160,533	6,718
Institusi kewangan bukan bank domestik	2,136,480	2,162,647
Perusahaan perniagaan domestik:		
Perusahaan kecil dan sederhana	12,433,469	12,154,408
Lain-lain	25,353,208	26,389,665
Kerajaan dan badan-badan berkanun	937,533	458,194
Individu	45,384,258	45,016,784
Entiti domestik lain	152,388	196,804
Entiti-entiti dan individu asing	1,334,404	1,437,822
	87,892,273	**87,823,042**

(b) Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan kasar dianalisis mengikut taburan geografi adalah seperti berikut:

	Kumpulan	
	31 Mac 2016 RM'000	31 Mac 2015 RM'000
Di Malaysia	87,257,253	86,959,227
Di luar Malaysia	635,020	863,815
	87,892,273	**87,823,042**

(c) Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan kasar dianalisis mengikut sensitiviti kadar faedah/kadar pulangan adalah seperti berikut:

	Kumpulan	
	31 Mac 2016 RM'000	31 Mac 2015 RM'000
Kadar tetap:		
Pinjaman/pembiayaan perumahan	581,597	647,158
Sewa beli belum terima	20,842,691	22,101,194
Pinjaman/pembiayaan lain	9,312,703	9,370,037
	30,736,991	32,118,389
Kadar berubah:		
Kadar asas dan pinjaman/pembiayaan asas tokok	29,915,438	29,416,068
Kos tokok	24,467,953	24,676,178
Kadar berubah lain	2,771,891	1,612,407
	57,155,282	55,704,653
	87,892,273	**87,823,042**

(d) Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan dianalisis mengikut sektor adalah seperti berikut:

	Kumpulan	
	31 Mac 2016 RM'000	31 Mac 2015 RM'000
Pertanian	4,127,749	4,285,412
Perlombongan dan kuari	2,994,710	3,075,692
Perkilangan	9,002,061	8,553,568
Elektrik, gas dan air	496,654	1,237,957
Pembinaan	4,148,298	3,979,622
Perniagaan borong dan runcit dan hotel dan restoran	4,348,936	4,611,285
Pengangkutan, gudang dan komunikasi	1,791,661	2,334,695
Kewangan dan insurans	2,336,283	2,169,365
Harta tanah	8,761,700	8,667,880
Aktiviti perniagaan	1,285,646	1,215,866
Pendidikan dan kesihatan	2,102,987	1,707,568
Isi rumah merangkumi:	46,062,330	45,518,392
Pembelian hartanah kediaman	17,636,684	15,389,672
Pembelian kenderaan pengangkutan	21,231,382	22,713,649
Lain-lain	7,194,264	7,415,071
Lain-lain	433,258	465,740
	87,892,273	**87,823,042**

11. PINJAMAN, PENDAHULUAN DAN PEMBIAYAAN (SAMB.)

(e) Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan kasar yang dianalisis mengikut baki kematangan kontrak adalah seperti berikut:

	Kumpulan	
	31 Mac 2016 RM'000	31 Mac 2015 RM'000
Matang dalam tempoh setahun	24,074,634	20,990,183
Satu hingga tiga tahun	10,009,904	10,034,651
Tiga hingga lima tahun	13,085,051	12,803,857
Melebihi lima tahun	40,722,684	43,994,351
	87,892,273	**87,823,042**

(f) Pergerakan dalam pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan terjejas adalah seperti berikut:

	Kumpulan	
	31 Mac 2016 RM'000	31 Mac 2015 RM'000
Kasar		
Baki pada awal tahun kewangan	1,572,730	1,662,141
Terjejas di sepanjang tahun	1,417,669	1,989,676
Diklasifikasi semula sebagai tidak terjejas	(75,246)	(337,426)
Pelupusan subsidiari	-	(9,905)
Pemerolehan semula	(549,849)	(666,728)
Jumlah dihapus kira	(664,449)	(1,065,479)
Perbezaan tukaran asing	-	451
Baki pada akhir tahun kewangan	**1,700,855**	**1,572,730**
Peratus pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan terjejas kasar kepada pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan kasar	1.9%	1.8%
Perlindungan kerugian pinjaman	81.1%	104.9%

(g) Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan terjejas yang dianalisis mengikut tahunan geografi adalah seperti berikut:

	Kumpulan	
	31 Mac 2016 RM'000	31 Mac 2015 RM'000
Di Malaysia	1,599,569	1,572,730
Di luar Malaysia	101,286	-
	1,700,855	**1,572,730**

(h) Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan rosotnilai yang dianalisis mengikut sektor adalah seperti berikut:

	Kumpulan	
	31 Mac 2016 RM'000	31 Mac 2015 RM'000
Pertanian	2,422	9,142
Perlombongan dan kuari	88,437	7,041
Perkilangan	185,051	206,878
Elektrik, gas and air	16,498	21,361
Pembinaan	50,433	21,685
Perniagaan borong dan runcit dan hotel dan restoran	33,682	43,289
Pengangkutan, pergudangan dan komunikasi	25,270	24,277
Kewangan dan insurans	477	451
Harta tanah	571,936	398,608
Aktiviti perniagaan	10,751	15,921
Pendidikan dan kesihatan	7,043	12,603
Isi rumah yang merangkumi:	701,960	797,552
Pembelian hartanah kediaman	326,824	360,538
Pembelian kenderaan pengangkutan	268,258	366,612
Lain-lain	106,878	70,402
Lain-lain	6,895	13,922
	1,700,855	**1,572,730**

11. PINJAMAN, PENDAHULUAN DAN PEMBIAYAAN (SAMB.)

(i) Pergerakan dalam peruntukan pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan terjejas adalah seperti beikut:

	Kumpulan	
	31 Mac 2016 RM'000	**31 Mac 2015 RM'000**
Peruntukan kolektif		
Baki pada awal tahun kewangan	1,413,424	1,950,384
Peruntukan dibuat di sepanjang tahun kewangan, bersih	264,121	504,597
Diklasifikasi semula sebagai dipegang untuk jualan	-	(25)
Amaun dihapus kira dan lain-lain	(617,070)	(1,043,531)
Perbezaan pertukaran mata wang asing	1,275	1,999
Baki pada akhir tahun kewangan	**1,061,750**	**1,413,424**
Peruntukan kolektif dan rizab kawal selia sebagai % daripada pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan kasar tolak peruntukan individu	1.2%	1.6%
Peruntukan individu		
Baki pada awal tahun kewangan	235,823	167,552
Peruntukan dibuat pada sepanjang tahun kewangan, bersih	138,929	91,026
Pelupusan subsidiari	-	(9,905)
Amaun dihapus kira dan lain-lain	(57,483)	(12,850)
Baki pada akhir tahun kewangan	**317,269**	**235,823**

12. BELUM TERIMA: PELABURAN-PELABURAN TIDAK DISEBUT HARGA DALAM PASARAN AKTIF

	Kumpulan	
	31 Mac 2016 RM'000	**31 Mac 2015 RM'000**
Sekuriti hutang swasta tidak disebut harga, pada kos terlunas	553,830	543,830
Perubahan nilai saksama yang timbul daripada lindung nilai untuk nilai saksama	11,492	7,333
	565,322	**551,163**

Dalam tahun kewangan semasa, Kumpulan telah melaksanakan lindung nilai untuk nilai saksama ke atas risiko kadar keuntungan sekuriti tidak disebut harga sebanyak RM350.0 juta menggunakan swap kadar keuntungan. Keuntungan/(kerugian) yang timbul daripada lindung nilai nilai saksama adalah seperti berikut:

	Kumpulan	
	31 Mac 2016 RM'000	**31 Mac 2015 RM'000**
Keuntungan/(kerugian) untuk:		
Berkaitan dengan butiran lindung nilai	4,159	7,333
Berkaitan dengan instrumen lindung nilai	(4,186)	(7,100)
	(27)	**233**

13. DEPOSIT BERKANUN DENGAN BANK NEGARA MALAYSIA

Deposit berkanun tanpa faedah disimpan dengan Bank Negara Malaysia menurut Seksyen 26(2)(c) Akta Bank Pusat Malaysia 2009, amaunnya ditentukan sebagai set peratusan daripada jumlah liabiliti yang layak.

14. ASET/(LIABILITI) CUKAI TERTUNDA

Aset dan liabiliti cukai tertunda diofset apabila terdapat hak yang dikuatkuasa secara perundangan untuk mengimbangi aset cukai semasa terhadap liabiliti cukai semasa dan apabila cukai pendapatan tertunda berkaitan dengan pihak berkuasa fiskal yang sama. Amaun berikut ditunjukkan dalam penyata kedudukan kewangan selepas diofset:

	Kumpulan		Syarikat	
	31 Mac 2016 RM'000	31 Mac 2015 RM'000	31 Mac 2016 RM'000	31 Mac 2015 RM'000
Aset cukai tertunda	66,044	83,434	-	-
Liabiliti cukai tertunda	(83,050)	(116,557)	-	-
	(17,006)	**(33,123)**	**-**	**-**

Pergerakan akaun cukai tertunda adalah seperti berikut:

	Kumpulan		Syarikat	
	31 Mac 2016 RM'000	31 Mac 2015 RM'000	31 Mac 2016 RM'000	31 Mac 2015 RM'000
Aset cukai tertunda	195,693	202,127	-	-
Liabiliti cukai tertunda	(212,699)	(235,250)	-	-
	(17,006)	**(33,123)**	**-**	**-**

Komponen dan pergerakan aset cukai/(liabiliti) cukai tertunda sebelum diofset adalah seperti berikut:

Aset cukai tertunda

Kumpulan 31 Mac 2016	Baki pada awal tahun kewangan RM'000	Diiktiraf dalam penyata pendapatan RM'000	Diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain RM'000	Perbezaan pertukaran RM'000	Aset dipegang untuk jualan RM'000	Baki pada akhir tahun kewangan RM'000
Kerugian cukai tidak digunakan	2,498	(2,498)	-	-	-	-
Defisit sedia untuk dijual	744	-	(4,894)	-	-	(4,150)
Defisit lindung nilai aliran tunai	150	-	(1,056)	-	-	(906)
Peruntukan untuk komitmen dan luar jangka	26,884	(7,995)	-	-	-	18,889
Peruntukan rosotnilai harta-harta dirampas	3,004	66	-	-	-	3,070
Peruntukan untuk perbelanjaan	110,158	(4,261)	-	-	-	105,897
Rizab penyamaan keuntungan	403	(403)	-	-	-	-
Perbezaan sementara lain	58,286	14,974	-	-	(367)	72,893
	202,127	**(117)**	**(5,950)**	**-**	**(367)**	**195,693**

Kumpulan 31 Mac 2015	Baki pada awal tahun kewangan RM'000	Diiktiraf dalam penyata pendapatan RM'000	Diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain RM'000	Perbezaan pertukaran RM'000	Aset dipegang untuk jualan RM'000	Baki pada akhir tahun kewangan RM'000
Kerugian cukai tidak digunakan	39,044	(36,546)	-	-	-	2,498
Defisit sedia untuk dijual	15,043	-	(14,299)	-	-	744
Defisit lindung nilai aliran tunai	(1,011)	-	1,161	-	-	150
Peruntukan untuk komitmen dan luar jangka	37,271	(10,387)	-	-	-	26,884
Peruntukan rosotnilai harta-harta dirampas	1,687	1,317	-	-	-	3,004
Peruntukan untuk perbelanjaan	114,864	(4,706)	-	-	-	110,158
Rizab penyamaan keuntungan	393	10	-	-	-	403
Perbezaan sementara lain	10,844	47,922	-	(4)	(476)	58,286
	218,135	**(2,390)**	**(13,138)**	**(4)**	**(476)**	**202,127**

14. ASET/(LIABILITI) CUKAI TERTUNDA (SAMB.)

Liabiliti cukai tertunda

Kumpulan 31 Mac 2016	Baki pada awal tahun kewangan RM'000	Diiktiraf dalam penyata pendapatan RM'000	Diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain RM'000	Perbezaan pertukaran RM'000	Aset dipegang untuk jualan RM'000	Baki pada akhir tahun kewangan RM'000
Lebihan peruntukan modal atau susut nilai	35,144	18,399	-	-	-	53,543
Caj tertunda	33,733	(4,658)	-	-	-	29,075
Aset tidak ketara	78,445	(26,810)	-	-	-	51,635
Tebus kumulatif saham keutamaan boleh tukar	23,793	(1,485)	-	-	-	22,308
Perbezaan sementara lain	64,135	(8,151)	154	-	-	56,138
	235,250	**(22,705)**	**154**	**-**	**-**	**212,699**

Kumpulan 31 Mac 2015	Baki pada awal tahun kewangan RM'000	Diiktiraf dalam penyata pendapatan RM'000	Diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain RM'000	Perbezaan pertukaran RM'000	Aset dipegang untuk jualan RM'000	Baki pada akhir tahun kewangan RM'000
Lebihan peruntukan modal atau susut nilai	45,007	(9,863)	-	-	-	35,144
Caj tertunda	43,750	(10,017)	-	-	-	33,733
Aset tidak ketara	74,894	3,551	-	-	-	78,445
Tebus kumulatif saham keutamaan boleh tukar	21,447	2,346	-	-	-	23,793
Subsidiari yang sebelumnya digabungkan	-	5,005	-	-	(5,005)	-
Perbezaan sementara lain	22,786	40,302	224	1,656	(833)	64,135
	207,884	**31,324**	**224**	**1,656**	**(5,838)**	**235,250**

Pada 31 Mac 2016, Kumpulan mempunyai elaun modal tidak diserap kira-kira RM285,967,000 (2015: RM464,919,000) yang tersedia untuk diofsetkan dengan keuntungan boleh cukai masa depan perniagaan pemajakan dari subsidiarinya. Aset cukai tertunda tidak diiktiraf disebabkan ketidakpastian dalam masa diperolehi semula.

15. PELABURAN DALAM SUBSIDIARI-SUBSIDIARI DAN PELABURAN-PELABURAN LAIN

		Kumpulan	
		31 Mac 2016 RM'000	31 Mac 2015 RM'000
(a)	**Pelaburan dalam subsidiari-subsidiari**		
	Pada kos		
	Di Malaysia		
	Saham tidak disebut harga	**9,507,225**	**9,507,225**

1. Butir-butir subsidiri-subsidiari adalah seperti berikut:

		Kepentingan ekuiti efektif	
Subsidiari-subsidiari	**Aktiviti utama**	31 Mac 2016 %	31 Mac 2015 %
AmInvestment Group Berhad ("AIGB")	Pemegangan Pelaburan	**100.00**	100.00
AMFB Holdings Berhad ("AMFB")	Pemegangan Pelaburan	**100.00**	100.00
AMAB Holdings Sdn Bhd ("AMAB Holdings")	Pemegangan Pelaburan	**100.00**	100.00
AmBank (M) Berhad ("AmBank")	Commercial banking	**100.00**	100.00
AmInvestment Bank Berhad ("AmInvestment Bank")	Perbankan Pelaburan	**100.00**	100.00
AmBank Islamic Berhad ("AmBank Islamic") (dahulu dikenali sebagai AmIslamic Bank Berhad)	Perbankan Islam	**100.00**	100.00
MBF Cards (M'sia) Sdn Bhd ("MBF Cards")	Dormant	**100.00**	100.00
AmSecurities Holding Sdn Bhd ("AMSH")	Pemegangan Pelaburan	**100.00**	100.00
AmCard Services Berhad	Perkhidmatan berkaitan kad kredit dan agensi pembiayaan aset	**100.00**	100.00
AmGeneral Holdings Berhad	Pemegangan Pelaburan	**51.00**	51.00
AmGeneral Insurance Berhad	Insurans am	**51.00**	51.00
AMSEC Holdings Sdn Bhd###	Dormant	**100.00**	100.00
AmFunds Management Berhad ("AIS") (dahulu dikenali sebagai AmInvestment Services Berhad)	Pengurusan dana unit amanah, perkhidmatan pengurusan aset dan pengagihan dana borong	**100.00**	100.00
AmInvestment Management Sdn Bhd ("AIM")	Dormant	**100.00**	100.00
AmIslamic Funds Management Sdn Bhd ("AIFM")	Perkhidmatan pengurusan dana Islam dan pengagihan dana borong	**100.00**	100.00
AMMB Nominees (Tempatan) Sdn Bhd	Perkhidmatan Nomini	**100.00**	100.00
AMMB Nominees (Asing) Sdn Bhd	Perkhidmatan Nomini	**100.00**	100.00
AmProperty Trust Management Berhad ("AmPTMB")@	Dormant	**-**	100.00
AmPrivate Equity Sdn Bhd ("AmPrivate Equity")	Pemegangan Pelaburan	**80.00**	80.00
AmTrustee Berhad ("AmTrustee")^	Perkhidmatan pemegang amanah	**80.00**	80.00
AmEquities Sdn Bhd@	Dormant	**-**	100.00
AMSEC Nominees (Tempatan) Sdn Bhd	Perkhidmatan Nomini	**100.00**	100.00
AMSEC Nominees (Asing) Sdn Bhd	Perkhidmatan Nomini	**100.00**	100.00
AmFutures Sdn Bhd ("AmFutures")	Permbrokeran niaga hadapan	**100.00**	100.00
AmResearch Sdn Bhd ("AmResearch")	Dormant	**100.00**	100.00
AM Nominees (Tempatan) Sdn Bhd^	Perkhidmatan Nomini	**100.00**	100.00
AM Nominees (Asing) Sdn Bhd	Perkhidmatan Nomini	**100.00**	100.00
Malaysian Ventures Management Incorporated Sdn Bhd ("MVMI")	Pengurusan dana dan perkhidmatan perunding	**100.00**	100.00
Am ARA REIT Holdings Sdn Bhd ("Am ARA Holdings")	Pemegangan Pelaburan	**70.00**	70.00
Am ARA REIT Managers Sdn Bhd ("Am ARA REIT Managers")	Pengurusan pelaburan amanah dan hartanah	**70.00**	70.00
Everflow Credit & Leasing Corporation Sdn Bhd##	Dormant	**100.00**	100.00
MBf Information Services Sdn Bhd	Property investment	**100.00**	100.00
MBf Nominees (Tempatan) Sdn Bhd	Perkhidmatan Nomini	**100.00**	100.00
MBf Trustees Berhad	Perkhidmatan pemegang amanah	**60.00**	60.00

15. PELABURAN DALAM SUBSIDIARI-SUBSIDIARI DAN PELABURAN-PELABURAN LAIN (SAMB.)

(a) Pelaburan dalam subsidiari-subsidiari (Samb.)

1. Butir-butir subsidiri-subsidiari adalah seperti berikut: (Samb.)

Subsidiari-subsidiari	Aktiviti utama	Kepentingan ekuiti efektif 31 Mac 2016 %	Kepentingan ekuiti efektif 31 Mac 2015 %
AmProperty Holdings Sdn Bhd	Pelaburan hartanah	**100.00**	100.00
Teras Oak Pembangunan Sendirian Berhad	Dorman	**100.00**	100.00
Bougainvillaea Development Sdn Bhd	Pelaburan hartanah	**100.00**	100.00
Malco Properties Sdn Bhd	Dorman	**81.51**	81.51
Komuda Credit & Leasing Sdn Bhd##	Dorman	**100.00**	100.00
AmPremier Capital Berhad ("AmPremier")	Terbitan sekuriti subordinat	**100.00**	100.00
Economical Enterprises Sendirian Berhad###	Dorman	**100.00**	100.00
AmMortgage One Berhad ("AmMortgage")	Pensekuritian pinjaman gadai janji	**100.00**	100.00
AmCapital (B) Sdn Bhd^^*	Berhenti beroperasi	**100.00**	100.00
AmLabuan Holdings (L) Ltd	Pemegangan Pelaburan	**100.00**	100.00
AMBB Capital (L) Ltd	Terbitan sekuriti modal hibrid	**100.00**	100.00
AmAsia Water Management (GP) Limited^	Dorman	**100.00**	100.00
PT. AmCapital Indonesia ("AMCI")^&	Pembrokeran saham dan penaja jaminan	**-**	99.00
PT. AMCI Manajemen Investasi Indonesia^&	Pengurusan pelaburan	**-**	99.00
AmSecurities (HK) Limited^^	Dormant	**100.00**	100.00
AmTrade Services Limited^^	Dormant	**100.00**	100.00
AmFraser International Pte. Ltd.^^	Pemegangan Pelaburan	**100.00**	100.00
AmGlobal Investments Pte. Ltd.^^	Dormant	**100.00**	100.00
AmWater Investments Management Pte Ltd^@@	Dormant	**-**	100.00

Subsidiari-subsidiari di atas diperbadankan di Malaysia, kecuali yang berikut:

Subsidiari-subsidiari	Diperbadankan di
(i) AmSecurities (HK) Limited	Hong Kong
(ii) AmTrade Services Limited	Hong Kong
(iii) AmCapital (B) Sdn Bhd	Brunei
(iv) AmWater Investments Management Pte. Ltd.	Singapore
(v) AmFraser International Pte. Ltd. and AmGlobal Investments Pte. Ltd.	Singapore
(vi) AmAsia Water Management (GP) Limited	Cayman Islands

^ Subsidiari tidak diaudit oleh Ernst & Young, Malaysia.
^^ Subsidiari diaudit oleh firma yang berkaitan dengan Ernst & Young, Malaysia
Subsidiari memulakan Pembuban Ahli secara sukarela pada 31 Julai 2013.
Subsidiari memulakan Pembuban Ahli secara sukarela pada 6 Ogos 2013.

@ Subsidiari ditutup pada 24 Oktober 2015.
@@ Subsidiari ditutup pada 28 November 2015.
& Subsidiari dilupuskan pada 22 April 2015.
* Subsidiari ini telah berhenti beroperasi pada 1 Mei 2015.

2. Tiada sekatan ke atas pemindahan dana, contohnya membayar dividen atau membayar semula pinjaman dan pendahuluan oleh subsidiari. Keupayaan syarikat subsidiari membayar dividen atau membuat pendahuluan kepada Syarikat bergantung kepada keperluan modal pengawalseliaan, prestasi kewangan dan operasi.

15. PELABURAN DALAM SUBSIDIARI-SUBSIDIARI DAN PELABURAN-PELABURAN LAIN (SAMB.)

(a) Pelaburan dalam subsidiari-subsidiari (Samb.)

3. Urus niaga dalam tahun kewangan:

(i) Pelupusan PT. AmCapital Indonesia dan subsidiarinya ("AMCI")

Pada 30 September 2014, sebuah subsidiari milik penuh, AMSH, telah memeterai perjanjian jual beli dengan Yuanta Securities (Hong Kong) Company Limited ("Yuanta HK"), 100% milik subsidiari tidak langsung Yuanta Securities Co., Limited, sebuah syarikat broker saham berpangkalan di Taiwan, untuk melupuskan 99% pegangan saham Kumpulan dalam AMCI ("Pelupusan").

Pelupusan itu melibatkan penjualan 144,724 saham biasa Rp1,000,000 sesaham di dalam AMCI untuk pertimbangan tunai kira-kira Rp83.7 bilion atau kira-kira RM23.4 juta ("Harga Pelupusan") pada premium ke atas aset bersih yang dilaraskan AMCI. Harga Penjualan akan terus diselaraskan setelah selesai pelupusan mengikut terma-terma perjanjian jual beli.

Pelupusan itu tertakluk kepada kelulusan pihak berkuasa yang berkaitan di Indonesia dan Taiwan. Ia dijangka tidak memberi sebarang kesan ketara ke atas Keputusan Kewangan Kumpulan, kerana ianya penjualan operasi bukan teras.

	31 Mac 2016 RM'000	31 Mac 2015 RM'000	31 Mac 2016 RM'000	31 Mac 2015 RM'000	31 Mac 2016 RM'000	31 Mac 2015 RM'000	31 Mac 2016 RM'000	31 Mac 2015 RM'000	31 Mac 2016 RM'000	31 Mac 2015 RM'000
Kumpulan										
Pendapatan										
Faedah ke atas pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan	-	-	-	-	154	77	-	-	-	-
Komisen jaminan bank	-	-	9,771	7,450	-	-	-	-	-	-
Pendapatan Fi	-	-	-	-	10	8	-	-	-	-
	-	**-**	**9,771**	**7,450**	**164**	**85**	**-**	**-**	**-**	**-**
Perbelanjaan										
Faedah ke atas deposit	-	-	-	-	1,546	1,411	144	137	-	-
Faedah ke atas modal hutang dan pembiayaan berjangka	-	-	-	-	-	-	-	-	19,393	14,933
Sewa premis	-	-	3	41	-	-	432	348	-	-
Penyelenggaraan komputer	-	-	-	-	-	-	-	-	8,248	13,146
Perkhidmatan memperibadikan kad Europay, Mastercard dan Visa	-	-	-	-	-	-	12	-	-	-
	-	**-**	**3**	**41**	**1,546**	**1,411**	**588**	**485**	**27,641**	**28,079**
Syarikat										
Pendapatan										
Faedah ke atas deposit	1,240	4,655	-	-	-	-	-	-	-	-
Pendapatan pelaburan	2,991	3,609	-	-	-	-	-	-	-	-
Pendapatan dividen	659,877	1,381,267	-	-	-	-	-	-	-	-
	664,108	**1,389,531**	**-**	**-**	**-**	**-**	**-**	**-**	**-**	**-**

42. URUS NIAGA DAN BAKI SIGNIFIKAN DENGAN PIHAK BERKAITAN (SAMB.)

(b) Baki signifikan belum dijelas Kumpulan dan Syarikat dengan pihak berkaitannya adalah seperti berikut:

	Subsidiari-subsidiari		Syarikat-Syarikat Bersekutu		Kakitangan Pengurusan Utama		Syarikat yang mana Pengarah tertentu memiliki kepentingan kewangan		Syarikat yang mempunyai pengaruh signifikan ke atas Kumpulan	
	31 Mac 2016 RM'000	31 Mac 2015 RM'000	31 Mac 2016 RM'000	31 Mac 2015 RM'000	31 Mac 2016 RM'000	31 Mac 2015 RM'000	31 Mac 2016 RM'000	31 Mac 2015 RM'000	31 Mac 2016 RM'000	31 Mac 2015 RM'000
Kumpulan										
Aset:										
Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan	-	-	-	-	6,277	1,657	-	-	-	-
Liabiliti:										
Deposit dan simpanan	-	-	-	-	99,224	81,284	40,978	5,205	-	-
Pembiayaan berjangka	-	-	-	-	-	-	-	-	1,170,600	1,111,065
	-	**-**	**-**	**-**	**105,501**	**82,941**	**40,978**	**5,205**	**1,170,600**	**1,111,065**
Komitmen dan luar jangkaan										
Liabiliti luar jangkaan	-	-	-	-	-	-	-	-	587,087	525,879
Komitmen	-	-	2,000	2,000	-	-	1,000	1,000	315,000	609,092
	-	**-**	**2,000**	**2,000**	**-**	**-**	**1,000**	**1,000**	**902,087**	**1,134,971**
Syarikat										
Aset:										
Tunai dan dana jangka pendek	21,033	12,460	-	-	-	-	-	-	-	-
Deposit dan simpanan dengan bank dan institusi kewangan lain	5,354	25,131	-	-	-	-	-	-	-	-
Faedah belum terima	12	49	-	-	-	-	-	-	-	-
Jumlah terhutang daripada subsidiari	642	15,043	-	-	-	-	-	-	-	-
	27,041	**52,683**	**-**	**-**	**-**	**-**	**-**	**-**	**-**	**-**
Liabiliti:										
Deposit dan simpanan	-	-	-	-	-	-	-	-	-	128,107
Jumlah terhutang kepada subsidiari	8,954	112	-	-	-	-	-	-	-	-
Faedah perlu dibayar	-	-	-	-	-	-	-	-	-	36
Liabiliti-liabiliti lain	37,259	28,431	-	-	-	-	-	-	-	163
	46,213	**28,543**	**-**	**-**	**-**	**-**	**-**	**-**	**-**	**128,306**

(c) Tiada pemberian pinjaman kepada para Pengarah Syarikat. Pinjaman yang dibuat kepada kakitangan pengurusan utama lain Kumpulan adalah berdasarkan terma-terma dan syarat-syarat sama yang pada amnya tersedia kepada kakitangan lain dalam Kumpulan. Tiada peruntukan diiktiraf berhubung dengan pinjaman yang diberikan kepada kakitangan pengurusan utama (2015: Tiada).

(d) Pampasan kakitangan pengurusan utama

Ganjaran para Pengarah Syarikat dan kakitangan pengurusan utama yang lain dalam tahun kewangan adalah seperti berikut:

	Kumpulan		Syarikat	
	31 Mac 2016 RM'000	31 Mac 2015 RM'000	31 Mac 2016 RM'000	31 Mac 2015 RM'000
Pengarah:				
Fi	3,623	5,443	1,830	2,212
Gaji dan ganjaran-ganjaran lain	9,164	8,185	7,794	2,006
Manfaat kakitangan jangka pendek yang lain (termasuk anggaran nilai monetari manfaat bukan wang)	192	92	192	50
Jumlah manfaat kakitangan jangka pendek	**12,949**	**13,720**	**9,786**	**4,268**
Kakitangan pengurusan utama yang lain:				
Gaji dan ganjaran-ganjaran lain	37,199	33,712	18,425	-
Manfaat kakitangan jangka pendek yang lain (termasuk anggaran nilai monetari manfaat bukan wang)	1,654	915	653	-
Jumlah manfaat kakitangan jangka pendek wang	**38,853**	**34,627**	**19,078**	**-**

43. URUS NIAGA DAN PENDEDAHAN KREDIT DENGAN PIHAK BERKAITAN

	Kumpulan	
	31 Mac 2016	**31 Mac 2015**
Pendedahan kredit yang belum jelas dengan pihak berkaitan (RM'000)	**2,698,316**	3,298,414
Peratusan pendedahan kredit yang belum jelas kepada pihak berkaitan:		
sebagai perkadaran daripada jumlah pendedahan kredit (%)	**2.61**	3.22
yang terjejas atau berlaku kemungkiran (%)	**0.10**	0.42

Pendedahan Urus niaga dan Pendedahan Kredit Dengan Pihak Berkaitan di atas dibentangkan selaras dengan perenggan 9.1 Garis Panduan Bank Negara Malaysia mengenai Urus niaga dan Pendedahan Kredit Dengan Pihak Berkaitan yang disemak, yang diterbitkan pada 16 Julai 2014.

Berdasarkan garis panduan ini, pihak berkaitan merujuk kepada yang berikut:

(i) Pengarah AmBank, AmInvestment Bank dan AmBank Islamic ("Bank-bank") dan saudara-mara terdekat mereka;

(ii) Pemegang saham yang mengawal dan saudara-mara terdekat mereka;

(iii) Pemegang saham berpengaruh dan saudara-maranya yang terdekat;

(iv) Pegawai eksekutif, yang merupakan ahli pengurusan yang mempunyai kuasa dan tanggungjawab untuk merancang, mengarahkan dan/atau mengawal aktiviti Bank, dan saudara-mara terdekatnya;

(v) Pegawai-pegawai yang bertanggungjawab atau mempunyai kuasa untuk menilai dan/atau meluluskan urus niaga kredit atau menyemak status urus niaga kredit sedia ada, sama ada sebagai ahli jawatankuasa atau secara individu, dan saudara-mara terdekat mereka;

(vi) Firma, perkongsian, syarikat atau mana-mana entiti perundangan yang mengawal, atau dikawal oleh sesiapa yang disenaraikan dari (i) hingga (v) di atas, atau yang mana mereka mempunyai kepentingan sebagai pengarah, rakan kongsi, pegawai eksekutif, agen atau penjamin, dan subsidiari atau entiti yang dikawal oleh mereka;

(vii) Sesiapa, yang orang-orang yang disenaraikan dalam (i) hingga (v) di atas adalah penjamin kepadanya; dan

(viii) Subsidiari atau entiti dikawal oleh Bank-bank dan pihak berkaitan dengannya.

Urus niaga dan pendedahan kredit kepada pihak-pihak berkaitan sebagaimana didedahkan di atas termasuk perlanjutan kemudahan kredit dan/atau komitmen dan urus niaga luar jangkaan yang meningkatkan risiko kredit/risiko pihak rakan niaga, taja jaminan dan pengambilalihan ekuiti dan sekuriti hutang swasta yang diterbitkan oleh pihak yang berkaitan.

Urus niaga kredit dengan pihak berkaitan di atas semuanya dijalankan secara tulus dan atas terma-terma dan syarat-syarat yang tidak lebih menguntungkan daripada yang dimeterai dengan pihak rakan niaga lain dengan keadaan dan kebolehpercayaan kredit yang sama. Perhatian yang sewajarnya telah dilaksanakan bagi memastikan kebolehpercayaan kredit pihak berkaitan tidak kurang daripada kebiasaanya diperlukan oleh orang lain.

44. KEWAJIPAN FIDUSIARI

(a) Berkenaan dengan pengurusan portfolio pelaburan

Dana portfolio pelaburan diuruskan oleh Kumpulan bagi pihak pelanggan berjumlah RM42,597,110,000 (2015: RM46,246,500,000) pada 31 Mac 2016.

(b) Berkenaan dengan wang amanah

Wang dalam amanah berhubung dengan perniagaan pembrokeran saham Kumpulan yang termasuk dalam penyata kedudukan kewangan menurut Jawatankuasa Piawaian Laporan Kewangan Pelaksanaan Konsensus 18 "Wang yang diamanahkan kepada Organisasi yang Turut Serta oleh Bursa Malaysia Securities Berhad" ("FRSIC 18"):

	Kumpulan	
	31 Mac 2016 RM'000	31 Mac 2015 RM'000
Baki amanah pelanggan dan baki wakil peniaga	236,102	231,895
Baki amanah Remisier	23,274	23,713
	259,376	**255,608**

45. KOMITMEN MODAL

	Kumpulan	
	31 Mac 2016 RM'000	31 Mac 2015 RM'000
Dibenarkan dan dikontrakkan:		
Pembelian peralatan pejabat, peralatan dan penyelesaian teknologi maklumat	3,850	63,747
Pembelian penambahbaikan pegangan pajak	3,460	3,075
	7,310	**66,822**
Dibenarkan tetapi tidak dikontrakkan:		
Pembelian peralatan pejabat, peralatan dan penyelesaian teknologi maklumat	204,163	145,066
	211,473	**211,888**

46. KOMITMEN PAJAKAN KENDALIAN

Kumpulan mempunyai komitmen pajakan berhubung dengan premis dan peralatan disewa, kesemuanya diklasifikasikan sebagai pajakan operasi. Bayaran pajakan minimum pada masa hadapan di bawah pajakan operasi tidak boleh batal, ditolak subpajakan adalah seperti berikut:

	Kumpulan	
	31 Mac 2016 RM'000	31 Mac 2015 RM'000
Dalam masa satu tahun	65,195	75,343
Antara satu dan lima tahun	46,040	43,504
Melebihi lima tahun	11	17
	111,246	**118,864**

Sewa pajakan minimum tidak diselaraskan bagi perbelanjaan kendalian yang mana Kumpulan bertanggungjawab untuk membayarnya. Jumlah ini tidak signifikan berhubung dengan obligasi pajakan minimum. Dalam urusan perniagaan biasa, pajakan yang tamat tempoh akan diperbaharui atau digantikan dengan pajakan ke atas hartanah-hartanah lain, dengan itu adalah dijangkakan bahawa komitmen pajakan minimum tahunan pada masa hadapan tidak akan kurang daripada perbelanjaan sewa bagi tahun kewangan.

47. KOMITMEN DAN LUAR JANGKAAN

Dalam urusan biasa perniagaan, subsidiari perbankan Syarikat, melakukan pelbagai komitmen dan menanggung liabiliti luar jangka tertentu yang mempunyai kesan undang-undang kepada pelanggan-pelanggannya. Tiada kerugian material dijangkakan daripada transaksi ini selain daripada yang mana peruntukan telah dibuat dalam penyata kewangan. Komitmen dan luar jangkaan tidak dicagar terhadap aset Kumpulan.

Pada tarikh pelaporan, amaun prinsipal/nosional komitmen dan luar jangkaan adalah seperti berikut:

	Kumpulan	
	31 Mac 2016 RM'000	31 Mac 2015 RM'000
Komitmen		
Komitmen-komitmen lain, seperti kemudahan tunggu sedia dan had kredit formal, dengan tempoh kematangan asal sehingga satu tahun	14,691,791	15,126,229
Komitmen-komitmen lain, seperti kemudahan tunggu sedia dan had kredit formal, dengan tempoh kematangan melebihi satu tahun	4,703,052	4,970,928
Had kad kredit tidak diguna	2,846,456	3,955,894
Pembelian aset hadapan	866,986	824,066
	23,108,285	24,877,117
Liabiliti Luar Jangka		
Pengganti kredit langsung	2,267,415	996,116
Item luar jangka berkaitan transaksi	5,047,478	6,355,902
Kewajipan di bawah perjanjian taja jamin	73,348	250,000
Luar jangkaan jangka pendek berkaitan dagangan bubar sendiri	649,520	715,135
	8,037,761	8,317,153
Instrumen Kewangan Derivatif		
Kontrak berkaitan kadar faedah/keuntungan:	47,352,541	43,862,385
Satu tahun atau kurang	8,175,391	4,922,517
Melebihi satu tahun hingga lima tahun	30,103,999	31,036,563
Melebihi lima tahun	9,073,151	7,903,305
Kontrak berkaitan pertukaran mata wang asing:	45,631,935	38,377,491
Satu tahun atau kurang	42,525,684	33,926,800
Melebihi satu tahun hingga lima tahun	1,125,881	2,500,277
Melebihi lima tahun	1,980,370	1,950,414
Kontrak berkaitan kredit:	673,394	654,404
Satu tahun atau kurang	337,027	-
Melebihi satu tahun hingga lima tahun	336,367	327,515
Melebihi lima tahun	-	326,889
Kontrak berkaitan ekuiti dan komoditi:	233,194	676,506
Satu tahun atau kurang	159,622	606,676
Melebihi satu tahun hingga lima tahun	73,572	69,830
	93,891,064	83,570,786
	125,037,110	**116,765,056**

Pada tarikh pelaporan, komitmen dan luar jangkaan lain milik Kumpulan dan Syarikat adalah seperti berikut:

(a) Syarikat telah memberikan jaminan tidak bercagar berjumlah RM150,000,000 (2015: RM150,000,000) bagi pihak AmFutures Sdn Bhd untuk pembayaran dan pelepasan semua wang perlu bayar atas akaun dagangan yang ditadbir oleh pelanggan.

(b) Tuntutan undang-undang:

- Zurich insurance Malaysia Bhd ("Zurich") -V- AmTrustee Bhd ("AmTrustee") & Meridian Asset Management S/B ("Meridian") ("Tindakan Guaman Zurich")

- Meridian Asset Management S/B -V- AmTrustee Bhd ("Tindakan Guaman Meridian")
  (Masih dibicara di Mahkamah Persekutuan)

Jenis Tuntutan
Saman Zurich: Zurich mendakwa pecah amanah bagi kerugian yang dialami olehnya apabila Zurich melantik Meridian sebagai pengurus dana luar bagi sebilangan dana insurans. Meridian dilantik oleh AmTrustee sebagai pengurus dana untuk dana insurans itu.

Saman Meridian: Meridian membuat tuntutan bagi kerugian yang dialami olehnya yang terhasil daripada perkhidmatan pengurus dana yang disediakan oleh AmTrustee kepada Meridian. Kerugian tersebut adalah dana yang dilaburkan oleh Zurich dan Kumpulan Wang Persaraan (KWAP), dengan Meridian.

47. KOMITMEN DAN LUAR JANGKAAN (SAMB.)

(b) Tuntutan undang-undang: (Samb.)

Status

Mahkamah Tinggi
Tindakan Guaman Zurich: Mahkamah Tinggi menolak tuntutan Zurich terhadap AmTrustee. Meridian didapati bertanggungjawab sepenuhnya kepada Zurich.

Tindakan Guaman Meridian: Mahkamah Tinggi memutuskan AmTrustee bertanggungjawab untuk menyumbang kepada Meridian 40% daripada jumlah yang Meridian harus bayar kepada Zurich dan KWAP. Sehingga Meridian membayar Zurich dan KWAP, tidak ada liabiliti di AmTrustee untuk menyumbang (membayar balik).

Kedua-dua pihak kemudiannya mengemukakan rayuan kepada Mahkamah Rayuan.

Mahkamah Rayuan
Tindakan Guaman Zurich: keputusan Mahkamah Tinggi diubah. AmTrustee dan Meridian kini dianggap bertanggungjawab secara berasingan kepada Zurich. Ini bermakna kedua-dua AmTrustee dan Meridian bertanggungjawab sepenuhnya ke atas amaun tersebut dan Zurich boleh memilih siapa yang patut mengambil tindakan.

Tindakan Guaman Meridian: keputusan Mahkamah Tinggi dikekalkan.

Kedua-dua pihak memohon kebenaran untuk merayu kepada Mahkamah Persekutuan.

Mahkamah Persekutuan
Sebelum mendengar permohonan bagi kebenaran untuk merayu, pada 22 Septemper 2015, AmTrustee telah dimaklumkan bahawa Meridian telah dibubarkan pada 7 Ogos 2015. Oleh itu, AmTrustee telah mengarahkan peguamnya untuk memfailkan kebenaran untuk meneruskan tindakan terhadap Meridian. Kebenaran telah diberikan oleh Mahkamah Pembubaran pada 20 Januari 2016. Permohonan bagi kebenaran untuk merayu kepada Mahkamah Persekutuan ini telah ditetapkan untuk perbicaraan pada 17 Februari 2016. Sekiranya kebenaran diberikan pada 17 Februari 2016, perkara itu akan rayuan penuh akan dibicarakan pada tarikh yang akan ditetapkan oleh Mahkamah Persekutuan. Mahkamah Persekutuan memberi penangguhan dan menetapkan permohonan kebenaran untuk Pengurusan Kes pada 24 Mac 2016, bagi Jabatan Insolvensi untuk kembali dengan arahan mereka.

Pendapat Peguam Cara
Peguam cara berpendapat bahawa AmTrustee akan dapat memenuhi ambang yang dinyatakan di bawah seksyen 96 Akta Mahkamah Kehakiman ("CJA") dan diberikan kebenaran untuk merayu: Nilai ambang ini memerlukan kebenaran apabila terdapat kepentingan awam atau isu dalam rayuan itu belum pernah diputuskan oleh Mahkamah Persekutuan. Peguam cara AmTrustee berpandangan bahawa kerana persoalan undang-undang yang diajukan kepada Mahkamah Persekutuan dalam permohonan kebenaran untuk merayu belum pernah diputuskan oleh Mahkamah Persekutuan, AmTrustee mempunyai prospek yang baik untuk mendapatkan kebenaran untuk merayu.

Sekiranya kebenaran untuk merayu diberikan pada 17 Februari 2016 dan perkara tersebut diberikan perbicaraan rayuan, peguam cara AmTrustee berpendapat bahawa AmTrustee mempunyai peluang yang baik untuk membatalkan keputusan Mahkamah Rayuan pada pendengaran rayuan itu.

Oleh kerana pembubaran Meridian dan pelantikan Jabatan Insolvensi ke atas Meridian, Jabatan Insolvensi memohon penangguhan pendengaran permohonan kebenaran AmTrustee untuk membolehkan mereka mendapat arahan lanjut daripada pencarum dan pemiutang Meridian. Pada 24 Mac 2016, Jabatan Insolvensi memohon penangguhan lagi kerana mereka belum mendapat arahan. Pengurusan Kes tertangguh ini berlangsung pada 22 April 2016 dan Mahkamah kemudiannya menetapkan pendengaran permohonan kebenaran AmTrustee pada 29 Jun 2016.

(c) AmFutures Sdn Bhd ("AmFutures") dan AmInvestment Bank Berhad ("AmInvestment Bank") telah menerima sejumlah 19 tindakan guaman oleh 19 individu ("Pembuat Tuntutan") berhubung dengan dakwaan skim pelaburan yang dipanggil Futures Crude Palm Oil ("Skim Tuduhan") yang didakwa ditawarkan oleh orang yang tidak diketahui oleh AmFutures dan AmInvestment Bank kepada para pembuat tuntutan. Dalam tindakan guaman itu, para pembuat tuntutan menuntut kembali jumlah pelaburan prinsipal dan pulangan pelaburan mereka yang dilakukan dalam Skim Tuduhan yang didakwa.

Pihak-pihak dalam guaman bersetuju bahawa satu kes ujian akan didengarkan dahulu oleh Mahkamah dan keputusan dalam kes ujian tersebut akan mengikat semua kes guaman lain yang difailkan oleh pembuat tuntutan. Tarikh perbicaraan bagi kes ujian ditetapkan dari 27 April 2015 hingga 29 April 2015. Keputusan kes ujian telah dihantar pada 22 Jun 2015 di mana Mahkamah telah menolak tuntutan terhadap AmFutures dan AmInvestment Bank dengan kos yang akan ditanggung oleh para pembuat tuntutan. Salah seorang pembuat tuntutan berjaya memfailkan rayuan. Kesemua 18 pembuat tuntutan yang lain tidak merayu terhadap penolakan saman itu. Peguamcara bagi AmFutures dan AmInvestment Bank berpendapat bahawa AmFutures dan AmInvestment Bank mempunyai peluang yang baik untuk berjaya mencabar rayuan itu. Pendengaran rayuan ditetapkan untuk 22 Januari 2016.

Pada 18 Februari 2016, Mahkamah Tinggi telah mendengar dan menolak rayuan. AmFutures dan AmInvestment Bank telah dianugerahkan dengan jumlah kos sebanyak RM10,000. Tarikh akhir untuk memfailkan rayuan kepada Mahkamah Rayuan adalah 18 Mac 2016. Tiada rayuan difailkan.

(d) Dalam tahun kewangan sebelumnya, AmMetLife Insurance Berhad ("AmMetLife") ") telah menerima aduan daripada 9 pemegang polisi berkaitan dengan dakwaan penyalahjualan produk insurans tertentu milik AmMetLife. Sejak tahun kewangan terakhir berakhir sehingga 31 Mac 2016, AmMetLife menerima aduan daripada 50 pemegang polisi. Syarikat dan MetLife bekerja bersama-sama dalam proses penyiasatan aduan ini dan menilai kesan kewangan mengenainya.

Di bawah syarat penjualan oleh Syarikat kepada MetLife untuk saham AmMetLife, Kumpulan akan menanggung sepenuhnya kerugian daripada sebarang kerugian akibat daripada tersalah jualan produk insurans tertentu yang terjadi sebelum jualan saham.

48. ANALISIS KEMATANGAN ASET DAN LIABILITI

Jadual di bawah menunjukkan analisis aset dan liabiliti yang dianalisakan menurut tempoh masa ia dijangka akan diperolehi atau diselesaikan.

Kumpulan 31 Mac 2016	Sehingga 12 bulan RM'000	Melebihi 12 bulan RM'000	Jumlah RM'000
ASET			
Tunai dan dana jangka pendek	11,988,321	-	11,988,321
Deposit dan simpanan dengan bank dan institusi-institusi kewangan lain	1,333,630	-	1,333,630
Aset kewangan derivatif	1,233,058	650,943	1,884,001
Aset kewangan dipegang untuk urusniaga	4,920,618	-	4,920,618
Pelaburan kewangan sedia untuk dijual	4,698,526	6,981,994	11,680,520
Pelaburan kewangan dipegang hingga matang	780,154	3,387,340	4,167,494
Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan	27,649,021	58,864,233	86,513,254
Belum terima: Pelaburan-pelaburan tidak disebut harga dalam pasaran aktif	-	565,322	565,322
Deposit berkanun dengan Bank Negara Malaysia	-	2,590,145	2,590,145
Aset cukai tertunda	-	66,044	66,044
Pelaburan dalam syarikat-syarikat bersekutu dan usaha sama	-	674,463	674,463
Aset-aset lain	2,533,051	646,057	3,179,108
Aset-aset insurans dan takaful semula dan lain-lain penghutang insurans belum terima	318,713	194,842	513,555
Pelaburan hartanah	-	-	-
Hartanah dan peralatan	-	292,787	292,787
Aset tak ketara	-	3,369,998	3,369,998
Aset dipegang untuk jualan	24,740	-	24,740
JUMLAH ASET	**55,479,832**	**78,284,168**	**133,764,000**
LIABILITI			
Deposit dan simpanan daripada bank dan institusi-institusi kewangan lain	1,171,666	572,103	1,743,769
Kewajipan rekursa atas pinjaman dijual kepada Cagamas Berhad	657,271	3,278,504	3,935,775
Liabiliti kewangan derivatif	1,406,219	616,588	2,022,807
Deposit daripada pelanggan	86,076,938	4,281,638	90,358,576
Akaun pelaburan pelanggan	18,411	-	18,411
Pendanaan berjangka	1,849,720	6,757,894	8,607,614
Modal hutang	-	4,094,077	4,094,077
Saham keutamaan kumulatif boleh tebus boleh tukar	-	204,760	204,760
Liabiliti cukai tertunda	-	83,050	83,050
Liabiliti-liabiliti lain	3,706,929	103,014	3,809,943
Liabiliti kontrak insurans dan takaful dan lain-lain penghutang insurans belum dibayar	1,765,677	995,783	2,761,460
Liabiliti berkaitan langsung dengan aset dipegang untuk dijual	4,370	-	4,370
JUMLAH LIABILITI	**96,657,201**	**20,987,411**	**117,644,612**

48. ANALISIS KEMATANGAN ASET DAN LIABILITI (SAMB.)

Kumpulan 31 Mac 2015	Sehingga 12 bulan RM'000	Melebihi 12 bulan RM'000	Jumlah RM'000
ASET			
Tunai dan dana jangka pendek	10,758,600	-	10,758,600
Deposit dan simpanan dengan bank dan institusi-institusi kewangan lain	4,068,819	-	4,068,819
Aset kewangan derivatif	782,954	654,583	1,437,537
Aset kewangan dipegang untuk urusniaga	4,674,223	-	4,674,223
Pelaburan kewangan sedia untuk dijual	4,755,116	5,632,159	10,387,275
Pelaburan kewangan dipegang hingga matang	518,485	3,346,023	3,864,508
Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan	30,419,957	55,753,838	86,173,795
Belum terima: Pelaburan-pelaburan tidak disebut harga dalam pasaran aktif	-	551,163	551,163
Deposit berkanun dengan Bank Negara Malaysia	-	3,214,591	3,214,591
Aset cukai tertunda	-	83,434	83,434
Pelaburan dalam syarikat-syarikat bersekutu dan usaha sama	-	662,273	662,273
Aset-aset lain	2,686,510	980,535	3,667,045
Aset-aset insurans dan takaful semula dan lain-lain penghutang insurans belum terima	291,320	142,609	433,929
Pelaburan hartanah	-	7,713	7,713
Hartanah dan peralatan	-	266,562	266,562
Aset tak ketara	-	3,348,121	3,348,121
Aset dipegang untuk jualan	204,236	-	204,236
JUMLAH ASET	**59,160,220**	**74,643,604**	**133,803,824**
LIABILITI			
Deposit dan simpanan bank dan institusi-institusi kewangan lain	2,023,514	278,150	2,301,664
Kewajipan rekursa atas pinjaman dijual kepada Cagamas Berhad	832,355	1,937,230	2,769,585
Liabiliti kewangan derivatif	765,553	619,925	1,385,478
Deposit daripada pelanggan	87,997,884	4,132,165	92,130,049
Pendanaan berjangka	245,905	8,056,449	8,302,354
Modal hutang	764,281	3,816,292	4,580,573
Saham keutamaan kumulatif boleh tebus	-	198,821	198,821
Liabiliti cukai tertunda	-	116,557	116,557
Liabiliti-liabiliti lain	3,777,301	140,374	3,917,675
Liabiliti kontrak insurans dan takaful dan lain-lain penghutang insurans belum dibayar	2,410,570	134,079	2,544,649
Liabiliti berkaitan langsung dengan aset dipegang untuk dijual	48,995	-	48,995
JUMLAH LIABILITI	**98,866,358**	**19,430,042**	**118,296,400**

Syarikat 31 Mac 2016	Sehingga 12 bulan RM'000	Melebihi 12 bulan RM'000	Jumlah RM'000
Aset			
Tunai dan dana jangka pendek	21,033	-	21,033
Deposit dan simpanan dengan bank dan institusi-institusi kewangan lain	5,354	-	5,354
Pelaburan kewangan sedia untuk dijual	-	121,860	121,860
Pelaburan dalam subsidiari-subsidiari dan pelaburan lain	-	9,507,225	9,507,225
Aset-aset lain	3,681	35	3,716
Hartanah dan peralatan	-	377	377
Jumlah Aset	**30,068**	**9,629,497**	**9,659,565**
Liabiliti			
Pendanaan berjangka	206,000	1,000,000	1,206,000
Liabiliti-liabiliti lain	33,738	3,521	37,259
JUMLAH LIABILITI	**239,738**	**1,003,521**	**1,243,259**

48. ANALISIS KEMATANGAN ASET DAN LIABILITI (SAMB.)

Syarikat 31 Mac 2015	Sehingga 12 bulan RM'000	Melebihi 12 bulan RM'000	Jumlah RM'000
Aset			
Tunai dan dana jangka pendek	12,464	-	12,464
Deposit dan simpanan dengan bank dan institusi-institusi kewangan lain	25,131	-	25,131
Pelaburan kewangan sedia untuk dijual	-	110,704	110,704
Pelaburan dalam subsidiari-subsidiari dan pelaburan lain	-	9,507,225	9,507,225
Aset-aset lain	20,376	5	20,381
Hartanah dan peralatan	-	536	536
Jumlah Aset	**57,971**	**9,618,470**	**9,676,441**
Liabiliti			
Pendanaan berjangka	206,000	1,000,000	1,206,000
Liabiliti-liabiliti lain	32,794	8,079	40,873
JUMLAH LIABILITI	**238,794**	**1,008,079**	**1,246,873**

49. PENGURUSAN MODAL

Pengurusan modal dan risiko subsidiari perbankan AMMB Holdings Berhad ("AMMB") diuruskan secara kolektif pada peringkat Kumpulan. Pendekatan pengurusan modal Kumpulan dipacu oleh hasratnya untuk mengekalkan asas modal yang kukuh bagi menyokong pembangunan perniagaannya, untuk memenuhi keperluan modal kawal selia pada sepanjang masa dan untuk mengekalkan penarafan kredit yang baik.

Pelan strategik, perniagaan dan modal disediakan pada setiap tahun meliputi tempoh 3 tahun dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Pelan modal memastikan agar paras modal mencukupi dan gabungan optimum komponen modal yang berbeza dikekalkan oleh Kumpulan bagi menyokong strateginya.

Pelan modal mengambil kira yang berikut:

(a) Keperluan kawal selia; dan
(b) Keperluan modal untuk menyokong pertumbuhan perniagaan, objektif strategik, penampan untuk risiko kawal selia bahan dan keputusan ujian tekanan.

Kumpulan menggunakan model dalaman dan teknik kuantitatif lain dalam penilaian risiko dalaman dan modalnya. Model berkenaan membantu untuk menganggarkan potensi kerugian pada masa hadapan yang timbul daripada risiko kredit, risiko pasaran dan risiko lain, dan menggunakan formula kawal selia untuk mengetahui amaun modal yang diperlukan bagi menyokongnya. Selain itu, model berkenaan membolehkan Kumpulan untuk memperoleh kefahaman yang lebih mendalam mengenai profil risikonya, sebagai contoh, dengan mengenal pasti potensi penumpuan, menilai kesan tindakan pengurusan portfolio dan melaksananakan analisis "what if".

Ujian tekanan dan analisis senario digunakan bagi memastikan agar penilaian modal dalaman Kumpulan menimbangkan kesan-kesan senario ekstrem tetapi mungkin berlaku ke atas profil risiko dan kedudukan modalnya. Ujian dan analisis ini memberikan pandangan mengenai potensi kesan peristiwa-peristiwa tidak baik yang ketara ke atas Kumpulan dan bagaimana peristiwa-peristiwa ini boleh ditangani. Tahap modal sasaran Kumpulan ditetapkan dengan mengambil kira tahap keupayaan mengambil risiko dan profil risikonya di bawah senario ekonomi dijangka dan tertekan.

Penilaian tahap keupayaan mengambil risiko Kumpulan berkait rapat dengan strategi, perancangan perniagaan dan proses penilaian modal Kumpulan, dan digunakan untuk memaklumkan pandangan pengurusan kanan mengenai tahap modal diperlukan bagi menyokong aktiviti perniagaan Kumpulan.

Kumpulan menggunakan model modal untuk menilai permintaan modal bagi risiko-risiko material, dan menyokong penilaian kecukupan modal dalamannya. Setiap risiko ketara dinilai, faktor pengurangan dipertimbangkan, dan tahap modal yang sesuai ditentukan. Proses pemodelan modal adalah bahagian penting dalam disiplin pengurusan Kumpulan.

Modal yang perlu dipegang oleh Kumpulan ditentukan oleh penyata kedudukan kewangan, komitmen dan luar jangkaan, pendedahan risiko pihak rakan niaga dan pendedahan risiko yang lain selepas menggunakan cagaran dan faktor pengurangan lain, berdasarkan metadologi dan sistem penarafan risiko Kumpulan. Kami membincangkan keputusan ini dengan BNM secara berkala sebagai sebahagian daripada aktiviti biasa hubungan kawal selia kami. BNM mempunyai hak untuk mengenakan keperluan modal selanjutnya ke atas Institusi Kewangan Malaysia.

Kumpulan mengendalikan proses dan kawalan untuk mengawasi dan menguruskan kecukupan modal di seluruh organisasi. Bagi operasi kami dalam bidang kuasa lain, modal dikekalkan mengikut keperluan pengawal selia tempatan. Ia dipantau oleh Jawatankuasa Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan ("Jawatankuasa CEO Kumpulan"). Jawatankuasa CEO Kumpulan juga bertanggungjawab bagi menguruskan penyata kedudukan kewangan, modal dan kecairan Kumpulan.

Urus tadbir dan rangka kerja proses yang kukuh dimasukkan dalam metologi perancangan dan penilaian modal. Tanggungjawab keseluruhan bagi pengurusan berkesan risiko terletak pada Lembaga Pengarah. Jawatankuasa Pengurusan Risiko para Pengarah ("RMCD") secara khusus diberikan tugas menyemak semua isu pengurusan risiko termasuk pengawasan kedudukan modal Kumpulan dan sebarang tindakan yang memberi kesan kepada tahap modal. Jawatankuasa Audit dan Pemeriksaan ("AEC") menyemak bidang-bidang risiko khusus dan isu-isu yang dibincangkan dalam jawatankuasa pengurusan modal utama.

Jawatankuasa CEO Kumpulan mencadangkan pencetus dalaman dan julat sasaran bagi pengurusan modal dan memantau dari segi operasi pematuhan perkara berkenaan. Untuk tahun kewangan semasa berakhir 31 Mac 2016 ("TK2016"), julat ini adalah 8.1% hingga 10.1% bagi Nisbah Modal Ekuiti Biasa Tahap 1, 9.6% hingga 11.6% bagi Nisbah Modal Tahap 1, dan 14.0% hingga 16.0% bagi Nisbah Jumlah Modal.

Jabatan Pengurusan Modal dan Kunci kira-kira, bertanggungjawab ke atas penilaian berterusan terhadap permintaan modal dan mengemaskinikan pelan modal Kumpulan.

Dasar yang bersesuaian ditetapkan untuk mengawal pemindahan modal dalam Kumpulan. Ini memastikan bahawa modal diremit sebagaimana yang sesuai, tertakluk kepada pematuhan dengan keperluan peraturan dan sekatan berkanun dan kontrak.

49. PENGURUSAN MODAL (SAMB.)

(a) Nisbah kecukupan modal subsidiari-subsidiari perbankan yang dikawal selia dan gambaran pro forma Kumpulan adalah seperti berikut:

	31 Mac 2016			
	AmBank	AmBank Islamic	AmInvestment Bank	Kumpulan *
Sebelum menolak dividen dicadangkan:				
Nisbah Modal CET1	**11.082%**	**9.846%**	**33.574%**	**11.530%**
Nisbah Modal Tahap 1	**12.555%**	**9.846%**	**33.574%**	**12.568%**
Jumlah nisbah modal	**15.770%**	**15.320%**	**33.574%**	**16.405%**
Selepas menolak dividen dicadangkan:				
Nisbah Modal CET1	**10.640%**	**9.846%**	**31.204%**	**11.183%**
Nisbah modal Tahap 1	**12.114%**	**9.846%**	**31.204%**	**12.221%**
Jumlah nisbah modal	**15.328%**	**15.320%**	**31.204%**	**16.058%**

	31 Mac 2015			
	AmBank	AmBank Islamic	AmInvestment Bank	Kumpulan *
Sebelum menolak dividen dicadangkan:				
Nisbah Modal CET1	10.653%	9.200%	24.196%	10.975%
Nisbah Modal Tahap 1	12.446%	9.200%	24.196%	12.245%
Jumlah nisbah modal	16.020%	14.371%	24.196%	16.233%
Selepas menolak dividen dicadangkan:				
Nisbah Modal CET1	10.023%	9.200%	22.820%	10.508%
Nisbah modal Tahap 1	11.816%	9.200%	22.820%	11.778%
Jumlah nisbah modal	15.390%	14.371%	22.820%	15.766%

Nota-nota:

* Kumpulan telah mengguna pakai Pendekatan Seragam untuk Risiko Kredit dan Risiko Pasaran, dan Pendekatan Petunjuk Asas bagi Risiko Operasi. Berkuat kuasa 1 Januari 2013 hingga 31 Disember 2015, nisbah kecukupan modal dikira mebgikut garis panduan Rangka Kerja Kecukupan Modal (Komponen Modal) BNM yang dikeluarkan pada 28 November 2012, yang berdasarkan persetujuan modal Basel III. Keperluan minimum kawal selia kecukupan modal adalah seperti berikut:

	Tahun kalendar		
	2013	2014	2015 dan seterusnya**
CET1 Capital ratio	**3.5%**	**4.0%**	**4.5%**
Tier 1 Capital ratio	**4.5%**	**5.5%**	**6.0%**
Jumlah Capital ratio	**8.0%**	**8.0%**	**8.0%**

* Angka Kumpulan* yang dibentangkan dalam Laporan ini mewakili secara **agregat** kedudukan modal disatukan dan aset berwajaran risiko ("RWA") institusi perbankan yang dikawal selia. Kedudukan setiap entiti yang disatukan diterbitkan di www.ambankgroup.com.

** tidak termasuk modal pemuliharaan penampan sebanyak 2.5% daripada jumlah RWA dan penampan modal menentang kitaran yang terdiri antara 0% dan 2.5% daripada jumlah RWA dan keperluan penampan tambahan yang mungkin ditetapkan oleh BNM.

Mulai 1 Januari 2016, selaras dengan garis panduan BNM mengenai Rangka Kerja Kecukupan Modal (Komponen Modal) yang dikeluarkan pada 13 Oktober 2015, nisbah kecukupan modal minimum yang perlu ada dalam garis panduan bagi subsidiari perbankan kekal pada 4.5% untuk Modal CET1, 6.0% untuk modal Tahap 1 dan 8.0% untuk nisbah modal EX. Subsidiari perbankan Kumpulan juga dikehendaki mengekalkan penampan modal. Penampan modal hendaklah terdiri daripada jumlah yang berikut:

(a) Penampan Pemuliharaan Modal ("CCB") sebanyak 2.5%; dan
(b) Penampan Modal Menentang Kitaran ("CCyB") yang ditentukan purata wajaran mengikut kadar CCyB yang lazim digunakan dalam bidang kuasa di mana Bank mempunyai pendedahan kredit

Keperluan CCB di bawah pengaturan peralihan hendaklah dilakukan secara berperingkat bermula dari 1 Januari 2016 seperti berikut:

	CCB
Tahun kalendar 2016	**0.625%**
Tahun kalendar 2017	**1.25%**
Tahun kalendar 2018	**1.875%**
Tahun kalendar 2019 dan seterusnya	**2.5%**

Syarikat yang merupakan Syarikat Pemegang Kewangan ("FHC") dikehendaki mematuhi garis panduan BNM di atas yang dikeluarkan pada 13 Oktober 2015 pada nisbah kecukupan modal minimum di peringkat yang disatukan bagi FHC berkuat kuasa 1 Januari 2019.

49. PENGURUSAN MODAL (SAMB.)

(b) Komponen beragregat Modal Ekuiti Biasa Tahap 1, Modal Tambahan Tahap 1, Modal Tahap 2 dan Jumlah Modal Kumpulan adalah seperti berikut:

	31 Mac 2016			
	AmBank RM'000	AmBank Islamic RM'000	AmInvestment Bank RM'000	Kumpulan * RM'000
Modal CET1				
Saham biasa	820,364	462,922	200,000	1,483,286
Premium saham	942,844	724,185	-	1,667,029
Perolehan tertahan	5,080,500	982,055	99,023	6,421,500
Rizab/(defisit) sedia untuk dijual	11,951	(1,589)	-	10,162
Rizab terjemahan pertukaran mata wang asing	61,296	-	-	65,471
Rizab berkanun	980,969	483,345	200,000	1,664,314
Rizab kawal selia	-	-	2,800	2,800
Rizab penyamaan keuntungan	-	-	-	-
Rizab modal	-	-	-	2,815
Rizab penggabungan	-	-	-	111,805
Rizab lindung nilai aliran tunai	3,635	-	-	3,635
Kelayakan kepentingan minoriti	-	-	-	2
Tolak: Pelarasan pengawal selia terhadap modal CET1				
Ihsan	-	-	-	-
Aset tak ketara	(344,944)	(14)	(2,542)	(353,350)
Aset cukai tertunda	(115,179)	-	(4,899)	(121,133)
Rizab pengimbangan keuntungan	-	-	-	-
Rizab lindungan nilai aliran tunai	(3,635)	-	-	(3,635)
55% daripada keuntungan terkumpul instrumen kewangan AFS	(6,573)	-	-	(6,463)
Rizab kawal selia	-	-	(2,800)	(2,800)
Pelaburan dalam saham biasa entiti kewangan dan insurans/takaful tidak disatukan	(23,106)	-	(8,321)	-
Potongan lebihan Modal Tahap 2***	-	-	(1,477)	-
Modal CET1	**7,408,122**	**2,650,904**	**481,784**	**10,945,438**
Modal Tambahan Tahap 1				
Tambahan instrumen modal Tahap 1 (tertakluk kepada amalan "phase-out" secara beransur-ansur)	985,000	-	-	985,000
Modal Tahap 1	**8,393,122**	**2,650,904**	**481,784**	**11,930,438**
Modal Tahap 2				
Instrumen Modal Tahap 2 memenuhi semua kriteria untuk dimasukkan	400,000	600,000	-	1,000,000
Instrumen Modal Tahap 2 (tertakluk kepada amalan "phase-out" secara beransur-ansur)	1,180,680	600,000	-	1,780,680
Kelayakan CET1, instrumen modal Tahap 1 dan Tahap 2 tambahan yang dipegang oleh pihak ketiga	-	-	-	1
Peruntukan kolektif dan rizab kawal selia	583,675	273,963	4,071	861,733
Tolak: Pelarasan kawal selia yang diguna pakai ke atas modal Tahap 2	(15,404)	-	(4,071)	-
Modal Tahap 2	**2,148,951**	**1,473,963**	**-**	**3,642,414**
Jumlah Modal	**10,542,073**	**4,124,867**	**481,784**	**15,572,852**
RWA Kredit	60,022,744	26,112,657	1,096,673	86,456,861
Tolak: RWA Kredit yang diserap oleh Akaun Pelaburan Perkongsian Keuntungan Terhad	-	(1,003,979)	-	(1,003,979)
Jumlah RWA Kredit	60,022,744	25,108,678	1,096,673	85,452,882
RWA Pasaran	2,231,172	296,231	35,738	2,573,750
RWA Operasi	4,595,005	1,519,148	302,599	6,902,371
Risiko pendedahan besar RWA untuk pemegang ekuiti	-	-	-	-
Jumlah Aset Berwajaran Risiko	**66,848,921**	**26,924,057**	**1,435,010**	**94,929,003**

*** Bahagian pelarasan pengawalseliaan tidak ditolak daripada Tahap 2 (kerana AmInvestment Bank tidak mempunyai Tahap 2 mencukupi untuk memenuhi pertolakan) ditolak daripada peringkat modal seterusnya yang lebih tinggi seperti dinyatakan dalam perenggan 31.1 garis panduan Bank Negara Malaysia terhadap Rangka Kerja Kecukupan Modal (Komponen Modal).

49. PENGURUSAN MODAL (SAMB.)

(b) Komponen beragregat Modal Ekuiti Biasa Tahap 1, Modal Tambahan Tahap 1, Modal Tahap 2 dan Jumlah Modal Kumpulan adalah seperti berikut: (Samb.)

	31 Mac 2015			
	AmBank RM'000	AmBank Islamic RM'000	AmInvestment Bank RM'000	Kumpulan * RM'000
Modal CET1				
Saham Biasa	820,364	462,922	200,000	1,483,286
Saham Premium	942,844	724,185	-	1,667,029
Perolehan tertahan	4,874,087	747,523	82,533	5,953,934
Rizab/(defisit) sedia untuk dijual	1,323	(6,592)	1,024	(4,309)
Rizab pertukaran mata wang asing	50,585	-	-	87,982
Rizab berkanun	980,969	483,345	200,000	1,664,314
Rizab kawal selia	-	-	2,800	2,800
Rizab penyamaan keuntungan	-	3,904	-	3,904
Rizab modal	-	-	-	2,815
Rizab penggabungan	-	-	-	111,805
Rizab lindung nilai aliran tunai	(481)	-	-	(481)
Tolak: Pelarasan pengawal selia terhadap modal CET1				
Ihsan	-	-	-	-
Aset tidak ketara	(327,689)	(20)	(1,710)	(337,689)
Aset cukai tertunda	(98,869)	-	(2,782)	(105,328)
Rizab penyeimbangan keuntungan	-	(3,904)	-	(3,904)
Rizab lindungan nilai aliran tunai	481	-	-	481
55% daripada keuntungan terkumpul instrumen kewangan AFS	(728)	-	(563)	(1,256)
Rizab kawal selia	-	-	(2,800)	(2,800)
Pelaburan dalam saham biasa entiti kewangan dan insurans/takaful tidak disatukan	(28,652)	-	(52,370)	(12,846)
Penolakan lebihan modal Tahap 2***	-	-	(74,446)	(13,922)
Modal CET1	**7,214,234**	**2,411,363**	**351,686**	**10,495,815**
Modal Tambahan Tahap 1				
Tambahan instrumen modal Tahap 1 (tertakluk kepada amalan "phase-out" secara beransur-ansur)	1,214,570	-	-	1,214,570
Modal Tahap 1	**8,428,804**	**2,411,363**	**351,686**	**11,710,385**
Modal Tahap 2				
Instrumen Modal Tahap 2 memenuhi semua kriteria untuk dimasukkan	400,000	350,000	-	750,000
Instrumen Modal Tahap 2 (tertakluk kepada amalan "phase-out" secara beransur-ansur)	1,310,000	700,000	-	2,010,000
Peruntukan kolektif dan rizab kawal selia	753,172	305,338	4,111	1,059,188
Tolak: Pelarasan kawal selia yang diguna pakai ke atas modal Tahap 2	(42,978)	-	(4,111)	(5,348)
Modal Tahap 2	**2,420,194**	**1,355,338**	**-**	**3,813,840**
Modal Jumlah	**10,848,998**	**3,766,701**	**351,686**	**15,524,225**
Kredit RWA	60,253,770	25,790,830	1,122,413	86,924,956
Tolak: RWA Kredit yang diserap oleh Akaun Pelaburan Perkongsian Keuntungan Terhad	-	(1,363,811)	-	(1,363,811)
Jumlah RWA Kredit	60,253,770	24,427,019	1,122,413	85,561,145
RWA Pasaran	2,774,466	230,629	16,101	3,122,643
RWA Operasi	4,694,931	1,553,441	314,533	6,946,680
Risiko pendedahan besar RWA untuk pemegang ekuiti	-	-	438	1,474
Jumlah Aset Berwajaran Risiko	**67,723,167**	**26,211,089**	**1,453,485**	**95,631,942**

50. PENGURUSAN RISIKO

50.1 Pengurusan Risiko Am

Rangka kerja Pengurusan Risiko mendapat petunjuk daripada Rangka Kerja Tahap Keupayaan Menanggung Risiko diluluskan Lembaga Pengarah yang menjadi pemangkin dalam menetapkan profil risiko/ganjaran.

Rangka Kerja Tahap Keupayaan Menanggung Risiko diluluskan setiap tahun oleh Lembaga dengan mengambil kira penarafan luar yang dikehendaki Kumpulan dan sasaran keuntungan/pulangan ekuiti ("ROE") dan disemak semula secara berkala sepanjang tahun kewangan oleh pihak pengurusan eksekutif dan Lembaga untuk mempertimbangkan mana-mana penambahbaikan/pindaan yang mengambil kira akaun semasa atau perubahan persekitaran operasi semasa atau yang dijangka.

Rangka Kerja Tahap Keupayaan Menanggung Risiko menyediakan parameter portfolio untuk Risiko Kredit, Risiko Dagangan Pasaran, Risiko Pasaran Bukan Dagangan, Risiko Operasi dan Pematuhan Kawal selia yang merangkumi, berkaitan antara satu sama lain, struktur had bagi negara, industri, kumpulan tunggal pihak rakan niaga, produk, nilai yang berisiko, kerugian akibat terhenti, nisbah pendanaan stabil, risiko kecairan dan risiko operasi serta pematuhan kawal selia.

Penyata Tahap Keupayaan Menanggung Risiko yang Diluluskan Lembaga Pengarah

Matlamat strategik Kumpulan adalah mengekalkan kelompok teratas ("ROE"), dan untuk mengekalkan penarafan kredit BBB+ atau lebih baik (daripada agensi-agensi penarafan antarabangsa) untuk satu hingga dua tahun akan datang. Ini disokong oleh kualiti aset yang mampan dan langkah berterusan untuk mempelbagaikan portfolio bagi perniagaan runcit dan bukan runcit, dengan sumbangan lebih besar daripada pendapatan bukan faedah, disokong pengurusan kecairan yang kukuh, pelaksanaan penuh disiplin risiko kadar faedah/risiko kadar pulangan dalam kunci kira-kira, dan sokongan tahap modal yang kukuh.

Kumpulan bercadang mengekalkan kuantiti dan kualiti modal mencukupi, melebihi keperluan Basel III untuk Modal Ekuiti Biasa Tahap 1, Modal Tahap 1, dan Jumlah Modal. Keperluan modal kami juga telah diuji dengan mantap sepanjang tempoh tiga tahun.

Kami menerima pakai pendekatan konservatif terhadap pengurusan kecairan, mengekalkan asas pendanaan yang stabil dan pelbagai konsisten dengan matriks kecairan Basel III (Nisbah Dana Stabil Bersih, dan Nisbah Liputan Kecairan). Sasaran Nisbah Deposit Pinjaman Tidak Diselaraskan kami iaitu sehingga maksimum 100% dengan peningkatan berterusan komposisi deposit akaun semasa dan simpanan ("CASA") dan bahagian pasaran.

Kumpulan mentadbir risiko operasi dengan menetapkan pernyataan dan pengukuran tahap keupayaan menanggung risiko operasi yang sanggup diambil Kumpulan bagi menyokong strategi dan objektif perniagaan. Kumpulan menguruskan risiko reputasi dengan tidak terbabit dalam sebarang aktiviti yang berpotensi menyebabkan peristiwa atau kerugian material di luar jangkaan pihak berkepentingan. Kumpulan juga menguruskan pematuhan kawal selia dengan menetapkan budaya pematuhan positif dan menentukan semangat dan ketetapan kawal selia, undang-undang, peraturan, dan piawaian terpakai dalam bidang kuasa terbabit dipatuhi.

Kumpulan menguruskan risiko Syariah dengan memastikan operasi, perniagaan, hal ehwal dan aktivitinya mematuhi ketetapan Majlis Penasihat Syariah ("SAC") Bank Negara Malaysia dan Jawatankuasa Syariah AmBank Islamic.

Kumpulan menguruskan aktiviti dagangan dan jualan dengan menguatkuasakan tadbir urus, budaya, dan kawalan bersesuaian bagi mempromosikan tabiat urus niaga yang diterima.

Tadbir Urus Pengurusan Risiko

Lembaga Pengarah pada dasarnya bertanggungjawab terhadap pengurusan risiko dalam Kumpulan. Jawatankuasa Pengurusan Risiko Lembaga Pengarah ditubuhkan untuk membantu Lembaga Pengarah dalam melaksanakan tugasnya memantau pengurusan risiko secara keseluruhan meliputi pengurusan risiko pasaran, pengurusan risiko mudah tunai, pengurusan risiko kredit, pengurusan risiko operasi dan pengurusan risiko pematuhan kawal selia.

Lembaga Pengarah juga telah menubuhkan Jawatankuasa CEO Kumpulan bagi membantu dalam menguruskan risiko dan perniagaan Kumpulan. Jawatankuasa ini menangani semua kelas risiko dalam lingkungan mandat Lembaga Pengarah: risiko kunci kira-kira, risiko kredit, risiko perundangan, risiko operasi, risiko pasaran, risiko Syariah, risiko pematuhan, risiko reputasi, risiko produk dan perniagaan, dan risiko IT.

50. PENGURUSAN RISIKO (SAMB.)

50.1 Pengurusan Risiko Am (Samb.)

Carta berikut menerangkan struktur organisasi Jawatankuasa CEO Kumpulan dan gambaran peranan dan tanggungjawab Jawatankuasa CEO Kumpulan.



50.2 Pengurusan risiko kredit

Proses pengurusan risiko kredit dinyatakan dalam jadual di bawah:

Pengenalpastian	• Mengenal pasti/mengiktiraf risiko kredit ke atas urus niaga dan/atau kedudukan • Memilih aset dan gabungan portfolio
Penilaian/ Pengukuran	• Sistem penarafan kredit dalaman • Kebarangkalian kemungkiran ("PD") • Kerugian akibat kemungkiran ("LGD") • Pendedahan pada kemungkiran ("EAD")
Kawalan/ Pengurangan	• Had Portfolio, Had Pihak Rakan Niaga • Pulangan Tanda Aras/Harga Borong • Cagaran & struktur kemudahan yang disesuaikan
Pemantauan/ Semakan	• Mengawasi dan melaporkan campuran portfolio • Menyemak pelanggan di bawah Senarai Perhatian • Menyemak pelanggan di bawah Akaun yang dijadualkan dan distruktur semula • Melaksanakan semakan pasca peristiwa

Risiko kredit adalah risiko kerugian disebabkan oleh ketidakupayaan atau ketidaksanggupan pihak rakan niaga dalam memenuhi obligasi bayarannya. Pendedahan kepada risiko kredit timbul daripada pemberian pinjaman/pembiayaan, sekuriti dan pendedahan derivatif. Pengenalpastian risiko kredit dilakukan dengan menilai potensi impak faktor-faktor dalaman dan luaran ke atas urus niaga dan/atau kedudukan Kumpulan serta risiko pematuhan Syariah.

Objektif utama pengurusan risiko kredit adalah untuk mengekalkan ketepatan pengiktirafan risiko – pengenalpastian dan pengukuran, untuk memastikan agar pendedahan risiko kredit adalah sejajar dengan Rangka Tahap Keupayaan Mengambil Risiko Kumpulan dan polisi kredit yang berkaitan.

Bagi kredit bukan runcit, pengiktirafan risiko bermula dengan penilaian kedudukan kewangan peminjam atau pihak rakan niaga menggunakan model penarafan kredit. Model tersebut terdiri daripada skor kuantitatif dan kualitatif yang kemudiannya diterjemahkan kepada gred penarafan. Gred penarafan kredit yang diberi membentuk bahagian penting analisis kredit yang dilaksanakan bagi setiap pendedahan kredit Kumpulan.

50. PENGURUSAN RISIKO (SAMB.)

50.2 Pengurusan risiko kredit (Samb.)

Bagi kredit runcit, sistem penskoran kredit bagi memudahkan pembezaan kualiti peminjam telah digunakan untuk melengkapi proses penilaian dan kelulusan kredit.

Untuk menyokong pengurusan risiko kredit, model penarafan kami untuk portfolio utama telah dipertingkatkan untuk memudahcarakan:
- Penambahbaikan dalam ketetapan penarafan risiko penanggung obligasi individu;
- Meningkatkan modal penetapan harga;
- Pengiraan peruntukan kerugian pinjaman;
- Ujian tekanan; dan
- Peningkatan pengurusan portfolio.

Aktiviti pemberian pinjaman/pembiayaan adalah berpandukan polisi-polisi kredit dalaman dan Rangka Kerja Tahap Keupayaan Mengambil Risiko yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Rangka Kerja Keupayaan Mengambil Risiko diperbaharui semula sekurang-kurangnya secara tahunan dan berhubung dengan risiko kredit, Rangka Kerja berkenaan menyediakan hala tuju untuk strategi dan objektif pengurusan portfolio dalam menghasilkan campuran portfolio optimum Kumpulan. Strategi pengurusan portfolio risiko kredit termasuk, antara lainnya:

- Ambang penumpuan/pencetus semakan:
  - Kredit rakan niaga tunggal;
  - Sektor industri; dan
  - negara;
- Menetapkan had Pinjaman/Pembiayaan kepada Nilai bagi pinjaman/pembiayaan yang disokong oleh aset (sebagai contoh pendedahan harta dan lain-lain cagaran);
- Proses Akaun terperingkat untuk mengenalpasti, memantau dan menguruskan pelanggan yang menunjukkan tanda-tanda kelemahan dan pelanggan berisiko tinggi;
- Pengurusan Akaun dijadualkan semula dan disusun semula ("R & R") menggariskan kawalan dalam pengurusan R & R pinjaman/pembiayaan menurut pindaan dasar BNM mengenai Klasifikasi dan Peruntukan Kemerosotan untuk Pinjaman/Pembiayaan yang dikeluarkan pada April 2015; dan
- Menetapkan Garis Panduan Harga Borong/Pulangan Tanda Aras yang menjadi panduan untuk pulangan minimum yang diperlukan oleh Kumpulan untuk risiko yang diambil, dengan mengambil kira perbelanjaan operasi dan kos modal.

Pendedahan risiko kredit individu yang melepasi had-had tertentu dilaporkan kepada Jawatankuasa Kredit dan Komitmen ("CACC") untuk kelulusan. Dalam keadaan yang mana pendedahan berkenaan melebihi had kuasa CACC, ia akan dilaporkan kepada Jawatankuasa Eksekutif Pengarah-pengarah (EXCO) untuk semakan dan sokongan atau kelulusan, yang mana berkenaan . Risiko kredit portfolio dilaporkan kepada jawatankuasa pengurusan dan jawatankuasa lembaga pengarah yang berkenaan.

Jawatankuasa CEO Kumpulan bermesyuarat secara tetap bagi menimbang kualiti dan kepelbagaian portfolio pinjaman dan pembiayaan Kumpulan, meluluskan polisi risiko kredit baru atau pindaan, dan menilai profil risiko portfolio terhadap Rangka Kerja Tahap Keupayaan Mengambil Risiko Kumpulan ("GRAF").

Pengurusan risiko kecairan Kumpulan diselaraskan dengan Nisbah Liputan Kecairan BNM ("LCR") yang dikeluarkan oleh BNM pad 31 Mac 2015. Objektif utama pengurusan risiko kecairan Kumpulan adalah untuk memastikan ketersediaan dana yang mencukupi pada kos yang munasabah bagi memenuhi semua komitmen kewangan apabila tiba masanya. Sebahagian daripada objektif ini diuruskan melalui penyelenggaraan portfolio kecairan aset berkualiti tinggi sebagai perlindungan terhadap keadaan pendanaan kurang baik dan menyokong operasi harian. Objektif sekunder adalah untuk memastikan struktur pendanaan optimum dan untuk mengimbangkan objektif pengurusan risiko kecairan utama, yang termasuk kepelbagaian sumber pembiayaan, asas pelanggan dan tempoh kematangan.

Lembaga Pengarah menyediakan pengawasan kepada pengurusan risiko kecairan manakala Jawatankuasa CEO Kumpulan adalah badan yang bertanggungjawab untuk meluluskan polisi dan strategi pengurusan kecairan Kumpulan, dan bertanggungjawab dalam menentukan had-had kecairan, mencadangkan polisi risiko kecairan dan pelan luar jangka pembiayaan, amalan yang mematuhi keperluan kawal selia tempatan, dan memantau kecairan secara berterusan. Jabatan Pengurusan Modal dan Kunci Kira-kira dan Pengurusan Risiko Kumpulan mencadangkan dan mengawasi perlaksanaan polisi-polisi dan kawalan lain yang berkaitan dengan risiko berkenaan.

Kumpulan telah melaksanakan Pelan Pembiayaan Luar Jangkaan untuk mengenal pasti amaran awal mengenai masalah kecairan. Pelan Pembiayaan Luar Jangkaan juga menetapkan tanggungjawab terperinci antara jabatan yang tertentu sekiranya berlaku krisis kecairan sebenar untuk menentukan pelaksanaan prosedur yang teratur bagi memulihkan kedudukan kecairan dan keyakinan terhadap organisasi.

Kumpulan telah mewujudkan pelbagai pengukuran kecairan yang menyediakan Kumpulan dengan visibiliti daripada ketidakstabilan deposit pelanggan kepada nisbah penumpuan deposit yang besar. Pengurusan Risiko Kumpulan bertanggungjawab untuk memantau kawalan dan had manakala Jabatan Pengurusan Lembaran Modal dan Kunci Kira-Kira bertanggungjawab untuk memastikan kawalan dan had berada dalam ambang.

Ujian tekanan dijalankan untuk menilai dan merancang kesan pelbagai senario yang mungkin mempunyai risiko terhadap kecairan Kumpulan. Kumpulan seterusnya menekankan kepentingan akaun deposit pelanggan sebagai sumber dana untuk membiayai pinjaman/pembiayaan kepada pelanggan. Ia dipantau menggunakan pinjaman/pembiayaan tidak dilaras kepada nisbah deposit, yang membandingkan pinjaman/pembiayaan dan pendahuluan kepada pelanggan sebagai peratusan daripada akaun deposit pelanggan.

Sebagai amalan pengurusan kecairan konservatif, sebahagian daripada aset jangka sederhana Kumpulan dibiayai oleh liabiliti jangka sederhana. Jangka sederhana ditakrifkan oleh Kumpulan sebagai baki tempoh kematangan melebihi satu tahun.

Sebagai persediaan pelaksanaan BNM Basel III Nisbah Pendanaan Stabil Bersih ("NSFR"), Kumpulan telah sedia memantau NSFR dan terus mengatur strategi untuk memastikan ketersediaan kecairan yang kos efektif.

50. PENGURUSAN RISIKO (SAMB.)

50.3 Pengurusan Risiko Kecairan dan Pendanaan (Samb.)

50.3.1 Analisis Aset dan Liabiliti menurut Baki Kematangan Berkontrak

Jadual di bawah adalah ringkasan profil kematangan aset dan liabiliti kewangan Kumpulan pada 31 Mac. Semua derivatif yang digunakan untuk tujuan lindungan nilai dibentangkan mengikut tempoh matang, berdasarkan obligasi pembayaran balik berkontrak tidak berdiskaun.

Pembayaran balik yang tertakluk kepada notis dianggap seolah-olah notis diberikan serta-merta. Walau bagaimanapun, Kumpulan menjangkakan ramai pelanggan tidak akan meminta pembayaran balik pada tarikh terawal yang Kumpulan boleh diminta untuk membayar dan jadual itu tidak mencerminkan jangkaan aliran tunai yang ditunjukkan dalam sejarah pengekalan deposit Kumpulan.

Jadual di bawah menunjukkan tempoh tamat kematangan berkontrak liabiliti dan komitmen luar jangka Kumpulan. Setiap komitmen pinjaman yang belum dikeluarkan adalah termasuk dalam lingkungan masa yang mengandungi tarikh terawal ia boleh dikeluarkan. Perlu dinyatakan bahawa ini bukanlah cara Kumpulan menguruskan risiko kecairan untuk pendedahan luar kunci kira-kira.

50.3.1a Analisis Aset dan Liabiliti menurut Baki Kematangan Berkontrak

Kumpulan 31 Mac 2016	Sehingga 1 bulan RM'000	>1 hingga 3 bulan RM'000	>3 hingga 6 bulan RM'000	>6 hingga 12 bulan RM'000	>1 hingga 5 tahun RM'000	Melebihi 5 tahun RM'000	Tiada kematangan dinyatakan RM'000	Jumlah RM'000
Aset								
Tunai dan dana jangka pendek	11,997,632	-	-	-	-	-	-	11,997,632
Deposit dan simpanan dengan bank dan institusi-institusi kewangan lain	-	1,344,901	-	-	-	-	-	1,344,901
Aset kewangan derivatif	218,146	319,572	606,340	342,942	377,469	126,135	-	1,990,604
Aset kewangan dipegang untuk urus niaga	746,099	353,063	208,097	459,760	2,398,906	1,219,150	301,701	5,686,776
Pelaburan kewangan sedia untuk dijual	2,007,806	2,110,936	232,871	348,180	2,860,030	5,123,569	1,201,647	13,885,039
Pelaburan kewangan dipegang hingga matang	390,200	395,033	43,447	48,820	1,481,414	3,685,578	-	6,044,492
Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan kasar	4,274,233	8,248,461	8,482,468	11,204,787	45,349,107	40,358,431	-	117,917,487
Belum terima: Pelaburan tidak disebut harga dalam pasaran aktif	291	1,945	12,697	20,299	246,277	521,810	-	803,319
Deposit berkanun dengan Bank Negara Malaysia	-	-	-	-	-	2,590,145	-	2,590,145
Aset cukai tertunda	-	-	-	-	-	-	66,044	66,044
Pelaburan dalam syarikat bersekutu dan usaha sama	-	-	-	-	-	-	674,463	674,463
Aset-aset lain	1,605,788	175,941	69,540	400,998	627,400	216	75,851	2,955,734
Insurans semula, aset takaful semula dan insurans belum terima yang lain*	79,208	78,777	78,414	88,662	189,431	18,852	-	533,344
Pelaburan hartanah	-	-	-	-	-	-	-	-
Hartanah dan peralatan	-	-	-	-	-	-	292,787	292,787
Aset tak ketara	-	-	-	-	-	-	3,369,998	3,369,998
Aset dipegang untuk jualan	-	-	-	24,740	-	-	-	24,740
Jumlah Aset Tidak Terdiskaun	**21,319,403**	**13,028,629**	**9,733,874**	**12,939,188**	**53,530,034**	**53,643,886**	**5,982,491**	**170,177,505**
Liabiliti								
Deposit dan simpanan daripada bank dan institusi-institusi kewangan lain	661,194	378,801	7,198	168,815	584,713	1,647	-	1,802,368
Obligasi rekursa ke atas pinjaman yang dijual kepada Cagamas Berhad	66,901	17,418	8,336	713,780	3,502,023	-	-	4,308,458
Liabiliti kewangan derivatif	253,524	369,389	654,510	367,210	391,472	104,704	-	2,140,809
Deposit daripada pelanggan	39,614,365	19,483,441	16,265,197	12,637,269	4,381,739	-	-	92,382,011
Akaun pelaburan	18,411	-	-	-	-	-	-	18,411
Pendanaan berjangka	339,233	329,846	174,350	1,302,798	7,153,489	156,000	-	9,455,716
Modal hutang	35,021	19,971	546,210	300,154	3,840,811	-	-	4,742,167
Saham keutamaan boleh tukar kumulatif boleh tebus	-	-	-	-	-	204,760	-	204,760
Liabiliti cukai tertunda	-	-	-	-	-	-	83,050	83,050
Liabiliti-liabiliti lain	2,301,863	324,980	55,152	104,753	84,511	4,087	89,665	2,965,011
Insurans, liabiliti kontrak takaful dan insurans perlu dibayar yang lain	295,430	433,840	478,175	596,053	938,837	95,297	-	2,837,632
Liabiliti yang berkaitan secara langsung dengan aset dipegang untuk jualan	-	-	-	4,370	-	-	-	4,370
Jumlah Liabiliti Tidak Terdiskaun	**43,585,942**	**21,357,686**	**18,189,128**	**16,195,202**	**20,877,595**	**566,495**	**172,715**	**120,944,763**
Liabiliti luar jangka	514,868	528,267	921,865	1,906,850	3,920,722	245,189	-	8,037,761
Komitmen	4,392,400	2,758,104	2,699,881	3,739,577	1,608,851	7,909,472	-	23,108,285
Jumlah komitmen dan jaminan	**4,907,268**	**3,286,371**	**3,621,746**	**5,646,427**	**5,529,573**	**8,154,661**	**-**	**31,146,046**

50. PENGURUSAN RISIKO (SAMB.)

50.3 Pengurusan Risiko Kecairan dan Pendanaan (Samb.)

50.3.1a Analisis Aset dan Liabiliti menurut Baki Kematangan Berkontrak (Samb.)

Kumpulan 31 Mac 2015	Sehingga 1 bulan RM'000	>1 hingga 3 bulan RM'000	>3 hingga 6 bulan RM'000	>6 hingga 12 bulan RM'000	>1 hingga 5 tahun RM'000	Melebihi 5 tahun RM'000	Tiada kematangan dinyatakan RM'000	Jumlah RM'000
Aset								
Tunai dan dana jangka pendek	10,771,957	-	-	-	-	-	-	10,771,957
Deposit dan simpanan dengan bank dan institusi-institusi kewangan lain	-	4,094,692	6,774	69,558	538	-	-	4,171,562
Aset kewangan derivatif	237,474	251,922	198,520	391,407	259,840	139,377	-	1,478,540
Aset kewangan dipegang untuk urus niaga	139,122	78,821	167,079	473,873	2,359,395	1,795,939	181,775	5,196,004
Pelaburan kewangan sedia untuk dijual	2,313,391	2,001,498	118,604	269,389	2,341,365	4,246,217	989,949	12,280,413
Pelaburan kewangan dipegang hingga matang	-	523,304	43,474	48,550	991,541	4,278,092	-	5,884,961
Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan kasar	5,296,120	7,745,886	7,743,822	11,306,500	46,095,878	33,933,827	-	112,122,033
Belum terima: Pelaburan tidak disebut harga dalam pasaran aktif	-	1,934	12,633	20,043	250,839	539,310	-	824,759
Deposit berkanun dengan Bank Negara Malaysia	-	-	-	-	-	3,214,591	-	3,214,591
Aset cukai tertunda	-	-	-	-	-	-	83,434	83,434
Pelaburan dalam syarikat bersekutu dan usaha sama	-	-	-	-	-	-	662,273	662,273
Aset-aset lain	2,203,601	144,414	62,095	180,629	812,353	-	141,742	3,544,834
Insurans semula, aset takaful semula dan insurans belum terima yang lain*	36,942	36,377	25,560	212,420	101,368	44,613	-	457,280
Pelaburan hartanah	-	-	-	-	-	-	7,713	7,713
Hartanah dan peralatan	-	-	-	-	-	-	266,562	266,562
Aset tak ketara	-	-	-	-	-	-	3,348,121	3,348,121
Aset dipegang untuk jualan	-	-	83,775	-	-	-	120,461	204,236
Jumlah Aset Tidak Terdiskaun	**20,998,607**	**14,878,848**	**8,462,336**	**12,972,369**	**53,213,117**	**48,191,966**	**5,802,030**	**164,519,273**
Liabiliti								
Deposit dan simpanan daripada bank dan institusi-institusi kewangan lain	1,455,405	379,379	182,120	105,248	283,421	633	-	2,406,206
Obligasi rekursa ke atas pinjaman yang dijual kepada Cagamas Berhad	545,167	312,908	7,890	47,860	2,038,505	-	-	2,952,330
Liabiliti kewangan derivatif	245,483	253,389	242,831	381,267	239,637	99,294	-	1,461,901
Deposit daripada pelanggan	44,220,774	17,747,415	15,081,454	12,807,243	4,223,321	-	-	94,080,207
Pendanaan berjangka	17,592	224,502	159,235	138,572	8,693,943	161,967	-	9,395,811
Modal hutang	6,959	13,257	91,294	880,248	4,425,219	-	-	5,416,977
Saham keutamaan boleh tukar kumulatif boleh tebus	-	-	-	-	-	198,820	-	198,820
Liabiliti cukai tertunda	-	-	-	-	-	-	116,557	116,557
Liabiliti-liabiliti lain	1,785,465	541,646	61,054	204,120	99,852	2,308	96,281	2,790,726
Insurans, liabiliti kontrak takaful dan insurans perlu dibayar yang lain	134,144	199,761	224,583	1,661,472	197,964	92,872	-	2,510,796
Liabiliti yang berkaitan secara langsung dengan aset dipegang untuk jualan	-	-	-	-	-	-	48,995	48,995
Jumlah Liabiliti Tidak Terdiskaun	**48,410,989**	**19,672,257**	**16,050,461**	**16,226,030**	**20,201,862**	**555,894**	**261,833**	**121,379,326**
Liabiliti luar jangka	698,089	633,272	792,002	1,845,928	3,961,502	386,361	-	8,317,154
Komitmen	5,705,535	2,483,217	3,449,056	4,336,298	2,619,280	6,283,732	-	24,877,118
Jumlah komitmen dan jaminan	**6,403,624**	**3,116,489**	**4,241,058**	**6,182,226**	**6,580,782**	**6,670,093**	**-**	**33,194,272**

50. PENGURUSAN RISIKO (SAMB.)

50.3 Pengurusan Risiko Kecairan dan Pendanaan (Samb.)

50.3.1a Analisis Aset dan Liabiliti menurut Baki Kematangan Berkontrak (Samb.)

Syarikat 31 Mac 2016	Sehingga 1 bulan RM'000	>1 hingga 3 bulan RM'000	>3 hingga 6 bulan RM'000	>6 hingga 12 bulan RM'000	>1 hingga 5 tahun RM'000	Melebihi 5 tahun RM'000	Tiada kematangan dinyatakan RM'000	Jumlah RM'000
Aset								
Tunai dan dana jangka pendek	21,033	-	-	-	-	-	-	21,033
Deposit dan simpanan dengan bank dan institusi-institusi kewangan lain	-	-	5,354	-	-	-	-	5,354
Pelaburan kewangan sedia untuk dijual	-	-	-	-	-	-	121,860	121,860
Pelaburan dalam subsidiari-subsidiari dan pelaburan lain	-	-	-	-	-	-	9,507,225	9,507,225
Aset-aset lain	2,838	12	-	831	35	-	-	3,716
Hartanah dan peralatan	-	-	-	-	-	-	377	377
Jumlah Aset Tidak Terdiskaun	**23,871**	**12**	**5,354**	**831**	**35**	**-**	**9,629,462**	**9,659,565**
Liabiliti								
Pendanaan berjangka	-	209,021	22,061	21,940	1,104,671	-	-	1,357,693
Liabiliti-liabiliti lain	12,988	4,375	10,770	5,605	3,521	-	-	37,259
Jumlah Liabiliti Tidak Terdiskaun	**12,988**	**213,396**	**32,831**	**27,545**	**1,108,192**	**-**	**-**	**1,394,952**

Syarikat 31 Mac 2015	Sehingga 1 bulan RM'000	>1 hingga 3 bulan RM'000	>3 hingga 6 bulan RM'000	>6 hingga 12 bulan RM'000	>1 hingga 5 tahun RM'000	Melebihi 5 tahun RM'000	Tiada kematangan dinyatakan RM'000	Jumlah RM'000
Aset								
Tunai dan dana jangka pendek	12,464	-	-	-	-	-	-	12,464
Deposit dan simpanan dengan bank dan institusi-institusi kewangan lain	-	25,131	-	-	-	-	-	25,131
Pelaburan kewangan sedia untuk dijual	-	-	-	-	-	-	110,704	110,704
Pelaburan dalam syarikat bersekutu dan usaha sama	-	-	-	-	-	-	9,507,225	9,507,225
Aset-aset lain	15,348	49	-	4,979	5	-	-	20,381
Hartanah dan peralatan	-	-	-	-	-	-	536	536
Jumlah Aset Tidak Terdiskaun	**27,812**	**25,180**	**-**	**4,979**	**5**	**-**	**9,618,465**	**9,676,441**
Liabiliti								
Pendanaan berjangka	-	209,054	22,060	21,939	1,104,550	-	-	1,357,603
Liabiliti-liabiliti lain	5,506	4,056	13,056	10,176	8,079	-	-	40,873
Jumlah Liabiliti Tidak Terdiskaun	**5,506**	**213,110**	**35,116**	**32,115**	**1,112,629**	**-**	**-**	**1,398,476**

50. PENGURUSAN RISIKO (SAMB.)

50.4 Pengurusan Risiko Pasaran

Risiko pasaran adalah risiko kerugian akibat perubahan kurang baik dalam tahap atau ketaktentuan kadar atau harga pasaran, seperti kadar faedah/keuntungan, tebaran kredit, harga ekuiti dan kadar pertukaran asing. Kumpulan membezakan antara dua jenis risiko pasaran: Risiko Pasaran Didagangkan ("TMR") dan Risiko Pasaran Tidak Didagangkan ("NTMR"). Penilaian, kawalan dan pemantauan risiko-risiko ini adalah tanggungjawab Risiko Perbankan Pelaburan dan Pasaran ("IBMR").

Risiko Pasaran Didagangkan ("TMR")
Proses pengurusan TMR digambarkan dalam jadual di bawah:

Pengenalpastian	• Mengenal pasti risiko pasaran produk baru dan sedia ada • Menilai maklumat berkaitan pasaran seperti trend pasaran dan data ekonomi
Penilaian/ Pengukuran	• Nilai Berisiko ("VaR") • Had Kerugian Tahunan ("ALL") • Modal Berisiko ("CaR") Sejarah Tekanan Kerugian ("HSL") • Kawalan Pengurusan Terperinci Lain
Kawalan/ Pengurangan	• Had VaR • Had HSL • Had Penumpuan • Had Greek (Tahunan/Bulanan/Harian) • Had Tumpuan • Had Greek (Delta/Gamma/Delta-Gamma/Vega/Theta) • Nilai Semasa Satu Mata Asas ("PV01") • Had Stealth • Had Saiz Kedudukan • Had Tempoh Maksimum • Tempoh Pegangan Maksimum • Tempoh Pegangan Minimum • Instrumen/Mata Wang/Negara yang dibenarkan • Had Pengurusan Terperinci Lain
Pemantauan/ Semakan	• Memantau had • Semakan dan pelaporan berkala

TMR timbul daripada urus niaga di mana Kumpulan bertindak sebagai prinsipal dengan pelanggan atau pasaran. Ia melibatkan pengambilan kedudukan dalam pendapatan tetap, ekuiti, tukaran asing, komoditi dan/atau derivatif. Objektif pengurusan TMR adalah untuk memahami, mengukur secara tepat dan bekerjasama dengan perniagaan untuk memastikan pendedahan diuruskan dalam struktur had dan tahap keupayaan mengambil risiko yang diluluskan oleh Lembaga dan Pengurusan Eksekutif. Ini dilakukan melalui pengukuran teguh risiko pasaran didagangkan, penetapan had, pemantauan had, dan kerjasama dan persetujuan dengan Unit-Unit Perniagaan.

VaR, ALL, HSL dan kawalan pengurusan terperinci yang lain digunakan untuk mengukur, memantau dan mengawal pendedahan TMR. VaR adalah ukuran kuantitif yang menggunakan sejarah keadaan pasaran terkini untuk menganggarkan potensi kerugian dalam nilai pasaran, pada tahap keyakinan tertentu dan di sepanjang tempoh pemegangan tertentu. Had kerugian bertujuan memberi amaran kepada pihak pengurusan terhadap keperluan mengambil tindakan relevan dan bersesuaian apabila ia dicetuskan.

Untuk melengkapi VaR, HSL digunakan sebagai ukuran potensi impak ke atas nilai portfolio disebabkan oleh pergerakan pasaran yang lebih ekstrem, meskipun munasabah. Selain itu, HSL digunakan untuk mengukur dan memastikan Kumpulan mampu menyerap pergerakan pasaran yang ekstrem dan tidak dijangkakan.

Selain daripada VaR, ALL dan HSL, kawalan sensitiviti tambahan (sebagai contoh Had Greek/PV01) dan petunjuk-petunjuk digunakan untuk memantau perubahan dalam nilai portfolio disebabkan oleh perubahan dalam faktor-faktor risiko dalam keadaan pasaran yang berbeza.

IBMR memantau dan melaporkan pendedahan risiko terhadap had setiap hari. Portfolio kedudukan risiko pasaran juga dilaporkan kepada Jawatankuasa CEO Kumpulan, RMCD dan Lembaga. Selanjutnya, polisi dan prosedur sudah tersedia bagi memastikan tindakan segera diambil jika berlaku ketakpatuhan kepada had. Unit Perniagaan yang terdedah kepada risiko pasaran didagangkan dikehendaki mengekalkan pendedahan risiko dalam lingkungan had risiko yang diluluskan. Unit-unit Perniagaan dikehendaki menyediakan pelan tindakan bagi menangani sebarang ketakpatuhan kepada had. Pelan tindakan mestilah diluluskan oleh Pengurusan Kanan.

50. PENGURUSAN RISIKO (SAMB.)

50.4 Pengurusan Risiko Pasaran (Samb.)

Risiko Pasaran Didagangkan ("TMR") (Samb.)

Kumpulan mengguna pakai Pendekatan Seragam bagi pengiraan caj modal risiko pasaran. Caj modal bertindak sebagai penimbal terhadap kerugian daripada pergerakan pasaran yang kurang baik.

Risiko Pasaran Kumpulan komited terhadap penambahbaikan berterusan ke atas sistem dan proses risiko pasaran, dan mengagihkan sumber yang banyak untuk usaha ini.

Risiko Pasaran Tidak Didagangkan

Risiko Kadar Faedah/Risiko Kadar Pulangan dalam Buku Perbankan

Proses pengurusan risiko kadar faedah/risiko kadar pulangan dalam Buku Perbankan ("IRR/RORBB") digambarkan dalam jadual di bawah:

Pengenalpastian	• Mengenalpasti IRR/RORBB di kalangan produk baru dan yang sedia ada • Menilai maklumat berkaitan pasaran seperti trend pasaran dan data ekonomi
Penilaian/ Pengukuran	• VaR • Perolehan Berisiko ("EaR") • PV01 • Kawalan Pengurusan Terperinci Lain
Kawalan/ Pengurangan	• Had VaR • Had EaR • Had PV01 • Had Pengurusan Terperinci Lain
Pemantauan/ Semakan	• Memantau had • Semakan dan pelaporan berkala

IRR/RORBB timbul daripada perubahan dalam kadar faedah/keuntungan pasaran yang memberi kesan kepada teras faedah/keuntungan bersih, aliran tunai masa hadapan atau nilai saksama instrumen kewangan. Risiko-risiko ini berpunca daripada ketidaksepadanan antara tarikh penetapan semula harga aset dan liabiliti, perubahan dalam keluk pendapatan, ketidaktentuan dalam margin faedah/keuntungan dan ketidaktentuan tersirat ke atas opsyen kadar faedah/keuntungan. Penyediaan produk dan perkhidmatan perbankan runcit dan borong (terutamanya aktiviti pemberian pinjaman/ pembiayaan dan pengambilan deposit) mewujudkan kedudukan yang sensitif terhadap kadar faedah/keuntungan dalam penyata kedudukan kewangan Kumpulan.

Objektif utama pengurusan risiko kunci kira-kira adalah untuk menguruskan sensitiviti pendapatan faedah/keuntungan di samping mengekalkan tahap boleh diterima IRR/RORBB dan risiko pendanaan serta untuk menguruskan nilai pasaran modal Kumpulan.

Pemantauan Lembaga ke atas IRR/RORBB disokong oleh Jawatankuasa CEO Kumpulan. Jawatankuasa CEO Kumpulan bertanggungjawab ke atas penyelarasan tahap keupayaan mengambil risiko dan keperluan pendanaan seluruh Kumpulan dengan mengambil kira strategi perniagaan seluruh Kumpulan. Jawatankuasa CEO Kumpulan secara konsisten memantau jurang kedudukan, pertumbuhan aset dan campuran liabiliti Kumpulan terhadap prospek keseluruhan kadar faedah/keuntungan. Ia juga mengkaji strategi-strategi bagi memastikan paras IRR/RORBB yang selesa dikekalkan. Kumpulan telah berjaya memperoleh pinjaman jangka panjang dan menggunakan swap kadar faedah/keuntungan bertulis untuk menguruskan IRR/ RORBB, dan akibatnya dapat mengekalkan profil jurang yang boleh diterima. Selaras dengan dasar Kumpulan, kedudukan dipantau setiap hari dan strategi lindungan nilai digunakan untuk memastikan pendedahan risiko dikekalkan dalam lingkungan had yang ditetapkan oleh Lembaga.

Kumpulan mengukur risiko kerugian yang timbul daripada kemungkinan pergerakan kurang baik dalam kadar faedah/keuntungan pasaran dan ketaktentuan dengan menggunakan VaR. VaR adalah pengukuran kuantitatif IRR/RORBB yang menggunakan sejarah terkini keadaan pasaran untuk menganggarkan potensi kerugian dalam nilai ekonomi, pada tahap keyakinan tertentu dan di sepanjang tempoh pemegangan tertentu.

Kumpulan melengkapi VaR melalui ujian tekanan pendedahan IRR/RORBB bagi menonjolkan potensi risiko yang mungkin timbul daripada peristiwa-peristiwa pasaran ekstrem yang jarang tetapi mungkin berlaku.

Andaian utama dalam analisis jurang dan sensitiviti berkaitan dengan tingkah laku kadar dan tebaran faedah/keuntungan, perubahan dalam pinjaman/pembiayaan dan baki produk deposit disebabkan oleh ciri-ciri tingkah laku dalam persekitaran kadar faedah/keuntungan yang berbeza. Andaian material termasuk ciri-ciri penetapan semula harga dan ketahanan deposit yang tidak dapat dipastikan atau tiada tempoh matang.

50. PENGURUSAN RISIKO (SAMB.)

50.4 Pengurusan Risiko Pasaran (Samb.)

Risiko Kadar Faedah/Risiko Kadar Pulangan dalam Buku Perbankan (Samb.)

Senario kadar mungkin termasuk peningkatan mendadak kadar feadah/keuntungan, anjakan beransur-ansur kadar faedah/keuntungan, dan pengurangan atau peningkatan tebaran. Kebiasaannya, setiap analisis menggabungkan apa yang dianggap pengurusan sebagai andaian paling sesuai mengenai tingkah laku pelanggan dalam sesuatu senario kadar faedah/keuntungan. Walau bagaimanapun, dalam keadaan tertentu, andaian sengaja diubah untuk menguji pendedahan Kumpulan terhadap peristiwa tertentu.

Strategi Kumpulan adalah mengoptimumkan pendedahan kepada IRR/RORBB dalam lingkungan had yang diluluskan oleh Lembaga. Ini dicapai melalui keupayaan untuk menyusun semula pendedahan kadar faedah/keuntungan dalam penyata kedudukan kewangan dengan menggunakan produk dan strategi pendanaan yang dinamik, disokong oleh aktiviti lindungan nilai kadar faedah/keuntungan patuh MFRS 139 dengan menggunakan swap kadar faedah/keuntungan dan derivatif-derivatif lain. Pendekatan ini ditadbir oleh dasar-dasar Kumpulan dalam bidang pengurusan produk dan kecairan serta penyata dasar buku perbankan dan polisi lindungan nilai.

Pendedahan IRR/ROBB dipantau oleh IBMR dan kedudukannya dilaporkan kepada Jawatankuasa CEO Kumpulan, RMCD dan Lembaga Pengarah.

Sensitiviti Risiko Pasaran

(i) Risiko Kadar Faedah/Risiko Kadar Pulangan

Risiko kadar faedah/risiko kadar pulangan ("IRR/ROR") ialah risiko di mana nilai instrumen kewangan akan turun naik disebabkan oleh perubahan dalam kadar faedah/keuntungan pasaran dan diuruskan melalui analisis jurang dan sensitiviti. Pergerakan kadar faedah/keuntungan juga memberi kesan kepada pendapatan dan perbelanjaan Kumpulan dari aset dan liabiliti serta dana modal. Kumpulan telah menerima pakai pendekatan lindungan nilai IRR/ROR untuk menghadapi ketaktentuan kadar faedah/keuntungan.

Jadual berikut menunjukkan sensitiviti keuntungan sebelum cukai dan ekuiti Kumpulan dan Bank terhadap kemungkinan perubahan munasabah kadar faedah/keuntungan dengan pemboleh ubah yang lain kekal tidak berubah.

	31 Mac 2016 IRR/ROR		31 Mac 2015 IRR/ROR	
	+100 bps RM'000	**-100 bps RM'000**	**+100 bps RM'000**	**-100 bps RM'000**
Risiko pasaran didagangkan				
Kumpulan				
Kesan ke atas keuntungan sebelum cukai	**(132,823)**	**146,317**	(129,721)	141,749
Kesan ke atas ekuiti	**-**	**-**	-	-
Syarikat				
Kesan ke atas keuntungan sebelum cukai	**-**	**-**	-	-
Kesan ke atas ekuiti	**-**	**-**	-	-
Risiko pasaran tidak didagangkan				
Kumpulan				
Kesan ke atas keuntungan sebelum cukai	**484,748**	**(484,763)**	471,679	(471,674)
Kesan ke atas ekuiti	**(294,855)**	**322,989**	(238,786)	261,712
Syarikat				
Kesan ke atas keuntungan sebelum cukai	**(1,717)**	**1,717**	(1,717)	1,717
Kesan ke atas ekuiti	**-**	**-**	-	-

50. PENGURUSAN RISIKO (SAMB.)

50.4 Pengurusan Risiko Pasaran (Samb.)

Sensitiviti Risiko Pasaran (Samb.)

(ii) Risiko Tukaran Asing

Risiko tukaran asing timbul daripada perubahan dalam kadar tukaran asing kepada pendedahan instrumen kewangan Kumpulan dalam matawang selain daripada matawang fungsi entiti yang berurus niaga. Had kedudukan dikenakan untuk menghalang Kumpulan daripada pendedahan yang berlebihan terhadap risiko tukaran asing.

Jadual berikut menunjukkan sensitiviti keuntungan sebelum cukai dan ekuiti Kumpulan dan Bank terhadap perubahan munasabah yang mungkin terjadi dalam kadar tukaran, dengan pemboleh ubah lain kekal tidak berubah.

	31 Mac 2016 Kadar Mata Wang		31 Mac 2015 Kadar Mata Wang	
	+10% RM'000	-10% RM'000	+10% RM'000	-10% RM'000
Kesan terhadap keuntungan sebelum cukai				
Kumpulan				
USD	**14,895**	**(14,895)**	2,905	(2,905)
SGD	**8,363**	**(8,363)**	10,316	(10,316)
EUR	**(2,227)**	**2,227**	362	(362)
JPY	**291**	**(291)**	(603)	603
GBP	**(1,537)**	**1,537**	176	(176)
Lain-lain	**1,731**	**(1,731)**	(39)	39
Syarikat				
Lain-lain	**-**	**-**	-	-
Kesan ke atas ekuiti				
Kumpulan				
USD	**49,919**	**(49,919)**	36,816	(36,816)
SGD	**-**	**-**	931	(931)
EUR	**17**	**(17)**	15	(15)
Syarikat				
Lain-lain	**-**	**-**	-	-

(iii) Risiko Harga Ekuiti

Risiko harga ekuiti timbul daripada pergerakan kurang baik dalam harga ekuiti. Risiko harga ekuiti dikawal melalui saiz kedudukan, had kerugian dan had VaR.

Jadual berikut menunjukkan sensitiviti keuntungan sebelum cukai dan ekuiti Kumpulan dan Syarikat terhadap perubahan munasabah yang mungkin terjadi dalam harga ekuiti, dengan pemboleh ubah lain kekal tidak berubah.

	31 Mac 2016 Harga Ekuiti		31 Mac 2015 Harga Ekuiti	
	+10% RM'000	-10% RM'000	+10% RM'000	-10% RM'000
Kumpulan				
Kesan ke atas keuntungan sebelum cukai	**29,810**	**(29,810)**	14,184	(19,516)
Kesan ke atas ekuiti	**14,187**	**(14,187)**	17,700	(17,700)
Syarikat				
Kesan ke atas keuntungan sebelum cukai	**-**	**-**	-	-
Kesan ke atas ekuiti	**-**	**-**	-	-

50. PENGURUSAN RISIKO (SAMB.)

50.5 PENGURUSAN RISIKO OPERASI

Proses pengurusan risiko operasi digambarkan dalam jadual di bawah:

Pengenalpastian	• Mengenal pasti dan menganalisis risiko dalam proses/aktiviti utama dalam bidang perniagaan (termasuk produk baru)
Penilaian/ Pengukuran	• Pengurusan insiden dan pengumpulan data • Risiko dan kawalan penilaian sendiri • Petunjuk risiko utama • Ujian kawalan utama • Pelan rawatan risiko
Kawalan/ Pengurangan	• Polisi untuk menangani keperluan kawalan & tadbir urus untuk mengurangkan risiko operasi khusus • Penasihat mengenai penubuhan kawalan dalaman • Perancangan luar jangkaan
Pemantauan/ Semakan	• Pemantauan dan pelaporan insiden kerugian mengikut jenis peristiwa, portfolio dan bidang perniagaan dan entiti, pelaporan pencetus risiko operasi bagi lembaga dan pengurusan, status profil risiko, pelanggaran penunjuk risiko utama dan pengecualian ujian kawalan utama. • Semakan berkala bagi profil risiko dalam bidang perniagaan.

Risiko operasi didefinisikan sebagai risiko kerugian akibat daripada ketidakcukupan atau kegagalan proses dalaman, manusia dan sistem atau daripada insiden luaran termasuk tetapi tidak terhad kepada risiko perundangan dan risiko pematuhan Syariah. Ia tidak termasuk risiko strategik, sistemik dan reputasi.

Tahap Keupayaan Mengambil Risiko Operasi ("ORA") adalah bahagian penting kepada keseluruhan Rangka Kerja Tahap Keupayaan Mengambil Risiko Kumpulan ("GRAF"), yang menetapkan tahap toleransi yang boleh diterima untuk risiko operasi. Pernyataan dan pengukuran ORA diklasifikasikan berdasarkan jenis peristiwa yang menyebabkan kerugian risiko operasi, yang telah dikumpulkan dalam lima (5) kategori seperti di bawah dan dipantau menerusi Pengurusan Insiden dan Pengumpulan Data, Petunjuk Risiko Utama dan Ujian Kawalan Utama.

- Penipuan (luar & dalaman);
- Amalan Pekerjaan dan Keselamatan Tempat kerja;
- Pelanggan, Produk dan Amalan Perniagaan;
- Gangguan Perniagaan, Kegagalan Sistem dan Kerosakan kepada Aset Fizikal; dan
- Perlaksanaan, Penghantaran dan Pengurusan Proses

Strategi untuk menguruskan risiko operasi dalam Kumpulan adalah berlandaskan tiga barisan konsep pertahanan yang berikut:

- Barisan pertama pertahanan bertanggungjawab terhadap pengurusan risiko operasi agar akauntabiliti dan pemilikan adalah sehampir mungkin dengan aktiviti yang mewujudkan risiko dan memastikan bahawa tindakan yang berkesan diambil untuk menguruskannya. Barisan Pertahanan Pertama dipertingkatkan dengan berfokuskan pelaksanaan aktiviti pengurusan risiko operasi dan menyokong pemantauan risiko operasi harian yang lebih berkesan.

- Dalam barisan kedua, Risiko Operasi Kumpulan bertanggungjawab untuk menjalankan tadbir urus ke atas risiko operasi melalui pengurusan rangka kerja risiko operasi, pembangunan dasar, jaminan kualiti kawalan dalaman, pengurusan risiko operasi dan peruntukan modal, strategi penipuan dan laporan isu-isu risiko operasi untuk Jawatankuasa CEO Kumpulan ("GCC"), Jawatankuasa Pengurusan Risiko Lembaga Pengarah ("RMCD") dan Lembaga Pengarah.

- Audit Dalaman Kumpulan barisan pertahanan ketiga dan terakhir dengan menyediakan semakan bebas mengenai keberkesanan kawalan dalaman melalui program audit berkala.

50. PENGURUSAN RISIKO (SAMB.)

50.5 PENGURUSAN RISIKO OPERASI (Samb.)

50.5.1 Pengurusan Kesinambungan Perniagaan

Proses Pengurusan Kesinambungan Perniagaan ("BCM") digambarkan dalam jadual di bawah:

Pengenalpastian	• Mengenalpasti peristiwa yang mengancam operasi perniagaan dan bidang kritikal
Penilaian/ Pengukuran	• Analisis Impak Perniagaan • Penilaian Ancaman
Kawalan/ Pengurangan	• Polisi yang mengawal pelaksanaan BCM • Metodologi BCM mengawal aliran proses • Melaksanakan Pelan Kesinambungan Perniagaan
Pemantauan/ Semakan	• Menguji pelan BCM • Menyemak pelan BCM • Penyelenggaraan pelan

BCM merupakan bahagian penting dalam Pengurusan Risiko Operasi. Ia menekankan kepentingan memiliki rangka kerja dan dasar BCM untuk mengenal pasti kejadian yang boleh menggugat operasi Kumpulan dan pembentukan fungsi pemulihan kritikal ketika menghadapi masa yang sukar. BCM membina keupayaan daya tahan pemulihan untuk melindungi kepentingan pihak berkepentingan Kumpulan dengan melindungi jenama dan reputasi kami.

Proses BCM melengkapi usaha pasukan pemulihan dan unit pakar untuk memastikan Kumpulan mempunyai keupayaan kritikal dan sumber yang diperlukan, seperti sistem pemulihan bencana, ruang kerja alternatif dan komunikasi yang berkesan semasa gangguan.

Kumpulan sentiasa menyemak tahap daya tahan operasi perniagaan untuk memperkukuhkan keupayaan BCM di seluruh jabatan-jabatan dan cawangan-cawangan yang kritikal diseluruh rantau ini. Latihan merupakan satu agenda berterusan yang dijalankan untuk meningkatkan kesedaran mengenai BCM dan menyemai budaya daya tahan perniagaan.

50.6 RISIKO PERUNDANGAN

Dalam semua bidang kuasa Kumpulan menjalankan perniagaannya, ia tertakluk kepada risiko perundangan yang timbul daripada kemungkinan pelanggaran undang-undang dan keperluan kawal selia yang berkenaan, kontrak yang tidak boleh dikuatkuasakan, tuntutan mahkamah atau keputusan penghakiman yang kurang baik, boleh membawa kepada kerugian, gangguan atau mencetuskan risiko kewangan dan reputasi.

Risiko perundangan dipantau oleh Jawatankuasa CEO Kumpulan, setelah mendapat nasihat daripada penasihat perundangan dalaman, dan jika perlu, melalui perundingan dengan penasihat perundangan luar untuk memastikan risiko tersebut diuruskan sebaiknya.

50.7 RISIKO PEMATUHAN PERATURAN

Kumpulan telah mewujudkan satu polisi pematuhan yang menggariskan peranan dan tanggungjawab Lembaga Pengarah, Pengurusan Kanan, Unit Perniagaan, Perkhidmatan Perkongsian Kumpulan, Pematuhan dan Audit Kumpulan Dalaman Kumpulan untuk mengawasi pengurusan risiko pematuhan dengan tujuan untuk menggalakkan keselamatan Kumpulan dengan meminimumkan risiko kewangan, reputasi dan operasi akibat dari ketidakpatuhan undang-undang dan peraturan.

Kumpulan telah mewujudkan proses untuk menguruskan fungsi pematuhan dalam mengenal pasti, menilai dan memantau aktiviti-aktiviti berikut:

- Pengurusan Pencegahan Pengubahan Wang Haram/Pencegahan Pembiayaan Keganasan ("AML"/"CFT") usaha berterusan melalui pengesanan, pemantauan dan pelaporan transaksi yang mencurigakan
- Pengurusan peraturan-peraturan baru, termasuk pemberitahuan, penglibatan dan pemantauan yang tepat pada masanya
- Menjalankan penilaian pematuhan secara berkala, termasuk di tapak, luar tapak, tematik dan pengesahan awal tapak
- Mengkaji produk dan perkhidmatan yang baru, dipinda dan yang sedia ada.

Latihan mengenai keperluan perundangan dan peraturan disediakan untuk kakitangan Kumpulan AMMB, terutamanya untuk mengawal dan membimbing pelaksanaan kawalan dalaman untuk mengurus risiko pematuhan.

50. PENGURUSAN RISIKO (CONT'D)

50.8 KAWALAN PENGURUSAN RISIKO SYARIAH

Struktur Tadbir Urus Syariah



50. PENGURUSAN RISIKO (SAMB.)

50.8 KAWALAN PENGURUSAN RISIKO SYARIAH (Samb.)

Kumpulan telah menubuhkan struktur tadbir urus Syariah yang mantap untuk operasi Perbankan Islam, selaras dengan keperluan "Rangka Kerja Tadbir Urus Syariah untuk Institusi Kewangan Islam" BNM. Ini adalah untuk memastikan aktiviti perniagaan dan operasi AmBank Islamic mematuhi prinsip Syariah dan keperluan yang ditetapkan oleh IFSA 2013.

Selain Penyelidikan dan Penasihat Syariah, Pengurusan Risiko Syariah dan fungsi Semakan Syariah yang terletak pada AmBank Islamic, struktur tadbir urus Syariah AmBank Islamic memanfaatkan platform Kumpulan iaitu Bahagian Audit Dalaman Kumpulan untuk fungsi Audit Syariah.

Jabatan Pasaran Islam ("IMD") AmInvestment Bank Berhad ("AIB") memanfaatkan Struktur Tadbir Urus Syariah AmBank Islamic, termasuk Jawatankuasa Syariah AmBank Islamic. IMD turut melibatkan khidmat penasihat Syariah bebas seperti yang diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia ("SC") apabila perlu.

Lembaga Pengarah
Lembaga Pengarah bertanggungjawab mengawasi keseluruhan rangka kerja Syariah dan pematuhan Syariah, termasuk pelantikan anggota Jawatankuasa Syariah. Lembaga melakukan pengawasan menerusi pelbagai jawatankuasa seperti AEC, RMCD dan Jawatankuasa Syariah.

Jawatankuasa Pemeriksaan Audit
AEC adalah jawatankuasa lembaga yang bertanggungjawab membantu Lembaga Pengarah bagi memastikan operasi Perbankan Islam Kumpulan adalah patuh Syariah menerusi fungsi Audit Syariah yang dimainkan oleh Jabatan Audit Dalaman Kumpulan.

Jawatankuasa Pengurusan Risiko Pengarah
RMCD adalah jawatankuasa Lembaga Pengarah yang bertanggungjawab membantu Lembaga Pengarah dalam memastikan pengurusan risiko dan prosess kawalan tersedia dan berfungsi, termasuk pengurusan risiko Syariah.

Jawatankuasa Syariah
Jawatankuasa Syariah bertanggungjawab ke atas perkara-perkara berkaitan Syariah. Ini termasuk menasihati Lembaga Pengarah dan Pengurusan berhubung perkara mengenai Syariah dan menyokong dan mengesahkan produk dan perkhidmatan, polisi-polisi Syariah dan dokumen berkaitan dengan operasi Perbankan Islam. Jawatankuasa Syariah juga menyediakan nasihat mengenai dana zakat, kebajikan dan program atau aktiviti-aktiviti sosial lain.

Jawatankuasa Pengawasan Syariah
Jawatankuasa Pengawasan Syariah, yang juga jawatankuasa kecil kepada Jawatankuasa Syariah, melaksanakan pengawasan ke atas fungsi-fungsi utama perbankan daripada perspektif Syariah. Jawatankuasa ini bertanggungjawab memberikan petunjuk dan nasihat mengenai perkara-perkara berkaitan kejadian ketidakpatuhan Syariah serta penentuan bagi pendapatan yang tidak patuh Syariah (jika ada).

Pengurusan
Pengurusan bertanggungjawab untuk merujuk kepada Jawatankuasa Syariah/Jawatankuasa Pengawasan Syariah mengenai isu-isu berkaitan dengan Syariah dan mengambil langkah-langkah yang diperlukan untuk perlaksanaan. Pengurusan juga bertanggungjawab dalam menyediakan infrastruktur, persekitaran dan sumber mencukupi bagi menyokong rangka kerja urus tadbir Syariah. Hal ini termasuk menyediakan sistem dan kawalan mencukupi bagi memastikan pematuhan Syariah dan mengurangkan risiko ketidakpatuhan Syariah.

Penyelidikan & Penasihat Syariah
Jabatan Penyelidikan & Khidmat Nasihat Syariah bertanggungjawab kepada Jawatankuasa Syariah dan bertanggungjawab untuk menyediakan khidmat nasihat Syariah harian, menjalankan penyelidikan Syariah, menggubal dasar Syariah dan bertindak sebagai Sekretariat kepada Jawatankuasa Syariah dan Jawatankuasa Pengawasan Syariah.

Pengurusan Risiko Syariah
Fungsi Pengurusan Risiko Syariah ("SRM") bertanggungjawab kepada RMCD. SRM berfungsi untuk mengenal pasti mengukur, memantau dan mengawal risiko ketidakpatuhan Syariah secara sistematik untuk mengurangkan sebarang aktiviti ketidakpatuhan.

Pengurusan Risiko Syariah dilaksanakan melalui tiga peringkat dalam menguruskan risiko Syariah. Ketiga-tiga peringkat pertahanan adalah: 1 - Unit Perniagaan dan Sokongan; 2 - Pengurusan Risiko Syariah, Semakan Syariah, Penyelidikan & Khidmat Nasihat, Pematuhan Syariah; 3 - Audit Syariah.

Semakan Syariah
Fungsi Semakan Syariah bertanggungjawab kepada Jawatankuasa Syariah. Objektif fungsi semakan Syariah adalah untuk menyediakan jaminan kendiri yang munasabah bagi AmBank Islamic dalam aktiviti dan operasi hariannya dan dengan itu menambah nilai dan menambah baik tahap kesedaran dan pematuhan Syariah.

Audit Syariah
Fungsi Audit Syariah bertanggungjawab kepada AEC. Satu pasukan khusus di dalam Jabatan Audit Dalaman Kumpulan bertanggungjawab untuk menjalankan penilaian bebas bagi menentukan tahap pematuhan Syariah operasi Perbankan Islam melalui fungsi Audit Syariah. Bidang yang diaudit termasuk dokumentasi struktur produk, kecukupan sistem, kawalan dalaman dan pengiraan, kecekapan kakitangan, dan kecukupan proses tadbir urus Syariah.

Pendapatan Tidak Patuh Syariah
Setakat 31 Mac 2016, terdapat lapan (8) kejadian ketidakpatuhan Syariah yang menyumbang kepada pendapatan tidak patuh syariah sebanyak RM9,741,000. Jumlah ini telah disucikan mengikut kaedah sebagaimana yang diluluskan oleh Jawatankuasa Syariah/Jawatankuasa Pengawasan Syariah.

Kesemua lapan (8) kejadian tidak patuh Syariah telah diperbetulkan sewajarnya dan AmBank Islamic telah mewujudkan dan terus meningkatkan kawalan untuk mengelakkan kejadian yang sama daripada berulang, seperti penambahbaikan kepada sistem, dokumentasi, dan proses alir serta manual, memberi petunjuk dan meningkatkan kesedaran pihak berkepentingan.

51. NILAI SAKSAMA INSTRUMEN KEWANGAN

Instrumen kewangan adalah kontrak yang meningkatkan kedua-dua aset kewangan sesuatu syarikat dan liabiliti kewangan atau instrumen ekuiti sebuah syarikat yang lain. Nilai saksama sesuatu instrumen kewangan ialah jumlah yang mana instrumen itu boleh ditukarkan atau diselesaikan di antara pihak-pihak yang berpengetahuan dan rela melalui satu urus niaga tulus, selain daripada penjualan paksa atau dicairkan. Maklumat yang dibentangkan di sini mewakili anggaran terbaik nilai saksama instrumen kewangan pada tarikh pelaporan.

Di mana tersedia, harga pasaran disebut dan boleh diperhatikan digunakan sebagai ukuran nilai saksama. Apabila harga pasaran disebut dan dapat diperhatikan sedemikian tiada, nilai saksama dianggarkan berdasarkan beberapa metodologi dan andaian mengenai ciri-ciri risiko pelbagai instrumen kewangan, kadar diskaun, anggaran aliran tunai pada masa hadapan dan faktor-faktor lain. Perubahan terhadap andaian-andaian ini boleh memberi kesan ketara ke atas anggaran-anggaran ini dan nilai saksama yang berkaitan.

Di samping itu, maklumat nilai saksama untuk aset dan liabiliti bukan kewangan seperti pelaburan dalam subsidiari dan pencukaian tidak dimasukkan, memandangkan ia tidak tergolong dalam skop MFRS 7 Instrumen Kewangan: Pendedahan dan Pembentangan, yang mengkehendaki maklumat nilai saksama didedahkan.

(a) Instrumen kewangan tidak diukur pada nilai saksama (tidak termasuk instrumen kewangan yang mana amaun dibawa merupakan anggaran munasabah bagi nilai saksama)

	Kumpulan		Syarikat	
31 Mac 2016	**Jumlah Dibawa RM'000**	**Nilai Saksama RM'000**	**Jumlah Dibawa RM'000**	**Nilai Saksama RM'000**
Aset Kewangan				
Pelaburan kewangan dipegang hingga matang	4,167,494	4,114,645	-	-
Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan[1]	20,938,966	21,369,722	-	-
Belum terima: Pelaburan-pelaburan tidak disebut harga dalam pasaran aktif	565,322	572,238	-	-
	25,671,782	**26,056,605**	**-**	**-**
Liabiliti Kewangan				
Obligasi rekursa ke atas pinjaman dijual kepada Cagamas Berhad	3,935,775	4,044,741	-	-
Pendanaan berjangka	8,607,614	8,655,247	1,206,000	1,200,495
Modal hutang	4,094,077	4,432,907	-	-
	16,637,466	**17,132,895**	**1,206,000**	**1,200,495**

	Kumpulan		Syarikat	
31 Mac 2015	**Jumlah Dibawa RM'000**	**Nilai Saksama RM'000**	**Jumlah Dibawa RM'000**	**Nilai Saksama RM'000**
Aset Kewangan				
Pelaburan kewangan dipegang hingga matang	3,864,508	3,207,643	-	-
Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan[1]	21,611,884	21,752,786	-	-
Belum terima: Pelaburan-pelaburan tidak disebut harga dalam pasaran aktif	551,163	554,007	-	-
	26,027,555	**25,514,436**	**-**	**-**
Liabiliti Kewangan				
Obligasi rekursa ke atas pinjaman dijual kepada Cagamas Berhad	2,769,585	2,840,329	-	-
Pendanaan berjangka	8,302,354	8,341,216	1,206,000	1,197,825
Modal hutang	4,580,573	4,940,045	-	-
	15,652,512	**16,121,590**	**1,206,000**	**1,197,825**

[1] tidak termasuk pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan sebanyak RM64,561.9 juta (2014: RM63,180.5 juta) yang mana jumlah dibawa adalah anggaran munasabah bagi nilai saksamanya.

51. NILAI SAKSAMA INSTRUMEN KEWANGAN (SAMB.)

(b) Instrumen kewangan diukur pada nilai saksama dan yang mana nilai saksama didedahkan

Kumpulan 31 Mac 2016	Tahap 1 RM'000	Tahap 2 RM'000	Tahap 3 RM'000	Jumlah RM'000
Aset Kewangan diukur pada nilai saksama				
Aset kewangan derivatif	33	1,883,968	-	1,884,001
Aset kewangan dipegang untuk urus niaga				
- Sekuriti pasaran wang	-	782,884	-	782,884
- Ekuiti	301,702	-	-	301,702
- Sekuriti hutang swasta disebut harga	38,962	-	-	38,962
- Sekuriti hutang swasta tidak disebut harga	-	3,797,070	-	3,797,070
Pelaburan kewangan sedia untuk dijual				
- Sekuriti pasaran wang	-	5,496,253	-	5,496,253
- Ekuiti	1,097,768	33,725	-	1,131,493
- Sekuriti hutang swasta tidak disebut harga	-	4,933,103	-	4,933,103
Aset kewangan yang mana nilai saksama didedahkan				
Pelaburan kewangan dipegang hingga matang	-	4,113,449	1,196	4,114,645
Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan	-	21,369,722	-	21,369,722
Belum terima: Pelaburan-pelaburan tidak disebut harga dalam pasaran aktif	-	491,072	81,166	572,238
	1,438,465	**42,901,246**	**82,362**	**44,422,073**
Liabiliti Kewangan diukur pada nilai saksama				
Liabiliti kewangan derivatif	1,992	2,020,815	-	2,022,807
Liabiliti kewangan yang mana nilai saksama didedahkan				
Obligasi rekursa ke atas pinjaman dijual kepada Cagamas Berhad	-	4,044,741	-	4,044,741
Pendanaan berjangka	-	8,655,247	-	8,655,247
Modal hutang	-	4,432,907	-	4,432,907
	1,992	**19,153,710**	**-**	**19,155,702**

Kumpulan 31 Mac 2015	Tahap 1 RM'000	Tahap 2 RM'000	Tahap 3 RM'000	Jumlah RM'000
Aset Kewangan diukur pada nilai saksama				
Aset kewangan derivatif	1	1,437,536	-	1,437,537
Aset kewangan dipegang untuk urus niaga				
- Sekuriti pasaran wang	-	1,422,695	-	1,422,695
- Ekuiti	181,775	-	-	181,775
- Sekuriti hutang swasta disebut harga	39,394	-	-	39,394
- Sekuriti hutang swasta tidak disebut harga	-	3,030,359	-	3,030,359
Pelaburan kewangan sedia untuk dijual				
- Sekuriti pasaran wang	-	5,246,999	-	5,246,999
- Ekuiti	774,593	33,657	-	808,250
- Sekuriti hutang swasta tidak disebut harga	-	4,212,220	-	4,212,220
Aset kewangan yang mana nilai saksama didedahkan				
Pelaburan kewangan dipegang hingga matang	-	3,205,760	1,883	3,207,643
Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan	-	21,752,786	-	21,752,786
Belum terima: Pelaburan-pelaburan tidak disebut harga dalam pasaran aktif	-	477,448	76,559	554,007
	995,763	**40,819,460**	**78,442**	**41,893,665**
Liabiliti Kewangan diukur pada nilai saksama				
Liabiliti kewangan derivatif	2,702	1,382,776	-	1,385,478
Liabiliti kewangan yang mana nilai saksama didedahkan				
Obligasi rekursa ke atas pinjaman dijual kepada Cagamas Berhad	-	2,840,329	-	2,840,329
Pendanaan berjangka	-	8,341,216	-	8,341,216
Modal hutang	-	4,940,045	-	4,940,045
	2,702	**17,504,366**	**-**	**17,507,068**

51. NILAI SAKSAMA INSTRUMEN KEWANGAN (SAMB.)

(b) Instrumen kewangan diukur pada nilai saksama dan yang mana nilai saksama didedahkan (Samb.)

Syarikat 31 Mac 2016	Tahap 1 RM'000	Tahap 2 RM'000	Tahap 3 RM'000	Jumlah RM'000
Aset Kewangan diukur pada nilai saksama				
Pelaburan kewangan sedia untuk dijual				
- Ekuiti	**121,860**	**-**	**-**	**121,860**
Liabiliti kewangan yang mana nilai saksama didedahkan				
Pendanaan berjangka	**-**	**1,200,495**	**-**	**1,200,495**

31 Mac 2015	Tahap 1 RM'000	Tahap 2 RM'000	Tahap 3 RM'000	Jumlah RM'000
Aset Kewangan diukur pada nilai saksama				
Pelaburan kewangan sedia untuk dijual				
- Ekuiti	110,704	-	-	110,704
Liabiliti kewangan yang mana nilai saksama didedahkan				
Pendanaan berjangka	-	1,197,825	-	1,197,825

Penentuan nilai saksama

Keterangan di bawah menerangkan metodologi dan andaian yang digunakan untuk menentukan nilai saksama bagi instrumen kewangan yang belum direkodkan pada nilai saksama dalam penyata kewangan.

(a) Aset kewangan, yang nilai saksamanya hampir menyamai nilai dibawa

Bagi aset kewangan dan liabiliti kewangan yang mempunyai tempoh matang jangka pendek (kurang daripada enam bulan), deposit permintaan dan akaun simpanan tanpa tempoh matang yang khusus, amaun dibawaa hampir menyamai nilai saksamanya. Bagi instrumen pelbagai kadar yang lain, pelarasan juga dibuat untuk menunjukkan perubahan dalam tebaran kredit yang diperlukan sejak instrumen tersebut mula diiktiraf.

(b) Instrumen kewangan berkadar tetap

